

# PAHANG

## *Meniti Zaman*

2001  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN PAHANG**

# PAHANG

## *Meniti Zaman*

Editor:

Zainuddin bin Haji Jumaat  
Haji Saedan bin Abdul Latiff  
Haji Alang Ahmad bin Haji Teh  
Mohd Anuar bin Ismail  
Haji Mohd Kenali bin Haji Abu Talib  
Mohd Adzmin bin Haji Mohd Saad

Diterbitkan Oleh:

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN PAHANG**

# PAHANG

## *Meniti Zaman*

Diterbitkan oleh:

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang  
No. Pen. 271/57 Sel. 15/5/57 ( 9853-13 )  
d/a. B - 72, Tingkat 1, Jalan Besar  
25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel: 09 - 5525484 Fax: 09 - 5554124

Cetakan Pertama: September 2001

Semua hak terpelihara

Hakcipta © 2001 Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang  
Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak boleh disiarkan  
atau diterbitkan semua dalam sebarang bentuk atau dengan  
apa-apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu  
daripada Penerbit.

Grafik Kulit oleh Zakaria Nik  
Dicetak oleh RK LETRA PRINTING PRESS SDN BHD.  
E-1319 Wisma Warisan, Jalan Bukit Ubi  
25200 Kuantan.

M

959.5123

PAH

Gambar Kulit: Masjid Sultan Abdullah, Pekan  
(Dibina awal tahun 1929 siap pada tahun 1930)

M  
1150902

24 FEB 2005

Perpustakaan Negara  
Malaysia

# PAHANG MENITI ZAMAN

## KANDUNGAN

1.	Pengenalan oleh Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang	I
2.	Sekapur Sinx daripada Yang DiPertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang	II
3.	Titah Ucapan Perasmian Seminar Sejarah Pahang oleh KDYMM Sultan Pahang	III
4.	Ucapan Perasmian Penutup Seminar Sejarah Pahang oleh YAB Menteri Besar Pahang	IV
5.	Ucapan Aluan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Seminar Sejarah Pahang	V

### KERTAS KERJA SEMINAR SEJARAH PAHANG

M/Surat

1.	Pra Sejarah Pahang Darul Makmur Dengan Pengkhususan Arkeologi Hulu Tembeling Oleh Encik Zulkifli Jaafar Jabatan Muzium Negara Kuala Lumpur	1 - 15
2.	Peraturan Dan Hukum Kanun Di Pahang Dari Zaman Melaka Hingga Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah ( 1590 - 1614 ) Oleh Profesor Madya Abu Hassan Mohd. Sham Universiti Malaya	16 - 42
3.	Hubungan Pahang Dengan Aceh Oleh Yang Di Hormat Orang Kaya Indera Pahlawan Pahang, Dato' Haji Wan Abdul Wahid bin Wan Haji Hassan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang	43 - 61
4.	Gerakan Kebangsaan Di Negeri Pahang Sebelum Merdeka Oleh Profesor Madya Abdul Latif bin Abu Bakar Jabatan Penulisan Dan Sains Sosial, Universiti Malaya	62 - 91
5.	Peranan Pahlawan-Pahlawan Pahang Dalam Perang Kelang Oleh Dato' Profesor Khoo Kay Kim Jabatan Sejarah Universiti Malaya	92 - 108

6.	<b>Gerakan Pasukan 136 Di Pahang</b> Oleh Profesor Madya Dato' Dr. Haji Wan Hashim bin Haji Wan Teh Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Malaysia	109 - 135
7.	<b>Tokoh-Tokoh Ulama Di Negeri Pahang Darul Makmur</b> Oleh Sahibus Samahah Dato' Haji Mohd Taib bin Haji Hassan Mufti Negeri Pahang	136 - 161
8.	<b>Perkembangan Pendidikan Di Negeri Pahang</b> Oleh Dr. Haji Abu Tahir bin Lela Timbalan Pengarah Pendidikan II Negeri Pahang	162 - 180
9.	<b>Sejarah Wilayah Jengka, Pahang</b> Oleh Yang Hormat Dato' Hamidin bin Abdullah Bekas Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka Pahang	181 - 197
10.	<b>Sejarah Wilayah Pahang Tenggara</b> Oleh Encik Abdul Habib bin Mansor, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara (DARA) Pahang	198 - 220
11.	<b>Sejarah Pemerintahan Negeri Pahang Sehingga T.M. 1882</b> Oleh Profesor Madya Dr. Aruna Gopinath Jabatan Sejarah Universiti Malaya	221 - 265
12.	<b>Pendidikan Sejarah Di Sekolah-Sekolah Masa Kini</b> Oleh Tuan Haji Yaakub bin Isa, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Pahang	266 - 282
13.	<b>Isu-Isu Sejarah Masa Kini Dan Langkah-Langkah Untuk Menyelesaiakannya</b> Oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Sarim bin Haji Mustajah Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Kehangsaan Malaysia	283 - 303
14.	<b>Acheh Berbesan Dengan Pahang, Satu Perkahwinan Politik</b> Untuk Melawan Penjajah Portugis Oleh Profesor A. Hasjmy Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Rektor Universitas Muhammadiyah Aceh	304 - 333

## I

## PAHANG MENITI ZAMAN

### PENGENALAN

Seminar Sejarah Negeri Pahang telah pertama kali diadakan pada 16 - 19 April 1992 di Dewan Perbandaran Kuantan dan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seminar ini dianjurkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang, Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Yayasan Pahang, Jabatan Pendidikan Pahang dan Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Tiga teks ucapan penting dalam majlis perasmian seminar tersebut ialah Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, ucapan YAB. Dato' Sri Tan Sri Mohd Khalil bin Yaacob dan ucapan YB. Dato' Omar bin Othman, Pengurus Jawatankuasa Pengelola Seminar ini. Dalam seminar tersebut beberapa kertas kerja yang berkaitan dengan tema Seminar iaitu "**Melihat Semalam Untuk Hari Ini Yang Cemerlang Dan Esok Yang Lebih Gemilang**" telah dibentangkan.

Terdapat tajuk mengenai ekonomi seperti "**Sejarah Wilayah Jengka**" dan "**Sejarah Wilayah Pahang Tenggara**", mengenai pendidikan seperti "**Pendidikan Sejarah di Sekolah Masa Kini**" dan "**Perkembangan Pendidikan di Negeri Pahang**". Sejarah mengenai Pahang dengan negeri lain seperti **Hubungan Pahang Dengan Aceh, Aceh Berbesan Dengan Pahang - Satu Perkahwinan Politik Untuk Melawan Penjajah Portugis**. Manakala "**Isu-Isu Sejarah Masa Kini dan Langkah-langkah Menyelesaikannya**." menyentuh mengenai pengertian ilmu sejarah dan peranannya dalam membina suatu bangsa yang bersatupadu untuk menuju kejayaan dan menegakkan sebuah negara yang berdaulat.

Akhir sekali, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua penyumbang kertas kerja. Saya berharap semoga buku "**Pahang Meniti Zaman**" ini akan menjadi salah satu sumber rujukan penting dan sekaligus menambahkan lagi bilangan buku sejarah mengenai Negeri Pahang.

#### **"SELAMATKAN WARISAN KITA"**

Haji Zainuddin bin Jumnat  
 Setiausaha Kehormat,  
 Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang.  
 5 September 2001

**II**

**SEKAPUR SIRIH DARIPADA YANG DIPERTUA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN PAHANG**

Syukur dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapat diterbitkan "PAHANG MENITI ZAMAN" yang memuatkan kertas-kertas pilihan daripada Seminar Sejarah Negeri Pahang pada tahun 1992. Penerbitan ini merupakan aktiviti penting bagi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang (PSMCP) setelah beberapa tahun tidak membuat penerbitan lantaran kekurangan dana bagi tujuan tersebut.

Penerbitan sebegini adalah penting dan patut diberi sokongan. Penerbitan ini boleh mengekalkan maklumat sejarah dibandingkan jika ia semata-mata tinggal dalam ingatan individu, yang akan meningkat usia dan akan lupa fakta dan rentetan sesuatu peristiwa, dan seterusnya kita akan kehilangan sumber setelah orang menjadi sumber berkenaan tiada lagi di dunia ini. Oleh kerana itu, sementara sumber dan orang-orang yang terlibat dalam peristiwa sejarah tempatan masih ada, maka penulisan sejarah perlulah dibuat agar maklumat-maklumat yang sangat berharga ini tidak hilang ditelan zaman.

Akhir sekali, sempena penerbitan buku ini PSMCP menyembahkan junjungan kasih khas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Pahang dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Persekutuan yang telah membayai sebahagian besar perbelanjaan menjayakan Seminar Sejarah tahun 1992 tersebut. Adalah diharapkan sumbangan dan sokongan terhadap kegiatan PSMCP daripada semua pihak akan berterusan demi kewibawaan dan kelestarian bangsa dan negara.

Wassalam.

## III

**TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG  
DI MAJLIS PERASMIAN SEMINAR SEJARAH NEGERI PAHANG  
DARUL MAKMUR PADA 17 APRIL 1992  
DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

*Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana atas limpah kurniaNya dapat saya hadir di majlis yang permai pada pagi ini, bagi melakukan upacara Perasmian Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur.

Saya juga mengambil peluang ini, untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menganjurkan Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur ini. Seminar sejarah yang khusus membicarakan sejarah Negeri Pahang Darul Makmur ini, adalah julung-julung kalinya diadakan di negeri ini.

Sesungguhnya sesuatu bangsa yang agong akan menghargai perjuangan pemimpin yang silam. Tanpa sejarah, sesebuah negara tidak akan menghayati dan mengenali pengalaman yang silam dari segi pentadbiran, politik, ekonomi dan keadilan sosial. Kajian sejarah amat penting untuk dicontohi oleh generasi masa kini dan yang akan datang.

Saya percaya masyarakat yang membelakangkan unsur sejarah akan berasa rugi, kerana pengalaman yang ditimba sudah tentu tidak mencukupi untuk diperaktikkan. Masyarakat seperti ini akan kehilangan sesuatu yang amat berharga. Kajian sejarah akan mengenangkan kembali zaman kegemilangan atau kemunduran sesuatu masyarakat. Seperti kata pepatah Melayu: "yang baik dibuat teladan dan yang buruk dibuat sempadan".

Saya merasa gembira kerana ramai tokoh sejarah memainkan peranan aktif bagi menjayakan seminar ini melalui pembentangan kertas kerja dan juga berinteraksi dengan para peminat sejarah. Seperti yang kita sedia maklum, sejarah memainkan peranan penting dalam pendidikan, pemerintahan dan pembangunan negara. Pendidikan sejarah mempunyai kaitannya yang rapat dengan tindak tanduk manusia. Dari latar belakang, kegemilangan dan kejatuhan tokoh-tokoh sejarah memberi iktibar kepada kita mengenai ciri-ciri yang patut diteladani atau sebaliknya.

Sejarah juga akan dapat mengembalikan rakyat jelata kepada realiti, yang menjadi fakta dalam menyelesaikan masalah secara bermaruah. Ini dapat dilakukan dengan menghayati sejarah yang sebenarnya, iaitu memahami latarbelakang Sejarah Negara. Oleh yang demikian, tindakan yang akan dilakukan, mencerminkan Warisan Tamadun Bangsa. Pada hemat saya kewujudan masyarakat yang buta sejarah, merupakan masalah kepada negara Malaysia. Ini kerana seringkali wujud golongan yang mempertikaikan kebenaran sejarah, sedangkan sebenarnya mereka sendiri jahil dalam bidang ini. Adalah menjadi harapan saya, Seminar Sejarah ini akan menghasilkan penemuan-penemuan sejarah, yang boleh memperkayakan khazanah sejarah khususnya di Negeri Pahang Darul Makmur ini, di samping merintis jalan untuk terus menerokai kesan-kesan sejarah silam negeri yang masih terpendam dan belum diselidiki sepenuhnya.

Negeri Pahang Darul Makmur, masih belum mempunyai penulisan sejarahnya yang terperinci. Penulisan Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur yang kemaskini dan terperinci, merupakan satu perkara yang perlu diberi penekanan dan perhatian segera. Fakta-fakta sejarah di zaman penjajah yang banyak dipesongkan, perlu diperbetulkan dengan pendekatan yang lebih "Malaysian Centric" atau pandangan dari kacamata kita sendiri.

Saya suka menganjurkan kepada penulis-penulis sejarah khasnya dan juga rakyat jelata amnya, supaya mengkaji sejarah asal-usul sesuatu tempat di negeri ini untuk diketahui dan difahami oleh generasi akan datang.

Adalah diharap Seminar ini akan merangsang serta mengukuhkan semangat, serta keazaman peminat-peminat sejarah negeri ini khasnya dan Malaysia amnya, untuk bergiat dengan lebih gigih lagi bagi kepentingan Sejarah dan Warisan Bangsa.

Di zaman sebelum dan selepas merdeka, ramai anak Negeri Pahang Darul Makmur ini telah terlibat dalam proses pembangunan negara. Dalam proses ini telah muncul negarawan-negarawan, pejuang kemerdekaan, sasterawan-sasterawan dan ahli-ahli sejarah yang berjasa dan berbakti kepada bangsa dan negara. Kita berbangga dengan pengorbanan dan sumbangan bakti mereka.

Bagi pihak Istana pula memang sentiasa mengambil berat tentang perkembangan sejarah baik di Negeri Pahang Darul Makmur mahupun di seluruh negara. Almarhum Seri Paduka Ayahanda saya sendiri, misalnya turut sama berangkat mencemar duli semasa perasmian penubuhan Persatuan Sejarah Malaya oleh General Sir Gerald Templer di Kuala Lumpur pada 30 April 1953. Saya berharap Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang akan terus bergerak aktif mengumpul, menyelidik dan merakamkan fakta-fakta sejarah di Negeri Pahang Darul Makmur ini sesuai seperti kata pujangga: "hilang tidak tecari-cari; cicir tidak berpungut". Pada masa ini, industri pelancongan sedang berkembang pesat di seluruh negara. Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur juga sedang menggalakkan para pelancong melawat negeri ini. Selain daripada pantai, tasik, sungai, laut, bukit-bukau dan gunung-ganang yang menarik di negeri ini saya percaya tempat-tempat yang ada kesan-kesan sejarah juga perlu diberi perhatian; seperti yang terdapat di daerah-daerah Jerantut, Kuala Lipis, Bentong dan Pekan.

Di antaranya termasuklah bekas-bekas kubu peperangan Orang Melayu Pahang di abad yang lepas, seperti Kubu Telengan, Kubu Napai dan beberapa kubu yang lain lagi. Tempat-tempat seperti Lubuk Terua, di mana berlakunya pertempuran hebat di antara orang-orang Bahaman dengan pasukan Inggeris. Pasir Tambang di Tembeling pula merupakan tempat pahlawan-pahlawan menyusun strategi perang, makam Raja-Raja seperti di Kampung Marhum dan Makam Condong di Kampung Mengkasar, iaitu terdapat nisan yang menyerupai nisan yang terdapat di Aceh, Indonesia.

Kalau ditulis ceritanya, serta kemudahan-kemudahan untuk sampai ke tempat-tempat berkenaan disediakan, saya percaya tempat-tempat seperti itu boleh dijadikan sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Pada masa ini terdapat muda-mudi kita yang tidak bersemangat, yang lemah dalam perjuangan hidup, yang bersikap negatif dan putus asa. Saya percaya sekiranya pelajar-pelajar dan anak-anak muda kita digalakkan membaca riwayat hidup pejuang-pejuang bangsa di dunia, seperti riwayat hidup para Nabi, sahabat-sahabat Nabi, pemimpin-pemimpin Islam, serta

juga pemimpin-pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan negara-negara di Asia mahupun di dunia, riwayat hidup orang-orang termasyhur dalam segala bidang sains, ekonomi dan lain-lain maka minat mereka dalam sejarah akan meningkat. Saya percaya sedikit-sebanyak contoh teladan daripada riwayat seperti itu boleh membangkitkan semangat pelajar-pelajar dan pemuda-pemudi kita dalam perjuangan hidup mereka. Usaha tersebut sudah tentu dapat mengurangkan perasaan "frust", putus asa, dan tidak "ambitious" daripada perasaan dan ingatan mereka.

Usaha-usaha mempertingkatkan kesedaran sejarah ini, sudah semestinya memerlukan kerjasama semua pihak. Dalam hubungan ini, saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kementerian Pendidikan, Pusat-Pusat Pengajian Tinggi dan Yayasan-Yayasan di negara ini supaya banyak mengadakan pertandingan menulis esei sejarah, menulis skrip drama sejarah, lukisan sejarah dan sebagainya supaya anak bangsa kita akan lebih berminat dengan mata pelajaran sejarah. Seterusnya mereka akan memupuk minat kepada sejarah dirinya, keluarga, kampung halaman mereka seterusnya negeri dan negara mereka. Saya percaya pihak swasta juga boleh berperanan dengan menyediakan insentif-insentif serta hadiah-hadiah bagi pertandingan-pertandingan tersebut.

Akhirnya bersempena dengan Seminar Sejarah di Negeri Pahang Darul Makmur ini, saya mengambil kesempatan mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan ke Kuantan ini sambil berseminar. Saya mendoakan semoga seminar ini akan menghasilkan penulisan sejarah negeri ini yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh rakyat negeri ini. Sukacita saya mengakhiri ucapan saya ini dengan mengingatkan bahawa "A nation which does not look back with pride upon its past, can never look forward towards its future".

Dengan nama Allah yang amat pemurah dan amat mengasihani, sukacita saya mengistiharkan perasmian Seminar ini. "Selamatkan Warisan Kita".

*Wabillahi taufik walhidayah*

*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Termaktub: Istana Abu Bakar  
26600 Pekan

Pada: 17 April 1992.

**IV****UCAPAN PERASMIAN PENUTUP SEMINAR SEJARAH  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR OLEH YANG  
BERHORMAT TAN SRI DATO' SRI HJ. MOHD KHALIL  
YAAKOB, MENTERI BESAR PAHANG PADA 19 APRIL  
1992 DI DEWAN MPK, KUANTAN**

*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, Maha Penyayang.*

Seorang ahli falsafah pernah berkata: "Hari ini adalah lanjutan hari semalam". Dari ungkapan kata ini banyak pengertian yang dapat kita fahami, antara lain bahawa sejarah masa lalu tidak berdiri dengan sendiri. Ianya adalah mata rantai peristiwa yang akan bersambung terus. Mengembara ke masa lampau, ke hari-hari, tahun-tahun dan kurun-kurun yang telah berlalu, mempunyai kegunaan yang sangat bermanfaat, kerana di suatu pihak ianya memperkenalkan siapa manusia-manusia di zaman itu, dan di pihak yang lain ia akan memberi arah kepada manusia yang hidup ini untuk mencipta kegemilangan di masa depan.

Oleh itu, sesuai dengan tema Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur yang pertama kali diadakan ini, iaitu: "Melihat Semalam Untuk Hari Ini Yang Cemerlang Dan Esok Yang Lebih Cemerlang" menguatkan azam saya menyeru rakyat negeri ini, terutama orang-orang Pahang agar menghayati dan menghargai sejarah diri sendiri, kerana sejarah kita mempunyai identiti yang tersendiri dalam persejarahan Malaysia itu sendiri. Sejarah bukan sahaja membolehkan kita menjadikan peristiwa-peristiwa masa lampau itu sebagai teladan, malah boleh dijadikan sempadan untuk kita membentuk bangsa yang bermaruah dan besar akalnya dalam ilmu pengetahuan. Oleh itu tugas dan tanggungjawab rakyat, terutama ahli-ahli sejarah dan budaya bukan semata-mata membantu pembangunan negara dengan cermin akal masa kini tetapi mempergunakan sejarah bagi melengkapi manusia dan kemanusiaan dalam mencapai Wawasan 2020. Usaha-usaha penyelidikan sejarah wajar diteruskan.

Seminar-seminar sejarah baik di peringkat daerah dan negeri diacapkalikan. Pengesanan naskah-naskah lama yang saya percaya banyak tersimpan pada orang perseorangan di kampung-kampung perlu disegerakan agar Negeri Pahang Darul Makmur bukan sahaja terkenal dengan gejolak perang dan penentangan terhadap penjajah, tetapi kita boleh memperbaiki citra negeri ini dalam bidang ilmu pengetahuan seperti sejarah, sastera, bahasa dialek, kesenian dan kebudayaan.

Walaupun hingga hari ini belum ada universiti, pusat ilmu pengetahuan, saya percaya bahawa universiti keilmuan yang sekian lama mantap dalam pemikiran rakyat negeri ini sejak zaman bahari hingga zaman mutakhir dapat membesarakan akal kita untuk terus menghargai sejarah diri dan sejarah negeri kita yang amat kita sayangi ini, terutama adanya institusi kesultanan Pahang yang sudah berusia lebih 100 tahun itu terus dipertahankan dari anasir-anasir perosak budaya dan sejarah, lantas dapat diperkuuhkan menjadikan diri kita dan negeri kita bukan sahaja cemerlang dalam pelbagai bidang, malah dapat meraih kegemilangannya sebagaimana di masa-masa lampau.

Telah menjadi fakta sejarah, tidak ada penjajah yang baik. Yang ada penjajah yang kurang jahat dibandingkan dengan penjajah yang lebih jahat. Telah menjadi fakta sejarah juga, tidak ada rakyat yang terjajah yang kurang wawasan perjuangannya menentang penjajah dibandingkan dengan rakyat yang terjajah yang melawan penjajah dengan senjata seperti Bahaman dan rakan-rakannya abad ke 19 di Lubuk Terua terhadap Inggeris.

Kini kita sudah merdeka selepas 31 Ogos 1957, tetapi kita walaupun merdeka dari segi politiknya, dari segi ilmu pengetahuan terutama sejarah, kita rasa masih terjajah akal fikiran kita terutama dalam kajian dan penulisan Sejarah Pahang sendiri yang masih berorientasikan barat dan mitos tempatan. Oleh itu saya amat berharap, hasil dari Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur ini, pengorientasian kepahangan ini bukan muncul setakat teori dalam kertas sejarah, malah menjadi satu wawasan dan impian bagi setiap rakyat Pahang yang cintakan sejarah negerinya sendiri.

Dalam pengertian sejarah itu sendiri, wawasan tersebut bukan sahaja terdapat dalam 14 kertas kerja yang telah dibentangkan dan diserikan dengan pengkisahan pengalaman peribadi tokoh-tokoh sejarah, malah sekiranya diterjuni ke dalam aspek yang lebih mendasar, persejarahan meliputi soal yang paling hakikat, iaitu mengenai kebenaran sumber sejarah yang digunakan dalam penulisan kertas kerja sejarah yang telah dibentangkan selama tiga hari ini. Penulisan adalah peringkat kedua selepas sumber-sumber dikutip dan diperolehi, dihayati, disaring dan digunakan. Penggunaan sumber terpilih kerap menjadi kriteria pengimbang bagi menentukan corak penulisan sejarah yang dihasilkan. Bila sumber dan corak penulisan sejarah digunakan dengan penuh sedar, rasa tanggungjawab pukal, barulah wawasan dan impian sejarah sebenar Negeri Pahang Darul Makmur tercapai.

Di kalangan ahli sejarah, hal ini dianggap amat serius dalam membina arah bagi generasi negeri ini, kini dan akan datang, memahami, mempelajari dan menghayati konteks sejarah diri dan sejarah negeri ini. Oleh itu setiap penulisan sejarah selain berfakta tepat, harus coraknya lebih terbuka tanpa ada apa-apa sentimen atau prasangka hingga menjelaskan alur ketamadunan sesuatu bangsa itu. Dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020, perkembangan sejarah, sastera dan budaya melalui pemikiran rakyat wajar serentak dengan kemajuan sosio-ekonomi dan politik negara kerana kemajuan sesebuah negara itu memberi keutamaan kepada pembinaan semula Makam-makam Bersejarah, Kubu-kubu Bersejarah, Gua-gua Bersejarah dan Monumen-monumen Bersejarah.

Ini semua akan menjadi penting bila ada hubungan yang erat persejarahan dengan aktiviti industri pelancongan yang sedang pesat berkembang. Kita mengharapkan pihak swasta yang menyusun beberapa pakej pelancongan yang menarik di negeri ini dapat memasukkan beberapa destinasi baru yang ada hubungan dengan persejarahan tempatan, agar bukan sahaja dari segi ekonomi menguntungkan kita, malah tinggalan sejarah yang ada dapat memberi satu rasa kekaguman kepada pelancong baik pelancong tempatan mahu pun pelancong asing. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius ke arah perkembangan pemikiran rakyat melalui sejarah, sastera dan bahasa dialek. Itulah sebabnya kerajaan negeri dalam mencapai apa cara sekalipun selalu menjadi penunjang kewangan utama dalam acara-acara seperti Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur ini.

Saya amat menghargai kehadiran 395 orang peserta dan 200 orang pemerhati terutama tiga peserta dari Aceh, seorang dari Medan, tiga dari Singapura dan tiga dari Brunei Darussalam ke Seminar Sejarah ini, anggaplah pengalaman semasa berseminar sebagai satu pengalaman peribadi yang akan mewarnai kehidupan dan penghayatan sejarah negeri ini di masa-masa yang akan datang. Saya mengucapkan syabas di atas kejayaan Seminar Sejarah yang julung kali diadakan di negeri ini. Saya juga berterima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur yang sudi menjemput saya untuk melakukan upacara perasmian penutup Seminar Sejarah ini. Dengan ini, dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, saya merasmikan penutupan Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.

V

**UCAPAN ALUAN SEMINAR SEJARAH NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR OLEH YB. DATO' HJ. OMAR  
HJ. OTHMAN, PENGERUSI JAWATANKUASA  
PENGELOLA SEMINAR PADA 17 APRIL 1992  
DI DEWAN MPK, KUANTAN**

*Bismillahi Rahmanir Rahim.*

Mengadap ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah, Sultan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Pahang Darul Makmur serta segala jajahan takluknya. Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tengku Hajjah Azizah binti Sultan Iskandar Al-Haj.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun, patek mohon ampuni limpah perkenan ke Bawah Duli Tuanku bagi patek menyampaikan persembahan ucapan. Patek bagi pihak Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur merasa bertuah di atas limpah perkenan Ke Bawah Duli Tuanku berangkat mencemar duli ke upacara perasmian Seminar Sejarah ini dan sudi pula menyampaikan Titah Perasmian.

Ampun Tuanku,

Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur ini adalah pertama kali diadakan dan telah mendapat sokongan jitu dari Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku melalui Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Pahang Darul Makmur, Jabatan Pendidikan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang. Seminar yang berlangsung mulai hari ini hingga 19 April 1992 yang disertai oleh lebih daripada 395 peserta dan 200 pemerhati akan membicarakan 14 kertas kerja Sejarah mengenai Negeri Pahang Darul Makmur dari zaman batu hingga zaman mutakhir oleh tokoh-tokoh sejarah dan ahli-ahli akademik dari dalam dan luar negara seperti dari Aceh dan Medan, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Antara peserta yang mengambil bahagian dalam Seminar Sejarah ini antara lain terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang, ahli-ahli sastera dan budaya, guru-guru sejarah di sekolah-sekolah menengah di negeri ini, pensyarah-pensyarah dari maktab perguruan dan pusat pengajian tinggi di negara ini, pegawai-pegawai dari Arkib Negara serta cawangannya dan Muzium Negara dan Muzium Negeri-negeri, peminat-peminat sejarah manakala pelajar-pelajar sekolah menengah dan maktab perguruan sebagai pemerhati.

Seminar Sejarah ini diadakan bertujuan mempertingkatkan pengetahuan mengenai Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur; mengenai pentingnya sejarah dalam pembangunan sebuah negara yang kukuh dan bersatu padu; merapatkan hubungan ahli-ahli sejarah tempatan dengan peminat-peminat sejarah; membolehkan aktiviti-aktiviti sejarah berjalan dengan lebih giat dan berkesan; mengemaskinikan pendokumentasian Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur.

Konsep sejarah dan pensejarahan bukan mudah untuk difahami. Sekali imbas sahaja sejarah itu menyeluruh segala aspek disiplin ilmu pengetahuan yang dicipta oleh manusia, mahupun yang berkaitan dengan alam ghaib, tetapi ia masih dapat dibezakan, dan boleh berbeza, dari disiplin-disiplin ilmu yang dilingkungi itu. Yang demikian kita masih dapat misalnya membezakan antara Sains dan Sejarah, antara Agama dan Sejarah dan antara Ekonomi dan Sejarah, walaupun di antara yang diperbezaan itu tetap terdapat perhubungan yang akrab.

Perkataan sejarah itu sendiri asalnya dari perkataan Yunani, bermaksud 'Penyelidikan', sekarang digunakan dengan maksud peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku pada masa yang lalu dan juga ingatan-ingatan yang tercatit mengenai masa lalu itu. Ini amat sesuai dengan tema Seminar ini: "Melihat Semalam, Untuk Hari Ini Yang Cemerlang Dan Esok Yang Lebih Gemilang".

Dari 14 kertas kerja yang akan dibentangkan dan dibincangkan, bagi menepati tema seminar sejarah ini, kertas kerja sejarah dalam rangkuman Melihat Semalam antara lainnya ialah Pra-Sejarah Pahang Darul Makmur Dengan Penghususan Penyelidikan Arkeologi Hulu Tembeling; Peraturan dan Hukum Kanun di Pahang di Zaman Melaka sehingga Pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah (1590 - 1614); Hubungan Pahang dengan Aceh; Gerakan Kebangsaan Pahang Sebelum Merdeka; Gerakan Pasukan 136 di Pahang; Sejarah Pemerintahan Negeri Pahang Sehingga TM 1882; Hubungan Pahang Dengan Brunei Darussalam dan Aceh Berbesan Dengan Pahang: Satu Perkahwinan Politik Untuk Melawan Penjajah Portugis.

Untuk Hari Ini Yang Cemerlang; kertas kerja Sejarah Perkembangan Pendidikan Negeri Pahang; Sejarah Wilayah Jengka dan Sejarah Wilayah Pahang Tenggara akan dibincangkan. Manakala Esok Yang Gemilang; kertas kerja Pendidikan Sejarah di Sekolah-sekolah Masa Kini akan dibincangkan.

Kerajaan Malaysia hari ini, melalui Kementerian Pendidikan amat peka dengan 'Sejarah' sehingga telah menjadikan 'Sejarah' itu sebagai satu mata pelajaran yang memanusiakan manusia. Atas asas ini jugalah Seminar Sejarah ini diadakan agar rakyat seluruhnya bukan sahaja menghayati sejarah, malah menghargai sejarah demi mencapai Wawasan 2020.

Bagi pihak Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku, patek dan ahli-ahli Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Pahang Darul Makmur sedang berusaha bersungguh-sungguh memusatkan industri pelancongan di negeri ini dengan menggabung-jalinkan elemen-elemen sejarah, sastera, seni dan budaya masyarakat ke dalam aktiviti pelancongan yang terancang, terkawal dan mantap. Pada keseluruhannya perkembangan sejarah dan seni budaya negeri ini belum memberangsangkan. Oleh itu patek dan Jawatankuasa sedang berusaha bersungguh-sungguh mewujudkan kegemilangan dan keanggunan dan seni budaya setempat serta pemupukan identiti sejarah dan budaya bangsa sendiri ke arah membantu pembentukan kebudayaan nasional.

Tidak dinafikan bahawa negeri ini terlalu kaya dengan warisan sejarah termasuklah persejarahan kegemilangan Zamin Eran kepada Inderapura, Pahang Tua dan Pahang Moden dan diperlengkapkan oleh kehadiran budaya Patani, Champa, Bugis, Riau dan Aceh. Oleh itu dalam mempertingkatkan budaya ilmu, Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku sedang mengenalpasti, mengadakan penyelidikan, membuat pilihan mengenai bahan-bahan sejarah, kebudayaan dan kesenian dengan merujuk kepada bahan-bahan bertulis atau secara lisan yang ada.

Perlaksanaan konsep ini memerlukan penyusunan strategi yang rapi dan usaha yang bersungguh-sungguh bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri malah daripada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang, Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), Majlis Kebudayaan Negeri, dan akhirnya sebagai pengesahan yang jitu dan unggul, sokongan dan kerjasama yang mantap dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang amat diperlukan. Ungkapan kata Budayawan Pahang, Pak Zek, yang cicir tidak dikutip, yang hilang tidak dicari, warisan sejarah dan seni budaya kita akan pupus ditelan zaman.

Ampun Tuanku,

Patek bersama Jawatankuasa juga sedang merancang ke arah pendokumentasian sejarah, seni, dan budaya melalui Muzium Negeri dan Pusat Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Wilayah Pahang di mana bagi menjamin kesinambungan serta perkembangan bahan-bahan sejarah, seni dan budaya yang dikenalpasti. Kita berharap setiap kertas kerja sejarah yang akan dibentangkan dalam seminar ini nanti dapat didokumentasikan dalam berbagai bentuk baik bentuk buku, mikrofilem, data komputer, audio-visual mahupun bahan arkib agar tidak menghilangkan keasliannya.

Akhir kata, patek bagi pihak Jawatankuasa Pengelola Seminar Sejarah Negri Pahang Darul Makmur mohon ampuni limpah perkenan ke Bawah Duli Tuanku untuk menyampaikan ucapan menjunjung kasih di: atas sokongan Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Yang Amat Berbahagia Cik Puan Kalsum, Yang Teramat Mulia Kerabat Bergelar Pahang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Mulia Tengku-Tengku, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Pembentang-Pembentang Kertas Kerja Sejarah, Peserta-Peserta Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur, yang juga sama-sama hadir dalam majlis ini dan seterusnya dapat menghasilkan perkara-perkara yang bersejarah.

Patek juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang khusus kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Khalil bin Yaakub yang telah memberi tunjangan kewangan sebanyak RM50,000.00 bagi menjayakan seminar sejarah ini. Begitu juga kepada pegawai serta kakitangan jabatan kerajaan, agensi kerajaan, pihak swasta dan orang-orang perseorangan yang sudi memberikan sumbangan kewangan, tenaga dan fikiran ke arah menjayakan seminar sejarah ini seadanya. Dalam usaha Kerajaan Negeri mengumpul, melengkap dan memelihara sejarah ke arah suatu citra persejarahan Pahang sebagai komponen destinasi pelancongan negara, di samping dapat melahirkan satu bangsa Melayu yang patriotik terhadap sejarah bangsanya sendiri marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah, semoga apa yang kita kerjakan mendapat keredaanNya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek mohon diampun. Sekianlah sahaja ucapan patek pada pagi ini. Ampun Tuanku.



**PRASEJARAH PAHANG DARUL MAKMUR**  
**Dengan Pengkhususan Penyelidikan Arkeologi**  
**Hulu Tembeling**

Oleh:

Zulkifli Jaafar  
Jabatan Muzium

## PENGENALAN

Arkeologi merupakan satu pendekatan untuk mendapatkan bukti-bukti fizikal mengenai masyarakat purba yang telah pupus atau tiada, dan oleh kerana masyarakat ini tidak meninggalkan sebarang bukti bertulis maka Ahli-ahli Arkeologi terpaksa membuat penyelidikan ekskavasi dengan tujuan mendapatkan fakta-fakta sejarah dan budaya yang tertanam di dalam tanah.

Berdasarkan kepada tinggalan-tinggalan yang serba kekurangan ini Ahli-ahli Arkeologi akan membuat tafsiran dan gambaran mengenai budaya, sistem ekonomi, cara hidup dan corak penempatan satu-satu masyarakat yang dikaji.

Ahli-ahli Arkeologi bekerjasama dengan Ahli-ahli Sains Gunaan yang lain seperti Kajibumi, Ahli-ahli Kimia, Zoologi, Botanis dan lain-lain. Di samping membuat analisis, mereka juga memperkenalkan dan mencipta kaedah-kaedah penyelidikan yang dapat membantu dan digunakan dalam membuat pentarikhan seperti Kaedah Pentarikhan C14, Termoluminesen, "Fission Track" dan lain-lain.

Di dalam penyelidikan Arkeologi, lapisan tanah atau "Stratigrafi" adalah penting, dimana prinsip yang digunakan ( bagi tapak yang tidak terganggu ) adalah benda-benda yang berada pada lapisan bawah adalah lebih tua dari benda-benda yang berada pada lapisan atas. Kaedah ini amat berguna di dalam membuat pentarikhan perbandingan atau "Relative chronology" mengenai artifek-artifek yang telah ditemui dalam penyelidikan ekskavasi.

## PENYELIDIKAN ARKEOLOGI DI PAHANG

Penyelidikan Arkeologi di Pahang bermula pada tahun 1917 apabila Evans membuat penyelidikan di Gua Tok Long, Gunung Senyum ( Evans : 1920 ) dan bermula dari hari itu hingga ke hari ini banyak tapak arkeologi telah dikenalpasti dan diselidiki oleh ahli-ahli arkeologi zaman Kolonial seperti J. Matthews, L. Wray, Linehan, William Hunt, Tweedie dan William Cameron manakala pada masa kini penyelidik-penyalidik tempatan seperti Adi Taha, O.A. Theseira, Dr. Othman dan Prof. Zuraina Majid telah berjaya menyingkap sejarah peradaban dan perkembangan kebudayaan Negeri Pahang.

Dari kajian-kajian yang telah dijalankan ini didapati bahawa Negeri Pahang mempunyai asas perkembangan kebudayaan yang panjang dan peninggalan sejarah dan kebudayaan ini terbahagi kepada:-

a) Zaman Prasejarah

- i) Zaman Batu
  - Kebudayaan Palaeolitik
  - Kebudayaan Hoabinhian
  - Kebudayaan Neolitik
  
- ii) Zaman Logam
  - Zaman Besi
  - Zaman Gangsa

- b) Zaman Pratosejarah
  - Peradaban Melayu dan Zaman Kegemilangan Kesultanan Melayu.

Pembahagian zaman-zaman ini adalah berdasarkan kepada tipologi dan bahan-bahan artifek-artifek yang diperolehi.

## ZAMAN PRASEJARAH PAHANG KEBUDAYAAN PALEOLITIK

Penemuan artifek-artifek kebudayaan ini telah dilaporkan oleh PDR. Willian Hunt pada tahun 1951 ( Hunt : 1951 ) di mana dalam laporannya menyatakan bahawa beliau telah menemui alat-alat ini seperti “ .. (a) large palaeolithic type flake tool of quartzite; (b) Smaller tool of similar type as above and (c) another two similar type quartzite tools.”

Alat-alat batu ini ditemui semasa beliau melawat kerja-kerja membuat jalan di Batu 27 Jalan Raub - Kuala Lipis pada 1949 dan 1950. Jika benar seperti apa yang dilaporkan oleh Hunt, ini amat menarik sekali kerana Negeri Pahang akan menawarkan satu lagi tapak paleolitik untuk dikaji.

Satu-satunya tapak paleolitik di negara ini ialah Kota Tampan, Perak yang dikenali sebagai ‘Kebudayaan Tampan’ dan dipercayai wujud sejak kala pleistosen kira-kira 30,000 tahun yang lampau ( Zuraina : 1991 ) di mana pada masa ini tapak Kota Tampan merupakan tapak yang tertua di Semenanjung Malaysia.

Banyak persoalan yang timbul mengenai perhubungan dan perkaitan di antara Masyarakat Paleolitik di Kota Tampan dengan masyarakat Paleolitik di Raub. Persoalan utama yang perlu dijawab ialah:

1. Apakah masyarakat Paleolitik di Raub wujud lebih awal atau selepas kewujudan kebudayaan Tampan? Jika penempatan di Raub lebih awal, maka Negeri Pahang harus berbangga mempunyai tapak penempatan yang tertua di negara ini dan telah didiami sejak lebih 30,000 tahun yang lampau.
2. Jika lebih lewat kewujudannya dari Kota Tampan, apakah masyarakat Paleolitik ini merupakan saki baki masyarakat Paleolitik Kota Tampan yang melarikan diri dari mala petaka yang mengancam mereka di Kota Tampan kira-kira 27,000 tahun lalu ( Zuraina : 1991 ).

Walau bagaimanapun, persoalan-persoalan ini akan terjawab melalui siri-siri kajian yang intensif dan bersistematik, hanya masa dan kajian-kajian akan datang yang akan dapat menentukan andaian-andaian ini.

## KEBUDAYAAN HOABINHIAN<sup>1</sup>

Kebudayaan 'Hoabinhian' merupakan satu corak kebudayaan yang berkembang luas di Negara ini termasuk di Negeri Pahang sendiri dan dipercayai wujud sejak 12,000 hingga 4,000 tahun yang silam. Dari kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap tapak-tapak Hoabinhian di Semenanjung menunjukkan peninggalan kebudayaan ini ditemui di dalam gua-gua batu kapur dan masyarakat ini tidak tahu membuat rumah kecuali di Sungai Lembing, Kuantan Pahang iaitu di tebing Sungai Nyik ( Collins : 1937 ).

Ini merupakan satu-satunya tapak Hoabinhian di mana artifik-artifiknya dijumpai di kawasan lapang tidak di gua-gua batu. Kegiatan ekonomi masyarakat ini adalah mengumpul dan mengutip pucuk-pucuk kayu dan buah-buah hutan serta memburu binatang buas. Bukti-bukti baru ditemui menunjukkan bahawa masyarakat ini juga telah bercucuk tanam secara kecil-kecilan (Adi Taha : 1985). Apakah masyarakat Hoabinhian di Sungai Lembing merupakan masyarakat pertama mengamalkan cara hidup berkampung yang mempunyai kepandaian membuat rumah dan menjadi masyarakat tani<sup>2</sup> yang pertama di negara ini?

- 
1. Hoabinhian - Penggunaan istilah 'Hoabinhian' masih dipertikaikan oleh beberapa ahli-ahli Arkeologi ( Zuraina : 1991 dan Adi Taha : 1985 ), di sini istilah ini penulis gunakan adalah semata-mata sebagai rujukan ciri-ciri budaya yang berbeza dari segi cara hidup, kepercayaan dan budaya kebendaan di antara tiga kebudayaan yang berlainan sama sekali iaitu Kebudayaan Paleolitik, Kebudayaan Hoabinhian dan Kebudayaan Neolitik.
  2. Masyarakat tani - masyarakat yang hidup berkelompok dengan ikatan persaudaraan atau kekeluargaan dan kesetiaan yang erat.

Selain dari itu ciri-ciri utama kebudayaan ini ialah alat-alat batu yang dibuat dari batu-batu pebble yang direpih pada sebahagian atau keseluruhan permukaannya yang kebiasaannya berbentuk lonjong. Terdapat juga alat-alat yang diperbuat dari tulang-tulang haiwan. Masyarakat Hoabinhian menanam mayat dengan keadaan lutut si mati dilentur ke arah dagu.

Di Negeri Pahang Darul Makmur, tapak-tapak di mana telah ditemui tinggalan-tinggalan masyarakat Hoabinhian ialah:

1. Gua Tok Long, Gunung Scenyum, Temerloh ( Evans : 1951 )
2. Gua Sagu, Kuantan ( Zuraina : 1991 )
3. Gua Tenggek, Kuantan ( Zuraina : 1991 )
4. Gua Luas, Kuala Tahan ( Theseira : 1976 )
5. Kota Tongkat, Jerantut ( Evans : 1920 )
6. Gua Kecil, Raub ( Dunn : 1964 )

## KEBUDAYAAN NEOLITIK

Kebudayaan ini bermula kira-kira 3,000 atau 4,000 tahun di mana masyarakat ini telah melalui satu pembaharuan dari segi corak hidup dan pencapaian teknologi yang dinamik.

Mereka telah menetap di kawasan lapang dengan mendirikan rumah-rumah, membuka ladang dan menternak binatang. Gua-gua hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan dan tempat pengkebumian. Ciri-ciri utama kebudayaan ini adalah alat-alat batu yang menampakkan perbuatannya yang halus dan licin di mana ia lebih berfungsi untuk menebas dan menebang pokok-pokok yang besar. Masyarakat ini juga menghasilkan alat-alat seperti periuk-periuk tembikar dan alat-alat perhiasan diri serta mempunyai daya imaginasi yang dipamerkan melalui lukisan di dinding gua batu ( Matthews : 1959 ).

Masyarakat Neolitik menanam mayat mereka dalam keadaan lurus dan dikebumikan bersama-sama periuk tembikar, alat-alat batu dan alat-alat perhiasan diri, atas kepercayaan untuk digunakan di alam lain.

Peninggalan alat-alat Kebudayaan Neolitik didapati tersebar luas terutama di daerah-daerah pendalaman Negeri Pahang seperti daerah Jerantut terutama di Lembah Tembeling, Kuala Lipis, Bentong dan Temerloh. Di antara tapak-tapak yang telah ditemui alat-alat Kebudayaan ini ialah :-

1. Tui Gold Mine, Padang Tunku, Pahang (Tweedie: 1947 dan Hunt : 1952 )
2. Kampung Telang, Kuala Lipis<sup>3</sup>
3. Bukit Cintamani, Bentong ( Tweedie : 1953 )
4. Kota Gelanggi, Jerantut ( Adi Taha : 1983 )
5. Lembah Tembeling - akan diuraikan dengan panjang lebar apabila membincangkan kepentingan Sungai Tembeling dari sudut arkeologi.

## ZAMAN LOGAM

Gambaran sebenar mengenai Zaman Logam di Pahang adalah kurang jelas tetapi berdasarkan kepada penemuan, zaman ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu:-

### Zaman Gangsa

Jumpaan berupa bahagian permukaan 'Gendang Don Son' yang diperbuat dari gangsa di Batu Pasir Garam, Hulu Tembeling pada 1926 ( Linehan : 1951 dan Evans : 1931 ) dan bahagian bibir mangkok gangsa yang telah ditemui di Telok Lubuk Puai, Hulu Tembeling ( Linehan : 1928 dan 1931 ) dan Bukit Komel, Hulu Tembeling ( Zulkifli Jaafar : 1983 ).

Gendang Dong Son adalah di antara bukti-bukti arkeologi yang dipercayai berasal dari satu perkampungan di Utara Yunnan, Indo-China dan gendang seperti ini juga telah ditemui di Kuala Langat, Selangor ( Peacock : 1965 dan 1965 ) dan di Kuala Terengganu ( Peacock : 1966 dan 1967 ).

---

3. Kampung Telang, Kuala Lipis - Lebih dari 92 bilah alat-alat batu Neolitik seperti kapak, bellung, pisau tembeling, gelang dan lain-lain alat batu yang belum siap telah ditemui oleh Penghulu Kampung Telang, En. Wan Abdullah bin Wan Chik dan diserahkan kepada Jabatan Muzium pada 1970. Alat-alat batu ini didaftarkan oleh Unit Arkeologi Jabatan Muzium dengan Nombor Pendaftaran 1970 hingga 1970.92.

### Zaman Besi

Temuan berupa beberapa bilah alat-alat perkakas diperbuat daripada besi yang dikenali sebagai 'Tulang Mawas' di Kuantan Pahang pada 1981 ( Adi Taha : 1983 ). Dalam penyelidikan arkeologi, tulang mawas ini sering dikaitkan dengan Kebudayaan Batu Kepingan yang telah ditemui di Sungkai, Slim River dan Bernam ( Evans : 1928, 1931 Linehan : 1951 dan Collins : 1937 ).

Dalam kebudayaan Batu Kepingan - beberapa kepingan batu granit disusun dan dijadikan ruang untuk meletakkan mayat, walau bagaimanapun tiada tinggalan manusia ditemui kecuali barang-barang iringan mayat seperti alat-alat besi ( tulang mawas ), manik-manik, periuk dan serpihan-serpihan terbikar serta penumbuk kulit kayu. Walau bagaimanapun berbagai-bagai keterangan telah dinyatakan mengenai fungsi sebenar tulang mawas ini, di mana ada yang mengatakan ianya digunakan untuk membuat perahu, melombong atau senjata, akan tetapi kegunaan sebenarnya alat ini belum dapat dipastikan dengan tepat.

### LEMBAH TEMBELING DALAM PENDEKATAN ARKEOLOGI

Penyelidikan arkeologi di Lembah Tembeling pula bermula pada tahun 1928 apabila terjumpanya penempatan kebudayaan masyarakat Neolitik di Kuala Nyong ( Evans : 1928 ) dan diikuti dengan kajian secara intensif di mana satu kerja ekskavasi telah dijalankan di tapak berkenaan oleh Evans sendiri pada tahun 1930 ( Evans : 1931 ).

Dari kerja-kerja yang telah dijalankan itu telah diperolehi beberapa tinggalan budaya kebendaan masyarakat silam di Nyong yang dapat memberi gambaran tentang kepentingan Sungai Tembeling dengan tinggalan-tinggalan Kebudayaan Prasejarah membawa ke zaman sejarah.

Bermula dari sinilah, beberapa siri kajian telah dijalankan sebagai lanjutan dari kajian Evans di Nyong itu, dari data-data dan bukti-bukti yang diperolehi dari masa ke semasa menunjukkan bahawa lembah Tembeling begitu kaya sekali dengan tinggalan-tinggalan budaya manusia dan telah didiami sejak lebih dari 10,000 tahun yang lalu.

## KEBUDAYAAN MASYARAKAT LEMBAH TEMBELING

Hasil dari kajian-kajian yang telah dijalankan, ahli-ahli Arkeologi telah berjaya mengumpulkan berbagai-bagai alat kebudayaan yang membahagikan masyarakat Lembah Tembeling kepada empat budaya yang berlainan, iaitu:-

### (i) Kebudayaan Hoabinhian

Jumpaan berupa alat-alat batu yang ditemui di Gua Luas, Kuala Tahan ( Theseira : 1976 ) di mana dalam lawatan beliau pada 1974 telah menemui alat-alat batu masyarakat yang mengamalkan Kebudayaan Hoabinhian seperti :-

- (a) Alat-alat batu yang direpih hanya pada sebelah permukaannya - 'Uniface implement'.
- (b) Alat-alat batu yang direpih pada kedua-dua belah permukaannya - 'Biface implement'.
- (c) Sisa-sisa makanan terutama sifut air tawar.

Hasil dari kajian yang telah dijalankan, pentarikhan bagi Kebudayaan Hoabinhian ialah di antara 8,000 - 12,000 tahun yang lampau ( Zuraina Majid : 1991 dan Adi Taha : 1985 ) dan mempunyai kaitan lebih rapat dengan masyarakat Hoabinhian di Thailand, Kampuchea, Vietnam dan Timur Laut Sumatra.

## (ii) Kebudayaan Neolitik

Jumpaan beberapa alat batu yang menunjukkan perkembangan pembuatan alat-alat batu dan perkakas tembikar di mana pentarikhannya lebih 3,000 tahun. Alat-alat batu yang bercanai dan lebih halus buatannya seperti kapak, beliung, pahat dan lain-lain lagi telah dilaporkan ditemui di berbagai-bagai tempat di sepanjang Sungai Tembeling dari Kuala Nyong ke Hulu Sepia.

Apa yang menarik ialah terjumpanya artifek yang unik dikenali sebagai Pisau Tembeling yang dapat membuktikan wujudnya kegiatan pertanian di sini yang dilakukan oleh masyarakat Lembah Tembeling. Kajian-kajian tentang masyarakat Neolitik di Lembah Tembeling telah banyak dilakukan oleh Evans dan Linehan. Pada masa sekarang terutama sejak 1975, kajian-kajian telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik tempatan seperti Oswald Theseira dan Adi Haji Taha. Di antara tapak-tapak yang mempunyai bukti-bukti tinggalan masyarakat ini ialah:-

- |                   |                     |
|-------------------|---------------------|
| 1. Bukit Sari     | 5. Bukit Komel      |
| 2. Kampung Pengau | 6. Pasir Komel      |
| 3. Kampung Pagi   | 7. Kuala Nyong      |
| 4. Kampung Bantal | 8. Telok Lubuk Puai |

## (iii) Zaman Logam

Lihat Zaman Logam prasejarah Pahang yang telah dibincangkan sebelum ini.

## (iv) Zaman Sejarah

Kemuncak pada Zaman Pemerintahan Raja-raja Melayu di Tanah Melayu dan perhubungannya secara langsung dengan negara-negara luar.

Terjumpanya logam berharga seperti emas dan bijih timah di Tanah Melayu, menjadikan Sungai Tembeling sebagai satu jalan rentas yang menghubungkan di antara negeri-negeri Melayu di Pantai Timur dengan Negeri-Negeri Melayu di Pantai Barat. Ini menjadikan Sungai Tembeling sebagai satu jalan perdagangan utama yang menghubungkan pedagang-pedagang asing seperti China, India, Siam dan lain-lain pedagang tempatan. Jumaan seperti tembikar-tembikar, manik-manik dan lain-lain dari China, India, Eropah dan Nusantara dapat membuktikan tentang wujudnya perhubungan ini.

### **KEPENTINGAN SUNGAI TEMBELING DARI SUDUT ARKEOLOGI**

Sungai Tembeling dan sistem saliran memainkan peranan yang penting sebagai jalan darat di Semenanjung yang menjadikannya sebagai satu jalan perhubungan yang sibuk untuk satu jangka masa yang panjang.

Terjumpanya Gendang Dong Son serta tembikar-tembikar China dan Eropah jelas membuktikan bahawa Sungai Tembeling sebagai pusat perhubungan dalaman yang penting pada masa dahulu, malah hingga ke hari ini, penduduk-penduduk tempatan masih lagi menggunakan sistem sungai ini untuk berulang-alik dengan negeri-negeri yang bersempadan dengannya seperti Kelantan dihubungkan oleh Sungai Sat manakala Sungai Sepia menghubungkan Hulu Dungun untuk ke Terengganu.

Dari segi jumaan yang ditemui oleh penduduk tempatan dan dari laporan-laporan yang diterima, adalah dipercayai bahawa sepanjang 60 km bermula dari Kuala Nyong di selatan membawa ke hulu Sepia di utara merupakan kawasan yang berpotensi untuk dibuat kajian dan penyelidikan arkeologi agar sejarah budaya masyarakat dapat dihayati oleh setiap lapisan masyarakat.

Artifek-artifek yang ditemui selama ini menunjukkan wujudnya penempatan-penempatan untuk satu jangka masa yang panjang di mana Lembah Tembeling mula didiami dari Zaman batu membawa ke Zaman Logam dan seterusnya ke Zaman sekarang dan setiap perolehan mewakili zaman-zaman yang ditempuhi.

Dari segi temuan, alat-alat tembikar dari tanah atau 'pottery' merupakan alat buatan utama yang telah dihasilkan oleh masyarakat yang mendiami Lembah Tembeling, jika dibandingkan dari teknik-teknik buatan dan ragam hias, ciri-cirinya masih wujud dan diwarisi oleh pembuat-pembuat tembikar Melayu Tradisi yang terdapat di Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling ( Evans : 1922 ).

Tembikar tanah adalah salah satu dari ciri-ciri yang terdapat pada masyarakat zaman batu atau neolitik di mana pembuatan dan penggunaan periuk-periuk tanah terdapat dengan meluas sebagaimana dengan kemajuan pertanian dan pertambahan bekalan makanan. Dengan berbagai bentuk dan ragam hias yang tertentu, ia dicipta untuk kemudahan pengangkutan dan dijadikan bekas-bekas untuk menyimpan makanan atau artifek serta lain-lain kegunaan kerana ianya tidak mudah musnah dari ancaman serangga dan pereputan. Ini menyebabkannya sesuai untuk menyimpan biji benih, malah makanan boleh dimasak terus menggunakan tembikar tersebut.

Penemuan benda-benda dari tanah liat ini ada hubungan dengan pembaharuan besar dari kehidupan berpindah randah kepada satu kehidupan menetap. Ini juga membuktikan bahawa kelompok masyarakat Neolitik di Lembah Tembeling mempunyai pengetahuan menggunakan api dan bercucuk tanam sejak 4,000 tahun yang lalu.

Dari serpihan-serpihan tembikar ini dapatlah disimpulkan bahawa teknik buatan tembikar dari tanah oleh masyarakat ini masih di peringkat sederhana, bermula dengan teknik tangan atau 'hand made' di mana ketulan-ketulan tanah liat yang telah diuli akan dibentuk dan dihalusi kemudiannya sebelum dibakar. Teknik ini kemudiannya berkembang dengan penggunaan acuan batu dan ini dikenali sebagai teknik tetap batu atau 'peddle and anvil technique'.

Apabila berkembangnya penggunaan logam, pembuatan perkakas tembikar bertambah meluas di mana bentuk-bentuk dan corak ragam hiasnya menjadi semakin unik dan menarik terutama dengan ragam hias yang ditekan, gores dan ukir. Selain dari alat-alat tembikar, terutama yang mempunyai ragam hias anyaman tali atau 'cord marked', alat-alat perkakas batu seperti kapak atau beliung merupakan ciri-ciri utama yang menentukan kewujudan kebudayaan Neolitik bagi sesuatu penempatan.

Penemuan alat-alat batu ini meyakinkan kami tentang aktiviti masyarakat Neolitik di Lembah Tembeling. Tweedie dalam 'Stone Age in Malaya' ( Tweedie : 1953 ) menerangkan bahawa alat-alat ini merupakan perkakas yang memberi keupayaan pada penggunanya untuk membuka satu kawasan perkampungan dan ladang untuk kegiatan pertanian dan penternakan. Ini menjadikan masyarakat Neolitik di sini telah bertukar dari hidup berpindah randah menjadi menetap di satu kawasan dan menumpukan kegiatannya di sekitar kawasan penempatan sebagai petani, penternak dan pemburu serta lain-lain kegiatan sampingan. Apa yang menarik adalah dengan terjumpanya 'core tool' dan 'waste flakes' dalam kerja-kerja peng-galian di Bukit Komel pada tahun 1983 ( Zulkifli Jaafar : 1983 ). Ini menunjukkan adanya kemahiran pada masyarakatnya dalam membuat alat-alat batu sendiri.

Selain dari tinggalan-tinggalan budaya Neolitik, ditemui juga serpihan-serpihan acuan dari tanah liat yang dibakar. Acuan-acuan ini telah ditemui dalam kerja-kerja ekskavasi di Nyong, Jeram Koi dan Bukit Komel. Walaupun temuan acuan tanah ini tidak ada kaitan dengan tinggalan kebudayaan masyarakat Neolitik dan ia merupakan hasil dari tinggalan kebudayaan yang berlainan, tetapi ia juga merupakan salah satu jumpaan yang penting yang dapat memberi pengertian tentang kegiatan melebur logam untuk dijadikan alat-alat perkakas dari besi, gangsa atau tembaga.

Apakah satu masa dahulu Hulu Tembeling merupakan pusat melebur logam dan apakah penemuan seperti sisa-sisa peleburan besi seperti di Nyong, Jeram Koi dan Teluk Lubuk Puai ada

kaitannya dengan industri peleburan besi?

Pada asasnya, proses membentuk objek dari acuan tanah ini dikenali sebagai 'cire perdue' atau 'lost wax technique' iaitu teknik yang telah diamalkan sejak zaman gangsa lagi dan terus diperakaritiskan oleh tukang-tukang membuat barang-barang logam dari tembaga dan perak Melayu tradisional ( Morgan : 1951 ) kini.

Hasil daripada penyelidikan-penyalidikan yang telah dijalankan selama ini, bolehlah dinyatakan bahawa masyarakat yang mendiami Lembah Tembeling merupakan satu kelompok masyarakat yang berkemajuan dalam berbagai bidang dan berbagai-bagai dilakukan di samping pertanian sebagai kegiatan utama. Masyarakatnya merupakan satu kelompok yang tersusun dan teratur.

## PENUTUP

Walaupun beberapa siri kajian telah dijalankan dan banyak bukti arkeologi telah dikumpulkan, tetapi ia masih belum dapat membantu atau menyingkap keadaan sebenar mengenai masyarakat prasejarah Negeri Pahang. Umpamanya dalam penyelidikan di Hulu Tembeling, walaupun telah banyak bukti arkeologi di kumpulkan sama ada menerusi ekskavasi atau jumpaan biasa, masih tidak dapat membantu dalam menetapkan kedudukan sebenar asalnya kerana sebahagian besar dari temuan ini telah dibawa oleh aliran-aliran sungai yang menghakis tebing-tebing sungai dari hulu dari masa ke masa.

Peluang untuk mencari artifek-artifek ini mudah dikesan setiap kali tebing sungai ini runtuh akibat tindakan hakisan terutama di musim banjir setiap tahun. Kedudukan tapak-tapak arkeologi yang jauh di pedalaman dan sebahagian besar darinya terletak di kawasan keselamatan merupakan sebab-sebab utama kami tidak boleh menghampiri tapak-tapak yang berpotensi untuk dijalankan kajian arkeologi secara intensif dan bersistematis. Selain daripada itu

sebahagian tapak-tapak gua di negeri Pahang telah tercemar dan musnah bersama-sama bukti-bukti sejarah di dalamnya akibat dari kegiatan mengorek baja tahi kelawar.

Walau bagaimanapun kerja-kerja penyelidikan arkeologi akan terus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dari masa ke semasa oleh Jabatan Muzium melalui Unit Arkeologi untuk mengumpul data-data dan bukti-bukti arkeologi agar satu rumusan dapat dibuat mengenai kedudukan Negeri Pahang dalam pendekatan arkeologi agar sejarah dan budaya masyarakatnya dapat dibina semula berdasarkan perspektif tempatan dan oleh pengunjung tempatan sendiri.

## BAHAN RUJUKAN

1. ADI HAJI TAHA (1983), Recent Archaeological Discoveries in West Malaysia, 1976 - 1982 **JMBRAS**, Vol. 56 (1), 1983.
2. ADI HAJI TAHA (1985), The Reexcavation of Rock Shelter of Gua Cha, Ulu Kelantan, West Malaysia Monograph **EMJ** 30, 1985.
3. COLLING H.D.,(1937), A Collection of Stone Tools in the Raffles Museum from the Kuantan District, Pahang, **BRM**, Series B Vol. 1(2), Dec. 1937.
4. COLLING H.D.,(1937), Recent Finds of iron age sites in Southern Perak and Selangor, Federated Malay States, **BRM**, Series B Vol. 1(2), Dec. 1937.
5. DUNN F.L., (1964), Excavation of Gua Kecil, Pahang. **JMBRAS** Vol. 37(2) 1964.
6. EVANS L.H.N. (1920), Cave Dwelling in Pahang, **FMS**, Vol. 9(1), 1920.
7. EVANS L.H.N. (1922), The Potting Industry at Kuala Tembeling, **FMS**, Vol. 9(1), 1922.
8. EVANS L.H.N. (1928), On Slab Built Grave in Perak, **FMS**, Vol. 12(5), 1928.
9. EVANS L.H.N. (1931), Excavation at Nyong, Tembeling River, Pahang. **FMS**, Vol. 15, 1931.
10. HUNT W., (1951), Arhaeological Discoveries in Malaya 1951, **JMBRAS**, Vol. 24(1) 1951.
11. LINEHAN W., (1928), Some Discoveries of the Tembeling, **JMBRAS**, Vol. 6, 1928.

12. LINEHAN W.,(1951), Bronze and Iron Age Culture Associated in Malaya. *JMBRAS*, Vol. 24, 1951.
13. MATTHEW J.M. (1959), Rock Paintings near Ipoh, *MIH*, Vol. 5, 1959.
14. MORGAN G.T.M. (1951), Brass and White Metal in Trengganu, *JMBRAS*, Vol. 24(3), 1951.
15. PEACOCK B.A.V. (1964), A Preliminary Note on the Dong Son Bronze from Kg. Sg. Lang. *FMJ*, 1964.
16. PEACOCK B.A.V. (1965), A Recent Archaeological Discoveries in Malaysia 1964 *JMBRAS*, Vol. 36(1), 1965.
17. PEACOCK B.A.V. (1966), A Recent Archaeological Discoveries in Malaysia 1965 *JMBRAS*, Vol. 36(1), 1966.
18. PEACOCK B.A.V. (1967), Two Dong Son Drum from Kuala Trengganu, *MIH* Vol. 10(2), 1967.
19. THESEIRA D.A., (1976), Preliminary Report of Archaeological Site along the Tembeling River, *FKJ* (new series) Vol. 21, 1976.
20. TWEEDIE M.W.F. (1947), Prehistoric Object from the Tui Gold Mine, Near Padang Tunku, Pahang *JMBRAS*, Vol. 20, 1947.
21. TWEEDIE M.W.F. (1953), Stone Age in Malaya, *JMBRAS*, Vol. 26, 1953.
22. ZULKIELI JAAFAR, (1983), Laporan Ekskavasi, Bukit Komel, Hulu Tembeling, Pahang 1982-1983.  
Laporan Untuk Jabatan Muzium.
23. ZURAINA MAJID, (1991), *Prasejarah Malaysia: Sudahkah Zaman Gelap Menjadi Cerah*.  
Universiti Sains Malaysia, 1991.

#### CATATAN:

FMS	:	Federated Malay State Museum Journal
FMJ	:	Federated Museum Journal
MIH	:	Malaya In History
BRM	:	Bulletin of the Raffles Museum
JMBRAS	:	Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

**PERATURAN DAN HUKUM KANUN DI PAHANG DARI  
ZAMAN MELAKA SEHINGGA PEMERINTAHAN SULTAN  
ABDUL GHAFUR MUHAIYUDDIN SHAH (1590 - 1614)**

Oleh:  
Profesor Madya Abu Hassan bin Mohd. Sham  
Universiti Malaya

**1. Muqaddimah.**

Kertas kerja ini merupakan percubaan awal untuk melihat peraturan dan kanun negeri Pahang yang dipraktikkan pada tahap yang disebutkan di atas. Tajuk ini dipilih kerana kita mempunyai dua buah teks iaitu Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang. HKM mula dipraktikkan di zaman Sultan Muhammad Shah, adalah dijangkakan HKM inilah juga dipraktikkan di Pahang, walaupun tidak sepenuhnya. Raja-raja Melaka dan Pahang pada ketika itu adalah dari satu keluarga iaitu keturunan Sultan Mansur Shah Melaka. Lantaran Melaka sebuah empayar yang besar, nampaknya ia selalu memperkutuk katikkan pemerintah Pahang walaupun pemerintah Pahang itu saudara tuanya. Sultan Pahang yang pertama Sultan Muhammad Shah adalah abang kepada Sultan Alauddin Riayat Shah. Ketika Sultan Mahmud Shah memerintah, pemerintah Pahang pada ketika itu Sultan Ahmad Shah adalah bapa saudaranya.

**2. Zaman Empayar Melayu Melaka.**

Melaka menakluki Pahang pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah iaitu dalam tahun 1454. Ia diketuai oleh Bendahara Paduka Raja. Seri Bija Dirajalah yang bertanggungjawab menangkap Maharaja Dewa Sura yang telah melarikan diri ke hulu Pahang. Pahang pada ketika itu adalah di bawah takluk Siam.

Melaka pada ketika itu telah mencapai zaman kegemilangan. Ancaman Siam telah mula diketepikan sebab itu Sultan Mansur Shah berani menakluki Pahang untuk mengikis pengaruh Siam di daerah itu dan sekaligus menyebarkan agama Islam ke negeri tersebut<sup>1</sup>. Kini Pahang telah masuk ke era baru. Ia kini di bawah pentadbiran kerajaan Islam.

Pentadbiran Pahang dijangkakan mengikut peraturan Hukum Kanun Melaka. Tetapi sejauh mana meluasnya pemakaian undang-undang tersebut di Pahang, belum dapat dipastikan dengan tepat. Selepas ditakluki, Pahang diperintah oleh pemerintah dan raja-raja keturunan dari Melaka. Mula-mula Seri Bija Diraja dilantik menjadi pemerintah di Pahang. Kemudian ia diganti oleh Raja Muhammad, anak Sultan Mansur Shah, bergelar Sultan Muhammad Shah. Beberapa orang anak pembesar Melaka dilantik menjadi pembesar-pembesar yang penting di Pahang. Tun Hamzah (menantu Bendahara Seri Amar Diraja) dilantik menjadi Bendahara. Lain-lain pembesar seperti Temenggung dan Penghulu Bendahari juga turut dilantik. Berdasarkan HKM, memang tugas raja melantik pembesar-pembesarnya dan dalam hal ini raja Melaka melantik pemerintah dan pembesar-pembesar Pahang. Mengikut HKM:

"Adapun pada segala raja-raja itu, pertama menjadikan Bendahara, kedua menjadikan Temenggung, ketiga menjadikan Penghulu Bendahari, keempat menjadikan Shahbandar, maka terpeliharalah segala raja itu dengan segala rakyatnya." <sup>3</sup>

- 
1. Sesungguhnya dikatakan Islam telah sampai ke Pahang sejak 5H/10M dengan terjumiannya sebuah batu nesan di Kampung Permatang Pasir, Pekan, Pahang, tetapi penyebarannya mungkin agak terhad (lihat Mohd Mokhtar bin Shafii, "Batu Nesan Kurun ke 5H/10M di Pekan, Pahang" dalam *Tamaddun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, him. 13-28).
  2. Ibunya adalah Puteri Onang Seri, anak Maharaja Dewa Sura. Bapanya amat sayang kepadanya dan berhajat untuk merajakannya di Melaka. Tetapi lantaran peristiwa pembunuhan Tun Besar, anak Paduka Raja, oleh beliau menyebabkan beliau bertolak dari bumi Melaka lalu dirajakan oleh ayahanda baginda di Pahang.
  3. Liaw Yock Fang, (ea), *Undang-undang Melaka*, The Hague, 1976, him. 62.

Biasanya raja mempunyai kuasa mutlak. Ia diberi beberapa keistimewaan mulai dari bahasa yang khusus sehinggalah kepada warna pakaian dan jenis pakaian. Begitu juga pembesarnya sama ada Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari atau Shahbandar mempunyai keistimewaan dan kuasa-kuasa yang tertentu.<sup>4</sup> Tetapi Pahang dalam zaman Empayar Melayu Melaka bukanlah sebuah negara yang bebas sepenuhnya. Rajanya tidak dapat melakukan sekehendak hatinya. Hamba raja sepatutnya taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada rajanya<sup>5</sup>. Segala tindak-tanduk mereka sepatutnya di bawah penguasaan raja. Tetapi pemerintah Terengganu bernama Tun Telanai telah mengadap ke Melaka tanpa memberi tahu raja Pahang, sedangkan Terengganu adalah di bawah pemerintah Pahang. Hal ini menyebabkan Sultan Muhammad Shah naik murka, lalu menyuruh Seri Akar Raja membunuh Tun Telanai. Perbuatan ini pula mencabar kedaulatan raja Melaka Sultan Alauddin Riaayat Shah, lalu beliau menghantar Laksamana ke Pahang. Sebagai balasan di atas perbuatan raja Pahang itu, pengikut Laksamana telah membunuh sepupu Seri Akar Raja.

Sepatutnya raja Pahang berhak menjalankan kekuasaannya di negerinya sendiri kerana HKM sendiri memberi kelonggaran kepada pembesarnya untuk membunuh tanpa memberitahu raja. Tetapi Sultan Melaka yang merasakan dirinya lebih kuat terutama dengan adanya Laksamana Hang Tuah telah tidak memberi peluang kepada raja Pahang bertindak sesuka hatinya.<sup>6</sup>

- 
4. "Adapun hukum yang diserahkan kepada Bendahara itu seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar. Adapun hukum yang diserahkan kepada Temenggung itu barang yang duhukumkan di dalam negeri seperti tafahus menafahus dan seperti tangkap-menangkap orang yang jahat di dalam negeri itu. Adapun hukum yang diserahkan kepada Shahbandar itu iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teranaya dan adat segala jung dan baluk dan barang sebagainya."
  - ( HKM, him. 63 - 64 )
  5. "Hamba raja itu atas tiga perkara: suatu benar kepada afa'alnya, kedua menurut barang titah rajanya, mau ia zalim, mau ia tiada, fardu menurut titahnya. Ketiga ada ia mengharapkan ampun tuannya."
  - ( HKM, him. 66 )

HKM yang mengandungi 44 fasal itu bukan sahaja membicarakan hal-hal mengenai pentadbiran negeri tetapi juga membincangkan perkara-perkara mengenai jenayah dan undang-undang awam. Dibincangkan mengenai undang-undang mengenai jual beli (muamalat) dan juga perkahwinan. Kebanyakan undang-undang tersebut berdasarkan hukum syariat bermazhab Syafie. Liaw Yock Fang membahagikan kandungan HKM kepada tujuh kumpulan:<sup>7</sup>

- (a) Kesalahan bunuh membunuh
    - (i) Melakukan pembunuhan terhadap penceroboh
    - (ii) Membunuh orang mengamuk
    - (iii) Keistimewaan pembesar dapat membunuh tanpa memberitahu raja
    - (iv) Pembunuhan kerana diberi aib seperti menampar, memaki dan sebagainya terutama di khalayak ramai.
  - (b) Kesalahan berhubung dengan harta benda
  - (c) Kesalahan berhubung dengan seks
  - (d) Kesalahan melawan pemerintah
  - (e) Lain-lain peraturan
  - (f) Undang-undang mengenai pertanian dan penternakan
  - (g) Undang-undang mengenai abdi
- 
6. Dalam fasa 9 dari HKM memberikan kekuasaan membunuh kepada pemberangsanya. Sepatutnya raja Pahang dianggap sebagai pemerintah di negerinya sendiri mempunyai kuasa yang sama dengan pemerintah di peringkat pusat. Fasal 9 menyatakan: "Fasal yang kesembilan pada menyatakan yang dapat membunuh itu atas empat martabat. Satu Bendahara pada waktu tiada raja atau di dalam anak sungai sendiri harus membunuh dengan tiada titah raja. Kedua Temenggung pada waktu menangkap orang, itupun tiadalah menanti titah lagi dan ketika Syahbandar tatkala di kuala, barangsiapa tiada menurut katanya pada waktu membawa perahu dan kapal itupun tiadalah lagi dengan titah melainkan mana perintahnya juga. Keempat nakhoda tatkala di laut dapat ia membunuh dengan titah kerana ia raja pada masa itu." ( HKM, him. 78 )
  7. Ibid, him. 39 - 41.

Hukuman yang terdapat dalam HKM itu bukan sahaja berdasarkan undang-undang Islam tetapi juga dipengaruhi oleh undang-undang<sup>8</sup> Hindu dan juga undang-undang tempatan. Suatu hal yang menarik ialah undang-undang mengenai pertunangan.

"Fasal yang kedelapan belas pada menyatakan hukum orang angkara. Adapun angkara itu dua bahagi, suatu maharajalela, kedua angkara itu seperti menawar tunangan orang atau melakukan barang kehendaknya dengan tiada lagi berkira-kira itu salah ia kerana hukum, itulah hukum angkara namanya".

Adapun jikalau seseorang menawar tunangan orang yang sudah diberinya suatu alamat tanda kahwin, maka ditawarnya seseorang itu, tatkala ia menawar itu kemudian maka tahu tunangan itu, maka diberinya tahu oleh tunangannya kepada hakim, maka oleh hakim itu disuruhnya panggil ibubapanya perempuan yang menyukakan itu. Maka disuruh mengembalikan acaram orang itu ganda. Maka didenda oleh hakim yang menawar itu sepuluh tahil sepha. Adapun jikalau ia miskin, lima tahil sepha juga.

Adapun jikalau tiada tahu ia akan tunangan orang lain itu, tiadalah kena denda kerana ia tiada tahu akan tunangan orang itu. Adapun jikalau disukakan oleh ibubapanya itu dan yang menawar itu tiada dia tahu akan tunangan orang lain itu, maka dendanya itu kepada bapanya juga kerana ia menyukakan tawaran laki-laki lain itu. Maka seperti adat mana yang patut dendanya itu juga melainkan ikhtiar segala hakim juga. Adapun jikalau tiada tahu laki-laki itu dan tiada disukakan oleh ibubapanya, tiada salah kepadanya lagi."

Sungguhnya HKM dengan jelas menganggap suatu kesalahan bagi seseorang mengambil tunangan orang, tetapi Hang Nadim mengikut sejarah Melayu telah mlarikan Tun Teja, tunangan Sultan Abdul Jamil, raja Pahang ketika itu ke Melaka untuk diperisterikan oleh Sultan Mahmud.<sup>9</sup>

---

8. Antaranya ialah undang bersumpah bagi membuktikan kebenaran dengan mencelupkan tangan ke dalam minyak atau timah yang panas. ( Fasal 14 )

9. Liaw Yock Fang. op. cit. him. 101 - 102.

Dari peristiwa di atas kita lihat pembesar-pembesar Melaka banyak yang melanggari hukuman undang-undang mereka terutama berhubung dengan Pahang. Sultan Melaka nampaknya mengatasi undang-undang terutama berhubung dengan tanah jajahan mereka seperti negeri Pahang ini.

Perhubungan diantara Pahang dan Melaka terus berjalan sehingga Melaka dikalahkan oleh Portugis dalam tahun 1511. Terdapat 4 orang sultan Pahang dalam era ini iaitu Sultan Muhammad Shah, bekanda Sultan Ahmad Shah dan pemerintahan bersama antara Sultan Abdul Jamil (anak Sultan Muhammad Shah) dan Sultan Mansur I (anak Sultan Ahmad Shah). Mereka adalah berketurunan Sultan Alauddin Riaayat Shah Melaka.

Selepas Melaka dikalahkan oleh Portugis, cengkaman Melaka ke atas Pahang bukan bermakna berakhir sama sekali. Ia diteruskan oleh bekas raja Melaka yang kini menguasai di Bintan. Tetapi selepas Sultan Mahmud Shah mangkat di Kampar kekuasaan Melaka ke atas Pahang diagakkan makin merosot.

Dalam keadaan negeri-negeri bekas Empayar Melayu Melaka yang semakin lemah, pentadbiran tidak dapat dipusatkan kepada satu-satu tempat sahaja. Jika dipandang dari sudut penggunaan teks undang-undang, teks tersebut juga dikongsi oleh beberapa buah negeri. Inilah apa yang terjadi pada teks Hukum Kanun Pahang.

### **3. Hukum Kanun Pahang**

Sebuah teks yang dikaitkan dengan nama Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah (1590 - 1614). Beliau merupakan Sultan Pahang ke 12 keturunan raja Melaka (Sultan Mansur Shah).

Teks ini dikatakan digunakan juga di negeri Perak dan Johor. Ini jelas pada pendahuluannya:

"Maka inilah surat risalat yang simpan pada menyatakan pekerjaan segala raja-raja dan segala wazirnya di dalam negeri Pahang, Perak dan Johor daripada masa Sultan yang amat besar kerajaannya iaitu Sultan Abdul al-Ghafur yang dikenalkan kerajaannya dari dunia datang ke akhirat."<sup>11</sup>

Suatu perkara yang menarik ialah jika dulu HKM yang digunakan di Melaka mungkin diterapkan juga di negeri-negeri jajahan takluknya termasuk Pahang tetapi kini undang-undang yang digunakan di Pahang digunakan juga di Johor dan Perak.

Perubahan ini berlaku akibat perubahan sejarah. Pahang kini tidak lagi di bawah bayang-bayang kerajaan lain. Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, keturunan bekas raja Melaka cuba bertapak di Johor tetapi tidak pernah menjadi satu kuasa yang kuat kerana sentiasa sahaja diserang oleh Portugis dan Aceh. Pahang makin lama makin mendapat kebebasan walaupun tidak sepenuhnya dari bekas keturunan raja Melaka. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Kadir (Sultan Pahang ke 10), beliau cuba menukar dasar dengan berbaik-baik dengan Portugis. Perkara ini dilanjutkan dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur. Beliau lebih jauh lagi iaitu mengadakan persahabatan pula dengan pihak Belanda. Abraham van den Broek dan Admiral Cornelius Matelief telah pernah datang ke Pahang untuk mengadakan persahabatan terutama hajat Belanda meminta pertolongan Pahang untuk mengalahkan Portugis di Melaka.

- 
10. W. Lineham berpendapat raja Pahang pada ketika itu, Sultan Ahmad, ialu Sultan Pahang yang kedua, dan bukan anak saudaranya, Sultan Abdul Jamil. Manakala Hikayat Hang Tuah pula menyebutkan tunangan Tun Teja ialah Megat Panji Alam dari Terengganu.
  11. John E. Kempe dan R. O. Winstedt, "A Malay Legal Digest", JMBRAS, xx bhg.1, 1948 him. 24-25.

Pahang sebenarnya tidak pernah terpisah dari negeri-negeri jirananya terutama dalam hubungan keluarga samada melalui keturunan mahupun melalui perkahwinan. Umpamanya Sultan Abdul Ghafur telah mengahwini puteri Raja Brunei dan adik Raja Fatani. Ia mengahwinkan anaknya Raja Abdullah yang dikenali dengan gelaran Raja Muda Pahang dengan seorang puteri dari Perak. Mengenai Johor pula, memang Pahang berhubungan darah dengan raja-raja Johor pada masa itu Sultan Alauddin Riaayat Shah III. Lantaran itulah HKP terpakai juga di Johor dan Perak.

### **3.1. Naskhah-Naskhah HKP**

Terdapat sekurang-kurangnya 3 naskhah teks HKP ini:

#### **(i) Naskhah A**

Kini tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society (RAS), Maxwell MS No. 17. Naskhah ini disalin untuk Sir William Maxwell pada 1296H/1879 yang ketika itu bertugas sebagai Assistant Resident di Larut Perak. Penyalinnya tidak disebutkan namanya. Ia disalin dari naskhah kepunyaan Sultan Idris ibni Raja Iskandar (yang ketika itu berpangkat sebagai Bendahara). Naskhah kepunyaan Sultan Idris itu bertarikh T.M 1819 disalin oleh Naina Ahmad Lebai bin Nakhoda Muhammad Husain yang bergelar Fakih si Raja Mantri yang berasal dari keluarga Pulicat India tetapi dilahirkan di Melaka.

#### **(ii) Naskhah B**

Juga tersimpan di Perpustakaan RAS, London. Ia disalin pada 1300H/1884M untuk Mr. Leech kerani kepada Residen Perak. Penyalinnya ialah Luakan bin Muhammad Rashid. Naskhah asalnya bertarikh 1248H/1832 kepunyaan Dato' Sri Adika Raja.

Kedua-dua naskhah ini dijadikan dasar oleh John E Kempe & R.O Winstedt untuk mengedit teks HKP ini dengan diberi judul "A Malay Legal Digest Compiled for Abd al-Ghafur Muhaiyud-din Shah, Sultan of Pahang 1592 - 1614 A. D with undated additions" diterbitkan dalam JMBRAS jilid xxi, bhg I, 1948.

### (iii) Naskhah C

Naskhah ini asalnya kepunyaan Sir Frank Swettenham yang kemudiannya tersimpan di Museum Perak. Orang pertama sekali menyedari tentang adanya naskhah ini ialah R.W. Jakeman. Perbicaraannya dimuatkan ke dalam JMBRAS Jilid xxiv, bhg. iii, 1951 dengan judul "The Pahang Kanun of Sultan Abdul Ghafur, Another Text."

Jika kedua-dua naskhah A dan B adalah disalin untuk W.E Maxwell, tetapi naskhah C ada memperlihatkan yang ia kepunyaan Sir Hugh Clifford sebelum ia jatuh ke tangan Swettenham kerana pada kulit naskhah itu terdapat tandatangan Hugh Clifford. Ada kemungkinan naskhah ini disalin untuk Clifford semasa beliau bertugas di Pahang, tetapi nama penyalin dan dari siapa naskhah itu disalin tidak dapat diketahui. Pentingnya nashkah C ini ia adalah kepunyaan pembesar Pahang dan disalin untuk seorang Residen British di Pahang iaitu Hugh Clifford.

Sesungguhnya ketiga-tiga nashkah ini terdapat perbezaan kecil di sana sini, tetapi dapatlah ia dianggap mewakili sebuah teks iaitu **Teks Hukum Kanun Pahang**.

## 3.2. Kandungan HKP

HKP merupakan sebuah dokumen penulisan undang-undang yang memperlihatkan butir-butir undang yang dipakai oleh negeri Pahang pada penghujung abad ke 15 dan awal abad

16. Sebagai sebuah negeri bekas jajahan Kesultanan Melaka isi undang-undang ini tidak lari dari dipengaruhi oleh Hukum Kanun Melaka. Walau bagaimanapun di beberapa bahagian yang lain ia berbeza dengan HKM.

Sebelum membahaskan HKP ini lebih lanjut, ada baiknya kita lihat isi kandungan sepintas lalu.<sup>12</sup>

Undang-undang ini mengandungi 93 fasal tetapi pemisahan fasal-fasal tersebut tidaklah begitu nyata seperti HKM. Tiap-tiap fasal dimulai dengan frasa, "Peri pada menyatakan hukum ...". HKM memulakan fasalnya, "Fasal yang pertama pada menyatakan, "Fasal yang kedua pada menyatakan hukum ..." dan seterusnya.

Isi fasal-fasal itu tidaklah dibuat secara sistematis dan mengikut klassifikasi yang tertentu tetapi ianya bercampur aduk. Terdapat fasal-fasal mengenai undang-undang ketatanegaraan dicampur adukkan dengan undang-undang jenayah dan awam.

Untuk memudahkan perbicaraan kandungan HKP, ia akan dibincangkan di bawah beberapa tajuk, walaupun ia tidak mengikut urutan fasal-fasal dalam teks.

**(a) Hal-hal mengenai Tugas dan Keistimewaan Raja-Raja dan Pembesar.**

Ia terdapat pada bahagian pendahuluan teks tersebut. Dinyatakan tentang perlunya mengujudkan jawatan Raja pada sesebuah negeri itu dengan berdasarkan ayat al-Quran "Inni jailun Fi'l-adi khalifah" ( bahawa sesungguhnya aku hendak menjadikan Raja dalam bumi akan gantiku )

12. Berdasarkan edisi John E Kempe & R. O Winstedt, JMBRAS jild xđ, bhg. 2, 1948 him. 24-64 mengikut urutan fasal-fasal dalam teks.

Raja pula berkewajipan melantik pembesar-pembesar bagi membantunya mentadbirkan sesebuah negeri itu. Di antara jawatan pembesar itu ialah Mangkubumi, Penghulu Bendahari, Temenggung, Shahbandar, Menteri-Menteri dan Bentara. Diterangkan juga tugas-tugas pegawai tersebut.

Dalam fasal 1 diterangkan keistimewaan raja seperti pakaian kekuningan yang dilarang bagi orang biasa memakainya. Larangan diraja ini diulang perbicaraannya pada Fasal 76.

**(b) Hal-hal mengenai Tanah, Tanaman dan Binatang Ternakan.**

Hukum mengenai perkara di atas terdapat dalam fasal 2,3,20,38,39,41,56 dan 67.

Pada dasarnya tanah adalah kepunyaan raja/negara. Rakyat hanya berhak mengerjakan tanah tersebut dan bukan untuk memilikinya. Dalam fasal 2 menyatakan seseorang itu boleh meminjam atau menyewakan Tanah Huma yang tidak dikerjakan. Jika tidak tanah itu akan dipanggil tanah mati. Tanah yang tidak diusahakan boleh dikerjakan oleh orang lain kecuali tuan asalnya berhasrat untuk mengerjakan atau tanah itu berhampiran dengan dusunnya.

Jika tanah itu Tanah Rimba (Fasal 41) ia boleh diusahakan dengan syarat beliau orang Islam.

Undang-undang mengenai sewa tanah terdapat lagi pada Fasal 38. Sewaan itu hendaklah dibayar dalam bentuk emas atau perak atau barang makanan dan tidak harus dalam bentuk hasil tanaman tersebut.

Seseorang itu akan diberi upah jika ia menjirus atau menyirami tanaman orang lain (Fasal 39).

Hukum mengenai kesalahan binatang ternakan mencerobohi tanaman orang lain terdapat dalam Fasal 3, 20, 56 dan 67. Pada keseluruhannya HKP menggalakkan tuan

punya tanaman memagar tanahnya. Denda yang lebih besar dikenakan pada tuan punya binatang jika binatangnya menceroboh pada waktu malam. Ini menunjukkan HKP menggalakkan tuan punya binatang ternakan mengandang atau mengurung binatangnya pada waktu malam.

(c) **Hukum Berniaga**

Sebagaimana Hukum Syarak, HKP jelas mengikut hukum Islam dalam urusan perniagaan. Dalam fasal 24, disertarkan nas al-Quran mengenai perkara ini, "Qala Ilahu ta'ala, waahalla 'Ilahu 'I-bay'a wa harrama'l-riba" yakni halalkan Allah Ta'ala bermiaga dan haramkan Allah Ta'ala makan riba. Teks ini menyambung lagi,

"Bermula tiada sah bermiaga emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan suatu jenis yang lain dengan satu jenis yang lain yakni emas dengan suatu jenis yang lain yakni perak tunai dan bermiaga makanan sama makanan janji." (halaman 41)

Dibahaskan juga hukuman mengenai berjual rumah iaitu tidak termasuk barang yang boleh diceraikan daripada rumah tersebut. Jika berjual tanah tetapi tidak disebutkan mengenai buah-buahan dalam tanah itu, jika pokok itu sedang berputik buahnya diserahkan kepada penjual tetapi bagi hasil-hasilnya yang selepas itu adalah milik pembeli pula (Fasal 25).

Barang yang dibeli didapati cacat atau aib hendaklah dikembalikan segera. Ini termasuk pembelian hamba (Fasal 26).

Fasal jual beli ini terdapat juga dalam fasal 31, 73 dan 75.

(d) **Hukum Berhutang dan Meminjam**

Hutang adalah suatu jalan bagi seseorang untuk membesarakan perniagaan atau untuk membantunya meringankan bebananya dalam masa kesusahan.

Bagi setengah orang, hutang akan diberi jika ada cagarannya. Peruntukan mengenai cagaran ini terdapat pada Fasal 27. Benda yang boleh dicagarkan disandarkan ialah sesuatu yang boleh diperniagakan, tetapi lebih banyak hutang yang tiada mempunyai apa-apa sandaran.

Hutang itu ada dua jenis (Fasal 81) iaitu hutang yang ada mempunyai tempoh (yang dijanjikan) dan hutang biasa. Bagi hutang yang dijanjikan jika terlambat sehari ia membayarnya, sipenghutang akan bekerja dengan sipiutang dan jika ia lari, ia akan menjadi hamba kepada sipiutang. tetapi bagi hutang yang tidak dijanjikan, ia boleh melepaskan hutangnya dengan cara menjadi hamba raja.

HKP ini nampaknya tidak memberatkan keluarga sipenghutang. Jika ia mati tanpa meninggalkan hartanya, anaknya tidak harus membayarnya (Fasal 87). Begitu juga jika hutang itu dibuat tanpa pengetahuan keluarganya, keluarganya tidak diwajibkan menjelaskan hutang tersebut (Fasal 88).

Hukum mengenai hutang terdapat juga dalam fasal-fasal 29, 30, 32 dan 33.

### **(e) Hukum Orang Bergadai**

Gadai itu terbahagi dua, iaitu:

#### **(i) Gadai Berbunga**

Biar berapa lama barang gadai itu dipegang, bunganya sekali ganda juga.

#### **(ii) Gadai Tanpa Bunga**

Jika tuan punya emas gagal menebusnya apabila tempohnya tamat, pemegang gadai bolehlah mengambil nilai wangnya dengan menjualkan emas itu, selebihnya dipulangkan semula kepada tuannya. Jika harga emas itu lebih rendah nilainya daripada harga gadaian, perbezaan nilai itu dianggap sebagai hutang (Fasal 12).

**(f) Hukuman yang berhubung dengan hamba abdi**

Ketika undang-undang ini dipraktikkan perhambaan belum dihapuskan. Oleh itu tidak hairanlah beberapa peruntukan undang-undang mengenai mereka dalam teks ini.

Golongan abdi adalah terletak paling terkebawah dalam susunlapis masyarakat Melayu lama. Tarafnya kadang-kadang dapat disamakan dengan barang kerana ia boleh diperjual beli atau dipinjamkan kepada orang lain. Hamba-hamba yang dibeli itu dapat dipulangkan jika didapati aib seperti gila atau buta larangan atau suka mencuri dan sebagainya. Ini hendaklah dilakukan dalam tempoh 6 bulan (Fasal 9).

Abdi dapat dipinjamkan untuk menjalankan sesuatu tugas terdapat dalam Fasal 14. Jika apa-apa terjadi kepada hamba tersebut seperti terbunuuh dan sebagainya, ia terpaksa menggantikan dengan hamba lain kepada tuannya.

Hukuman yang dikenakan kepada hamba biasanya lebih berat jika dibandingkan dengan orang biasa. Hukuman terhadap abdi yang melakukan berbagai-bagai kesalahan terdapat pada Fasal 8, 10, 11, 13, 15, 16, 43, 70 dan 83.

Satu golongan hamba yang lebih tinggi kedudukannya ialah hamba raja. HKP dalam Fasal 19 memberikan keistimewaan kepada golongan ini.

"Adapun barangsiapa memalu hamba raja lalu mati, masuk ulur pada raja; jikalau abdi dikerat lehernya; jikalau dengan setahu tuannya didenda sekali lima. Maka hendaklah kamu sekalian jangan melawan hamba raja jikalau sebagaimana sekalipun. Adapun yang daif pada hukum resam jikalau hamba raja itu sangat maskharanya atau tiada dapat berlepas dirinya daripada tangannya, jikalau ada seperti syarat ini, maka dapatlah ia mendatangkan tangannya kepada hamba raja itu atau barang salahnya beritahu pada hakim atau pada penghulunya raja menghukum dia." (hlm. 39 ).

**(g) Hukum menjumpai barang hilang**

Bagi menjaga ketenteraman masyarakatnya diadakan ketentuan undang-undang bagi mereka yang menjumpai atau untuk mendapatkan semula barang-barang yang telah hilang. Barang-barang yang selalu itu termasuklah emas, perak, perahu, dayung, penganyuh dan juga abdi.

Jika seseorang itu menjumpai emas atau perak ia akan medapat 2/10 dari nilainya setelah dibawanya kepada hakim, jika tidak ia dianggap menyimpan barang curi. (Fasal 18)

Fasal 68 pula menasihatkan mereka yang menjumpai emas, perak dan kain untuk dipamerkan di jambatan selama 3 hari, kemudian dibawa kepada menteri. Fasal ini tidak pula memberikan nisbah hadiah yang akan diterima oleh orang yang menemui barang tersebut.

Bagi mereka yang menjumpai perahu pula, ianya boleh dipakai sementara belum bertemu dengan tuannya. Jika ia bertemu dengan tuannya, jika ia bertemu perahu itu di laut, tuan punya perahu hendaklah menebus 1/3 daripada harga perahu tersebut (Fasal 17). Fasal 69 pula menyuruh mereka yang menemui perahu, dayung, penganyuh dan kajang yang hanyut membawa ke jambatan selama 3 hari. Tidak pula diberikan hukuman selanjutnya.

Fasal 44 pula menyebutkan sesiapa yang menjumpai sesuatu barang di jalan atau di hutan atau di masjid, hendaklah ia menghebahkannya selama satu tahun. Tidak diterangkan dimanakah tempat untuk dihebahkan itu. Jika bertemu dengan tuannya hendaklah dipulangkan barang itu. Jika tiada tuan punya barang itu adalah miliknya.

Jika bertemu binatang ternakan hendaklah dipeliharanya dan akan dipulangkan jika bertemu dengan tuannya. Tetapi seseorang itu tidak boleh memiliki sesuatu barang atau hamba perempuan yang bertemu dalam Masjid Mekah.

Jika mendapat anak hamba terbuang, hendaklah memberitahu tuannya jika tuannya mengizinkan membayar 1/3 daripada harga hamba itu (Fasal 13).

(h) **Kesalahan yang berhubung dengan seksual seperti zina, rogol dan sebagainya.**

Kesalahan seperti ini dianggap serius. Hukumannya adalah berat. Umpamanya Fasal 7, seseorang yang sedang berzina dengan isteri orang, jika ditemui oleh suaminya ia dapat dibunuh. Si suami juga dapat membunuh sesiapa yang mengganggu isteri atau gundiknya ketika dalam perjalanan (Fasal 5).

Fasal 49 memetik hukum syarak pula mengenai hukum zina ini. Jika pasangan berzina itu muhsin (sudah pernah berkahwin); hukumannya direjam dengan batu sampai mati. Tetapi jika bukan muhsin dirotan sebanyak 100 kali dan dibuang negeri selama satu tahun. Hukuman terhadap hamba ada 1/2 daripada orang menderhaka.

Bagi kesalahan liwat dan mengadakan hubungan jenis dengan binatang hukumannya dianggap zina juga. Seseorang yang dapat dijatuhkan hukuman itu hendaklah melalui ikrarnya sendiri atau diseksa oleh empat orang lelaki (Fasal 50).

(i) **Kesalahan Menderhaka**

Kesalahan ini adalah dipandang paling serius di dalam masyarakat di mana raja adalah pemerintahan yang paling tertinggi. Institusi raja perlu dikenalkan kerana ia adalah sebagai satu-satunya tempat rakyat bernaung. Menggugat raja bererti menggugat seluruh struktur masyarakat itu. Sebab itulah si penderhaka tidak boleh dipandang ringan. HKP Fasal 23 menerangkan kita mengenai hukuman kesalahan ini:

"Hukumnya diseksa dengan tiga ratus enam puluh baginya seksanya sebilang urat, maka hartanya dirampas, anak isterinya jadi hamba raja. Maka orang itu diberi azab selama-lamanya dengan seratus empat puluh lapan bilang tulang manusia. Jikalau ia sudah mati, dibelah empat, maka dibuangkan keempat-empat daksina." (hlm. 40)

Hukuman nampaknya bukan dijatuhkan kepada si penderhaka sahaja tetapi orang yang bersubahat dengannya. Jika seseorang itu tidak mengadukan kepada raja mengenai si penderhaka, sisubahat akan dikerat lidahnya, dipasak dua telinganya, dicungkil kedua belah biji matanya dan dibuang ke tempat sunyi.

Jika seseorang yang berniat menderhaka dengan cuba mendirikan kota yang lain dan setelah dipujuk ia tidak mau tunduk, orang itu boleh dilawan berperang (Fasal 57).

#### (j) Kesalahan Membunuh

Kesalahan ini adalah dipandang berat selain dari kesalahan menderhaka kerana nyawa manusia itu tidak boleh diambil sewenang-wenangnya.

Bagi orang Islam yang membunuh orang lain seagama tanpa kesalahan ia akan dibunuh kembali. Tetapi seseorang itu tidak boleh dibunuh jika ia membunuh orang kafir atau abdi atau seorang bapa yang membunuh anaknya.

Jika Yahudi membunuh Nasrani atau Majusi ia akan dibunuh kembali walaupun ia memeluk agama Islam kemudiannya. (Fasal 46)

#### (k) Hukum Kisas

Hukum Kisas ini sebenarnya berhubung rapat dengan pembalasan yang setimpal terhadap sesuatu kesalahan seperti membunuh, melukai atau mencederakan anggota orang lain. Tetapi tiada dibenarkan, "dipotong kanan dengan kiri, yang

benar dengan cenangga, tiada kelingking dengan jari manis, tiada gigi kecil dengan gigi besar, jika reda keduanya sekalipun." (Fasal 47, hlm 49)

**(l) Hukum yang bersabit dengan pencerobohan**

Dalam masyarakat Melayu tradisional, nilai maruah adalah amat dipandang penting. Sesiapa yang menjatuhkan maruahnya, orang itu dapat dibunuh tanpa banyak soal jawab lagi. Ini dapat kita lihat pada Fasal 4, seseorang itu dapat dibunuh jika ia mengganggu anak isteri orang dalam masa perjalanan. Juga dapat dibunuh seseorang yang menceroboh rumah orang lain dengan niat untuk mengambil harta atau mengganggu isi rumahnya (Fasal 55). Juga dilarang seseorang itu mengetuk pintu rumah orang lain di waktu malam, jika ia terbunuh, ia mati sia-sia sahaja (Fasal 71).

**(m) Hukum Mencuri dan Menyamun**

HKP mengikut undang syarak dalam menjatuhkan hukuman kepada orang mencuri iaitu dengan dipotong tangan, tetapi sebelum dijatuhkan hukuman itu hendaklah memenuhi lima syarat iaitu akil baligh, tidak gila, barang itu bernilai satu emas tiga kupang, benda itu dalam peliharaannya dan barang itu tidak menyerupai barang kepunyaan pencuri.

Begitu juga dengan cara pemotongannya iaitu berdasarkan hukum Islam. Bagi kesalahan pertama dipotong tangan kanan diikuti oleh kaki kiri dan tangan kiri (Fasal 53, hlm. 50-51).

Bagi kesalahan menyamun terutamanya yang melibatkan membunuh tetapi belum lagi menyamun apa-apa harta. Tetapi jika ia telah menyamun harta, hukumnya dibunuh dan disula selama tiga hari. Jika mengambil harta sahaja tanpa membunuh si penyamun dipotong tangannya atau ditakzirkan sahaja (Fasal 54, hlm. 52).

**(n) Kesalahan-kesalahan bersabit dengan judi**

Jenis-jenis judi termasuk berceki, bergasing, berajak-ajak tali saing (Fasal 93), menyabung ayam (Fasal 90) dan bersalam (Fasal 91). Jika melakukan kesalahan-kesalahan di atas akan dikenakan denda-denda tertentu.

**(o) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan agama**

- i) Enggan membayar zakat: Ia boleh diperangi (Fasal 58).
- ii) Murtad: Disuruh taubat tiga kali jika ia enggan dibunuh dan mayatnya jangan dimandi dan disembahyangkan (Fasal 59).
- iii) Enggan bersembahyang: Disuruh ia bertaubat tiga kali tetapi jika enggan ia dibunuh, tetapi mayatnya ditanam seperti orang Islam.
- iv) Perang sabil: Berlakunya hukum perang sabil jika seseorang yang melakukannya Islam, baligh, berbudi, laki-laki, sihat, berani dan keras untuk berperang.

Mengenai ketentuan hukuman itu HKP menjelaskan:

"Bermula apabila kafir ditawan, hukumnya dua perkara: seperkara menjadi hamba dengan tawan itu segala kanak-kanak dan segala perempuan; seperkara tiada menjadi hamba dengan tawan itu segala laki-laki baligh. Bermula raja memilih antara mereka itu di dalam empat perkaryanya dibunuh atau diperhamba atau dilepaskan atau dipintai harta, dilepaskan yang kebajikan dipekerjakan barangsiapa Islam dahulu daripada tawaran tertawan, terpelihara hartanya dan segala anaknya yang belum baligh. Dihukumkan kanak-kanak hukum Islam dengan tiga syarat: Pertama jika ada ibu bapanya Islam atau neneknya Islam seorang daripada bapanya atau didapat ia lagi kecil didalam negeri Islam. (Fasal 61, hlm. 54).

(p) **Lain-lain Kesalahan**

HKP tidaklah dapat dikatakan lengkap seluruhnya tetapi ia telan mempunyai hampir keseluruhan kesalahan-kesalahan yang selalu berlaku pada ketika itu. Undang-undang ini jelas s ebagai panduan bagi raja dan pembesar dalam menjalankan pentadbiran negeri Pahang pada masa itu.

**Perbandingan antara HKP dan HKM Dari Sudut Isi**

Agak sukar juga untuk menentukan yang mana satu edisi HKM yang mahu digunakan. Hingga kini terdapat 3 edisi yang pernah diterbitkan:

- (i) Terjemahan dalam bahasa Inggeris diterbitkan di dalam buku T. J. Newbold "British Settlements in the Straits of Malacca" 1839.
- (ii) Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang - Oendang Melaka, Leiden 1919, diedit oleh Dr. Ph. S. van Ronkel.
- (iii) Undang-undang Melaka, Teh Hague 1976 diedit oleh Liaw Yock Fang.

Ketiga-tiga edisi tersebut mengandungi jumlah fasal yang berbeza-beza. Edisi Newbold mengandungi 81 fasal, edisi van Ronkel mengandungi 27 fasal dan edisi Liaw Yock Fang mengandungi 44 fasal.

Bagi maksud kajian ini penulis akan menggunakan edisi Liaw Yock Fang yang dianggap lebih definitif.

Perbandingan ini akan dihadkan kepada perkara-perkara yang penting sahaja.

- (a) Pada dasarnya kedua-dua teks ini tidak mempunyai perbezaan yang besar dari segi larangan diraja. Dalam HKM terletaknya dalam fasal 1, 2 dan 3. Mengenai tugas diraja dan pembesar. HKP nampaknya lebih terperinci iaitu di samping membin-

cangkan tugas-tugas raja dan pembesar utama seperti Bendahara (HKP = Mangkabumi ), Temenggung, Penghulu Bendahari dan Shahbandar, juga dibincangkan tugas-tugas hakim, hulubalang, kerah-kerahan, fakih dan hamba raja.

- (b) Berhubung dengan undang-undang tanah pula, pada dasarnya HKP mengikut induknya HKM sahaja tetapi ada tempat-tempatnya HKM lebih terperinci dari HKP. Perkara mengenai tanah dalam HKM terdapat dalam fasal 19, 20, 22 dan 31. Undang-undang mengenai binatang ternakan pula terdapat dalam fasal 15, 21 dan 22.
- (c) HKM juga memperuntukkan undang mengenai perniagaan dalam Fasal 30 yang juga memetik dari sumber hukum Islam iaitu Allah menghalalkan perniagaan tetapi mengharamkan riba.
- (d) HKP nampaknya tidak jauh bezanya dengan HKM mengenai hukum hutang piutang. Peruntukan mengenai hutang dalam HKM terdapat dalam fasal 43 dan 44.
- (e) Hukuman mengenai abdi lebih jelas dan lebih banyak peruntukannya di dalam HKM jika dibandingkan dengan HKP. Ini terutama sekali berhubung dengan kesalahan jenayah. Biasa kesalahan yang dilakukan oleh hamba menerima hukuman yang lebih berat. Umpamanya pada fasal 8:

<b>Kesalahan</b>	<b>Taraf</b>	<b>Denda</b>
(i) Menetak	Merdecheka menetak hamba Hamba menetak merdecheka	1/2 harga hamba masuk ulur kepada merdecheka
(ii) Menampar	Hamba menampar merdecheka	tangannya dipotong
(iii) Memaki	Hamba memaki merdecheka	digocoh mulutnya atau ditanggalkan giginya.

Peruntukan undang-undang mengenai perhambaan (termasuk hamba raja) dalam HKM terdapat pada fasal-fasal 1, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 15, 23, 24, 43 dan 44. Undang-undang itu termasuklah undang-undang menjual beli hamba, mengupah menyembunyikan hamba orang, mencuri hamba, membunuh, menampar, memaki dan mencuri hamba termasuk hamba raja.

Peruntukan mengenai hamba lebih banyak terdapat dalam HKM disebabkan Melaka pada ketika itu menjadi sebuah Empayar yang besar, yang menjadi pusat kekuasaan politik dan perdagangan. Sudah tentu jumlah hamba abdi lebih ramai jika dibandingkan dengan negeri Pahang pada awal abad ke 16.

- (f) Walaupun antara HKM dan HKP banyak mempunyai persamaan tetapi HKM lebih menonjol unsur-unsur Hindu jika dibandingkan dengan HKP. Di antara undang-undang tersebut ialah hukum tuduh-menuduh tanpa saksi. Mereka hendaklah berlawan menyelam dalam air atau mencelup tangan ke dalam minyak yang cair.

Dalam undang-undang Hindu sumpah seperti ini dinamakan divya. Ini jelas dalam kitabnya Dharmasutra dan Apastamba. Mengikut konsep ini seorang yang mahu membuktikan kebenarannya terpaksa menyelam di dalam air (apah). Satu upacara dijalankan. Jika ia sanggup berada dalam air sehingga semua upacara itu selesai, ia<sup>13</sup> dianggap tidak bersalah.

Pengaruh Hindu yang lain yang terdapat pada HKM ialah hukum kahwin paksa kepada lelaki yang melarikan anak isteri orang lain, mengenakan bunga kepada gadaian, diskriminasi dalam menjatuhkan hukuman. Diskriminasi ini dilihat status seseorang itu. Ini terutama sekali berhubung dengan orang nakhoda yang mencuri hamba.

---

13. Sen Gupta, "Evolution of Ancient Indian Law", Culcutta, 1953, him. 63.(14) HKM, Fasal 12.

Kedudukan Tuan Hamba	Hukuman
Raja	- dibunuh
Bendahara	- didenda sepuluh tahil sepeha
Shahbandar	- didenda sepuluh tahil sepeha atau hamba itu dirampas.
Rakyat	- dikembalikan dan didenda mengikut harga hamba HKM, Fasal 23.

HKM juga mengamalkan wang tebusan (blood money) bagi melepaskan seseorang itu dari hukuman.

NAMA KES	DENDAAN
1. Membunuh orang tanpa memberitahun raja	sepuluh tahil sepeha
2. Membunuh pembawa titah yang mengambil isteri orang	satu kati lima tahil
3. Membunuh hamba yang membunuh tuannya selepas ditangkap	lima tahil sepeha
4. Merdeheka membunuh hamba orang besar	sekati lima tahil
5. Membunuh hamba yang sedang mencuri	1/2 harga hamba itu
6. Siswamu yang membunuh lelaki yang mengancam isterinya	lima tahil sepeha

- |  |  |
| --- | --- |
| 1. Membunuh orang tanpa memberitahun raja | sepuluh tahil sepeha |
- |  |  |
| --- | --- |
| 2. Membunuh pembawa titah yang mengambil isteri orang | satu kati lima tahil |
- |  |  |
| --- | --- |
| 3. Membunuh hamba yang membunuh tuannya selepas ditangkap | lima tahil sepeha |
- |  |  |
| --- | --- |
| 4. Merdeheka membunuh hamba orang besar | sekati lima tahil |
- |  |  |
| --- | --- |
| 5. Membunuh hamba yang sedang mencuri | 1/2 harga hamba itu |
- |  |  |
| --- | --- |
| 6. Siswamu yang membunuh lelaki yang mengancam isterinya | lima tahil sepeha |

Sumber: Abu Hassan Sham "Undang-undang Melayu Lama" Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1972, hlm. 211-212.

Tetapi bukanlah semua HKM dipengaruhi oleh undang-undang Hindu. Hukum-hukum mengenai wali dalam perkahwinan (Fasal 25), saksi nikah (fasal 26), hukum khar (fasal 27), hukum Talak (fasal 28) adalah jelas mengambil dari sumber hukum Islam. Keempat-empat fasal ini tidak terdapat pada HKP. Tetapi hukum-hukum mengenai muflis (fasal 32), murtad (fasal 36), hukum zina (fasal 40), hukum minum arak (fasal 42) yang mengambil rujukan dari sumber-sumber Islam terdapat pada kedua-dua undang-undang tersebut iaitu HKP dan HKM.

## PANDANGAN UMUM

Mengkaji UUML adalah amat menarik. Ia dapat disifatkan dokumen yang sangat berharga untuk melihat keadaan masyarakat Melayu di zaman lampau. Sama ada undang-undang ini benar-benar dipraktikkan atau tidak adalah di luar kemampuan kita selagi kita tidak mempunyai hukuman sejarah Pahang yang lengkap pada abad ke 16 dan sebelumnya.

Daripada dokumen yang kita dapat itu HKP sudah memperlihatkan ketamadunan yang sudah agak tinggi yang dicapai oleh negeri Pahang pada abad ke 16. Undang-undang itu dapat mengatur pentadbiran negeri dengan baik. Pemerintah dapat menjalankan pentadbiran undang-undang yang berhubung dengan kesalahan yang biasa dilakukan rakyat seperti pembunuhan, pencurian, undang-undang yang berhubung dengan tanah dan binatang ternakan.

Satu hal yang membanggakan ialah adanya undang-undang yang berkait dengan agama seperti hukuman bagi orang murtad, perang sabil, hukuman bagi mereka yang enggan menuaikan sembahyang dan zakat. Ini membuktikan bahawa penerangan nilai-nilai Islam di negeri Pahang telah dilakukan sejak abad ke 16 lagi.

Jika dilihat dari sudut bahasa dan kesusasteraan, nyatalah Pahang mempunyai dokumen penulisan yang terawal. Walaupun salinan yang kita temui pada hari ini ialah salinan abad ke 19, tetapi kita percaya HKP telah wujud lebih awal daripada abad ke 19 iaitu ia telah wujud pada abad ke 16 lagi.

Dalam hal perkembangan kesusasteraan Melayu Pahang pada abad ke 16 ini, kita amat tertarik dengan pendapat W. Linehan yang mengatakan sejarah Melayu yang dibawa ke Johor pada tahun 1612 itu bukannya datang dari Goa di India atau Sulawesi tetapi dari gua yang terletak di sekitar Gua Sai berhampiran Sungai Jelai di Utara Kuala Lipis.<sup>15</sup> Ini menampakkan bahawa negeri Pahang telah me-

nyimpan dokumen yang berharga iaitu sejarah Melayu di samping HKP sejak dari abad ke 16 lagi dan kedua-dua dokumen ini ditemui di zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur (1592 - 1614).

HKP adalah amat berguna bagi ahli bahasa untuk melihat gaya bahasa dan struktur ayat yang digunakan di Pahang pada ketika itu. Sebagai contoh diperturunkan gaya bahasa HKP untuk tatapan pembaca:

“Syahadan maka dijadikannya antara makhluknya iaitu raja seperti Firman Allah Ta’ala di dalam Quran Inni ja ilun fi'l-ardi khalifah, ertiinya, “Bahawa sesungguhnya Aku hendak menjadikan Raja dalam bumi akan gantiku.” Yakni raja-raja itu pada mengira-ngirakan ehwal segala hambanya, ialah mengawal diri; jikalau tiada raja-raja itu, nescaya tiada akan tertentu ehwal segala rakyatnya, maka jadilah mereka itu seperti kambing tiada bergembala, maka dimakanlah oleh yang keras akan yang lemah. Bahawa pada orang yang budiman itu adalah Raja dan Nabi itu umpama sebentuk cincin dua permata. Setelah nyatalah bahawa Raja itu pada martabat Nabi, baginya mengikut afalnya dan mengira-ngirakan ehwalnya segala umatnya, maka diperbuat oleh Raja-Raja itu segala pegawainya akan dinding tiang kerajaan, maka disuruhkannya supaya dapatlah ia istirehat atas kerajaannya.”<sup>16</sup>

---

15. W. Linehan, "Notes on the Texts of the Malay Annals", JMBRAS Vol.22 bhg 2, 1947.

16. HKP, him. 25

Daripada petikan di atas nyatakan kita lihat bahawa undang-undang dalam HKP ini tidak sama dengan bahan undang-undang moden sekarang. Bahasa HKP lebih mirip kepada bahasa kesusasteraan dengan adanya bahasa-bahasa kiasan yang digunakan seperti:

- i) "seperti kambing tiada bergembala maka dimakanlah oleh yang keras akan yang lemah."
- ii) "Adalah Raja dan Nabi itu umpama sebentuk cincin dua permataanya."

Jadi HKP kita lihat bukan sahaja ia dihargai dari sudut kandungannya iaitu mengenai butir-butir perundangan tetapi juga gaya bahasanya.

Sesungguhnya HKP adalah dokumen yang tidak termilai yang diwarisi dari nenek moyang kita yang memperlihatkan warisan persuratan Pahang dan tamadun yang dipancarkan daripada dokumen/persuratan tersebut.

Saya menyedari percubaan untuk menerapkan teks undang-undang dengan sejarah yang benar bukanlah semudah yang disangka. Adanya dokumen undang-undang itu bukan bererti ia dijalankan dengan sepenuhnya tetapi walau bagaimanapun dokumen itu masih berguna terutama jika ia mahu dilihat dari berbagai-bagai sudut termasuklah laras bahasa sebagaimana yang diberi contoh di atas.

Pandang negatif terhadap teks undang-undang ini oleh orientalis Barat hendaklah kita tinjau kembali kerana teks tersebut adalah warisan nenek moyang kita.<sup>17</sup>

- 
17. J.M. Gullick menyifatkan UUML sebagai:

"The codes were however only the work of learned scribes at the courts of Sultans. No one ever referred to the codes of which copies were very rare, for guiding in settling a disputes"

( Political Systems of Western Malaya, University of London. The Athlone Press, 1965, hlm. 114)

R.J. Wilkinson pula hanya menyifatkan UUML ini sebagai daijes:

"A digest may give a very faithful picture of its subject, but it is, at best, a picture not the actual law, no men can be charged in court with violating some section or sub-section of a digest, this distinction would not matter so much if the authors of our so called Malay 'codes' were great legal artists who faithfully depicted what they found to be the law, but they were courtiers who were founder of the theories than facts."

( Law, part I, "Introductory Sketch", Papers on Malay Subjects, J.L. 1908, hlm. 3 )

## HUBUNGAN SEJARAH DENGAN ACHEH

Oleh:

Yang Dihormat Orang Kaya Indera Pahlawan  
Dato' Haji Wan Abdul Wahid b. Haji Wan Hassan

### Latar Belakang

Acheh (Atjeh) yang kita kenali hari ini ialah wilayah di bahagian utara Pulau Sumatera, Indonesia yang bersempadan dengan lautan Hindi di barat, Laut Andaman di utara dan Selat Melaka di timurnya. Acheh merupakan di antara lima negara Islam yang terawal di dunia. Ia juga tidak asing sebagai pusat perkembangan dan pengajian Islam di rantau ini. Antara tempat-tempat yang terkenal dalam sejarah yang terdapat di Acheh ialah Perlak (Lambri) (1075), Acheh Besar (1205), Samudera/Pasai (1213/1260 M), Pidir dan Aru (yang mana telah digabungkan oleh pemerintahan Sultan Ali Mughayat Shah (1507 - 1530) yang kerajaannya berpusat di bandar Acheh (Kotaraja). Dengan lokasinya yang sedemikian tidaklah hairan mengapa Acheh telah banyak dipengaruhi oleh dunia luar termasuk bangsanya yang berbilang keturunan, dari Burma, Campa, Kepulauan Melayu, India hingga ke Timur Tengah dan Semenanjung Arab. Pada umumnya, bolehlah dilihat bahawa bangsa Acheh itu adalah merupakan suatu bangsa dari berbilang keturunan yang dihubungkan di atas ikatan satu budaya sepunya dan persaudaraan Islam.

## Catitan Sejarah Mengenai Aceh

Sejarah Melayu<sup>1</sup> pernah menceritakan kisah dua orang adik beradik bernama Merah Caga dan Merah Silu. Merah Silu yang telah berpindah ke Rimba Jerun, sewaktu berburu dengan anjingnya yang bernama pasai, telah berjumpa dengan seekor semut sebesar kucing di atas tanah yang tinggi. Sempena semut ini dan anjingnya lahirlah perkataan Samudra iaitu dari ‘semut dara’ atau ‘semut besar’ yang akhirnya dipercayai menjadikan nama Pulau Perca berubah kepada Sumatra dan nama Pasai. Merah Silu kemudiannya menjadi raja di negeri Samudera/Pasai tersebut. Setelah baginda memeluk agama Islam, yang disebarluaskan oleh seorang mubaligh yang dihantar dari Mekah, baginda telah memakai nama Sultan Malikul Salih. Adapun Samudra dan Pasai itu seberang menyeberang Kroeng (sungai) telah membahagikan negeri itu kepada kedua putera baginda iaitu Samudera kepada yang tua, Muhammad kemudian bergelar Sultan Malikul Thahir, dan Pasai kepada puteranya yang kedua Abdullah, kemudian bergelar Sultan Malikul Mansur. Hingga dewasa ini makam Sultan Malikul Salih boleh dilihat di kampung Samudera iaitu di sebelah kiri Sungai Pasai tersebut. Ketiga-tiga makam ini terletak tidak jauh dari bandar Lhokseumawe.

Kisah raja Samudera/Pasai telah juga diriwayatkan dalam catitan sejarah pengembaraan Marco Polo<sup>2</sup> yang berasal dari Venice. Pada tahun 1292, setelah berada 17 tahun di negeri China bersama-sama bapa saudaranya, ia telah bertolak ke Venice melalui jalan laut dari pelabuhan China, setelah memohon kebenaran daripada Raja China (Mongol) di masa itu, iaitu Kublai Khan di Kambaluk (Peking/Beijing).<sup>3</sup>

- 
1. Sejarah Melayu - Shellabear - Fajar Bakti - Sulalatus Salatin - (Sejarah Melayu) A. Samad Ahmad DBP - juga dari Hikayat Raja-Raja Pasai.
  2. Drs. Zakaria Ahmad - Sejarah Kerajaan Atjeh dalam tahun 1520 - 1675 - Monora Medan, m.s. 20.
  3. H. M. Zainuddin - Tarich Atjeh dan Nusantara - Tjekan 1 (1961)

Beliau membawa bersamanya bingkisan dari Raja China itu kepada Shah Iran, serta membawa bersama puteri raja China itu untuk dikahwinkan dengan Shah Iran, bagi menjalin persahabatan di antara kedua raja tersebut. Di dalam pelayarannya itu Marco polo terpaksa singgah lima bulan di persisiran Acheh kerana angin kencang iaitu di Perlak, Basma, Pasai/Samudera, Dagroian, Poli (Pidie) Lamuri (nama daerah Acheh Besar dahulu) dan Fanzur. Kemudian barulah beliau belayar semula menuju Ormuz di Iran melalui Colombo dan seterusnya ke Venice.

Menurutnya pada masa itu cuma Perlak (Peureulak) sahaja yang mempunyai ramai orang Islam bangsa Arab di dalam Pekan, sedangkan di Samudera/Pasai dan lain masih ada lagi jahiliah.

Ibnu Batutah seorang berbangsa Maghribi (Morocco) (lahir di Tentera pada tahun 704 H/1304 M. dan meninggal dunia di Fez pada tahun 778 H/1377 M) yang turut mengembara ke Nusantara juga mempunyai catitan mengenai Acheh. Menurutnya beliau bersama-sama sekumpulan orang Arab telah dua kali melawat Acheh iaitu di zaman pemerintahan cucu kepada Sultan Malikul Salih iaitu anak Sultan Malikul Thahir yang bernama Sultan Ahmad Bahian Shah. Kali yang kedua beliau melawat Acheh ialah dalam tahun 1346. Beliau menyatakan bahawa ia telah diundang dan pernah tinggal selama dua minggu di Istana Raja tersebut yang bernama Istana Syamtalira. Menurutnya sultan itu bermazhab Shafie. Pada pandangannya juga peradaban rakyatnya telah banyak dipengaruhi oleh peradaban Parsi dan Gujarat.

*Encyclopedia Britannica* dalam catitannya mengenai Acheh menyatakan bahawa di abad ke 13 Acheh merupakan kawasan bertapaknya Islam yang pertama di Nusantara. Kemuncak kekuatannya sebagai sebuah negara adalah di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607 - 1636). Pada masa tersebut perperangan sering kali berlaku di antaranya dengan Portugis dan Melaka. Belanda dan Inggeris pada tahun 1599 telah gagal mengadakan tempat perniagaan di Acheh. Selepas perang Napoleon apabila pengaruh Belanda terhadap Hindia Timur telah dikembalikan, pihak

British telah mencuba menyekat hubungan Belanda dengan kawasan Aceh, dan dalam Perjanjian Inggeris/Belanda pada tahun 1824, Inggeris telah menggariskan supaya tidak berlaku sebarang tindakan bersenjata terhadap kawasan tersebut. Namun demikian dalam tahun 1873 kenyataan ini telah ditarik balik. Sejak tarikh tersebut sehingga berakhir pendudukan Belanda di kawasan ini Belanda tidak pernah mengalami keamanan (kerana sentiasa di dalam peperangan dengan rakyat Aceh).

Peperangan-peperangan ini telah mengurangkan simpanan dalam perbendaharaan kerajaan Belanda dengan ketara hingga mendapat tentangan rakyatnya. Kegagalan demi kegagalan telah menyebabkan mereka menjemput seorang professor dalam bidang kajian Islam dari Universiti Leyden (seorang Belanda berketurunan Yahudi bernama Snouck Hurgronje), untuk membuat kajian tentang Aceh. Hurgronje telah menentukan strategi bagi membolehkan Belanda menduduki Aceh (dengan mengadakan kota atau 'castle'). Namun demikian keamanan tidak pernah dicapai.

Dari pandangan orang Aceh mereka tidak pernah ditakluk oleh sesiapa, kerana walaupun perjanjian telah dipaksakan ke atas kerajaannya dan Belanda telah dapat menduduki Aceh pada tahun 1904, mereka hanya menduduki bandar. Peperangan dengan Belanda tidak pernah berhenti sehingga tarikh kemerdekaan Indonesia di mana Aceh telah menjadi sebahagian daripada negara tersebut.

Selepas berlakunya penaklukan Melaka oleh Portugis pada 18hb. Ogos 1511 pihak Aceh seringkali berperang dengan Portugis di samping negeri-negeri Melayu yang lain yang menyebelahnya, untuk mempertahankan kedaulatan serta mencegah penaklukan baru di rantau ini.

### **Perhubungan Aceh Dengan Pahang**

Kira-kira dalam tahun 1600 negeri Pahang telah diperintah oleh seorang raja (dari keturunan Melaka) bernama Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah. Sultan Abdul Ghafur ini telah beristerikan

adinda Raja Petani (yang juga seorang Raja Perempuan). Baginda juga beristerikan adinda kepada Raja Brunei dan bermenantukan putera Sultan Brunei tersebut. Kira-kira dalam tahun 1600 putera baginda iaitu Raja Muda Abdullah telah berkahwin dengan Puteri Diraja Perak. Untuk menyambut kedatangan Puteri tersebut, Raja Muda Abdullah telah berangkat ke Hulu Pahang hingga ke Kuala Tembeling dan disitulah istiadat perkahwinan dijalankan.

Sultan Abdul Ghafur seterusnya mengurniakan daerah Hulu Pahang iaitu dari Kuala Tembeling ke Hulu Sungai Sat di sempadan Kelantan, di bawah pemerintahan Raja Muda Abdullah. Semasa pemerintahan baginda Sultan Abdul Ghafur Pahang telah dikunjungi oleh beberapa orang Belanda seperti Laksamana Cornelis Matelief 1607, Abraham van den Broek dan Peter Floris 1613. Ini di antara lain adalah bagi mendapatkan kerjasama menentang Portugis. Oleh kerana Sultan Pahang adalah juga terlibat dengan serangan-serangan terhadap Portugis maka pemerintahan baginda telah mendapat perhatian dan dianggap sebagai sahabat oleh Belanda dan Aceh.

Dalam tahun 1612 Sultan Alauddin Riayat Shah III Johor serta rombongan dari Johor telah berangkat ke negeri Pahang kerana hendak mengahwinkan seorang puteranya dengan puteri Sultan Pahang. Semasa di Pahang suatu perselisihan faham telah berlaku di antara Sultan Johor dengan putera Raja Brunei, menantu Sultan Pahang itu menyebabkan perkahwinan itu dibatalkan (puncanya ialah Sultan Johor itu terpandang kepada mutiara yang besar pada cincin anak Raja Brunei yang sangat cantik. Baginda meminta untuk membelinya dengan harga yang mahal tetapi ditolak oleh anak Raja Brunei tersebut).

Pada bulan September 1612 itu juga angkatan perang Sultan Johor telah menyerang dan membakar kampong di Pahang, termasuk Kampong China (Pekan Baharu sekarang), dan ramai rakyat Pahang yang menderita. Sultan Pahang dan menantu serta pengiringnya telah berundur ke kawasan pergunungan yang mengandungi emas (mungkin di utara Pahang). Mendengar ipar dan besannya diancam,

British telah mencuba menyekat hubungan Belanda dengan kawasan Aceh, dan dalam Perjanjian Inggeris/Belanda pada tahun 1824, Inggeris telah menggariskan supaya tidak berlaku sebarang tindakan bersenjata terhadap kawasan tersebut. Namun demikian dalam tahun 1873 kenyataan ini telah ditarik balik. Sejak tarikh tersebut sehingga berakhir pendudukan Belanda di kawasan ini Belanda tidak pernah mengalami keamanan (kerana sentiasa di dalam peperangan dengan rakyat Aceh).

Peperangan-peperangan ini telah mengurangkan simpanan dalam perbendaharaan kerajaan Belanda dengan ketara hingga mendapat tentangan rakyatnya. Kegagalan demi kegagalan telah menyebabkan mereka menjemput seorang professor dalam bidang kajian Islam dari Universiti Leyden (seorang Belanda berketurunan Yahudi bernama Snouck Hurgronje), untuk membuat kajian tentang Aceh. Hurgronje telah menentukan strategi bagi membolehkan Belanda menduduki Aceh (dengan mengadakan kota atau 'castle'). Namun demikian keamanan tidak pernah dicapai.

Dari pandangan orang Aceh mereka tidak pernah ditakluk oleh sesiapa, kerana walaupun perjanjian telah dipaksakan ke atas kerajaannya dan Belanda telah dapat menduduki Aceh pada tahun 1904, mereka hanya menduduki bandar. Peperangan dengan Belanda tidak pernah berhenti sehingga tarikh kemerdekaan Indonesia di mana Aceh telah menjadi sebahagian daripada negara tersebut.

Selepas berlakunya penaklukan Melaka oleh Portugis pada 18hb. Ogos 1511 pihak Aceh seringkali berperang dengan Portugis di samping negeri-negeri Melayu yang lain yang menyebelahinya, untuk mempertahankan kedaulatan serta mencegah penaklukan baru di rantau ini.

### **Perhubungan Aceh Dengan Pahang**

Kira-kira dalam tahun 1600 negeri Pahang telah diperintah oleh seorang raja (dari keturunan Melaka) bernama Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah. Sultan Abdul Ghafur ini telah beristerikan

adinda Raja Petani (yang juga seorang Raja Perempuan). Baginda juga beristerikan adinda kepada Raja Brunei dan bermenantukan putera Sultan Brunei tersebut. Kira-kira dalam tahun 1600 putera baginda iaitu Raja Muda Abdullah telah berkahwin dengan Puteri Diraja Perak. Untuk menyambut kedatangan Puteri tersebut, Raja Muda Abdullah telah berangkat ke Hulu Pahang hingga ke Kuala Tembeling dan disitulah istiadat perkahwinan dijalankan.

Sultan Abdul Ghafur seterusnya mengurniakan daerah Hulu Pahang iaitu dari Kuala Tembeling ke Hulu Sungai Sat di sempadan Kelantan, di bawah pemerintahan Raja Muda Abdullah. Semasa pemerintahan baginda Sultan Abdul Ghafur Pahang telah dikunjungi oleh beberapa orang Belanda seperti Laksamana Cornelis Matelief 1607, Abraham van den Brock dan Peter Floris 1613. Ini di antara lain adalah bagi mendapatkan kerjasama menentang Portugis. Oleh kerana Sultan Pahang adalah juga terlibat dengan serangan-serangan terhadap Portugis maka pemerintahan baginda telah mendapat perhatian dan dianggap sebagai sahabat oleh Belanda dan Aceh.

Dalam tahun 1612 **Sultan Alauddin Riayat Shah III Johor** serta rombongan dari Johor telah berangkat ke negeri Pahang kerana hendak mengahwinkan seorang puteranya dengan puteri Sultan Pahang. Semasa di Pahang suatu perselisihan faham telah berlaku di antara Sultan Johor dengan putera Raja Brunei, menantu Sultan Pahang itu menyebabkan perkahwinan itu dibatalkan (puncanya ialah Sultan Johor itu terpandang kepada mutiara yang besar pada cincin anak Raja Brunei yang sangat cantik. Baginda meminta untuk membelinya dengan harga yang mahal tetapi ditolak oleh anak Raja Brunei tersebut).

Pada bulan September 1612 itu juga angkatan perang Sultan Johor telah menyerang dan membakar kampong di Pahang, termasuk Kampong China (Pekan Baharu sekarang), dan ramai rakyat Pahang yang menderita. Sultan Pahang dan menantu serta pengiringnya telah berundur ke kawasan pergunungan yang mengandungi emas (mungkin di utara Pahang). Mendengar ipar dan besannya diancam,

Sultan Brunei (pada masa itu itu Sultan Hasan)<sup>4</sup> - telah membawa angkatan melanggar Pahang dan berjaya menghalau angkatan Sultan Johor. Adindanya telah dibawa balik ke Brunei bersama-sama Sultan Pahang. Tidak lama kemudian Sultan Pahang dan isterinya kembali ke Pahang.

Dalam bulan Jun 1613 **Sultan Iskandar Muda**, Raja Aceh yang masyhur gagah perkasa itu telah menghantar satu angkatan perang laut menyerang dan mengalahkan Johor (di Batu Sawar)<sup>5</sup>. Sultan Alauddin Riayat Shah III, adinda baginda Raja Abdullah, Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad atau Tun Seri Lanang<sup>6</sup> ( pengarang Sejarah Melayu ) dan ramai pengiring Sultan Johor ditawan dan dibawa ke Aceh. Batu Sawar itu kira-kira 20 - 24 batu mudik dari Kuala Sungai Johor. Pada pertengahan tahun 1614 Sultan Alauddin III telah dibenarkan pulang ke Johor setelah Johor berjanji akan membantu Aceh melawan Portugis.

#### Kaitan Tun Seri Lanang dengan Pahang

Secara tidak langsung ini ada kaitannya dengan Pahang. Tun Seri Lanang atau Bendahara Paduka Raja, Tun Muhammad adalah juga dari zuriat Raja Melaka yang dahulu melalui Bendahara Sri Maharaja Tun Mutahir dan Seri Nara di Raja Tun Tahir yang telah beribukan Tun Kudu adik kepada Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang telah terbunuh atas fitnah Raja Mudelia di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah Melaka.

Tun Seri Lanang telah meninggal dunia dan dimakamkan di Aceh berhampiran makam di Raja Banda Aceh. Cucunya **Tun Habab Abdul Majid** (Marhum Padang Saujana - Kota Tinggi Johor)

- 
4. Sultan Hassan Brunei telah mangkat pada tahun 1617 dan digelar "Marhum Tanjung".
  5. History of Johor - MBRASS m.s. 29.
  6. Sejarah Pahang - Tanjong Adil - DBP m.s. 71.

berputeraikan Tun Abdul Jalil yang menjadi Bendahara bergelar Bendahara Paduka Raja dalam pemerintahan Sultan Mahmud II (Marhum Mangkat Dijulang).

Setelah Sultan Mahmud II mangkat tanpa meninggalkan zuriat, Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil telah diangkat menjadi raja, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Adapun sultan-sultan bagi negeri-negeri Pahang dan Johor adalah dari keturunan Tun Seri Lanang melalui Sultan ini.

Pada akhir tahun 1614 Sultan Abdul Ghafur dan puteranya Raja Muda Abdullah telah mangkat. Mengikut riwayat seorang penulis Raja China keturunan Ming, seorang putera baginda "yang jahat laku perangainya" telah meracun ayahandanya dan membunuh abangnya dan ia sendiri menaiki takhta kerajaan.

Setelah itu balu dan puteri Raja Muda Abdullah (Marhum Muda Pahang) telah dibawa balik ke Perak. Pada tahun 1619 Sultan Iskandar Muda telah menakluk Perak. Balu dan puteri Raja Muda Abdullah (Marhum Muda Pahang) dibawa ke Aceh. Setelah dipelihara oleh Sultan Aceh puterinya dikahwinkan dengan anak Raja Siak dan putera daripada perkahwinan ini telah dilantik oleh Sultan Aceh menjadi Raja Perak, bergelar Sultan Mudzaffar Shah II (1636 - 1653).

### **Acheh Menentang Penguasaan Johor ke atas Pahang**

Pada bulan Ogos 1615, Sultan Alauddin Riayat Shah III Johor dengan pertolongan Portugis telah menghantar putera baginda raja Bujang untuk dirajakan di Pahang menggantikan Putera Sultan Abdul Ghafur tersebut.

Pada bulan September 1615 itu juga angkatan Aceh menyerang Johor dan menawan Sultan Alauddin Riayat Shah III dan membawanya ke Aceh. Baginda mangkat di Aceh - menurut setengah riwayat ia dijatuhi hukuman bunuh oleh Raja Aceh.

Sebagai gantinya di Johor Sultan Acheh merajakan adinda almarhum iaitu Raja Abdullah, yang juga menjadi menantu Sultan Acheh, bergelar **Sultan Abdullah Riayat Shah**. Raja Bujang masih berkuasa di Pahang.

Oleh kerana Raja Bujang itu bermuafakat dengan Portugis maka dalam tahun 1617 Sultan Iskandar Muda Acheh telah menghantar angkatan perang Acheh menyerang Pahang. Kali ini banyak kawasan di Pahang (di sekitar Pekan) dibinasakan. Raja Bujang terpaksa berundur ke Lingga. Raja Ahmad adinda Sultan Abdul Ghafur dan putera Raja Ahmad dengan puteri bongsu Cendra Dewi, yang bernama Raja Mughal serta seorang puteri Raja Pahang bersama Puteri Kamaliah telah dibawa ke Acheh bersama-sama sepuluh ribu orang rakyat Pahang.

Captain Thomas Best yang melawat Acheh pada awal abad ke 17 menyatakan bahawa negeri Acheh telah berkurangan penduduk akibat peperangan, pembunuhan dan keganasan. Raja Acheh telah berazam untuk menambahkan rakyatnya. Setelah menyerang Johor, Pahang, Kedah, Perak dan Deli di Sumatra, baginda membawa seramai dua puluh ribu orang rakyat dari negeri-negeri tersebut ke Acheh. Namun demikian oleh kerana mereka dibawa tanpa bekalan dan penyaraan yang mencukupi serta pula dalam dukacita, mereka telah meninggal dunia kerana kebuluran di Acheh. Selepas itu dalam tahun 1618 Sultan Acheh telah bermusuhan semula dengan Sultan Abdullah Riayat Shah Sultan Johor kerana menceraikan adinda Sultan Acheh tersebut. Baginda beredar ke Lingga bersama-sama saudaranya Raja Bujang yang lari dari Pahang dahulu.

Pada tahun 1623 Acheh menyerang dan mengalahkan Lingga sehingga sultannya dan Raja Bujang berundur ke Tembelan. Sultan Abdullah mangkat di sana dan digelar Marhum Tembelan. Almarhum Tembelan telah digantikan oleh Raja Bujang menjadi sultan bergelar Sultan Abdul Jalil Shah III dan baginda belum berani bersemayam di tanah besar Johor. Putera Sultan Abdullah dijadikan

bakal raja kerana masih kecil. Pada masa itu Sultan Abdul Jalil Shah telah menganggap dirinya sebagai Sultan bagi Johor dan Pahang.

### **Acheh Menyerang Pahang Kerana Melanggar Angkatannya dan Kerana Membantu Patani**

Pada tahun 1629 Portugis di Melaka telah diserang oleh Acheh. Angkatan dari Pahang telah datang menyerang angkatan Acheh di Melaka dan berjaya mematahkan serta menawan Laksamana Acheh dan orang-orangnya, lalu diserah kepada Portugis. Ketua Angkatan Portugis itu telah berhasrat mempersembahkan Laksamana dan orang tahanan lain kepada Raja Portugis. Dalam perjalanan dari Melaka ke Lisbon, Laksamana Acheh dan pengikut-pengikutnya telah berpeluang mengamuk di atas kapal serta membunuh beberapa orang Portugis. Namun demikian Laksamana dan orang-orangnya telah turut terbunuh dan dengan itu menggagalkan hasrat Ketua Angkatan Portugis itu untuk membawa mereka ke Negeri Portugal.

Dalam tahun 1634 dengan angkatan seramai lima ribu orang, Pahang dan Johor telah membantu Raja Petani yang berperang dengan Siam. Siam dibantu oleh Belanda. Oleh kerana Johor/Pahang masih berbaik-baik dengan Portugis dan Acheh berbaik dengan Belanda dan juga usaha ini menggagalkan Acheh untuk menguasai Patani maka dalam tahun 1635 Pahang telah diserang lagi oleh Acheh sehingga Sultan Abdul Jalil Shah II terpaksa menyembunyikan diri di Melaka.

### **Puteri Pahang Menjadi Permaisuri Acheh**

Setelah Raja Ahmad dan puteranya Raja Mughal dan Puteri Kamaliah dibawa ke Acheh, maka Puteri Kamaliah diperisterikannya. Di dalam sebutan dan catitan Acheh Maharani ini dikenali sebagai Putroe Phang. Puteri Kamaliah ini sangat mengambil berat

tentang kebijakan rakyat Aceh khususnya menegakkan keadilan serta perlindungan dan kebijakan wanita. Dengan permintaannya Sultan Iskandar Muda telah mengadakan beberapa peraturan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan dan kebijakan wanita. Contohnya satu peraturan telah diadakan supaya anak perempuan diperuntukkan rumah oleh orang tuanya supaya sekiranya orang tuanya meninggal dahulu atau jika suaminya meninggal dunia atau menceraikannya, tidaklah ia melarat dan mengaibkan nama diri dan keluarganya.

Mengikut riwayat orang-orang Aceh Puteri Kamaliah juga sangat mengambil berat tentang diri Sultan Aceh dan sentiasa pula dirundingi oleh Baginda Sultan dalam urusan negeri mahupun urusan peperangan dan pergerakannya baginda ke sesuatu tempat. Dengan itu hingga ke hari ini nama baginda masih diabadikan dalam perbilangan Aceh iaitu:-

Adat bak po teu Meureuhum  
Hukum bak Syiah Kuala  
Kanun bak Putroe Phang  
Resam bak Bintara

yang bererti: Adat dari atau disusun oleh Sultan dengan nasihat orang-orang besarnya; urusan hukum terserah dalam tangan sarjana hukum Sheikh Nuruddin Al Raniri dan Sheikh Abdul Rauf Al Fansuri Al Singkeli sebagai Sheikhul Islam atau Kadhi Maliku Adil serta ulamak-ulamak lain; urusan kanun majlis atau sopan santun dan tertib dalam perkahwinan diserahkan atas kebijaksanaan Maharani (Putroe Phang); urusan resam diserahkan dalam kekuasaan Panglima Kaum atau Bintara-bintara dalam masing-masing tempat (negeri).<sup>7</sup>

7. HM. Zainuddin ibid m.s. 313  
A. Hasjney 098 tahun Aceh Merdeka di bawah Pemerintahan Ratu Bintang dalam 1877.

Prof. Hasjmy menyatakan bahawa dengan dipelopori oleh Puteri Pahang pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda telah dibentuk satu Lembaga Perwakilan Rakyat yang dinamakan '**Majlis Mahkamah Rakyat**' yang dilantik daripada cerdik pandai dalam tiap-tiap mukim. Lantaran Puteri Pahang yang mempelopori pemerintahan majlis tersebut maka nama Puteri Pahang diabadikan dalam sebuah rangkaian kata hikmat atau '**Hadih Maja**' tersebut.

Atas perasaan kasih Sultan Iskandar Muda terhadap Puteri Pahang itu maka baginda telah membina suatu binaan yang indah berbentuk sebuah bukit kecil yang juga merupakan taman yang indah. Di dalam bukit tersebut dibuat lorong naik berliku-liku serta dibuat ombak dan awan larat di bahagian atasnya serta dihias indah. Bukit kecil ini dipanggil Pintu Khob dan Kota Gegunungan Menara Permata. Di pinggirnya terdapat sebuah sungai yang jernih airnya serta dihias indah.

Menurut ceritanya, oleh kerana jauh dari negeri asalnya dan mengenangkan rakyat dan negerinya yang menderita, puteri ini sering merindui negeri asalnya. Dengan itu Gegunungan Menara Permata dan taman ini telah dibina untuk menghiburkan hati puteri ini. Ia dibentuk sebagai bukit di pingir sungai agar dapat dirasakan seakan-akan berada di negeri Pahang, negeri asal puteri itu, yang mengandungi gunung-gunung serta Sungai Pahang.

Gegunungan ini masih wujud berhampiran dengan permakaman di Raja Banda Aceh. Putroe Phang yang tersebut ini telah dimakamkan di kawasan pemakaman yang sama iaitu berhampiran dengan makam Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Iskandar Thani dan Tun Seri Lanang, serta beberapa Sultan Aceh yang lain dan keluarga mereka.

### **Putera Raja Pahang Menjadi Sultan Aceh**

Raja Mughal Putera Raja Ahmad dengan Puteri Bongsu Cendera Dewi (seorang Puteri Raja Siak) telah dilahirkan dalam tahun 1611 di Perak. Ia telah dibawa ke Aceh semasa umurnya 7 tahun dan di

pelihara dengan baik oleh Sultan Iskandar Muda sebagai anak angkat baginda iaitu bersama kekanda pupuannya Puteri Kamaliah.

Setelah tiba di Banda Aceh Raja Mughal diserahkan kepada Tuan Kemala Setia seorang pegawai tinggi istana untuk mengasuh dan mendidiknya. Bersama-sama putera dan puteri istana Raja Mughal belajar Fiqh daripada Sheikh Nuruddin Al Ramini, tasauf daripada Sheikh Shamsuddin Sumatrani, Sastra dengan Sheikh Hamzah Fansuri dan berbagai ilmu dengan ulama-ulama lain. Di antara yang mengajari bersamanya ialah Puteri Safiatuddin iaitu Puteri Sultan Iskandar Muda, bakal isteri Raja Mughal. Kisah percintaan mereka dimuatkan dalam pantun dalam **Hikayat Putrou Gumbak Mueh**.<sup>8</sup>

Setelah dewasa maka dikahwinkan oleh Sultan Iskandar Muda Raja Mughal dengan puterinya Puteri Safiatuddin dalam istiadat yang gilang gemilang. Semasa pemerintahan baginda Sultan Iskandar Muda dikatakan pernah menjatuhkan hukuman mati (rejam) ke atas puteranya sendiri iaitu Putera Mahkota negeri Aceh di atas kesalahan mengikut hukum syarak. Oleh kerana mengikut adatnya tiada di antara puteranya yang berhak menjadi Sultan kerana mereka bukan anak dari Permaisuri maka untuk mengelakkan kekeliruan Sultan Iskandar Muda telah menabalkan Raja Bongsu atau raja Mughal sebagai waris gantinya.

**Pada 29 Rejab 1046H. bersamaan 27 Disember 1636M** Sultan Iskandar Muda yang termasyhur gagah perkasa telah mangkat dalam usia 48 tahun. Almarhum dimakamkan di permakaman raja-raja Banda Aceh, tidak jauh dari Gegunungan Menara Permata di Banda Aceh dan disebut orang **Marhum Mahkota Alam**.

Dengan itu Raja Mughal menantu Sultan Iskandar Muda telah dinobatkan sebagai Sultan Aceh, bergelar **Sultan Iskandar Thani Alaidin Mughaiyat Shah**. Pada masa itu usia baginda baru 25 tahun.

---

8. HM. Zainuddin ibid m.s. 313  
A. Hasjmy 59 tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu - Bintang Bulan, Jakarta 1977 m.s. 66.

Sifat Iskandar Thani dilukiskan oleh Sheikh Nuruddin Al Raniri sebagai raja yang sangat adil, mendirikan hukum ugama, keras terhadap kedurhakaan, hebat pada segala kelakuannya, berbuat ikhsan kepada kanak-kanak dan fakir miskin, gagah perkasa, bijaksana perkataannya, serta mendirikan masjid Baitul Musyahadah di Banda Aceh Darusalam.

Di bawah naungan dan permintaan bagindalah Kitab **Bustanus Salatin** (Taman Raja-Raja) dikarang oleh Sheikh Nuruddin Al Raniri (nama sebenarnya **Nuruddin bin Ali bin Hasandji bin Muhammad an Raniri**).

Di zaman baginda juga terdapat perpecahan pendapat antara sahaman dan tulisan Sheikh Hamzah Fansuri dan Sheikh Shamsuddin Al Sumatrani dari satu pihak dan Sheikh Nuruddin Al Raniri dan Sheikh Abdul Rauf Singkel sebagai pihak yang satu lagi. Ini ialah kerana karangan Hamzah Fansuri menimbulkan kontroversi kepada orang-orang tidak mempunyai ilmu agama yang tinggi dan mengelirukan.

Dengan itu kitab-kitab tulisan keduanya iaitu Hamzah Fansuri dan Sheikh Shamsuddin Al Sumatrani dibakar kecuali yang tersebut dalam simpanan Masjid Baitul Rahman dan yang terdapat di luar Negeri Aceh, dengan tujuan mengelakkan kesesatan.

Dalam pemerintahan baginda banyak penulisan-penulisan agama dihasilkan oleh para ulama khususnya Sheikh Nuruddin Al Raniri dan Sheikh Abdul Rauf Singkel atau **Abdurrauf bin Ali Al Jawi al Fansuri al Singkeli** (Beliau meninggal dunia dalam tahun 1639 dan dimakamkan di Kuala Sungai Aceh. Beliaulah yang disebut orang sebagai **Syiah Kuala**).

Dalam pemerintahan baginda, Sultan Iskandar Thani telah membina sebuah taman yang sangat indah yang digelar ‘Taman Ghairah’ kini dikenali sebagai Taman Sari; serta menghias sungai Darul Isyiki iaitu terletak di keliling Gegunungan Menara Permata. Sheikh Nuruddin banyak menulis tentang keindahannya.

## **'Makam Tujuh Beradik' atau 'Makam Condong' di Pekan Pahang**

Pada tahun 1637 orang-orang besar Pahang ( yang dihantar oleh Rajanya ) telah datang membuat perjanjian damai dengan Aceh di Pulau Bulang (kepulauan Riau - Lingga). Sultan Iskandar Thani menganggap bahawa Pahang berada di bawah pemerintahan baginda. Maka berhubung baiklah orang-orang besar Pahang dengan kerajaan Aceh.

Pada tahun itu juga, 1637 Sultan Abdul Jalil Shah III yang mengaku dirinya sebagai Sultan Johor dan Pahang dengan dibantu oleh Laksamana Tun Abdul Jamil (Riau) telah membuat perjanjian dengan Belanda untuk melawan Portugis dan Melaka. Sultan Abdul Jalil Shah III tidak suka melihat Pahang berbaik dengan Aceh. Dengan sebab itu pada tahun 1638 Johor telah menyerang Pahang dan ramai rakyat Pahang dibunuh. Setelah itu Sultan Abdul Jalil Shah III berangkat ke Patani.

Pada tahun 1638 itu juga Sultan Iskandar Thani memerintahkan orang-orang besarnya supaya bersiap untuk ke Pahang bagi menghantar batu nesan ke Permakaman Raja Pahang yang menjadi keluarga baginda. Tiba-tiba datang seorang pembesar Negeri Pahang menyembahkan bahawa negeri Pahang telah diserang oleh Johor. Walaupun demikian Sultan Iskandar Thani tetap berazam untuk menghantar rombongan itu ke Pahang. Dengan demikian, dengan penuh istiadat, nesan-nesan itu telah diarak dan dibawa belayar ke Pahang. Setibanya di Pahang istiadat berjaga-jaga 40 hari 40 malam diadakan dengan dihadiri oleh orang-orang besar Pahang.

Permakaman tersebut adalah di antara lain mengandungi makam sepupu baginda Raja Muda Abdullah serta bondanya Puteri Bongsu Cendera Dewi. Makam ini disebut orang **Makam Tujuh Beradik** atau **Makam Condong**. Makam ini terletak di sebelah kanan jalan dari jambatan Pekan ke bandar Pekan Pahang iaitu dekat

Padang Buluh. Bentuk nesan ini di antaranya ialah bentuk "tanglong Cina" iaitu bercabang empat.

Dalam tahun 1640 Sultan Iskandar Thani telah menghantar bantuan kepada orang Belanda yang telah bersahabat baik dengan Johor. Tetapi setelah Johor menyerang Pahang maka Sultan Iskandar Thani tidak lagi mahu menolong Belanda.

**Pada 14hb. Januari 1641** Belanda berjaya menewaskan Portugis di Melaka yang menduduki sejak tahun 1511. Lebih kurang sebulan selepas itu, pada **15hb. Januari 1641** itu juga Sultan Iskandar Thani telah mangkat di Aceh, disebut orang **Marhum Darussalam**. Baginda dimakamkan di permakaman raja-raja Aceh berhampiran dengan Gegungan Menara Permata dan Taman Sari di Banda Aceh. Semasa hayatnya AlMarhum Darussalam itu telah banyak menitikberatkan pembangunan negeri dan perkembangan pendidikan agama Islam. Baginda telah digantikan oleh bekas permaisuri baginda iaitu Puteri Safiatuddin iaitu sebagai Ratu pertama di Aceh, bergelar **Sultanah Sri Ratu Tajul Alam Safiatuddin** ( Baginda memerintah selama 34 tahun ).

Di zaman pemerintahan Ratu ini Aceh banyak menumpukan perhatian terhadap urusan pembangunan dalam negeri serta ugama dan masih berpengaruh di Nusantara bukan sebagai kuasa dan ancaman ketenteraan tetapi sebagai pusat perdagangan serta pengajian dan pengembangan Islam.

Di zaman Sultan Iskandar Thani pun kekuatan armada dan ketenteraan telah menurun. Ini ialah kerana angkatan Aceh yang mempunyai kekuatan armada mengandungi 20,000 anggota yang menyerang Portugis di Melaka pada tahun 1629 telah dipukul kuat dan dilumpuhkan oleh angkatan Pahang, Johor dan Patani, yang berpihak kepada Portugis.

Bahkan semasa Belanda mengambil Melaka di tangan Portugis pada tahun 1641 Pahang, Johor dan Aceh terpaksa membiarkan sahaja kerana sudah lemah dari segi anggota, kelengkapan dan sumber-sumber akibat bertahun-tahun berperang sesama mereka.

Boleh dikatakan selepas tarikh tersebut Acheh, Pahang dan Johor menumpukan perhatian kepada negeri masing-masing kerana timbul ancaman-ancaman baru daripada negeri-negeri di pinggiran Pulau Sumatra dan juga ancaman Belanda.

### **Sultan Pahang dan Acheh Berganti Kepada Keturunan (Dinasti) Lain.**

Setelah sekian lama, maka dalam tahun 1699 putuslah zuriat Sultan Pahang/Johor yang tersebut iaitu dengan kemangkatan **Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang)** di Kota Tinggi, Johor tanpa meninggalkan zuriat. Baginda digantikan oleh Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil, anak kepada Tun Habab Abdul Majid (Marhum Padang Saujana), bergelar **Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV** (yang mangkat terbunuh di Kuala Pahang pada tahun 1720) - disebut orang **Marhum Kuala Pahang**.

Zuriat baginda kekal hingga ke hari ini sebagai sultan-sultan di Pahang Darul Makmur dan Johor Darul Takzim, dan di sebelah saudaranya (Sultan Zainal Abidin) di Terengganu Darul Iman, dan di sebelah puterinya, di Selangor Darul Ehsan.

Demikianlah juga halnya di Acheh. Setelah Acheh diperintah oleh empat ratu, maka pada tahun 1681, datanglah satu rombongan yang dihantar oleh Syarif Mekah ke negeri Acheh. Bersama-sama rombongan itu ialah dua orang yang bersaudara dengan Syarif Mekah tersebut iaitu bernama **Syarif Hashim** dan **Syarif Ibrahim**. Setelah rombongan itu kembali ke Mekah maka kedua bersaudara ini telah tinggal di Acheh untuk mengembangkan syiar Islam. Pada tahun 1688, Ratu Acheh iaitu **Sultanah Seri Ratu Zakiatuddin Riayat Shah** telah mangkat dan digantikan oleh **Sultanah Seri Ratu Kamalat Shah**. Pada tahun 1695 Sheikh Abdulrauf Al Singkeli telah meninggal dunia dalam usia lebih 100 tahun. Maka dengan itu Kadhi Malikul Adil yang ada tidaklah lagi cukup kuat untuk mempertahankan oposisi serta kedudukan Sultanah sebagai pemerintah Acheh dari segi hukum.

Setelah itu, Kadhi Malikul Adil pergi ke Mekah untuk mendapatkan fatwa daripada Mufti Besar Mekah mengenai soal boleh atau tidak wanita Islam menjadi raja pemerintah dan jawapannya ialah **wanita tidak boleh menjadi Sultan**. Dengan itu, pada tahun 1699 Sultanah Acheh telah turun takhta, dan pada hari itu juga dinobatkan Syarif Hashim Jamalullail menjadi Sultan bergelar **Sultan Badrul Alam Sharif Hasyim Jamalullail**.

### Kesan-Kesan Hubungan Acheh - Pahang

Semenjak istiadat memasang nesan di Makam Chondong, maka tidaklah ketara lagi hubungan Pahang dengan Acheh. Namun demikian kesan-kesan yang dapat dilihat hingga ke hari ini masih banyak. Di antaranya ialah:

- Makam Sultan Iskandar Thani dan tapak makam Putroe Phang di Banda Acheh, makam Sultan Isandar Muda Mahkota Alam dan Raja-raja Acheh yang lain.
- Gegunungan Menara Permata dan Sungai Darul Isyiki yang dikenali sebagai (sungai) Krueng Daroy.
- Pintu Gerbang Taman Sari di pinggir makam Marhum Darussalam.
- Makam Condong/ Makam Tujuh Beradik di Pekan Lama, Pekan Pahang.

Selain daripada bukti-bukti fizikal yang dapat dilihat hingga ke hari ini terdapat juga bukti dari penulisan sejarah dari berbagai sumber tempatan dan asing (antarabangsa) mengenai hubungan Acheh dan Pahang, seperti sumber Belanda, Inggeris dan China. Selain daripada catitan dan kesan-kesan fizikal yang tersebut dalam sejarah juga terdapat kesan-kesan lain yang dijumpai yang memberi gambaran bahawa ia bukan kebetulan semata-mata, umpamanya:

- a) Unsur-unsur kesenian dan kebudayaan yang tidak banyak berbeza iaitu dari segi hidangan (makanan), tekat menekat, hiasan bilik pengantin (seperti hiasan tempat tidur pengantin), nama corak tenunan kain (seperti Lawi Ayam, Pucuk Rebung, Bunga Kacang, dsb.).
- b) Batu-batu nesan yang digelar 'Batu Acheh' selain yang terdapat di Makam Condong, juga terdapat di kawasan-kawasan permakaman Raja di Pekan dan sekitarnya dan di kampung-kampung di pinggir Sungai Pahang semada berbentuk teratai (Lotus) dan hexagon (seperti di Pejing, Chenor, Pahang) mahupun berbentuk bercabang dua seperti yang terdapat di Makam 'Puteri Berdarah Putih' di tempat bernama Batu Gajah, Chenor, Pahang dan beberapa nesan di Kampung Lanting, juga di Chenor. Kawasan perkuburan ini biasanya terdapat di pinggir Sungai Pahang.
- c) Dikir Pahang ada tersebut di dalam istiadat Aceh dalam upacara-upacara kebesaran. Kemungkinan Dikir Pahang sekarang ini merupakan dikir yang sama adalah menjadi tanda tanya.
- d) Terdapat kitab-kitab agama karangan atau terjemahan Aceh di dalam masyarakat Melayu melalui penyebaran buku agama.
- e) Peraturan protokol dan tatacara peradaban di majlis-majlis istiadat Raja, serta di hari-hari kebesaran ada mempunyai unsur-unsur persamaan.
- f) Nama-nama tempat di Aceh dan di sebaliknya di Pahang. Di Aceh terdapat nama 'Kampung Phang' dan di Pahang terdapat nama tempat seperti Temiang, Perlak, Kampung Aceh di pinggir Sungai Pahang. Ada kemungkinan ini bukan kebetulan tetapi mungkin menjadi tempat tinggal mereka yang berpindah dari Aceh.

Dalam tahun 1988 suatu rombongan Ahli-ahli Persatuan Sejarah Pahang yang berkebetulan juga mengandungi Ahli Lembaga

Muzium Pahang dan Dewan Persuratan Melayu Pahang serta ahli Jemaah Pangkuhan Negeri dengan diketuai oleh penulis telah melawat ke Aceh.

Di sana rombongan ini telah dapat melihat kesan sejarah yang dinyatakan di atas serta membuat kunjungan hormat kepada T.Y.T. Gabenor Propinsi Daerah Istimewa Aceh. Rombongan ini juga telah berkesempatan mengunjungi Ketua Majlis Ulama Aceh, Professor A. Hasjmy. Direktur Muzium Aceh dan Muzium Lhokseumawe, serta berbincang dengan ahli-ahli sejarah Aceh.

Pada pandangan penulis lawatan tersebut sangat berhasil. Ini kerana melalui perbincangan, lawatan dan perolehan bahan-bahan penulisan telah memberi kesedaran tentang kesungguhan ada hubungan di zaman silam di antara negeri Pahang dengan Aceh, yang terkenal bukan sahaja di Nusantara bahkan di dunia pada zaman kegemilangannya. Ia juga dapat memberikan pengetahuan mengenai kegigihan rakyat Aceh menentang penjajahan serta ancaman luar terhadap agama Islam serta negeri itu.

## Rujukan

1. H.M. Zainuddin - *Srikandi Atjeh* Cetakan I Alaudin Iskandar Muda.
2. *Mengenal Koleksi Etnografi Museum Negeri Aceh* - penerbitan Muzeum Negeri Aceh 18.
3. W. Linehan - *History of Pahang* JMBRAS Mei 1936 also Reprint an MBRAS
4. Haji Buyong Adil - *Sejarah Pahang*. DBP.
5. Drs. Zakaria Ahmad - *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520 - 1675* - Penerbitan Monora Medan.
6. *Kesimpulan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*. 25 - 30 September, 1980.
7. Tunku Iskandar - *Hikayat Aceh* -(Kepahlawanan Sultan Iskandar Muda). Siri Penerbitan Museum Aceh No. 17, 1986.
8. *Sejarah Melayu Shellabear* - Fajar Bakti.
9. *Sulalatus Salatin A. Samad* DBP.
10. *Malaysia Kita* - INTAN - 1991.
11. Prof. Dr. Ismail Suny S.H. M.C.L. - *Bunga Rampai Tentang Aceh* - Penerbitan Bhinatara Karya Aksara - Jakarta 1980.
12. H.M. Zainuddin - *Tarich Atjeh dan Nusantara* Tjetakan 1961 - Pustaka Iskandar Muda Medan.
13. A. Hasjmy - *50 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu* - Penerbit Bintang Bulan - Jakarta 1977.

## GERAKAN KEBANGSAAN DI NEGERI PAHANG SEBELUM MERDEKA

Profesor Madya Abdul Latif bin Abu Bakar  
Jabatan Penulisan dan Sains Sosial  
Universiti Malaya

Gerakan Kebangsaan di Tanah Melayu telah bermula sejak awal abad 20. Namun begitu, Gerakan Patriotisme di peringkat daerah dan negeri menentang penjajah telah bermula sejak penjajah Portugis menyerang Melaka pada 1511, Belanda pada 1641, Inggeris pada abad ke 19.

Perjanjian Pangkor pada 1874 merupakan titik permulaan bagi Inggeris mencampuri pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Ekoran pelaksanaan pentadbiran Inggeris di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, orang-orang Melayu mula tidak berpuas hati dan telah melakukan penentangan terhadap Inggeris seperti Perang Perak pada 1875 dan di Pahang pada 1888 yang dipelopori oleh Dato' Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau dan lain-lain. Ini bermakna sejak penghujung abad ke 19, Pahang (Temerloh) sudah mempunyai rekod dan mempunyai semangat Patriotisme menentang Penjajah Inggeris.

Walaupun Pahang merupakan negeri yang terbesar di dalam sistem pentadbiran Residen (1874 - 1896) dan Persekutuan (1896 - 1941) dan negeri-negeri Melayu yang lain, tetapi ia boleh dianggap sebagai negeri yang jauh tertinggal dan tidak membangun. Kemiskinan serta sikap kerajaan Inggeris dan pembesar-pembesar Melayu yang tidak menghiraukan nasib dan pembangunan orang-orang Melayu Pahang telah mendorong anak-anak Pahang (yang berpeluang menerima pendidikan yang disediakan oleh penjajah Inggeris) bergerak dan bangun membela nasib bangsa Melayu.

Gerakan Kebangsaan Tanah Melayu di peringkat awal bermula melalui cetusan-cetusan idea membela nasib orang-orang Melayu dan menentang penjajah serta pembesar-pembesar Melayu melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Walaupun Pahang mempunyai para intelek dan ulamak tetapi sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1957), Pahang tidak pernah menerbitkan akhbar-akhbar dan majalah yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat dan berfungsi menyebarkan fahaman kebangsaan.

Namun begitu, anak-anak jati Pahang tetap berpeluang menerima fahaman kebangsaan dan turut serta menyebarkan fahaman kebangsaannya melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah luar yang mempunyai peranan membangkitkan kesedaran dan kritikan terhadap kepentingan orang Melayu. Akhbar-akhbar dan majalah yang berpengaruh di negeri-negeri lain seperti *Al-Imam* (1906) *Tunas Melayu* (1913), *Utusan Melayu* (1939), *Warta Malaya* (1930), *Majlis* (1931), *Seruan Azhar* (1926) turut tersebar di Pahang. Anak-anak Pahang tidak ketinggalan menyumbangkan rencana di dalam akhbar dan menghasilkan buku-buku yang bertemakan kebangsaan.

Gerakan Kebangsaan di Pahang mula bersemarak pada tahun 1930an dan bergerak dengan cergasnya dalam tahun 1940an dan 1950an. Dalam konteks Gerakan Kebangsaan di Tanah Melayu, Pahang turut memainkan peranan penting kerana penglibatan tokoh-tokoh yang berwibawa dan pengwujudan Persatuan-persatuan yang berunsur politik.

Di sepanjang tahun 1930an hingga 1950an Pahang mempunyai tokoh-tokoh dari kalangan penulis yang prolifik seperti Ahmad Kotot, Ibrahim Hj. Yaakob, Ishak Hj. Muhammad, Kamaluddin Muhammad, Jaafar Hussin dan lain-lain. Di samping bergiat dalam penulisan, mereka turut melibatkan diri dalam kegiatan persatuan politik. Terdapat juga tokoh Pahang lain yang telah memainkan peranan penting dalam kegiatan politik seperti Mohd. Yassin Salleh, Mahmud Baginda, Datuk Hussein Taib, Sarjan Jaafar, Kamaruzaman Teh, Yahya Mohd. Seth, Tun Abdul Razak dan lain-lain.

Walaupun ratusan tokoh-tokoh nasionalis Pahang yang telah memainkan peranan penting dalam Gerakan Kebangsaan di Tanah Melayu, dalam kertas kerja ini, saya hanya sempat memberi perhatian penglibatan tokoh-tokoh dan persatuan politik yang berpengaruh dan telah mendapat perhatian dalam sejarah Malaysia iaitu Ibrahim Hj. Yaakob, Ishak Hj. Muhammad, Jaafar Hussin dan Tun Abdul Razak Hussein. Perhatian turut ditumpukan terhadap persatuan yang bergerak cergas seperti Kelab Melayu Bentong, Persekutuan Melayu Pahang, Kesatuan Melayu Muda, Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan API Negeri Pahang, Persatuan Melayu Pahang dan UMNO Negeri Pahang. Kajian ditumpukan kepada pemikiran dan sikap tokoh-tokoh Pahang yang memainkan peranan penting membela kepentingan rakyat Melayu Pahang dan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.

Ibrahim Hj. Yaakob atau lebih dikenali sebagai IBHY dari keturunan Bugis, dilahirkan di Tanjung Kertau, Temerloh, Pahang pada 1911. Beliau mendapat didikan Sekolah Melayu Kertau dan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (MPSI) pada 1929 -1931. Beliau giat menulis di **Majlis** dan berpersatuan ketika bertugas sebagai guru di Bentong (1931-1935). Semasa menjadi wartawan sepenuh masa di Majlis (1937-1940) beliau telah menujuhkan Kesatuan Melayu Muda secara sulit dan menjawat jawatan Lefetenan Colonel dalam Pasukan Gui-Gun semasa pemerintahan Jepun (1941-1945). Pada 1945, beliau telah menetap di Indonesia dan giat berpolitik dan bermiaga sehingga meninggal dunia pada 1979.

Sepanjang tahun 1930an, IBHY telah mencipta Sejarah Gerakan Kebangsaan Tanah Melayu sebagai tokoh penulis dan persatuan yang bergerak cergas membela nasib bangsanya. Sepanjang hidupnya di Tanah Melayu, IBHY telah memainkan peranan penting mencetuskan idea-idea yang bernas untuk kepentingan orang-orang Melayu melalui tulisannya di **Majlis**, **Warta Negeri**, **Warta Melaya** dan **Utusan Melayu**. Di samping itu, IBHY telah bergiat menujuhkan Kesatuan Melayu Muda (1938) menentang Inggeris

dan cuba menaikkan semangat orang Melayu dan berjuang untuk kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

Pengalaman dan pengetahuan di MPSI telah membentuk IBHY sebagai seorang Melayu yang mencintai bangsa, agama dan tanahairnya. Bagi IBHY, kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu haruslah dipertahan dan diperjuangkan oleh orang-orang Melayu sendiri. Sejak tahun 1930 lagi beliau telah menulis rencana-rencana yang dimuatkan di dalam akhbar-akhbar berhubung dengan kepentingan dan kemajuan orang-orang Melayu dan tanahairnya. Pengorbanan IBHY ini dapat dilihat, sejak beliau berada di Bentong, Pahang di mana beliau:

"IBHY kerap kali memberikan kesedaran kepada orang-orang Melayu supaya bersama-sama berganding bahu untuk kepentingan bangsa Melayu. Ini menyebabkan beliau selalu membuat pertanyaan kepada orang-orang Melayu" ... haruskah kita berdiam diri dengan mengidapkan sahaja penyakit kebangsaan, suakah akan kaum kita terhina buat selamanya? Gemarkah kita menyerahkan tanahair kita ini kepada Malayan? Relakah kebangsaan kita jadi kaum tertindas sepanjang masa?"<sup>1</sup>

Di samping itu, IBHY mengingatkan orang-orang Melayu supaya membuat suatu teguran dan kebijakan, hendaklah memikirkan kepentingan bangsa Melayu tetapi bukan untuk mencari nama. Seperti kata beliau,

"... Wahai sahabat! Tulisan dan seru seberapa yang kita dapat berfikir - bukan mencari nama kemasyhuran dan manfaat diri sendiri - tetapi atas nama bangsa yang telah IBHY cintai bersama-sama darah daging - kita kata, terang-terang apa gunanya kesenangan, kekayaan, kemuliaan - kalau kaum bangsa kita Melayu terhina bahkan samalah kita terhina sekali ..."<sup>2</sup>

1. IBHY, "Semenanjung dan Kebangsaan", Majlis, 29 Ogos, 1932.

2. IBHY, "Nasib Orang Melayu Bentong (1)", Majlis, 7 April, 1932, hlm. 1.

Semasa bertugas sebagai guru di Bentong, IBHY dapat orang-orang Bentong telah mewujudkan Sri Persekutuan Melayu Kelab Bentong (SPMKB). Peringkat permulaan, SPMKB adalah satu-satunya persekutuan yang wujud di Pahang. Ia bergerak cergas dan perjuangannya berdasarkan 'darah kebangsaan' dan dipimpin oleh Datuk Sarjan Jaafar (pencen polis yang dianugerahkan J.P).<sup>3</sup>

Hampir setahun IBHY berada di Bentong (1931 -32), beliau tidak berpuas hati dengan keadaan SPMKB kerana ia tidak begitu berfungsi dan pejabatnya sentiasa tertutup dan api elektrik telah diputuskan. Keadaan ini turut mendapat perhatian Raja Kamaruddin (Pegawai Daerah Bentong) dan telah sanggup memberi nasihat dan hadir di mesyuarat bagi memulihkan SPMKB pada 7 April 1932. Di dalam mesyuarat itu, beliau telah berucap:

"Bukan main hiba di hati saya lihatlah petang ini lampu kita memakai lampu lilin sahaja, padahal lampu elektrik ada tetapi terpaksa ditutup - rumah persekutuan kita yang dahulu terang bersih terpaksa kotor, pintu dan tingkat ditutup sahaja. Oleh itu tentulah kita berasa malu kepada lain-lain bangsa menandakan kita orang-orang Melayu amat lemah - istimewa kita orang-orang Melayu Bentong hanya setapak tangan dari bangsa-bangsa asing terutama dibandingkan dengan orang Cina. Jadi jika kita sedikit tidak bersekutu pula tentulah hina benar kita. Yang demikian bersama-sama lah kita mengampu pada memajukan semula persekutuan kelab kita yang akan binasa ini ... dan orang-orang Melayu Bentong patut berbesar hati sebab di dalam Pahang orang-orang Melayu Bentonglah yang dapat mempunyai Kelab Melayu sendiri, wajiblah kita majukan semula."<sup>4</sup>

3. IBHY, "Nasib Orang Melayu Bentong (1)", Majlis, 7 April, 1932, him. 1.

4. IBHY, "Menghalau ke Bentong" Majlis, 25 April, 1932, him. 6.

Bagi menghidupkan SPMKB, mesyuarat telah mengambil iktibar di atas ucapan Raja Kamaruddin dan melantik ahli-ahli jawatankuasa (ketua-ketua sementara dengan tidak mewujudkan jawatan presiden) bagi menghidupkan dan menggerakkan SPMKB, terutama mengutip hutang-piutang dari ahli-ahli dan mencari derma dengan menganjurkan (memajak) wayang bangsawan dari kumpulan Yu Kinta Opera di Chinese Town Hall Bentong.<sup>5</sup>

Di dalam rencana bertajuk "Permenongan Terhadap Kepada Negeri Pahang - Kepada Turus-turus Melayu Negeri Pahang", Majlis 28 Mac, 1932, IBHY telah mengkritik pembesar-pembesar Pahang yang tidak mengambil berat nasib anak-anak Melayu Pahang terutama dalam pendidikan dan perniagaan. Walaupun tulisan-tulisan IBHY yang cuba memberi kesedaran kebangsaan dan membela nasib bangsa Melayu, khususnya Negeri Pahang tidak dihiraukan oleh pembesar-pembesar dan pemimpinnya, beliau tetap meneruskan perjuangannya... "Sama ada dipandang atau tidak oleh pembesar-pembesar Pahang saya tidak kira, tetapi kalau pembesar-pembesar Pahang sebagai berdarah memerintah yang mengenal perbezaan emas dengan batu dan berdarah Melayu, mengenal kemajuan dan darjah bangsanya, tentu mengambil fikiran lebih lanjut hal keadaan negeri Pahang yang jauh ketinggalan di belakang ini."

Buat permulaan, IBHY mencadangkan (dengan sokongan pembesar-pembesar negeri) mewujudkan tabung bagi menolong kanak-kanak miskin belajar... "Bangunlah ayuhai golongan putera-putera Pahang! Pendermaan, pertolongan kepada kanak-kanak miskin belajar itu bukannya satu angan-angan. IBHY mengaku boleh hidup dan IBHY sanggup bekerja namun kalau dapat penyokongan dengan memberi kebebasan suara untuk bersyarah di hadapan perkumpulan Penghulu-penghulu, Guru-guru, di kelab-kelab, di Polis Stesen dan di tempat-tempat lain."

5. IBHY, "Menghala ke Bentong" Majlis, 25 April, 1932, him. 6.

Bagi IBHY, rakyat Pahang yang tidak berpelajaran, terutama pendidikan Inggeris telah menyebabkan ... "anak-anak yang lain dan cerdik terpaksalah tinggal di hutan buat menjalani nasib yang malang. Ini telah mewujudkan golongan anak muda Pahang yang tinggal dalam kegelapan dan kesengsaraan", iaitu:

- i. Mereka tak sanggup hidup bercampur gaul dengan bangsa lain kerana mereka bodoh.
- ii. Tak tahu lagi jalan kehidupan dan tak mengenal kemajuan.
- iii. Tak ada modal buat membolehkan peruntungannya hidup dengan seksa sepanjang umurnya.
- iv. Tiada siapa yang boleh menunjukkan jalan untuk penghidupan baru...
- v. Belum ada pemimpin yang sempurna - golongan anak yang mendapat didikan bersekolah Inggeris amat kurang di Pahang.

Oleh itu, IBHY dengan tegas dan berani telah menyeru pembesar-pembesar Pahang agar mengambil berat dan menjalankan tugasnya sebagai pembesar-pembesar Melayu bagi membela nasib bangsanya, seperti kata IBHY,

.... "Tidakkah ada yang beringin di antara orang-orang besar Pahang mengambil keberatan dan insaf melihatkan anak-anak bangsanya supaya jangan tinggal dengan kegelapan dan kesengsaraan. Bilakah terbitnya cita-cita hendak memajukan kaum hambanya Melayu kalau tidak digerakkan sekarang? Ayuhai kebesaran seseorang itu tegal kerana bangsanya.

.... Jika orang-orang Melayu terhina meranap ke bawah tentulah pembesar-pembesar Melayu pun terhina dan meratap juar, di manakah terbitnya buah kalau tidak mempunyai batang? Jadi raja-raja, pembesar-pembesar itu sebagai buah kepada pokok.

Sekarang dengan nyaring saya serukan orang-orang Melayu wajib diiktibarkan pertolongan kerana memberi pelajaran dengan tidak menggunakan wang kerajaan. Hal ini dihadapkan kepada pembesar-pembesar Pahang, fikirkan sedikit sahaja sebab-sebab orang Inggeris boleh menakluki Negeri-negeri Melayu ini kerana mereka itu sudah lama cerdik .... silalah baiki keadaan pelajaran anak-anak Negeri Pahang.

Tak boleh maju tak bersemangat sesebuah negeri itu kalau bumiputeranya tak dapat menerima pelajaran dengan secukupnya. Ya Allah mengapa umat-umat Pahang masih tinggal tidak belajar ayuh! Turus-turus negeri selamatkanlah bangsa sendiri".

Bagi IBHY, raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu adalah bertanggungjawab untuk kemajuan orang-orang Melayu. Begitu juga kepada kerajaan Inggeris. Ini menyebabkan IBHY kerap memberi pandangan dan kritikan terhadap peranan-peranan yang harus dibuat oleh mereka demi untuk memajukan orang-orang Melayu. Sekiranya nasib orang-orang Melayu tidak diambil berat, ini boleh membawa kepada, "... kejatuhan martabat pembesar-pembesar dan raja-raja Melayu dalam pergaulan bangsa-bangsa dalam dunia ini ialah oleh kemiskinan dan kebodohan orang-orang Melayu umumnya yang demikian lemahlah kuasa Melayu itu hina dan daif pada mata isi dunia"<sup>6</sup>.

Walau bagaimanapun, IBHY berasa yakin bahawa bangsa Melayu akan memperoleh kejayaan dan setanding dengan bangsa-bangsa asing sekiranya pemerintahan Inggeris dapat dihapuskan kelak. Ini dapat dilihat apabila beliau berkata:

---

6. Silawatan, "Wakil-wakil Melayu", Majlis, 18 Jun 1937, him. 10.

"... Bangsa Melayu ialah satu bangsa yang ketinggalan dalam tamadun dunia yang bergerak dengan kemajuan jentera... Akan tetapi saya percaya bangsa Melayu akan hidup bersama-sama dengan semua bangsa-bangsa dalam dunia pada masa sampai ketikanya dunia ini menerima pentadbiran baru..."<sup>7</sup>

IBHY tetap mencintai tanahairnya. Di samping menulis rencana-rencana yang berhubung dengan kepentingan orang-orang Melayu dan tanahairnya, beliau turut merakamkan perasaan di hati sanubarinya yang mencintai tanahairnya melalui puisi-puisinya.<sup>8</sup> Bagi beliau:

"... Semenanjung Tanah Melayu adalah bahagian bumi yang dijadikan Tuhan untuk bangsa Melayu tetapi nasib bangsa Melayu malang dan celaka negerinya kaya tetapi bangsa Melayu tinggal papa dan miskin di masa ini."<sup>9</sup>

Oleh yang demikian, IBHY menyeru kepada orang-orang Melayu supaya berjuang untuk kepentingan bangsa dan tanahairnya. Bagi beliau:

- 
7. IBHY, *Melihat Tanahair*, Kota Baru, Kelantan, 1941, him. 17.
  8. IBHY telah menghasilkan tidak kurang tiga buah puisi yang berhubung dengan kepentingan dan kemajuan Bangsa Malaysia iaitu, "Tanahairku" (Warta Negeri), "Malaya Tanahairku" dan "Oh! Chulan Oh! Chulan" (Majlis).
  9. Silawatan, Tanahair, Majlis, 28 Mei 1937, him. 4.

"... hidupnya bangsa ialah bernegeri sebab itu manusia tidak takutkan nyawa melayang untuk tanahairnya. Semalang-malang bangsa, kalau tanahairnya terhempas, orang Melayu hendaklah bersedia membela tanahairnya"<sup>10</sup> Di samping itu beliau berpendapat bahawa, "... tanahair adalah tempat meletakkan kebangsaan sesungguhnya binasalah sesuatu bangsa yang tidak bertanahair sebab itu manusia sentiasa berjuang kerana kebangsaan dan kewatanan begitulah hal dunia dan kekayaan Allah Yang Maha Kuasa..."<sup>11</sup>

Dengan ini IBHY berharap agar orang-orang Melayu mempunyai semangat kebangsaan yang tulen. Sekiranya orang-orang Melayu mempunyai semangat ini, mereka akan "...merasa hina kalau bangsanya hina merasai tertindih kalau bangsa dan tanahairnya ditindih oleh bangsa lain..."<sup>12</sup>

IBHY pernah menyatakan bahawa semasa beliau menuntut di MPSI, beliau dan rakan-rakannya pernah mewujudkan satu persatuan sulit yang "berhaluan sosialis" pada tahun 1929. Seterusnya mereka menyusun Ikatan Semenanjung Malaya/Borneo yang berjuang untuk "Malaysia Raya" pada tahun 1930. Di samping itu, IBHY telah membuat beberapa cadangan di dalam akhbar Warta Negeri supaya orang-orang Melayu mewujudkan Persatuan Melayu yang berunsur politik secara berdaftar. Tujuan penting persatuan tersebut adalah untuk memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu. Pada ketika itu, orang-orang Melayu masih belum mempunyai persatuan yang dapat membela nasib bangsa mereka, kecuali Kesatuan Melayu Singapura.

10. Ibid.

11. Silawatan, "Timur dan Kejatuhaninya", Majlis, 28 April 1937, him. 1.

12. Silawatan, "Bangsa dan Tanahairnya", Majlis 26 Mei 1937, him. 1.

Walaupun IBHY bukan seorang pemimpin bangsa Melayu ketika itu seperti yang diakuinya, "seorang yang tidak terkenal di sisi bangsaku, "beliau selalu menyarankan kepada orang-orang Melayu supaya mengadakan Persatuan Kebangsaan Melayu. Di antara tujuan persatuan tersebut ialah untuk menyatukan orang-orang Melayu bagi menyelamatkan hak bangsanya. IBHY dibaratkan kehidupan orang-orang Melayu pada ketika itu, "... sangat berpecah sebagai kaca terhempas di batu, itulah yang wajib disatukan". Sekiranya orang-orang Melayu masih tidak mempunyai suatu persatuan yang kuat, IBHY meletakkan nasib bangsa Melayu sebagai "... ia tidak akan merasa maju dan bangsa itu mesti dipandang rendah martabatnya, biar pun ia cukup pandai dan kuat, tetapi kalau tidak ada bersatu ia akan terbenam, juga biar kurang pandai dan bijak kalau bersatu sama sebangsanya ia akan dipandang mulia dan kuat ..."<sup>13</sup>

Setelah tamat latihan perguruan di MPSI pada tahun 1931, IBHY telah ditugaskan sebagai guru Sekolah Melayu Bentong, Pahang. Ilmu dan pengetahuan yang diperolehnya di MPSI tidaklah disiasakan. Pengalamannya ini telah memberikan ilham kepadanya untuk memperjuangkan sesuatu bagi kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu.

Semasa berada di Bentong, Pahang, IBHY bergiat cergas dalam SPMKB. Beliau pernah dilantik menjadi Setiausaha Kelab tersebut. Walaupun IBHY menetap di Bentong, Pahang, tetapi beliau turut mengikuti perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu, terutama Kuala Lumpur melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Ini menyebabkan IBHY bersetuju dengan beberapa cadangan bagi mewujudkan persatuan Melayu yang berunsur politik seperti Kesatuan Melayu Singapura.

13. IBHY, "Dimenungkan untuk Semenanjung", *Warta Negeri*, 5 Mei 1930, him. 7.

IBHY berasa yakin, pada suatu masa kelak, orang-orang Melayu akan bersatu dan menentang dasar pemerintahan Inggeris yang merugikan mereka. Sindiran yang tajam ini dapat dilihat dalam kata-katanya:

"Darah kebangsaan dalam umat-umat Melayu Semenanjung sudah tentu belum cukup pengalirannya disegenap tubuh umat-umat Melayu. Tetapi keadaan itu akan bersalin kulit dengan selekas-lekasnya terutama jika orang-orang Melayu masih jua dihimpit-himpit ditakuti perasaan ketaatan yang berkuasa akan bergerak pula ... namun kalau hak-hak Melayu akan diperlemahkan barangkali orang-orang Melayu akan menjalankan politik yang sosial namun jika nasib makin buruk. Perjuangan umat-umat Melayu masa ini hanya satu perjuangan yang masih sulit dan sungguhpun begitu sangat hebat, umat Melayu selamat taat pada pemerintah tetapi amat berasa tak puas melihat cara-cara hak-hak Melayu akan dirasakan bahkah tidak sanggup lagi menanggung kerugian yang amat besar semenjak Semenanjung ini dibuka akan hasil-hasilnya bagi bangsa asing hingga mana umat-umat Melayu mestilah hidup melarat dan sengsara..."<sup>14</sup>

Sehingga tahun 1937, persatuan-persatuan Melayu yang berunsur politik masih belum diwujudkan. Walaupun ramai penulis-penulis ketika itu mengemukakan cadangan-cadangan supaya diwujudkan Persatuan Melayu SeMalaya, tetapi masih menemui jalan buntu. Ini adalah disebabkan sikap dan reaksi orang-orang Melayu terhadap politik dan pergerakan-pergerakan politik ketika itu amatlah mendukacitakan. Walaupun telah wujud kelab atau persatuan ketika itu seperti Sultan Sulaiman Club, Penang Peranakan Club, Jawa Peranakan Club, tetapi tujuan mereka adalah lebih untuk pertemuan sosial dan bersukan.

14. IBHY, "Perjuangan Umat Melayu" Majlis, 28 November 1932, him. 1.

IBHY berasa tidak puas hati di atas sikap orang-orang Melayu yang tidak mahu menyatukan persatuan-persatuan mereka dengan memberi berbagai-bagai alasan. Bagi IBHY, sekiranya orang-orang Melayu masih tidak bersatu mewujudkan persatuan-persatuan Melayu, selama itulah "... fikiran orang-orang Melayu bersepah-sepah tidak tentu yang mana satu," dan "fikiran orang-orang Melayu tidak bulat."<sup>15</sup>

Memandangkan isu tentang mewujudkan Persatuan Melayu Se-Malaya hangat dibincangkan dalam akhbar-akhbar di tahun 1937, IBHY berasa yakin bahawa cita-cita tersebut akan memperolehi kejayaan sekiranya diusahakan segera. Dengan penuh harapan, IBHY menyatakan bahawa "... Perasaan bersatu itu akan bertambah-tambah tebal di dalam memasukkan ke dalam hati orang-orang Melayu dan kita semua akan bekerja dengan sabar tekun bagi mengukuhkan semangat Kesatuan Melayu yang dihajati itu."<sup>16</sup>

Pada 18 September 1937, buat pertama kalinya wujud Persatuan Melayu Perak (bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu). Diikuti pula Persatuan Melayu Pahang pada 20 Mac 1938, Persatuan Melayu Selangor pada 31 Jun 1938 dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan pada 9 September 1938. Semasa mesyuarat penubuhan Persatuan Melayu Selangor, IBHY telah dilantik menjadi pemeriksa kira-kira. Walaupun IBHY adalah salah seorang yang giat menyuarakan dan menaikkan semangat orang-orang Melayu supaya menuahkan persatuan-persatuan Melayu yang berunsur politik, tetapi IBHY tidak dipilih menjadi "orang kuat" persatuan tersebut.

15. Silawatan, "Gerak-geri dalam Malaya - Persekutuan Orang-orang Melayu", Majlis, 29 Mac 1937.

16. Silawatan, "Persatuan Melayu Se-Malaya", Majlis, 25 Ogos 1937, hlm. 4.

**Warta Malaya (WM)** turut berasa bangga di atas penubuhan Persatuan Melayu Pahang (PMP) yang berpusat di Kuala Lipis, Pahang, pada 20 Mac 1938. Tengku Mohammad ibni Sultan Ahmad (CBE), iaitu wakil Melayu di Majlis Mesyuarat Persekutuan serta Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pahang, telah dilantik menjadi Yang Dipertuanya, Sultan Pahang sendiri telah menghadiri dan memberi ucapan di pembukaan penubuhan persatuan tersebut dan WM mengesyorkan supaya Sultan Pahang dilantik menjadi penaungnya. Bagi WM orang Melayu Pahang haruslah berasa bangga di atas kehadiran Sultan Pahang; jelas WM lagi:

“Warta Malaya yakin mengatakan bahawa titah yang Maha Mulia yang telah disampaikan itu akan memberi kesan di dalam tiap-tiap hati umat Melayu Pahang bahkan inilah tali muhibbah yang akan menambat hati tiap-tiap rakyat kepada setia dan kasih kepada Yang Maha Mulia serta kepada kerajaannya dan kita percaya tiap-tiap orang akan berlumba-lumba akan menunjukkan setia taat kepada Yang Maha Mulia dan kepada kerajaan.”<sup>17</sup>

- 
17. Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Pahang", Warta Malaya, 22 Mac 1938, hlm. 9 -10. Ibrahim Yaakub yang pernah melawat ke Pahang pada Ogos 1940 telah mencatatkan tentang PMP di dalam bukunya *Meihat Tanahair* (1941): "Persatuan ini digemari oleh orang Melayu Pahang. Sekadar oleh sebab urusan-urusannya belum begitu sempurna menyebabkan kemajuan itu terlambat sedikit. Dalam pada itu pun tentulah ada harapan akan jaya dengan sempurna pada suatu masa akan datang kerana perasaan bersatu itu telah timbul di hati orang Melayu. Istimewa pula orang Pahang itu sudah mengikut nasihat kerana perasaannya tidak banyak berpecah belah. Mereka gemar menasihat dan berhajat sangat pada kemajuan. Hanyalah mereka menantikan pimpinan sahaja - mereka akan mengikut dengan mudahnya." Lihat juga Editorial, Free Press, Keluaran 24 Mac 1938 tentang pandangannya terhadap penubuhan Persatuan Melayu Pahang:

"It will not have been overlooked that in Pahang the Association has the blessing of the Sultan almost certainly an essential point under present condition - and that malay royalty played a prominent part in the inaugural meeting. This in itself must restrict the scope of the Association work, but it cannot be avoided at this juncture. Similarly other leaders are Malays holding prominent posts in the government services, which again, must impose restrictions on the extent to which they can propose schemes to which the High Commissioner may be opposed, and must curtail criticism of Government action and policy".

Di samping itu, WM turut juga memberi pandangan dan cadangan terhadap PMP untuk mencapai matlamat dan kejayaan orang Melayu. Umpamanya, WM turut mengemukakan pendapatnya di atas keputusan di dalam mesyuarat Jawatankuasa PMP pada September 1938 tentang persetujuan mereka menyiasat perihal kehidupan orang-orang kampung selama 70 hari sahaja. Bagi WM, penyiasat yang hendak dilakukan di Pahang ini tidak mungkin cukup masanya kerana Kesatuan Melayu Singapura telah mengambil masa 3 bulan. WM mencadangkan supaya ditetapkan selama setahun sekiranya ingin mencapai matlamat yang dicitakan itu.<sup>18</sup>

Untuk menjayakan sesuatu persatuan itu pula, terutama PMP, WM menyeru orang ramai supaya bekerjasama dan menyokong menjayakan pergerakan tersebut. Dengan penuh harapan WM menyuarakan:

Kemudian daripada itu Warta Malaya suka mengambil peluang kerana berharap kepada umat Melayu Pahang amnya termasuk umat Pahang supaya bekerjasama bagi membina serta menguatkan tubuh Persatuan Melayu Pahang itu. Persatuan Melayu Pahang itu berkehendakkan kepada pemimpin tetapi yang lebih-lebih dikehendaki ialah pihak yang dipimpin. Persatuan ini bukanlah persatuan bermain sport tetapi ialah persatuan yang akan berdiri kerana menjadi ganti umat berdamping dengan kerajaan atas barang yang difikirkan boleh mendatangkan kebajikan. Perdampingan umat dengan persatuan ini sangat-sangat dikehendaki supaya persatuan itu dapat bertubuh kepada sebenar-benar pertubuhan umat.<sup>19</sup>

- 
18. Rencana Pengarang, "Biar Lambat Asalkan Selamat", Warta Malaya, 2 September 1938, him. 9.
  19. Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Pahang", Warta Malaya, 22 Mac 1938, him. 9 - 10

WM juga turut menggalakkan persatuan-persatuan Melayu yang telah ditubuhkan ( iaitu di Perak, Pahang dan Selangor) mengikut jejak langkah perkembangan Kesatuan Melayu Singapura yang telah wujud dan maju sejak tahun 1926 lagi. Manakala negeri-negeri yang belum lagi mengandungi persatuan masing-masing diseru oleh WM supaya menubuhkan dengan seberapa segera demi kepentingan bangsa Melayu. Sebelum persatuan itu ditubuhkan WM menyarankan supaya mereka menghantar penganjur-penganjur bagi menyiasat dan mempelajari pergerakan Kesatuan Melayu Singapura yang mungkin sudi membantunya.<sup>20</sup>

Sudah menjadi aneh Persatuan Melayu sebelum 1941, corak pimpinannya adalah lanjutan dari corak pimpinan Melayu tradisional kerana masih lagi terdapat unsur-unsur aristokratis di kalangan pemimpinnya. Umpamanya Persatuan Melayu Selangor, Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yasin telah dipilih menjadi Yang Dipertuaanya. Perjuangan persatuan-persatuan Melayu ini adalah memikirkan soal daerah, adat istiadat, hak istimewa orang besar di samping mempunyai perasaan taat setia kepada Sultan-Sultan dan kerajaan Inggeris.<sup>21</sup>

IBHY tidak berpuas hati dengan dasar politik yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Persatuan Melayu ini, yang dianggapnya sebagai kebangsaan sempit (narrow minded nationalism) dan terlalu feudal. Ini menyebabkan IBHY dan beberapa orang sahabatnya seperti Mustafa bin Husain (penuntut Maktab Teknik, Kuala Lumpur) telah membentuk Persatuan Belia Melayu. Perjumpaan mewujudkan persatuan ini telah diadakan di Asrama Penuntut-penuntut Melayu di Kampung Baru (berhampiran dengan Kelab Sultan Sulaiman).

- 
20. Rencana Pengarang, "Ingatan Kepada Kesatuan Melayu", Warta Malaya, 28 Julai 1938, hlm. 6.
  21. Abdul Latiff Abu Bakar, "Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-Persatuan Melayu, 1926 - 1924" Malaysia dari Segi Sejarah, Persatuan Sejarah Maysia, 1980, hlm. 94.

Tujuan asal Persatuan Belia Melayu ialah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosial. Tetapi IBHY dan rakan-rakannya telah menggunakan persatuan ini untuk tujuan politik. Persatuan ini yang diketuai oleh IBHY telah menukar namanya kepada Kesatuan Melayu Muda (KMM). Majoriti ahli jawatankuasanya terdiri dari golongan rakyat biasa. Slogan yang diperjuangkan oleh KMM ialah "satu untuk semua; semua untuk satu". (one for all, all for one). KMM ialah satu pergerakan kebangsaan Melayu yang.

"... tidak menyebutkan setia kepada Sultan dan kerajaan Inggeris, tetapi tidak pula menyebutkan non-cooperation, hanya bekerja membangkitkan kesedaran bangsa dan pelajaran di kalangan anggotanya yang terutama diperkuatkannya keanggotaan dari kalangan bawahan, kesatuan ini tidak memakai definisi (takrif) Melayu menurut seperti badan-badan politik yang ada itu. Kesatuan ini menghendaki kesedaran kepada kesatuan nasional besar dengan seruan "Melayu Raya", yakni meliputi seluruh Kepulauan Melayu".<sup>22</sup>

Cita-cita KMM yang ingin menggabungkan Tanah Melayu dan Indonesia di bawah konsep "Melayu Raya" dapat diperhatikan di dalam bukunya, Melihat Tanahair. Di antaranya IBHY menyatakan bahawa,

"... saya meminta petunjuk yang sebenar daripada Tuhan Yang Maha Kuasa supaya orang-orang saya semuanya sekali bersatu kepada satu perhimpunan bangsa Melayu mempunyai satu haluan dan satu pengertian bagi Melayu Raya. Mudah-mudahan dengan perlana-lahan hiduplah bangsa Melayu sebagai satu bangsa di muka bumi ini yang mempunyai hak-hak kebangsaan di Tanah Melayu dan gugusan pulau-pulau di Alam Melayu."<sup>23</sup>

22. IBHY, Nusa dan Bangsa Melayu, 1951, him. 59.

23. IBHY, (MTA), op. cit., him. 16.

Bagi memperjuangkan cita-cita politik KMM, IBHY pernah berharap agar orang-orang Melayu dapat bersatu dengan lebih teguh lagi. Beliau berharap agar "... ikatan persatuan bangsa Melayu akan bertambah-tambah teguh... sempurna kepada bangsa dan tanahairnya sendiri kerana pecah-belah atau berpuak-puak itu ialah kejatuhan bagi sesuatu bangsa..."<sup>24</sup>

### **Gerakan Kebangsaan 1940-an**

KMM yang sempat ditubuhkan cawangannya di negeri-negeri Tanah Melayu telah dibubarkan semasa pemerintahan Jepun (1942). Walaupun KMM tidak dibenarkan bergerak, IBHY dan rakan-rakannya seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy telah memperjuangkan konsep "Indonesia Raya" melalui Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada Jun 1945. Usaha KRIS untuk memperolehi kemerdekaan bersama dengan Indonesia gagal kerana Indonesia telah diisytiharkan kemerdekaannya pada 17 Ogos 1945.

Walaupun rancangan KRIS untuk memperolehi kemerdekaan bersama-sama Indonesia gagal, tetapi cita-cita KRIS ini telah diteruskan oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy dan sebahagian pengikut-pengikut KMM telah mengambil inisiatif menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Ipoh, Perak pada 17 Oktober 1945. PKMM merupakan parti Melayu yang pertama sekali ditubuhkan selepas pemerintahan Jepun menyerah diri. Semasa Dr. Burhanuddin menjadi Yang Dipertuannya (selepas Motaruddin Lasso), PKMM telah membawa slogan "Membela Hak dan Keadilan Putera Melayu" dan seterusnya menuju cita-cita mulia dan suci, iaitu mencapai kemerdekaan bangsa dan tanahair dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu di bawah Indonesia.<sup>25</sup>

24. Ibid., hlm. 17.

25. Kamarudin Jaafar, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Politik Melayu dan Islam, Penerbitan Yayasan Anda, Kuala Lumpur, 1980. hlm. 54.

Pada mulanya PKMM telah bergabung mewujudkan UMNO, tetapi disebabkan dasar perjuangan PKMM yang berhaluan kiri (tidak bekerjasama dengan Inggeris dalam menuntut kemerdekaan) berbeza dengan UMNO yang berhaluan kanan (bekerjasama dengan Inggeris dalam menuntut kemerdekaan), akhirnya PKMM mengambil keputusan keluar dari UMNO pada 1946. PKMM bergerak cergas menuntut kemerdekaan, seterusnya menujuhan Angkatan Pemuda Insaf (API) di bawah pimpinan Ahmad Boestamam dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dipimpin oleh Shamsiah Fakeh.

PKMM telah bergerak cergas meluaskan sayapnya di setiap negeri dan cawangan di seluruh Tanah Melayu. Pahang adalah di antara negeri yang ramai pengikutnya dan daerah Temerloh menjadi pusat perkembangan PKMM di Pahang. Ini adalah disebabkan ramai di antara bekas ahli-ahli KMM yang dipimpin oleh IBHY telah menyertai PKMM dan Ishak Hj. Muhammad selaku Timbalan Yang Dipertua mempunyai pengaruh dan dikenali ramai.

Ishak Hj. Muhammad merupakan anak Pahang yang bergiat dalam arena penulisan dan persatuan sejak tahun 1930-an hingga 1960-an dalam usaha memperjuangkan nasib bangsanya dan menuntut kemerdekaan dari penjajah Inggeris. Beliau dilahirkan di Kampung Segentang, Temerloh pada tahun 1909. Beliau mendapat pendidikan sekolah Melayu dan Inggeris dan di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pernah bekerja sebagai Pegawai Tadbir Inggeris dan wartawan di Warta Malaya dan Utusan Melayu. Di samping itu, beliau bergiat di dalam KMM (1938). Selepas Perang Dunia Kedua, beliau bergiat cergas dalam PKMM sebagai Naib Yang Dipertua 1946 - 1947 dan Yang Dipertua pada tahun 1948.<sup>26</sup>

Jaafar Hussin adalah di antara pemimpin pelapis dan memainkan peranan penting dalam pengembangan PKMM dan Parti Rakyat

26. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, op. cit.

Tanah Melayu di Pahang. Beliau dilahirkan di Kampung Tengah, Temerloh, Pahang pada tahun 1923 dan mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Temerloh serta di Prince of Wales Institution, Kuala Lumpur. Bergiat dalam PKMM dan API serta menjadi Ketua PKMM Daerah Temerloh dan Bendahari API Pahang. Pada 1949 - 54, Jaafar ditahan dan pada 1955 bergiat dalam Parti Rakyat Tanah Melayu sehingga 1964. Di samping itu, beliau pernah berkhidmat sebagai wartawan di Utusan Melayu (1948 - 49), Pedoman (1955) dan Malaya Merdeka (1954).

PKMM Negeri Pahang telah ditubuhkan di Benta, Kuala Lipis pada 1946. PKMM Bahagian Benta pula telah dipimpin oleh Mahmud Baginda. Beliau adalah bekas ahli KMM yang dipimpin oleh Ibrahim Hj. Yaakob (1938 - 1941) dan turut masuk penjara Changi, Singapura menjelang kedatangan Jepun pada 1941.<sup>27</sup>

Mahmud Baginda telah mengambil inisiatif membawa Dr. Burhanuddin al-Helmy (Ketua PKMM) datang ke Temerloh untuk menubuhkan PKMM Cawangan Temerloh dan perbincangan dijalankan di Gedung Yahya Mohd. Sch. Secara rasmi majlis perhimpunan bagi menubuhkan PKMM Cawangan Temerloh telah diadakan di Pejabat Persatuan Indonesia Mardeka, No.24, Jalan Tengku Abu Bakar, kedai kepunyaan Hj. Sidin. Penubuhan PKMM ini menarik minat suku kaum kampar dan orang-orang Indonesia kerana mereka bernaung di bawah bendera yang sama, menyanyi lagu Indonesia-Raya dan menuntut kemerdekaan bersama-sama dengan Indonesia.

Sebagai seorang pemimpin PKMM, ucapan Dr. Burhanuddin al-Helmy di Pahang turut menarik sokongan rakyat Pahang menyertai PKMM. Umpamanya Jaafar Hussin amat tertarik dan mencuit hatinya dengan ucapan Dr. Burhanuddin yang berkata:

27. Jaafar Hussin, *Kebenaran (Memoir)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, him. 16-17

“... Bangsa Melayu hari ini dapat dikatakan hidup miskin, menderita, dan hina di negerinya sendiri, sesudah beratus tahun lamanya dijajah oleh bangsa asing. Mereka tak ubah seperti seekor ayam yang mati kelaparan di kepuk padi dan seekor itik yang mati kehausan di air.

... Oleh itu, marilah kita sama berjuang dan menebus kembali hak-hak pusaka nenek moyang kita daripada penjajah yang selama ini memeras kita tanpa ada perasaan takut dan bimbang.”

Walaupun Jaafar Hussin baru berusia 20 tahun, beliau telah dipilih tanpa bertanding sebagai Ketua I, Manap Siwang dipilih sebagai Setiausaha, Agus Salim sebagai Bendahari dan antara jawatankuasanya ialah Kamaruddin Muhammad (Kris Mas). Selaku Ketua I PKMM Daerah Temerloh, Jaafar Hussin telah dilantik menganggotai Dewan harian peringkat negeri Pahang dan apabila Angkatan Pemuda Insaf (API) di bawah pimpinan Ahmad Boestamam ditubuhkan di Pahang, beliau telah dipilih menjadi Bendahari.<sup>28</sup>

Penubuhan PKMM dan API di Pahang turut membantu perkembangan PMP. Bahagian Pemuda PMP Temerloh telah lumpuh apabila Kamarulzaman Teh telah menganggotai dan memimpin API.

Ahli-ahli PMP yang berhaluan kiri dan mahu memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu telah menyertai PKMM dan API. Di samping itu, populariti Ibrahim Hj. Yaakob dan Ishak Hj. Muhammad sebagai pemimpin KMM dan penulis politik yang prolifik, perhubungan kekeluargaan, dan minat dengan perjuangan PKMM turut mempopularkan parti itu di Pahang.

28. Ibid., hlm. 18 -19.

PKMM dan API di Pahang telah bergerak cergas dan telah mengaturkan siri-siri ceramah dan pertunjukan sandiwara untuk dijadikan medium menyampaikan propaganda menentang Inggeris dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Di samping tujuan propaganda, hasil kutipan dari sandiwara ini telah digunakan untuk tabung perjuangan menentang penjajah Inggeris.

Persatuan Indonesia Merdeka (PIM) di bawah pimpinan T. P. Sirait turut mempengaruhi perjuangan PKMM di Pahang menuntut kemerdekaan dari Inggeris. Perjuangan utama PIM adalah mendapatkan kemerdekaan Indonesia dari Belanda sentiasa mengadakan rapat umum untuk menjelaskan erti perjuangan mereka kepada rakyat Indonesia di Pahang. Kegiatan PIM telah memberikan sokongan moral dan kewangan kepada PKMM. Setiap ucapan dimulakan dengan pekikan "MARDEKA", dengan lantangnya sambil menggenggam buku tangan dan dijulangkan ke atas. Ini amat berkesan dan mampu menaikkan semangat perjuangan. Lebih-lebih lagi ucapan dengan menggunakan loghat Indonesia disampaikan dengan lebih bertenaga.<sup>29</sup>

Segala kegiatan PKMM dan API pusat turut disertai oleh pemimpin Pahang. Umpamanya Kongress PKMM yang diadakan di Melaka pada 1946, Pahang diketuai oleh Mahmud Baginda. Kongres ini telah memberi peluang pemimpin PKMM Pahang bertemu dan mendengar hujah-hujah bernes dari pemimpin-pemimpin PKMM Kebangsaan seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Hj. Muhammad, Ahmad Boestamam dan pemimpin-pemimpin dari negeri lain. Kongres ini dimulakan dengan satu perarakan yang dihadiri 10,000 orang seperti yang dilihat oleh Jaafar Hussin ... "Perarakan ini sangatlah hebat. Ianya belum pernah diadakan selama ini. Semangat berjuang mendapatkan kemerdekaan begitu meluap-luap dan membakar setiap jiwa ahli-ahli PKMM, API dan AWAS pada waktu itu. Kota Melaka berasa bergema dengan

29. Ibid., hlm. 20.

pekitan MERDEKA yang sambut menyambut dari pangkal perbarisan hingga ke hujungnya. Laungan yang bergema dan berterusan itu menjadikan negeri Melaka dan seluruh Semenanjung seolah-olah sudah mencapai kemerdekaannya.”

Ucapan dan amanat Dr. Burhanuddin telah menjadi pegangan dan menaikkan semangat pemimpin-pemimpin PKMM Pahang untuk bergerak cergas dan memperjuangkan kemerdekaan tanahair yang tidak berkompromi dengan penjajah Inggeris. Sebuah pantun sebagai penutup ucapan Dr. Burhanuddin Al-Helmy telah menjadi bekal yang berharga untuk meneruskan perjuangan PKMM. iaitu:

Di atas robohnya Kota Melaka,  
Kita dirikan jiwa merdeka;  
Bersatu padulah segenap tenaga,  
Membela hak keadilan pusaka.

Kongres PKMM di Melaka telah memberi kesan yang mendalam kepada setiap pemimpin PKMM untuk bergerak lebih cergas menentang penjajah Inggeris dan menuntut kemerdekaan tanahair seperti kata Jaafar Hussin ... “bermula dari sinilah saya mula merasakan bahawa diri saya benar-benar telah terikat dan terlibat perjuangan politik tanahair menentang penjajah Inggeris.” Mahmud Baginda telah memperhebatkan kegiatannya di Benta, Kuala Lipis dan Pulau Tawar. Anak gadisnya telah menganggotai AWAS, anak lelakinya, Othman Abadi telah menukuhan pasukan yang dipanggil SEMUT (masih bersekolah dan terdiri dari kanak-kanak), manakala Khairuddin Kawi dan Nazar Nong bergerak cergas dalam API.<sup>30</sup>

Di antara penceramah-penceramah politik PKMM dan API di Temerloh ialah Kamaluddin Muhammad, Manap Siwang, Ismail Tekan. Mereka telah memberi penerangan tentang isu dan cabaran

30. Ibid., him. 24 - 25.

politik semasa dan menziarahi hampir setiap pelosok kampung. Di samping mengadakan ceramah politik, API telah mengadakan perbarisan ala-tentera yang intensif sebagai suatu persediaan untuk mengambil alih kuasa pemerintahan Malaya setelah merdeka nanti. Latihan untuk pegawai-pegawai API (500 orang) telah diadakan di Kemendor, Jasin selama sebulan di bawah pimpinan Shaot Johan.

PKMM dan API telah mendapat sokongan dan berkembang di kalangan rakyat biasa. Banyak cawangannya ditubuhkan di kawasan sekolah pondok (agama) rakyat seperti di Kampung Lubuk Kawah dipimpin oleh Ibrahim Chik, telah mendapat sokongan dari seorang guru pondok bernama Haji Cik Man (Kelantan) dan di Kampung Bohor, Mukim Bera mendapat sokongan dari sekolah agama di bawah pimpinan Mualim Hanafiah.

Pemimpin-pemimpin PKMM yang berpengaruh dengan fahaman komunis telah menggunakan Pahang sebagai pusat pengembangannya seperti Wahi Anuar, Musa Ahmad, Shamsiah Fakeh dan lain-lain. Apabila API diharamkan oleh Inggeris pada 1947, API Negeri Pahang di bawah pimpinan Kamaruzaman Teh telah bertukar haluan menjadi ahli Pembela Tanah Air (PETA) di bawah pimpinan Wahi Anuar. Semasa penubuhan rasmi PETA di Temerloh, satu perarakan telah diadakan dan seterusnya diadakan latihan perang gerila. Satu rapat umum pula telah diadakan ketika penubuhan PETA di Jeram dan diikuti satu perarakan secara besar-besaran ke bandar Temerloh. Di samping itu, Musa Ahmad yang memimpin barisan tani dalam PKMM turut mengembangkan pengaruhnya di Pahang. Begitu juga dengan Shamsiah Fakeh yang mengembangkan AWAS.<sup>31</sup>

Apabila Inggeris mengisytiharkan darurat pada Jun 1948 ramai di antara pemimpin PKMM telah ditangkap dan terdapat juga beberapa orang pemimpin yang lain seperti Wahi Anuar, Shamsiah Fakeh, Musa Ahmad, A.Rashid Maidin dan Abdullah C.D telah pergi

31. Ibid., him. 44.

ke Pahang dan seterusnya menyertai Parti Komunis Malaya menentang Inggeris. Kali ini mereka berjuang menuntut kemerdekaan Tanah Melayu secara kekerasan dan ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Republik berfahaman komunis. Secara sedar atau tidak sedar, pengaruh komunis telah meresap ke dalam PKMM.

PKMM telah dibubarkan dan ramai pemimpin-pemimpin PKMM dari Pahang telah ditangkap seperti Ishak Hj. Muhammad, Jaafar Hussin dan ramai juga telah masuk ke dalam hutan menyertai perjuangan Parti Komunis Malaya menentang Inggeris. Walaupun kedua-dua pemimpin dari Pahang ini telah dibebaskan (1955), mereka tetap mempunyai sikap dan pendirian yang tidak bekerjasama dengan Inggeris dalam usaha untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Apabila Ahmad Boestamam berusaha menubuhkan Parti Rakyat Tanah Melayu (1955) yang berjuang menuntut kemerdekaan, Ishak dan Jaafar turut memainkan peranan penting di peringkat negeri Pahang dan Tanah Melayu.

Walaupun kemerdekaan Tanah Melayu telah diperolehi melalui Perikatan (UMNO-MCA-MIC), tetapi sumbangan dari parti-parti yang tidak bekerjasama dengan Inggeris turut memainkan peranan penting dalam sejarah Gerakan Kebangsaan Tanah Melayu. Walaupun mereka tidak dibawa ke meja perundingan, tetapi sikap dan gaya perjuangan parti-parti yang berhaluan kiri ini turut mempercepatkan lagi proses kemerdekaan Tanah Melayu. Mereka telah berjasa dan sanggup berkorban serta menghadapi risiko dalam menghadapi segala tantangan dari penjajah Inggeris dan parti lawan.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang ditubuhkan dalam bulan Mei 1946 merupakan parti Melayu yang telah memainkan peranan penting mewujudkan Perikatan (UMNO-MCA-MIC) dan berusaha berunding dengan Inggeris menuntut kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Pada dasarnya, UMNO telah dapat menyatukan orang-orang Melayu dari semua golongan di bawah satu parti yang cuba mewakili suara orang Me-

layu. Dasar UMNO yang bekerjasama dengan Inggeris dan belum berhasrat menuntut kemerdekaan (1946 - 51) menyebabkan PKMM memberi saingan hebat terhadap UMNO.

Namun begitu, orang Melayu Pahang turut tidak ketinggalan berusaha dan menyokong usaha menghidupkan persatuan negeri yang berhaluan kanan, iaitu masih bekerjasama dengan Inggeris. Persatuan yang dirancangkan itu adalah bertujuan membela nasib orang Melayu dan masih belum memikirkan lagi kemerdekaan Tanah Melayu.

Selepas pendudukan Jepun (1945), Persatuan Melayu Pahang (PMP) telah diwujudkan dan mula bergerak cergas serta mula membincangkan tentang politik tanah air. Kebanyakan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli yang aktif yang kerap membincangkan tentang politik terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan seperti Wan Abdul Aziz (Pegawai Pertanian Temerloh), Datuk Hussein Taib, Othman Taat, Mohd. Yassin Salleh, Awang Ngah Tok Muda Hj. Ibrahim, Mohd. Tahir Hj. Muhammad, Umar Ismail, Mohd. Nor Zabidin, Awang Zakaria, Muhamad 3B (Bentung), Cikgu Abdullah Akil dan lain-lain.<sup>32</sup>

PMP Temerloh merupakan cawangan PMP yang bergiat lebih cergas daripada daerah lain. Di Temerloh, PMP telah menubuhkan Bahagian Pemuda dan dipimpin oleh Kamaruzaman Teh. Di antara barisan Ahli Jawatankuasa dan ahli yang bergerak cergas ialah Mohd. Taib Salleh (S. Roomai Noor), Yusuf Salleh, Ahmad Salleh dan Jaafar Hussain serta sebahagian dari ahli-ahlinya adalah mempunyai hubungan keluarga dengan Ishak Hj. Muhammad (Kampung Buntut Pulau). Mengikut Jaafar Hussin, kumpulan politik yang berhaluan kanan atau pro-Inggeris selalu berkumpul di Gedung Yahya Mohd Seh. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang telah diasuh oleh Inggeris untuk berkhidmat sebagai kakitangan

32. Ibid., him. 14.

yang patuh kepada perintah. Walaupun mereka mempunyai kesedaran politik, tetapi topik-topik perbincangan mereka adalah berkisar kedudukan atau pangkat dan gaji.

Ahli-ahli PMP yang berfahaman kiri banyak berkumpul dan berbincang di kedai Agus Salim, di Jalan Tengku Abu Bakar, Temerloh. Kumpulan ini atau Kumpulan Agus Salim terdiri daripada Manap Jepun atau Manap Siwang, Kamaluddin Muhammad (Kris Mas), Mualim Abdul Ghafar, Mualim Jailani, Pak Tuasin dan diikuti Ustaz Ismail Tekan (Indonesia). Kebanyakan dari mereka bekerja sendiri, berniaga, guru-guru agama dan sebahagian besarnya telah menyertai PKMM.

Bahagian Pemuda PMP Temerloh diberi kebebasan bergerak. Ini memberi peluang Kamarulzaman Teh menyusun dan menyatukan pemuda Melayu sebagai satu pertubuhan yang kuat. Pengalaman beliau sebagai pejuang gerila Malayan Peoples Anti-Japanese Army (MPAJA) dan kematangan fikirannya membolehkan beliau memainkan peranan sebagai seorang pemimpin yang berpengaruh. Di antara kegiatan bahagian pemuda ini ialah menganjurkan pertunjukan sandiwara sebagai medium penerangan politik semasa yang dikendalikan oleh Idris Hj. Abdul Rahman (adik sepupu Ishak Hj. Muhammad), Yusof Salleh dan S. Roomai Noor.<sup>33</sup>

Apabila orang Melayu mengadakan Kongres pertama di Kuala Lumpur pada 1 - 4 Mac 1946 (dihadiri 41 buah Persekutuan Melayu) PMP turut menghantar wakilnya dan menghantar Mohd Nur Sulaiman ke kongres Melayu ke-2 di Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946. Kongres yang dihadiri 29 persatuan ini telah berjaya mewujudkan satu pertubuhan Melayu yang dikenali Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bagi membela nasib bangsa Melayu dan menentang pengisytiharan dan pelaksanaan Malayan Union.

33. Ibid., hlm. 16.

PMP yang dipimpin oleh Dato' Hussin bin Md. Taib (M.B.E) dan Setiausaha, Mohamed Jusof bergerak cergas dan memberi kepercayaan kepada wakil-wakilnya ke mesyuarat UMNO yang diadakan. UMNO yang bermesyuarat di Pulau Pinang pada 23 dan 24 April 1948 telah bersetuju menubuhkan UMNO negeri-negeri. Untuk tujuan ini, ahli-ahli UMNO telah didaftarkan semula atau menukar nama pertubuhan-pertubuhan (persatuan-persatuan di negeri-negeri) kepada UMNO negeri-negeri dan memilih jawatankuasa di peringkat negeri-negeri. Secara rasmi, Majlis Agung UMNO yang diadakan di Arau, Perlis pada 28 dan 29 Mei, 1949 telah meluluskan Undang-undang Tubuh (perlembagaan) baru UMNO.<sup>34</sup>

Pahang tidak ketinggalan telah berusaha menubuhkan UMNO negeri Pahang pada 1948. Buat pertama kalinya, UMNO Pahang telah menghantar wakilnya ke Mesyuarat Agung UMNO di Arau Perlis pada 28 dan 29 Mei 1949. Ia diwakili oleh Mohd. Sulong Mohd. Ali dan Tengku Mahmud Tengku Abdul Majid.<sup>35</sup>

Setiap Mesyuarat Agung UMNO, Pahang tidak ketinggalan menghantar wakilnya dan turut mengemukakan usul-usul untuk diperbahaskan. Di dalam Mesyuarat Agung UMNO di Seremban, Negeri Sembilan pada 1 - 2 Mac 1947 Persatuan Melayu Pahang telah diwakili oleh Osman Taat dan Awang Zakaria Abdul Kadir.<sup>36</sup> Di samping itu, Persatuan Melayu Pahang turut mengemukakan syor kepada UMNO pada 24 April 1947 berhubung dengan Tanah Simpanan Melayu dan pelajaran, iaitu:<sup>37</sup>

- 
34. Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 184 - 193.
  35. Ibid., hlm. 195.
  36. Lihat Kertas Persidangan Mesyuarat Majlis Agung Biasa, Bil. 2/47, 1 dan 2 Mac 1947.
  37. Lihat Kertas Persidangan Mesyuarat Majlis Agung Biasa, Bil. 3/47 - Fasal No. XIV (Ketetapan-ketetapan yang diterima)

"UMNO patut berunding dengan kerajaan supaya kuatkuasa undang-undang Malay Reservation itu dipegang kuat. Segala tanah-tanah yang termasuk di dalam kawalan undang-undang itu tidaklah sekali-kali boleh dipecah dan diberikan kepada orang-orang lain daripada orang-orang Melayu oleh sebab telah didapati di dalam masa Jepun dahulu banyak orang-orang yang bukan bangsa Melayu telah menduduki tanah-tanah yang termasuk ke dalam kawalan undang-undang ini. Hingga masa ini mereka itu masih juga menanam pokok-pokok yang saka di atas tanah-tanah itu. Bolehlah dikatakan yang mereka itu akan meminta kepada kerajaan supaya tanah-tanah yang diduduki oleh mereka itu dikeluarkan daripada kawalan undang-undang itu.

Mustahak UMNO mengadakan suatu kutub khanah yang mengandungi buku-buku di dalam bahasa Melayu. Buku-buku itu hendaklah dikarang oleh ahli-ahli UMNO atau diterjemahkan daripada buku-buku bahasa asing untuk bacaan ahli-ahli UMNO mudah-mudahan dapatlah ahli-ahli itu memetik mutiara-mutiara yang tersunting di dalam buku-buku itu yang akan memandukan mereka itu kepada bertambah-tambah pengetahuan dan kemajuan.

UMNO patut mengadakan ikhtiar supaya sebuah sekolah sambungan atau sekolah rakyat yang tidak terhad dapat didirikan. Sekolah ini ialah diperuntukkan kepada anak-anak Melayu yang tidak sempat menamatkan pelajarannya disebabkan berbagai-bagai hal dan dengan adanya sekolah ini bolehlah mereka itu meneruskan pelajarannya hingga tamat."

Tun Abdul Razak Hussein merupakan anak jati Pahang yang telah memainkan peranan penting dalam UMNO dan turut duduk di meja perundingan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau dilahirkan di Pekan, Pahang pada 11 Mac 1922. Mendapat didikan Sekolah Melayu dan Kolej Melayu Kuala Kangsar, Raffle College, Singapura. Pada 1947 beliau dianugerahkan derma pelajaran dan menuntut ilmu undang-undang serta lulus pada April 1949. Sekembalinya ke tanahair pada 1950, beliau telah menyertai Mala-

yan Civil Service dan pernah dilantik menjadi Pemangku Menteri Besar Pahang (Februari 1954) sehingga beliau menceburkan diri dalam politik UMNO sepenuh masa dan bertanding dalam Pilihanraya Persekutuan yang pertama pada 1955.

Setelah Datuk Hussein Onn meletak jawatan Pergerakan Pemuda UMNO Tanah Melayu (1949 - 1951), jawatan itu telah disandang oleh Tun Abdul Razak Hussein sehingga 1952. Pada tahun 1954, Tun Abdul Razak telah dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO sehingga 1971 dan seterusnya dipilih menjadi Presiden UMNO sehingga beliau meninggal dunia.

Di dalam kabinet Tunku Abdul Rahman pada 1955, Tun Abdul Razak telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran dan pada 1956, beliau telah dilantik mewakili Perikatan (UMNO-MCA-MIC) ke England untuk merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman, Col. H. S. Lee, Dr. Ismail Abdul Rahman dan 4 wakil Raja-raja Melayu. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan. Pada 1971, Tun Abdul Razak telah dipilih menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Sebagai kesimpulan dapatlah kita katakan bahawa Pahang sebagai sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu telah memainkan peranan penting dalam gerakan kebangsaan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pahang telah menghasilkan tokoh-tokoh nasionalis berwibawa dari golongan yang berhaluan kiri yang tidak berkompromi dengan Inggeris seperti Ibrahim Hj. Yaakob, Ishak Hj. Muhammad, Jaafar Hussin dan Tun Abdul Razak Hussin dari golongan yang berfahaman kanan. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh pejuang-pejuang tanahair, khususnya wira-wira dari Pahang.

## PAHLAWAN-PAHLAWAN PAHANG DALAM PERANG KELANG

Oleh

Profesor Dato' Khoo Kay Kim  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

### **Latar Belakang**

Kerajaan Pahang yang telah wujud sezaman dengan kerajaan Melaka Tua kemudian diserap oleh kerajaan Johor (Lama) lebih kurang pada pertengahan abad ke-17. Selanjutnya Pahang menjadi pegangan Dato' Bendahara Johor (Lama). Sejauh yang dapat dipastikan, pada zaman dahulu itu, di bawah Bendahara berdiri berbagai lapisan orang besar: Orang Besar Empat, Orang Besar Lapan dan Orang Besar Enam Belas.

Orang Besar Empat dikatakan terdiri daripada: (1) Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai dan kekuasaannya meliputi daerah dari Tanjung Lindung hingga sempadan Perak dan Kelantan tetapi tidak termasuk di dalamnya kawasan Tembeling; (2) Orang Kaya Indera Segara Temerloh dengan daerah kewibawaannya dari Sungai Triang hingga ke perbatasan Rembau dan Selangor; (3) Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor dengan daerah kekuasannya di antara Bera dengan Kuala Luit sedangkan daerah dari Luit ke Bebar berada di bawah (4) Orang Kaya Indera Syahbandar.<sup>1</sup>

Di bawah Orang Besar Empat ialah Orang Besar Lapan dan gelaran-gelaran mereka adalah: Dato' Amar Segara, Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan, Dato' Setia Lela, Orang Kaya Setia Penggawa, Dato' Setia Muda Jelai, Dato' Raja Hulubalang, Orang Kaya Pahlawan Bangau dan Orang Kaya Setia Wangsa Lipis. Besar kemungkinan gelaran-gelaran Orang Besar Lapan diubah dari masa ke semasa.<sup>2</sup>

Gelaran Orang Besar Enambelas tidak perlu disebutkan di sini. Memadailah kalau disebutkan bahawa dalam masyarakat Melayu dahulu, orang besar-besar yang bergelar mempunyai pengaruh dan fungsi yang penting. Kuasa politik berada di dalam tangan mereka; mereka jugalah golongan yang berada dan, kerana mereka mengawal ekonomi negeri, mereka juga dapat mengerah tenaga manusia. Rakyat jelata menjadi anak buah para pembesar. Seluruh negeri mempunyai suatu hierarki sosio-politik yang agak ketat.

Di Pahang suatu perubahan yang agak penting berlaku selepas Perang Saudara yang berlangsung di antara tahun 1857 - 1863. Pada masa Bendahara Ali berkuasa di Pahang ( 1806 - 1857 ), Kerajaan Johor (Lama) telahpun merosot. Walaupun Bendahara Ali belum lagi menikmati kebebasan sepenuhnya, hubungan di antara Bendahara di Pahang dengan Yang Di Pertuan Lingga memang begitu longgar. Johor (Lama) telahpun kehilangan beberapa negeri sejak abad ke -18 lagi (misalnya Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Selangor).<sup>3</sup>

Bendahara Ali meninggal pada tahun 1857. Akibatnya terjadi perselisihan di antara dua orang puteranya: Wan Mutahir dan Wan Ahmad. Wan Mutahir telah dilantik Bendahara baru. Masalah timbul mula-mula bukan kerana Wan Ahmad cuba merebut kuasa. Beliau hanya menuntut kawasan Kuantan dan Endau yang dipercayai telah beliau warisi daripada ayahandanya. Bendahara Mutahir menolak tuntutan ini. Kerapa hubungan di antara dua orang adik beradik merosot, Wan Ahmad terpaksa meninggalkan Pahang dan melarikan diri ke Singapura dan mencari perlindungan daripada Sultan Ali Iskandar Shah.<sup>4</sup> Di Singapura Wan Ahmad cuba menyusun kekuatannya dan pada masa inilah muncul nama Abdul Rahman atau Bahaman yang kemudian menjadi Orang Kaya Semantan. Diceritakan bahawa Bahaman mencari penghidupan dengan berburu rusa.<sup>5</sup>

Tetapi Wan Ahmad tidak dapat tinggal lama di Singapura kerana Temenggong Ibrahim campur tangan; beliau menyokong Wan Mutahir. Wan Ahmad terpaksa meninggalkan Singapura menuju





Bugis serta askar upahan yang terdiri daripada, di antara lain, orang Illanun dari Riau, orang Batu Bahara dan Budu, serta orang Cina yang diketuai oleh Yap Ah Loy, juga beberapa orang Eropah yang berkhidmat sebagai pegawai askar. Raja Mahadi juga dibantu oleh orang Cina, diketuai oleh Chong Chong, yang merupakan musuh Yap Ah Loy. Pada dasarnya, Tengku Kudin banyak bergantung kepada sokongan orang asing dan Raja Mahadi mendapat sokongan pembesar-pembesar tempatan. Walaupun Sultan Abdul Samad tidak secara terbuka menyokong mana-mana pihak, puteranya, terutamanya Raja Musa, menyokong Raja Mahadi. Pembesar-pembesar Selangor tidak mengiktiraf kewibawaan Tengku Kudin.

Pada 17 Julai 1872, Raja Mahmud, Raja Laut (putera Sultan Muhammad), Raja Berkat, Raja Indut dan Teoh Ah Chong atau Chong Chong<sup>8</sup> bersama 300 orang yang dikumpulkan dari Langat dan Lukut telah menyerang Batu dan Gombak serta membunuh empat orang Cina dan mencederakan 18 orang lain. Tempat-tempat ini telah dimusnahkan semua sekali termasuk rumah dan lombong. Kemudian mereka membina benteng di kawasan tersebut. Dikatakan mereka mendapat makanan, alat senjata dan wang dari Langat. Empat hari kemudian, Sayid Masyhur (yang berasal dari Pontianak) melancarkan serangan ke atas Kuala Lumpur. Beliau dilaporkan mendapat makanan dan senjata melalui Bernam. Sebenarnya, bekalan tersebut datang dari Pulau Pinang. Perkelahian berterusan selama kira-kira sebulan sebelum bandar itu jatuh ke tangan Sayid Masyhur dan kedua-dua orang pegawai askar Tengku Kudin (Calvaliero dan van Hagen) terbunuh. Tengku Kudin merayu kepada pihak Inggeris supaya jangan lagi mengeluarkan pas kepada kapal-kapal dari Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang hendak ke Bernam, Sungai Selangor, Langat dan Lukut.<sup>9</sup> Menjelang bulan Ogos 1872, puak Mahadi bukan hanya menguasai Sungai Selangor tetapi juga bahagian hulu Sungai Klang. Markas Tengku Kudin tetap di Kuala Klang dan Pengkalan Batu.<sup>10</sup> Pada peringkat inilah Pahang mulai campurtangan dalam Perang Klang.

## Pahang Dalam Perang Klang

Satu perkembangan menarik yang memberi kesan penting kepada Perang Klang ialah keterlibatan Wan Abdul Rahman dan Wan Da, putera bekas Bendahara Wan Mutahir, di sebelah Tengku Kudin. Setelah Hulu Selangor jatuh pada bulan November 1872, Wan Da balik ke Pahang dan menemui bapa saudaranya, Bendahara Wan Ahmad, yang ditentangnya buat beberapa tahun dahulu, sambil meminta ampun dan seterusnya menyerahkan sepucuk surat daripada Tengku Kudin yang meminta bantuan Pahang untuk melawan musuhnya. Tengku Kudin bersedia menerima sebarang syarat yang dikenakan. Wan Ahmad sanggup menolong asalkan diperolehi kelulusan daripada kerajaan Negeri-negeri Selat. Haji Muhammad Nor bin Haji Abdul Hamid ditugaskan menyampaikan surat balasan Bendahara kepada Tengku Kudin. Dia dipilih kerana mempunyai ramai saudara-mara di Selangor, di antaranya ialah Imam Perang Mat Akil dan Muhammad Saman. Kedua-dua orang ini menyokong Tengku Kudin. Dia jugalah ditugaskan membawa surat daripada Bendahara kepada Gabenor Sir Harry Ord.

Di Klang, Haji Muhammad Nor bertemu dengan Raja Asal, ketua semua orang Mendeling, yang tidak mengetahui tentang tujuan Pahang hendak membantu Tengku Kudin. Raja Asal meminta supaya dibenarkan membeli beras dan ubat bedil dari Pahang untuk peperangan menentang Tengku Kudin. Dia sanggup membayar \$30,000 sekaligus dan setelah memperolehi kemenangan akan membayar \$1,000 tiap-tiap bulan buat selama-lamanya.

Yang anehnya, Haji Muhammad Nor bersetuju dan setelah itu pergi ke Pengkalan Batu untuk menyerahkan surat Bendahara kepada Tengku Kudin. Menjelang waktu itu, orang Mendeling dan penyokong-penyokong Raja Mahadi yang lainnya sudah bersedia untuk menyerang Tengku Kudin yang dengan serta merta pergi ke Singapura. Raja Deraman diminta menguruskan hal-hal Klang. Oleh itu, Raja Deraman terpaksa mengatur pemergian Haji Muhammad Nor ke Singapura. Pertemuan dengan Tengku Kudin

17  
17  
17  
17



itu orang-orang Pahang telahpun berpecah. Raja Asal mengambil peluang ini untuk memotong bekalan makanan mereka dengan melancarkan serangan hendap terhadap kumpulan pembawa makanan.

Sementara itu Bendahara sendiri menyertai barisan belakang yang mara ke Selangor. Seorang bernama Nakhoda Narikan segera dihantar ke Singapura membawa wang untuk membeli senjata dan ubat bedil. Apabila semuanya siap, beratus-ratus buah perahu mara menghala ke hulu. Tetapi pada saat ini, Wan Ahmad telah jatuh sakit dan terpaksa balik ke Pekan. Kejadian ini menyebabkan kumpulan hadapan terperangkap di Hulu Klang tanpa makanan, dan mereka tiada pilihan lagi melainkan berundur. Imam Perang Rasu selanjutnya berkubu dekat Bentong sementara Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nor berkubu di Kepong di mana mereka diserang oleh Raja Asal. Namun begitu mereka berjaya juga mengusir Raja Asal balik ke Klang. Dengan itu rancangan-rancangan baru dibuat untuk menyerang Selangor sekali lagi, secara serampang dua mata. Imam Perang Raja akan memimpin orang-orangnya dari sekitar Pekan melalui laut ke Selangor sementara Imam Perang Rasu akan memimpin orang-orangnya melalui Bentong ke Hulu Klang.

Tengku Kudin mengambil keputusan untuk menyerang Kuala Lumpur yang waktu itu berada dalam kawalan penyokong Raja Mahadi. Imam Perang Mat Akil dan Imam Perang Rasu meminta supaya menetapkan tarikh untuk ketibaan kumpulan Pahang melalui darat dan laut sekaligus.

Mat Akil segera memberitahu Tengku Kudin. Apabila semua sudah siap, Tengku Kudin pun menghantar orangnya untuk menyerang Kuala Lumpur. Dalam peperangan itu, angkatan dari Pahang pun sampai dan berlakulah pertempuran yang hebat. Menjelang bulan Mac 1873, Kuala Lumpur dapat ditawan semula tetapi ramai anggota angkatan perang daripada Pahang terkorban. Imam Perang Raja, Dolah Bera dan Panglima Garang Ishak telah tercedera. Imam Perang Rasu dan Imam Perang Raja kembali ke Pahang, membawa ramai orang tawanan. Orang Kaya Pahlawan<sup>15</sup>

tinggal bersama orangnya menjaga Hulu Klang. Di Pulau Kedah, dalam perjalanan ke Pekan, orang Pahang berkumpul untuk merayakan kemenangan mereka. Bendahara juga hadir untuk memberi ganjaran kepada pengiring-pengiringnya. Pada masa itulah Imam Perang Rasu dianugerahi gelaran Imam Perang Indera Gajah, Pahang. Imam Perang Raja dijadikan Imam Perang Indera Mahkota; saudaranya, Hassan, Panglima Perang Johan Perkasa; dan seorang keluarganya, orang Jambi, terkenal sebagai seorang pahlawan yang gagah, telah diberi gelaran Imam Perang Jambi.

Sebenarnya, perang di Selangor belum lagi selesai. Pada 16 April 1873, Bendahara memberitahu Sir Harry Ord bahawa dia akan terus membantu Tengku Kudin; Pahang mampu menghantar beberapa ribu pahlawan lagi. Bendahara bertanya samada Singapura mahu beliau meneruskan operasi. Sekiranya Gabenor bersetuju, Bendahara meminta agar angkatan Pahang diberi jalan yang selamat melalui laut ke Klang.<sup>16</sup> Sesudah menerima jawapan positif daripada Gabenor, orang Pahangpun menyerang semula musuh-musuh Tengku Kudin yang berkubu di Kanching dan Kuala Selangor. Semua pahlawan Pahang menyertai peperangan tersebut sementara kumpulan Tengku Kudin dipimpin oleh Imam Perang Mat Akil dan Khatib Bahrin. Gabungan angkatan itu berkumpul di Kuala Batu dan mereka diberikan senjata yang baru oleh Tengku Kudin. Dengan itu Tengku Kudin berasa begitu yakin perang itu dapat diselesaikan dengan cepat.<sup>17</sup> Beliaupun memberitahu Sultan Selangor tentang niatnya untuk menyerang Kuala Selangor dan meminta agar Raja Musa ibni Sultan Abdul Samad dipanggil balik dari daerah itu.<sup>18</sup> Orang Pahang memulakan serangan mereka ke atas Bukit Genting. Kumpulan penyerang ini dibahagi dua: satu dipimpin oleh Imam Perang Indera Gajah, Orang Kaya Pahlawan, Imam Perang Haji Hussein, Panglima Raja Yakob dan lain-lain lagi; mereka mara dari kanan. Kumpulan lain pula dipimpin oleh Haji Muhammad Nor, Tok Kaya Chenor, Tok Kaya Temerloh, Tok Bangau, Teh Muhammad Sanggang, Tok Lela dan lain-lainnya yang mengepung musuh dari sebelah kiri. Pertempuran sengit berlaku selama beberapa hari.

*Formation* *Method*

which had been written and recited gave much  
pleasure to the audience, and it's enough if we will consider  
the first part of the play, which is the most important.  
The author has given us a very good example of how  
to write a play, and it's a good idea to follow his method whenever  
we write a play. The first part of the play consists of  
the introduction, the plot, the characters, the dialogue,  
and the ending. The introduction is the most important  
part of the play, because it's the first thing that the audience  
will see. The plot is the second most important part,  
because it's the story that the audience will follow.  
The characters are the third most important part,  
because they are the people who are in the play.  
The dialogue is the fourth most important part,  
because it's the way that the characters speak.  
The ending is the fifth most important part,  
because it's the last thing that the audience will see.  
The introduction should be brief and to the point,  
but it should also be interesting and informative.  
The plot should be simple and easy to understand,  
but it should also be interesting and exciting.  
The characters should be well developed and  
well rounded, but they should also be believable.  
The dialogue should be natural and realistic,  
but it should also be interesting and engaging.  
The ending should be satisfying and conclusive,  
but it should also be interesting and thought-provoking.

Seorang yang bernama Mat Saman menjadi ketua di Batu dan Sheikh Mat Ali di Petaling. Pada penghujung tahun 1873, Tengku Kudin menguasai Sungai Selangor dan Sungai Klang, dari hilir hingga hulu. Menurut Hikayat Pahang apabila kebanyakan orang Pahang kembali ke negeri mereka, sekali lagi anak raja Selangor dan orang Mendeling mengancam kedudukan Tengku Kudin. Beliaupun segera menulis ke Pahang meminta lebih ramai orang untuk menguatkan kedudukannya. Tetapi, Pahang pada waktu itu, telah bosan untuk turut serta dalam perperangan Tengku Kudin. Pahang memberitahu Tengku Kudin bahawa ia tidak mungkin dapat memberikan pertolongan lagi. Kemudian Tengku Kudin meminta Haji Muhammad Nor supaya merayu kepada Bendahara Wan Ahmad dan Bendahara menyatakan bahawa Tengku Kudin sepatutnya menerima pentadbiran Inggeris.<sup>19</sup>

Sebenarnya bukan semua orang Pahang kembali ke negeri mereka. Tengku Kudin memang telah berjanji akan membuat bayaran kepada Pahang yang telah memberi bantuan. Oleh sebab itu, orang Pahang di bawah Orang Kaya Pahlawan tetap tinggal di Hulu Klang dan Sungai Selangor dikawal oleh Haji Muhammad Nor. Mereka memungut cukai bagi pihak Bendahara. Tidak jelas samada cukai itu dihantar atau tidak kepada Bendahara. Tetapi pada April 1875, Bendahara Wan Ahmad telah menulis surat kepada Tengku Kudin meminta sebahagian daripada cukai jajahan Klang serta wang tunai sebanyak \$20,000. Tengku Kudin tidak mampu membayar. Pihak British walau bagaimanapun dapat memujuk Bendahara supaya bertolak ansur dan Tengku Kudin berjanji akan membayar enam bahara bijih timah setiap bulan (tidak jelas berapa lama); setiap bahara masa itu bernilai \$260. Di samping itu Tengku Kudin dikehendaki membayar dengan serta merta \$3,000 dalam bentuk bijih timah. Ini telah dihantar ke Pahang oleh Frank Swettenham. Dengan itu Orang Kaya Pahlawan telah diarahkan kembali ke Pahang. Tetapi tidak jelas bila Wan Da yang menguasai Kuala Selangor kembali ke Pahang.<sup>20</sup>

## ULASAN

Nama-nama Pahlawan Pahang yang terbabit dalam perang Klang telah diberikan dengan sepenuhnya dalam Hikayat Pahang tetapi, pada umumnya, tidak disertai dengan maklumat-maklumat yang dapat memberi gambaran yang lebih tepat tentang mereka. Namun demikian amat jelas bahawa golongan pahlawan ini mula muncul dalam hierarki politik Pahang selepas Perang Saudara 1857 - 1863. Kerana mereka menyokong Wan Ahmad yang bukan berkuasa sebelum tahun 1863, mereka telah diintegrasikan ke dalam sistem politik setelah beliau mencapai kejayaan untuk memelihara kekuatannya. Yang agak menarik ialah ramainya panglima perang yang dilantik; tetapi ini tidak menghairankan kerana regim Wan Ahmad itu lahir akibat peperangan yang mengambil masa yang lama. Kejadian itu walau bagaimanapun sedikit sebanyak memberi kesan negatif kepada kesetabilan politik Pahang yang sebelum Perang Saudara sudahpun mempunyai satu sistem pembesar yang tertentu. Oleh sebab panglima-panglima baru adalah orang kesayangan Bendahara Wan Ahmad, tak dapat tidak jurang berlaku sedikit sebanyak di antara pembesar lama dengan pembesar yang baru naik pangkat. Dua daripada orang baru yang muncul sebagai gergasi dalam masyarakat Pahang selepas perang saudara serta Perang Klang ialah Orang Kaya Pahlawan Semantan dan Tok Gajah. Merekalah yang akan memainkan peranan utama pada awal 1890-an dalam kebangkitan menentang British. Konflik di kalangan pembesar, yang juga melibatkan Bendahara Wan Ahmad, berlaku tidak lama selepas pahlawan Pahang kembali dari Selangor. Maharaja Perba yang telah juga mengambil bahagian dalam Perang Klang tidak diberi ganjaran yang sesuai maka hubungannya dengan Bendahara menjadi renggang. Kebetulannya pada masa itu berlaku perselisihan di antara Wan Lingga, putera Maharaja Perba, dengan Haji Wan Daud yang disokong oleh Tok Gajah. Bendahara mengambil tindakan mendenda Maharaja Perba dan Wan Lingga; mereka juga ditahan di Pekan.

11  
Förläggare i Stockholm  
Gustavsson & Söner

## CHANGES IN

the mean annual precipitation in the central and southern United States. The results indicate that the mean annual precipitation has increased significantly over the last century in the central and southern United States. The increase in precipitation is most pronounced in the central United States, where the mean annual precipitation has increased by about 10% over the last century. The increase in precipitation is also significant in the southern United States, where the mean annual precipitation has increased by about 5% over the last century. The increase in precipitation is most pronounced in the central United States, where the mean annual precipitation has increased by about 10% over the last century. The increase in precipitation is also significant in the southern United States, where the mean annual precipitation has increased by about 5% over the last century.

The results of this study indicate that the mean annual precipitation has increased significantly over the last century in the central and southern United States.

5. Jang Aisjah Muttalib, op.cit., hlm. 67 -68.
6. Ibid., hlm. 70.
7. Untuk perbincangan mengenai Perang Klang, lihat Khoo Kay Kim, Negeri-negeri Pantai Barat 1850 - 1875: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu, Petaling Jaya, 1984, hlm. 174 - 180, 203 - 204. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (ed.), Tradisi Persejarahan Pahang. Darul Makmur 1800 - 1930, Petaling Jaya, 1992, Bab 3: "Hikayat Pahang", hlm. 107 - 109, yang memberikan maklumat mengenai keterlibatan Pahang dalam Perang Klang.
8. Ketua orang Cina yang tidak sama puak loghat dengan Yap Ah Loy. Markas kumpulan Cina ini di Kanching.
9. Straits Settlements Records (SSR), F7, Tunku dia Oodin kpd. Sir Henry Ord (Gabenor), 27 Julai 1872.
10. Colonial Office (C.O) 273/61, Sir Harry Ord kpd. Lord Kimberley (Setiausaha Negeri Tanah Jajahan), 6 November 1872.
11. Lihat "Hikayat Pahang", op.cit., hlm. 109.
12. W. Linehan, op.cit., hlm. 93.
13. Parliamentary Papers, Sir William Jervois (Gabenor) kpd. Lord Carnarvon (Setiausaha Negeri Tanah Jajahan), 5 Jun 1875; Lampiran: Bendahara kepada Tunku Kudin, 18 May 1875.
14. R. O. Windstedt, "A History of Selangor", JMBRAS, XII:3, 1934, hlm. 29.
15. Beliau memainkan peranan penting menentang pentadbiran British di Pahang pada awal 1890-an.
16. W. Linehan, op.cit., hlm. 97.
17. Khoo Kay Kim, Negeri-negeri Melayu Pantai Barat & c., hlm. 197.
18. Ibid.
19. SSR, F7, Tunku dia Oodin kpd. J. W. W. Birch, 10 Januari 1874.
20. Lihat C. D. Cowan, Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control, London, 1961, hlm. 214 - 215 & E. Sadka, The Protected Malay States 1874 - 1895, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 74.
21. Lihat W. Linehan, op.cit., hlm. 97.
22. Menurut "Syair Tanah Melayu" (lihat Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath, op. cit., hlm. 225):

Haji Muhammad Noor tersebut perkataan  
akalnya cerdik bijak setiawan  
dengan tertib segala pekerjaan  
patutlah ia pegawai sultan.

Seperti menteri pangkatnya itu  
taat menjunjung titah tuanku  
kerjanya pula banyak dipangku  
bicaranya elok sempurna tentu.

## GERILA FORCE 136 DI PAHANG

Oleh

Wan Hashim bin Wan Teh  
IBKKM, UKM - BANGI

### **Latar Belakang Force 136**

**Force 136** adalah satu ketumbukan dan pertubuhan rahsia yang bergerak di Asia Tenggara pada masa Perang Dunia Kedua. Ia diletakkan di bawah Special Operations Executive, sebuah pertubuhan yang lebih besar, dipimpin oleh Lord Louis Mounbatten. Penubuhannya bertujuan untuk membuat persediaan secara risikan dan ketenteraan bagi membolehkan negara-negara Asia Tenggara dirampas semula oleh Tentera Berikat dari tangan Jepun.

Dengan menggunakan India dan Ceylon sebagai tempat mengumpulkan anggota pengasasnya bagi tujuan latihan dan sebagai pusat operasi, pejuang-pejuang gerila ini dihantar ke negara-negara Asia Tenggara melalui kapal selam, bot terbang Catalia dan kemudiannya melalui kapal terbang Liberator Mark VI (B 24) secara berpayung terjun.

**Force 136** Cawangan Malaya (Malayan Country Section) ditubuhkan pada bulan Julai 1942 dengan ibu pejabat pertamanya di Meerut dan New Delhi, India dan akhirnya dipindahkan ke Colombo, Ceylon. Ia dianggotai oleh mereka yang pernah menyertai Pasukan Sukarelawan Tentera Laut, Pasukan Sukarelawan Negeri-negeri Melayu, ahli pasukan tentera British dan India, bersama pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Mekah dan India. Jumlah anggota Melayu yang dihantar ke Tanah Melayu antara bulan Ogos 1944 dan September 1945 ialah 33 orang termasuk 13 orang bekas pelajar dari Timur Tengah. Pejuang-pejuang Melayu ini dipimpin oleh **Tengku Mahmood Mahyeddin**, berpangkat Mejuri dan pernah menyertai Pasukan Sukarelawan Negeri-negeri Melayu Cawangan Kelantan.

Sebelum diantar ke Tanah Melayu, mereka dikumpulkan di Kem Vic dalam ladang Avisawella 40 batu di luar Colombo untuk menjalani latihan secara intensif di kem itu dan di beberapa tempat lain seperti Calcutta, Jessore, Pelabuhan Tricomalee, Adam's Peak, Poona dan lain-lainnya.

Kumpulan Melayu yang pertama diantar dari Ceylon ke Tanah Melayu dengan kapal selam menerusi Operasi Likewise dipimpin oleh **Kapten Ibrahim Ismail**, bersama **Haji Ahmad Junaid** atau **Mat Siam, Osman bin Mohamed, Hj. Hamdi, Mohd Zain Jaafar** dan **Hj. Abd. Razak** cuba mendarat di pantai barat berhampiran dengan Gunung Jerai pada 7 Ogos 1944 dan sekali lagi pada 12 Ogos tetapi tidak berjaya.

Menerusi Operasi Oatmeal Kapten Ibrahim Ismail diantar sekali lagi tetapi dengan bot terbang Catalina dan berjaya membuat pendaratan di Pulau Perhentian pada 31 Oktober 1944. Walau bagaimanapun, pendaratan mereka diketahui Jepun dan mereka ditangkap dua hari kemudiannya semasa tiba di pengkalan Kuala Besut.

Percubaan pendaratan kedua dilakukan menerusi Operasi Hebrides pada 16 Disember 1944 dengan menggunakan kapal terbang Liberator Mark VI yang dipimpin oleh **Lt. Kolonel P. G. J. Dobree** dengan anggota Melayunya terdiri daripada **Lt. Mohd. Nor Rani, Sub. Lt. Mohd Zain Hussien, Haji Bahari, Hj. Imran, Hj. Hussein** dan **Jamaluddin**. Mereka mendarat di Padang Cermin, berhampiran dengan sungai Perak dan Kampung Kuala Temenggor di Hulu Perak.

Kejayaan pendaratan ini disusuli oleh beberapa pendaratan lain di Hulu Perak untuk menubuhkan pusat-pusat gerakan di Pahang yang dipimpin oleh **Lt. Kolonel J. D. Richardson** dengan anggota Melayunya **Haji Mat Nayan, Osman bin Mahmod, dan Jamal bin Daim** serta kumpulan **Mejar Hasler** dan **Wilson** yang disertai oleh **Hj. Abd. Razak** dan **Haji Hamdi** untuk menubuhkan **Force 136** Cawangan Kedah. Mereka ini diperkuahkan lagi dengan kiri-

man anggota tambahan dari India dan Ceylon guna membantu mengumpul tenaga tempatan untuk diberi latihan senjata. Matlamat akhir **Force 136** ialah untuk melakukan sabotaj dan gangguan dari belakang tentera musuh (Jepun) seperti meletupkan jambatan, memusnah alat hubungan komunikasi dan tempat simpanan senjata, serang hendap, dan sebagainya apabila dilancarkan Operasi Zipper pada bulan September 1945 iaitu pendaratan secara besar-besaran Tentera Berikat untuk menawan semula Tanah Melayu dan Singapura dari tangan Jepun. Jumlah pejuang Melayu yang berada di hutan negeri Perak, Pahang, Kedah dan Kelantan semasa Jepun menyerah diri ialah kira-kira 400 orang termasuk 33 pegawai dan pelatih Melayu yang dihantar dari India dan Ceylon. Gerila-gerila Melayu di Perak menamakan pasukan mereka sebagai ASKAR MELAYU SETIA, di Pahang sebagai WATANIAH dan di Kedah sebagai ANAK MELAYU SETIA.

**Force 136** dibubarkan pada bulan Disember 1945.

Orang-orang Melayu di Sabah dan Sarawak bersama penyelam mutiara yang berada di Australia pernah meyertai Z SPECIAL UNIT, satu pertubuhan yang sama fungsinya dengan **Force 136** tetapi beroperasi dari Australia menghantar pejuang gerila ke North Borneo menerusi tujuh operasi iaitu Operasi Pyton (September 1943), Operasi Semut (Mac 1945), Operasi Squirrel (April 1945), Operasi Agas ( Mei 1943), Operasi Stallion (Jun 1945), Operasi Plutopus (Julai 1945) dan Operasi Finch (Julai 1945).

Berikut ialah senarai pejuang Melayu yang dilatih di India dan Ceylon dan kemudiannya dihantar ke Tanah Melayu di antara Ogos 1944 dan September 1945: Mej. Tengku Mahmood Mahyiddeen (Ketua dan Penasihat), Kapt. Ibrahim Ismail, Lt. Tengku Osman b. T. Mohd Jewa, Lt. Tunku Yusuf T. Yaacub, Lt. Abdul Hamid, Sub. Lt. Mohd Zain Hussein, Lt. A. Rahman Bux, Lt. Mohd Nor Rani, Lt. Mohd Roslan Johar, Haji Hamdi, Haji Ahmad Junaid, Haji A. Razak, Hj. Zakaria, Hj. Mohd Nayan, Hj. Imran, Hj. Hussein, Hj.

Bahari, Hj. Abdullah Bima, Hj. Serpin, Hj. Jamaluddin Abu Bakar, Hj. Rasidi, Hj. Alias Lope, Abu Bakar Chik, Ahmad Othman, Osman Mahmud, Mohd Zain Jaafar, Jarnal Daim, Hamdan, Samsua bin Noordin, Abu Bakar, Md. Nor Hussein, Sulaiman Dol dan Lt. Ungku Ahmad Abdul Rahman.

### **Perjalanan "Kiwi" ke Pahang<sup>1</sup>**

Penubuhan gerila **Force 136** di daerah Raub dan Kuala Lipis dalam negeri Pahang adalah di atas inisiatif Douglas Richardson (berpangkat Mejor dan kemudiannya dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel) dengan kerjasama pemimpin-pemimpin masyarakat di Pahang seperti Haji Abdul Jamal, Cikgu Sulaiman, Penghulu Ungku Zohri dan terutama sekali Yeop Mahidin yang pada masa itu bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Raub.

Penulis telah sempat bertemu ramah dengan J. D. Richardson di rumahnya di Perry Meadow iaitu sebuah kampung yang terpencil di Colam Lane, Chelmsford, Essex, England. Selain dari berkesempatan bertemu bual dengan beliau, Richardson juga telah menyerahkan kepada penulis beberapa dokumen asal yang penting mengenai **Force 136** wilayah Pahang. Antaranya termasuklah risalah catatan harian (*Kiwi's Diary 1945*) pengalaman beliau semasa berada di Tanah Melayu dari bulan Januari sehingga bulan September 1945 dan senarai lengkap ahli-ahli yang telah menyertai gerakan ini (lihat lampiran).

Selain itu penulis juga berkesempatan bertemu bual dengan Derek Headley (Lt. Kolonel) di Rooftree Cottage, Hobby, Melton Mowbarry, Leicestershire dan dengan beberapa orang bekas anggota **Force 136** Pahang seperti Dato Yeop Mahidin, Tan Sri Ghazali Shafie, Cikgu Sulaiman, Abdullah Majid, Mohamed Roslan bin Johar dan Hilmi Sabrani. Bahan untuk kegiatan gerila **Force 136** negeri Pahang diperolehi melalui temubual dengan mereka ini dan juga dari dokumen asal J. D. Richardson.

1. Kiwi adalah 'nama rahsia' yang diberikan kepada Douglas Richardson dalam gerakan Force 136 di Pahang.

Kumpulan Richardson telah dihantar ke Tanah Melayu pada 25 Januari 1945. Orang-orang Melayu yang dihantar bersama Richardson ialah Sub-Leftenan Mohd Zain Hussein, Haji Hamdan bin Hassan, Haji Abdullah Bima dan Sarpin bin Sharbuddin. Mereka ini ditempatkan di bawah Dobree sebagai pelatih dan pembantu kepada Dobree. Untuk selama sebulan, sehingga 27 Februari 1945, Richardson adalah orang kedua selepas Dobree di Kem Hulu Perak.

Douglas Richardson dilahirkan di Willington New Zealand pada 19 Ogos 1899 (semasa beliau ditemubual oleh penulis pada tahun 1983 dirumahnya, umurnya ialah 84 tahun). Pada umurnya 15 tahun, beliau telah berhenti sekolah dan bekerja sebagai seorang kerani. Antara tahun 1915 dan 1922, beliau mendapat latihan dalam bidang ukur (survey) dan kemudiannya dihantar ke Pulau Samoa pada tahun 1922 sebagai juru-ukur (surveyer). Pada tahun 1929 Richardson telah dihantar ke Tanah Melayu untuk bertugas di Federated Malay States Survey Department sebagai juru-ukur sehingga perang meletus pada tahun 1941. Ketika di Tanah Melayu, beliau menyertai Pasukan Sukarelawan Negeri-negeri Melayu Bersekutu bertugas di bahagian kejuruteraan.

Semasa Singapura jatuh ke tangan Jepun, beliau sempat menyelamatkan diri dengan menaiki bot kecil panjangnya 14 kaki menuju Sumatera. Di Sumatera, beliau telah mendapatkan pertolongan dari orang Belanda dengan menaiki kapal minyak menuju Colombo. Beliau pernah berkhidmat di Palestine selama 12 bulan dan pada awal tahun 1944 beliau mendaftarkan diri untuk berkhidmat dengan Special Operation's Executive serta diberi latihan perang gerila di Scotland sebelum dihantar ke Colombo, Ceylon. Semasa beliau meninggalkan England menuju Ceylon, beliau telah dinaikkan ke pangkat Kapten; semasa dihantar ke Tanah Melayu dinaikkan ke pangkat Mejar; dan akhirnya semasa berada di Pahang sebelum Jepun menyerah diri dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel sebagai pemerintah bagi gerila Wataniah di Pahang.

Mengikut catatan Kiwi's Diary (1945), beliau dan kumpulannya telah bertolak meninggalkan lapangan terbang Jessore pada pukul 11.30 pagi 25 Januari 1945. Di antara yang turut mengucapkan selamat jalan ialah **Claude Fenner**, iaitu salah seorang pegawai **Force 136** Bahagian Malaya yang kemudiannya dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang pertama di Tanah Melayu.

Setelah hampir 10 jam perjalanan merentas udara, kapal terbang mereka tiba di kawasan pendaratan pada pukul 9.15 malam. Malam itu bulan sedang mengambang. Dari udara nampak dengan jelas unggul api yang menunjukkan kawasan lapang untuk mereka mendarat dengan payung terjun.

Apabila tiba di tempat yang sesuai, seorang demi seorang terjun dari kapal terbang Liberator. Tetapi angin pada masa itu sedang bertiup kencang. Oleh itu payung terjun mereka dan payung terjun barang-barang telah ditipu angin dan beredar jauh masing-masing 1 1/2 dan 1 batu dari kawasan lapang Dropping Zone.

Richardson sendiri tersangkut di atas sepohon tualang yang tingginya 130 kaki. Dengan menggunakan isyarat lampu picit, beliau ditemui semula oleh Zaini dan Hamdan serta Dobree dan orang-orangnya. Menerusi pertolongan seorang Orang Asli yang memanjat dan memaut satu pohon kecil ke arah Richardson, beliau telah dapat turun ke bawah melalui pokok kecil ini dan tidak melalui pokok tualang yang besar itu. Ini berlaku kira-kira lewat tengah malam.

Selepas itu, kumpulan ini terpaksa mencari Hj Abdullah Bima dan Hj Sarpin yang tidak dapat mereka temui kerana jatuh di tempat yang lain. Bima dan Sarpin hanya ditemui pada pukul 10.00 pagi esoknya. Sepanjang hari 26 dan 27 haribulan, mereka cuba mencari kesemua barang-barang yang diturunkan dengan payung terjun. Tetapi ada di antaranya yang tidak dapat ditemui dan ini termasuk alat kelengkapannya Richardson.

Richardson berada bersama-sama Dobree sebulan lamanya di Kem Sungai Kuda. Beliau menunggu arahan dari Kandy untuk berangkat ke Pahang. Lagipun pejuang Melayu kumpulannya akan dihantar kemudian pada masa yang sesuai. Pada 24 Februari, dua

buah kapal terbang Liberator dihantar lagi ke Hulu Perak untuk menggugurkan bekalan makanan bersama dengan kakitangan **Force 136** yang ditugaskan untuk mengumpul maklumat rahsia dan kemudiannya menubuhkan pasukan gerila di Kedah dan Pahang.

Mereka yang digugurkan untuk dihantar ke Kedah ialah Mejai Hasler dan Wilson bersama beberapa orang pejuang Melayu iaitu Haji Mat Nayan (W/T operator), Osman bin Mahmud dan Jamal bin Daim yang kesemuanya ditugaskan untuk berkhidmat di bawah Richardson. Mejai Hasler ialah Pegawai Perhubungan **Force 136** manakala Wilson ialah pegawai I.S.L.D. (Inter-service Liaison Department). Mat Nayan ialah seorang pelajar yang sedang menuntut di Mekah dan menyertai **Force 136** melalui Tengku Mahmood Mahyeddin. Osman ialah seorang anggota dalam Royal Naval Volunteer Reserve (R.N.V.R.) yang telah dapat melarikan diri ke India semasa Jepun menakluki Tanah Melayu dan Singapura dan Sumatera bersama Davis dan Broome. Pejalanan mereka mengambil masa selama 38 hari untuk sampai ke Colombo.

Pada 27 Februari, barulah Richardson dan kumpulannya membuat persiapan dan meninggalkan kem Sungai Kuda untuk merentas hutan tebal menuju ke Pahang. Entah berapa lamakah masa perjalanan itu tidaklah mereka ketahui. Mereka mendapat pertolongan dari beberapa orang gerila Melayu anak tempatan dan juga orang asli yang diupah untuk memikul barang dan juga membuat rakit apabila didapati perjalanan lebih sesuai dan cepat melalui sungai. Mereka juga menggunakan gajah untuk membawa muatan dari kem sehingga ke sungai Perak. Di dalam perjalanan, mereka melalui kampung orang asli dan juga kampung Kuala Temenggor yang didiami oleh orang-orang Melayu. Semasa mereka singgah di kampung-kampung ini, orang-orang kampung yang miskin kehidupannya masih mampu meraikan mereka dengan buah-buahan seperti pisang, jagung, terung, betik dan sayur-sayuran. Ada di antara penduduk kampung yang pergi menjala ikan dan memperolehi ikan-ikan seperti tengas, kelah, baung, sebarau dan lain-lainnya untuk dijamu makan bersama pejuang-pejuang ini.

Pendek kata, mereka sentiasa mendapat pertolongan dan sambutan yang begitu mesra dari penduduk-penduduk kampung (Melayu dan Orang Asli) yang memahami akan hasrat dan perjuangan suci mereka ini. Di sini juga salah seorang pemimpin pejuang Melayu akan memberi syarahan kepada penduduk-penduduk kampung mengenai keadaan perang dan perlunya mereka melibatkan diri untuk membebaskan tanahair dari belenggu penjajahan Jepun.

Setelah mengucapkan selamat tinggal kepada penduduk di Kampung Kuala Temenggor, mereka meneruskan perjalanan dengan rakit sehingga melintasi satu kawasan kampung yang telah ditinggalkan. Kampung itu ialah Kampung Temenggor di mana kira-kira 2 1/2 tahun yang lalu telah berlaku satu pertempuran yang sengit di antara orang-orang Melayu Temenggor dan pengganas komunis. Ramai orang Melayu di situ yang terkorban manakala kebanyakan rumah mereka dibakar. Penduduk yang selamat terpaksa berpindah ke Grik atau kampung-kampung lain di sekitar pekan Grik untuk tinggal bersama saudara mara mereka.

Perjalanan setiap hari amatlah sukar sekali. Seringkali mereka terpaksa menyeberangi sungai-sungai yang kecil dan sederhana besarnya. Jika hujan lebat, sungai yang cetek akan menjadi dalam membuatkan sukar bagi mereka menyeberanginya. Sememangnya musim ini adalah musim hujan lebat yang berlarutan hingga bulan Mac dan April. Perjalanan melalui jalan darat agak senang jika melalui lorong yang menjadi kawasan lalu-lalang Orang-orang Asli tetapi seringkali juga jalan yang mereka lalui telah dinaiki semak samun dan tidak digunakan lagi. Jika nasib mereka baik, mereka akan bertemu dengan lorong tempat perjalanan gajah liar yang sememangnya berkeliaran di kawasan hutan belantara ini. Biasanya, mereka berupaya membuat perjalanan di antara 4 batu hingga 6 batu sahaja dan jarang-jarang sekali 11 - 12 batu dalam sehari.

Pada 17 dan 18 Mac, buat pertama kali selepas berlepas dari Hulu Perak mereka berjaya menghubungi Kandy dan Delhi. Perhubungan ini sekadar untuk menghantar maklumat dan menerima berita dari sana sahaja. Richardson merasakan agak lebih baik bagi mereka meneruskan perjalanan ke Pahang dan kemudiannya meminta supaya bekalan makanan digugurkan di sana. Bekalan makanan masih mencukupi untuk beberapa hari kalau ianya digunakan secara berjimat cermat. Lagipun di sini tidak ada tempat yang sesuai untuk dijadikan DZ.

Pada 21 Mac kumpulan mereka meninggalkan kawasan Sungai Betis di selatan Hulu Kelantan menuju ke arah utara negeri Pahang. Longwoi, salah seorang pemimpin kumpulan gerila Cina dan Mekong iaitu pemimpin masyarakat Melayu di situ sama-sama mengucapkan selamat jalan. Ah Leong, seorang Cina telah bersedia menyertai kumpulan itu sebagai petunjuk jalan untuk menghubungi kumpulan mereka yang lain di Sungai Sua. Di antaranya termasuklah 13 orang Asli yang membawa barang.

Setelah dua hari perjalanan sejauh kira-kira 15 batu, mereka pun sampai ke sungai Nenggiri. Kawasan ini letaknya ke arah barat laut negeri Kelantan berhampiran dengan sempadan negeri Pahang dan Perak dan tidak pula jauh dari Cameron Highlands dan Gunung Korbu yang tingginya 7,162 kaki.

Pada 25 Mac, tibalah Richardson di sempadan Pahang dan Kelantan. Gembira sekali beliau berada di dalam negeri Pahang walaupun tempat yang sedang ditujunya masih lagi jauh. Richardson mendahului kumpulannya bersama-sama Ah Leong manakala yang lainnya mengekori dari belakang. Selama beberapa hari di dalam perjalanan, hujan sentiasa turun mencurah-curah, kadang-kadang pada waktu petang dan kadangkalanya pada waktu malam. Mengikut Penghulu Tok Setia yang merupakan penghulu bagi anak buahnya di Jagor, cuaca tahun itu amat buruk dibandingkan dengan beberapa tahun sebelumnya. Dalam bulan Mac pada tahun-tahun yang lalu, biasanya anak buah Tok Setia menebang-menebas dan membakar untuk menanam padi. Tetapi pada tahun itu, mereka

masih belum berkesempatan untuk berbuat demikian. Musim hujan seperti ini menjadi masalah kepada Richardson dan kumpulannya untuk menyeberangi sungai-sungai yang menjadi dalam setelah hujan lebat turun. Juga pada ketika itu, makanan mereka mulai berkurangan dan mereka terpaksa berjimat cermat sementara menunggu bekalan baru diantar dari India.

Pada 26 Mac, Richardson dan Ah Leong tiba di hulu Sungai Sua dan bertemu dengan Penghulu Alang. Di sini jugalah kumpulan Richardson yang tinggal di belakang bercantum semula dengan Richardson. Keesokan harinya, setelah menyeberangi Sungai Sua dan Sungai Kerla, mereka tiba di rumah kongsi yang didiami oleh 10 orang lelaki Cina. Richardson memikirkan bahawa di sini adalah tempat yang sesuai untuk dijadikan sebagai DZ.

Orang-orang Cina di sini menceritakan bagaimana senangnya tinggal di bawah penjajah British dahulu. Seperti kata mereka, “*dulunya mencuri emas adalah satu permainan yang lumrah. Tetapi hari ini, di bawah penjajahan Jepun, penyiksaan dengan diberi minum air sabun adalah satu kebiasaan. Ataupun seseorang itu dipukul dan mungkin dipancung lehernya walaupun kerana kesalahan yang kecil.*” Di sini jugalah Richardson dan orang-orangnya dapat makan sayuran yang ditanam seperti bayam, labu, dan kangkong berbanding dengan sebulan yang lalu di mana mereka terpaksa hidup dengan memakan pucuk kayu dan tumbuh-tumbuhan liar selain daripada nasi dan ikan sardin yang sudah mula dicatu.

Richardson berharap benar tempat ini dapat dijadikan kawasan pengguguran bekalan kerana bekalan yang ada sudah hampir kehabisan. Dengan arahan beliau, beberapa buah dangau mulai dibina oleh orang Asli dengan bantuan Jamal, Mat Nayan dan Osman. Ini akan dijadikan tempat kediaman sementara sebelum mereka meneruskan perjalanan menuju selatan. Di sini Richardson dan kumpulannya merasa tenang kerana dapat berehat selama beberapa hari setelah sebulan suntuk berjalan dalam keadaan yang sentiasa hujan. Kawasan ini terletak kira-kira 1 batu jauhnya dari sebuah Kongsi Cina.

Setelah berada selama 12 hari di kawasan ini, barulah mereka mendapat berita bahawa bekalan akan dihantar bersama dengan beberapa orang kakitangan tambahan. Pada petang 9 April, bekalan pun dihantar bersama dengan anggota Force 136 lainnya iaitu Lt. Kol Derek Headley, Kapten Douglas Dority, Sgt. Hutchinson, Samsua Haji Rasidi, Sulaiman Dol, Mohd Roslan bin Johar dan Mat Nor Hussein menerusi Operasi Multiple. Derek Headley bersama dengan pembantu Melayunya Mohamed Roslan Md Nor, Haji Rasidi dan Sulaiman Dol ditugaskan supaya menuju ke Negeri Sembilan untuk mengumpul maklumat dan kemudiannya menubuhkan kumpulan gerila Melayu di sana. Samsua pernah dihantar untuk turun di Hulu Perak bersama Hasler dan Wilson pada 26 Januari dulu tetapi tidak berjaya berbuat demikian.

Pengguguran bekalan makanan ini adalah kali yang pertama setelah mereka meninggalkan kem Dobree di Hulu Perak 39 hari yang lalu (27 Februari). Richardson juga amat gembira kerana mendapat surat dan berita dari isterinya Gladys dan anak-anak yang semuanya sihat dan selamat.

Sepanjang bulan April, mereka tinggal di perkhemahan sementara ini untuk memulihkan semula tenaga yang hilang dan memikirkan rancangan seterusnya bagaimana hendak menghubungi penduduk-penduduk di Pahang nanti. Richardson memikirkan kemungkinan menjadikan Ulu Gram sebagai markas operasi kerana berhampirannya terdapat satu kawasan ladang orang Asli yang boleh dijadikan sebagai kawasan DZ. Richardson juga membuat rancangan untuk terus menghubungi orang-orang Melayu tempatan bagi mendapatkan sokongan dan bantuan menubuhkan gerakan bawah tanah menentang Jepun. Tetapi rancangan ini mestilah dilakukan dengan hati-hati supaya orang yang akan mereka hubungi nanti tidak berpaling tадah dan menyerahkan seluruh pasukan mereka kepada Jepun. Di sini juga, mereka bertemu dengan satu kumpulan gerila Cina tetapi Richardson tidak mendapat kerjasama dari kumpulan Cina ini yang mempunyai sikap bermusuhan dengan orang British.

Sementara itu, Headley dan Dority meninggalkan kumpulan Richardson pada 23 April untuk menubuhkan kumpulan mereka sendiri. Mereka juga ditugaskan supaya menyiasat di manakah beradanya seorang pegawai orang Asli yang bernama **Hubback** yang dipercayai masih hidup dan tinggal di kawasan ini bersama dengan orang Asli. Dua minggu kemudian mereka kembali semula setelah bertemu dengan orang-orang yang tidak mahu memberikan kerjasama kepada mereka dan memungkinkan mereka akan diserahkan kepada tentera Jepun. Headley dan Dority terpaksa membatalkan rancangan asal mereka. Rancangan pindaan mereka ialah untuk terus menyertai Richardson dengan meneruskan perjalanan menuju ke kawasan Raub dan Kuala Lipis.

Leftenan Kolonel D. Headley pernah bertugas sebagai Pegawai Kerajaan British di Tanah Melayu selama 7 tahun antara tahun 1931 dan 1938. Antara tempat yang beliau pernah bertugas termasuklah Kuala Terengganu, Muar, Pekan dan Kuala Lipis. Dari Tanah Melayu beliau telah dihantar untuk berkhidmat di Pakistan sebelum perang meletus. Kemudian beliau kembali semula ke England. Pada bulan Oktober 1944, beliau telah menawarkan diri untuk berkhidmat dengan Special Operations Executive (SOE) bagi membantu kerajaan Inggeris mengambil semula tanah jajahannya dari tangan musuh. Oleh kerana beliau pernah berkhidmat di Tanah Melayu dan fasih pula bertutur dalam bahasa tempatan, beliau telah diberi latihan untuk berkhidmat dalam **Force 136** cawangan Malaya. Selepas Jepun menyerah diri Headley telah dilantik sebagai Penasihat Hal Ehwal Awam bagi negeri Terengganu.

Satu lagi penghantaran makanan dibuat pada 9 Mei oleh tiga buah kapal terbang Liberator Mark VI. Ini adalah penghantaran bekalan yang terbesar dengan jumlah sebanyak 51 payung terjun digugurkan iaitu 20 buah barang dalam tin besar dan 31 kotak yang berisi bekalan makanan, ubat dan senjata. Dua buah kapal terbang menggugurkan bekalan untuk Richardson dan sebuah lagi menggugurnya untuk Headley.

Sepanjang masa dalam bulan Mei telah digunakan untuk mencari kawasan yang sesuai dibuat markas operasi dan memikirkan untuk membuat hubungan secara langsung dengan orang-orang Melayu di Kuala Lipis ataupun Raub. Kawasan-kawasan yang telah dijelajahi oleh mereka termasuklah Sungai Telom, Sungai Jelai Kecil, Kuala Betau, Ulu Serom, Ulu Telang, Ulu Latak Jelai dan Sungai Satak Lipis. Mereka juga mendapat kerjasama dari beberapa orang penghulu orang Asli dan orang Melayu seperti Pak Punkin, Pak Bileh, Pak Panchat, Pak Khamis, Menteri dan Tok Empat. Pada masa itu ulu Sungai Gram dianggap sebagai satu kawasan yang sesuai dijadikan markas untuk bergerak kerana kawasan ini terselindung dari kawasan luar tetapi mempunyai jalan yang mudah untuk menuju ke Raub dan Kuala Lipis.

2 Jun 1945 adalah satu hari yang bersejarah bagi Richardson dan rakan-rakannya kerana hari ini memulakan satu era baru di dalam usahanya untuk menubuhkan satu pasukan gerila bawah tanah menentang Jepun. Hal ini akan diceritakan dalam bahagian berikutnya.

## PENUBUHAN WATANIAH

Di sekitar bulan Disember 1944, sudah tersebar berita bahawa perang antara pasukan tentera Amerika Syarikat dan Jepun telah sampai ke kemuncaknya di kepulauan Filipina. Pada akhir bulan Januari 1945, Amerika Syarikat sudah berjaya menguasai hampir keseluruhan kawasan Filipina. Pada masa itu juga, sekali-sekala ternampak kapal terbang tentera Berikat melintasi ruang udara Tanah Melayu. Malah pasukan tentera Jepun sendiri sudah mengetahui akan peranan yang dimainkan oleh kapal terbang British Liberator Mark VI yang menggugurkan pejuang-pejuang payung terjun dalam hutan belantara Tanah Melayu. Cuma yang mereka belum ketahui ialah kehadiran Richardson dan Headley dalam belantara negeri Pahang untuk menubuhkan sukarelawan gerila Force 136.

Pada ketika ini Richardson dan ahli pasukannya merasa yakin bahawa mereka akan disambut baik dan mendapat kerjasama daripada penduduk Melayu kawasan itu. Rancangan awal mereka ialah untuk membuat hubungan secara sulit dengan beberapa orang pemimpin masyarakat peringkat kampung. Ini mestilah dilakukan secara berhati-hati supaya tidak diketahui oleh '**hantu-hantu Jepun**', satu gelaran yang diberikan kepada mereka yang bekerja sebagai talibarut Jepun.

Orang yang akan membantu mereka mengadakan hubungan ini ialah **Pak Bileh**, Penghulu orang Asli yang mengenali penduduk Melayu di sekitar kawasan itu dan **Mohd Roslan bin Johar**, anggota gerila **Force 136** berasal dari Sungai Lembing yang secara kebetulan pernah bertugas sebagai anggota tentera sukarelawan Negeri Melayu Bersekutu di bawah pimpinan seorang anak tempatan, Cikgu Sulaiman bin Ismail yang memegang jawatan sebagai Staf Sarjan Mejar. Oleh kerana Cikgu Sulaiman didapati sedang bertugas sebagai guru pelawat sekolah-sekolah Melayu di sekitar Raub dan tinggal di Batu Talam, Roslan penuh yakin bahawa tentunya Cikgu Sulaiman akan menyambut baik cita-cita mereka hendak membebaskan tanahair dari penjajahan Jepun.

Pada suatu hari, Roslan yang dipandu oleh seorang orang Asli telah berkunjung ke rumah Cikgu Sulaiman di Batu Talam secara senyap-senyap. Tanpa banyak soal, Cikgu Sulaiman bersetuju supaya diadakan satu pertemuan sulit antara pemimpin **Force 136** dan pemimpin masyarakat tempatan. Dua orang pemimpin tempatan yang diberitahu oleh Cikgu Sulaiman akan kehadiran **Force 136** di Pahang ialah Penghulu Ungku Zohri dan Haji Abu Jamal.

Pada pagi 2 Jun 1945, tiga orang pemimpin tempatan ini berbasikal ke arah satu kawasan yang dikenali sebagai '**kembam**', iaitu satu kawasan tanah lapang yang berpagar dan biasanya digunakan sebagai bagan kerbau berhampiran dengan Sungai Tersang. Letaknya kawasan ini ialah 18 batu dari Raub.

Perteruan pertama yang bersejarah ini sungguh mesra sekali. Mereka mulai berkenalan dan ini lebih mudah dilakukan kerana kedua-dua Richardson dan Headley fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Richardson bertanya khabar mengenai DYMM Sultan Pahang, Encik Lamdin Pegawai Daerah serta Yeop Mahidin sebagai Penolong Pegawai Daerah Raub. Setelah berbual selama 3 jam dengan dijelaskan tujuan pasukan gerila ini digugurkan, mereka pun berpisah. Dua perkara penting yang dikehendaki oleh Markas SEAC dan **Force 136** di Ceylon ialah;

- (1) Maklumat terperinci mengenai kekuatan dan gerakan Jepun di seluruh negeri Pahang dan di mana-mana saja yang dapat diperolehi.
- (2) Cadangan supaya penduduk tempatan dapat menu buhkan satu pasukan sukarelawan gerakan bawah tanah untuk menentang penjajahan Jepun.

Untuk mencapai kedua-dua rancangan ini, mereka memerlukan seorang pemimpin Melayu yang dihormati dan berpengaruh di kalangan orang Melayu. Orang yang dicadangkan untuk memimpin mereka ialah Yeop Mahidin yang pada masa itu memegang jawatan Presiden, Persatuan Melayu Pahang cawangan Raub, di samping memegang jawatan kedua terpenting dalam kerajaan sebagai Penolong Pegawai Daerah Raub.

Lima hari kemudiannya, Cikgu Sulaiman berbasikal ke Raub dan berjaya memenuhi harapan **Force 136** iaitu untuk mendapatkan kerjasama daripada Yeop Mahidin. Sejak hari itu, balas membalaus maklumat dilakukan dengan secara sulit dan hati-hati antara Richardson di markas tetap di Ulu Gram dan Yeop Mahidin di Raub. Dalam satu lagi pertemuan yang bersejarah pada 23 Julai 1945 antara Richardson dan Yeop Mahidin, Yeop Mahidin bersetuju dan turut membantu penubuhan satu pasukan gerila yang kemudiannya

dinamakan WATANIAH. Di atas nama jawatan sebagai Yang Dipertua Persatuan Anak-anak Melayu Pahang, Yeop dapat melakukan lawatan ke Bentong, Kuala Lipis dan Temerloh serta dengan secara sulit melantik beberapa orang untuk menjadi agen Force 136 seperti **Abd. Razak Hussain** (Bentong), **Abd. Rahman Ismail** (Dong, Raub), **Ghazali Shafie** (Kuala Lipis), **Halimi Sarbaini** (Kuala Lipis), **Osman bin Ismail** (Kuantan), **Yakin bin Long** (Klumpang) dan lain-lain lagi.

Dalam masa dua bulan 8 hari antara 2 Jun dan 10 Ogos 1945, Wataniah telah berjaya mengumpul seramai 244 anak-anak tempatan untuk berjuang menentang Jepun. Mereka ini dibahagikan kepada empat pelatun iaitu BATU MALIM (49 orang), DONG (41 orang), RAUB (69 orang), dan Sega (43 orang) serta 10 orang anak tempatan ditempatkan untuk bertugas di markas Richardson antaranya ialah Mejari Yeop Mahidin, Kapten Abd Razak bin Hussein, Kapten Abdul Rahman bin Ismail, Lt. Osman bin Ismail, Lt. Yakin bin Long, dan Lt. Othman bin Ali.

### **Bulan Ogos Yang Tidak Menentu**

Ledakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki pada **6 dan 9 Ogos 1945** mengejutkan seluruh dunia khususnya Maharaja Jepun, angkatan tentera serta rakyat jelatanya. Apabila bencana yang besar ini menimpa rakyat jelatanya, Maharaja Jepun bersama menterinya bersetuju supaya Jepun mengangkat bendera putih untuk menyerah diri. Tetapi beberapa orang pegawai tertinggi angkatan tenteranya tidak pula bersikap demikian. Ada yang percaya bahawa lebih baik mereka mati daripada menyerah diri kerana kematian membuktikan taat dan cintanya mereka kepada Maharaja dan tanahair mereka. Menyerah diri adalah satu perbuatan yang memalukan. Perbezaan pendapat ini menjadikan kedudukan pemerintahan tentera Jepun di Asia Tenggara dalam keadaan serba salah. Pengisytiharan untuk menyerah diri tidak terus berkuatkuasa sehingga minggu pertama bulan September 1945.

Di Kem pentadbiran Richardson yang dinamakan RAFFLES, Richardson, Mat Nayan dan pembantunya sentiasa mendengar perkembangan perang melalui All-India Radio hampir setiap hari. Pada 11 Ogos, pemberita memberitahu kemungkinan Jepun menyerah diri kepada tentera Berikat dan perang ditamatkan. Beberapa hari yang lalu, Richardson telah mendapat arahan dari Colombo supaya bersiap sedia melancarkan serangan hendap ke atas kenderaan tentera Jepun di sekitar Raub - Bentong dan Raub - Frazers Hill kira-kira akhir bulan Ogos nanti. Di Ibu Pejabat SEAC Colombo, persiapan sedang rancak dijalankan untuk melancarkan OPERASI ZIPPER, iaitu serangan secara besar-besaran terhadap tentera Jepun di Tanah Melayu dan Singapura. Menerusi operasi ini, Tentera Berikat akan membuat pendaratan mengejut dengan menggunakan kapal laut di sekitar kawasan Morib di antara Port Swettenham di utara dan Port Dickson di selatan.

Pada 12 Ogos, All India Radio menyiarkan perkembangan terbaru mengenai perang dan melaporkan bahawa pucuk pimpinan tentera Jepun di Tanah Melayu belum bersedia menyerah diri. Mereka dikatakan akan terus berjuang dan tidak akan menyerah diri kepada tentera Berikat.

Pada 18 Ogos, setelah menerima pengguguran barang makanan dan alatan lainnya yang terbesar pada semalamnya, Yeop Mahidin tiba di Batu Malim untuk bertemu dengan Richardson. Mereka membincangkan perkembangan di sekitar Raub dan bandar-bandar yang berhampiran. Masanya belum sesuai untuk gerila Wataniah keluar beramai-ramai untuk mengambil alih pentadbiran kerana Jepun masih enggan menyerah diri.

Pada 24 Ogos, Richardson mendapat berita bahawa cuma pemerintah Jepun di Singapura dan Tanah Melayu yang masih belum menghubungi Pemerintah Tentera Berikat dalam perjumpaan di Rangoon, Burma. Pada hari yang sama, Richardson menerima arahan daripada Colombo supaya masuk ke Pekan Raub sebagai Pengarah Hal Ehwal Keselamatan Awam sebaik sahaja menerima berita bahawa Jepun telah menyerah diri. Arahan ini membolehkan

beliau mengetuai satu pentadbiran tentera sementara menunggu kemasukan semula Tentera Berikat ke Tanah Melayu; sesuatu yang amat dikehendaki oleh Richardson untuk mengelakkan negeri Pahang dikuasai oleh MPAJA (Bintang Tiga).

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, satu peristiwa yang menggemparkan rakyat Pahang telah berlaku. Pada pertengahan bulan Ogos, DYMM Sultan Pahang Sultan Abu Bakar telah berangkat dari istana baginda di Pekan ke Kuala Lipis yang pada masa itu merupakan pusat pentadbiran bagi negeri Pahang. Keberangkatan baginda bertujuan untuk membincangkan pentadbiran negeri Pahang yang pada masa itu dalam keadaan tidak menentu. Lebih-lebih lagi kerisauan baginda dan pihak Jepun sendiri kemungkinan tentera MPAJA cuba mengambil kesempatan untuk merampas kuasa.

Di dalam perjalanan pulang, baginda dilaporkan 'hilang' kerana diculik semasa berada di Tong Kiat Estet di antara Jerantut dan Kuantan. Mengikut cerita yang sedang tersebar luas, baginda sultan diculik dan mungkin sudah dibunuhi oleh tentera MPAJA. Ekoran daripada peristiwa ini, pihak Jepun mengapi-apikan perasaan orang Melayu supaya bangkit menentang orang Cina dan MPAJA. Di Pahang, ada sesetengah pihak telah mulai membuat persiapan untuk berkabung kerana percaya kepada khabar angin bahawa Duli Tuanku telah mangkat.

Tetapi orang Melayu mengambil sikap tunggu dan lihat sehingga berita sebenarnya diketahui bahawa DYMM Tuanku diselamatkan oleh kumpulan **Force 136** yang dipimpin oleh Mejai Leonard dan disembunyikan di kemnya di Tong Kiat Estet untuk beberapa hari. Ini ekoran daripada beberapa kejadian tembak menembak antara pasukan tentera Jepun dan MPAJA yang berlaku semasa DYMM Tuanku berangkat pulang dari Kuala Lipis ke Pekan. Arahan supaya baginda Sultan diselamatkan ini telah dikeluarkan oleh Markas Tertinggi SEAC di Colombo. Untuk menyelamatkan Tuanku daripada terperangkap dalam kejadian tembak menembak ini, Mejai Leonard mengambil keputusan memberhentikan perjalanan Tuanku

sehingga keadaan pulih semula seperti sediakala. Kemudian, kumpulan **Force 136** pimpinan Lt. Kolonel Headley dan kakitangan Melayunya diarahkan untuk mengawal DYMM Sultan hingga selamat sampai ke bandar Diraja Pekan.

Pada 10.00 pagi 28 Ogos, All India Radio melaporkan bahawa pegawai tertinggi angkatan tentera Jepun yang bersidang di Rangoon telah bersetuju dengan segala syarat perletakan senjata dan penyerahan kuasa kepada tentera Berikat termasuk mengambil tanggungjawab untuk menjamin ketenteraman awam di wilayah yang dikuasainya sementara menunggu Tentera Berikat mengambil alih kuasa. Walau bagaimanapun, tidak pula dinyatakan tarikh berkuatkuasanya penyerahan diri.

Pada hari esoknya, 29 Ogos, Richardson menerima arahan rasmi daripada Ibu Pejabat di Colombo supaya memasuki Raub. Dua hari kemudian pada 31 Ogos, buat pertama kalinya Richardson mengadakan hubungan rasmi dengan Pegawai Pemerintah Angkatan Tentera Jepun di Raub melalui sepucuk surat yang dikirimkannya. Pegawai Pemerintah Angkatan Tentera Jepun di Raub menerima surat ini dengan keadaan yang amat terperanjat. Selama ini beliau mengetahui kewujudan kumpulan DOBREE di Hulu Perak, dan kemungkinan adanya pegawai-pegawai British di kalangan pasukan MPAJA. Tetapi tidak terbayang langsung oleh beliau bahawa orang Melayu tempatan sudah menyertai pasukan gerila pimpinan pegawai British. Lebih-lebih lagi beliau sentiasa diyakini oleh Yeop Mahidin bahawa orang Melayu lebih senang berada di bawah pemerintahan Jepun.

Kemudiannya, paling memerlukan jatkan beliau apabila mendapat tahu bahawa Yeop juga sudah menyertai gerakan ini. Jika Yeop berada di hadapannya, ketika beliau menerima berita itu, kemungkinannya Yeop ditumbuk kalaupun tidak ditembak. Dia amat tersinggung dan terhina kerana mudah ditipu oleh seorang pegawai tinggi Melayu yang telah menjadi orang kepercayaannya untuk sekian lama.

Pada 1 September, kenderaan Jepun yang diminta oleh Richardson tiba di Batu Malim. Pegawai Jepun mengiringi Kumpulan Richardson keluar ke Raub, kecuali Yeop yang dinasihatkan supaya jangan keluar bersama demi keselamatan dirinya. Walau bagaimanapun, dalam pertemuan pegawai pemerintah Jepun di Raub, Richardson dan kumpulannya diberitahu bahawa tentera Jepun belum lagi mendapat arahan daripada pemerintah tertinggi di Singapura supaya menyerah diri kepada tentera Berikat. Oleh itu, beliau meminta Richardson supaya kembali semula ke dalam hutan.

Pada petang itu, Richardson dan gerila Wataniah kembali semula ke Batu Malim. Apa yang menggembirakan mereka ialah mereka sudah mendapat kepastian bahawa perrusuhan dan perperangan dengan tentera Jepun telah pun tamat. Hingga pada 3 September, Richardson, Yeop Mahidin dan Kumpulan Wataniah masih belum menerima apa-apa berita daripada Pegawai Pemerintah Jepun di Raub. Setelah berbincang, akhirnya mereka membuat keputusan untuk mematuhi arahan daripada Colombo supaya masuk ke Raub dan mengambil alih pentadbiran daerah dan seluruh negeri Pahang daripada tentera Jepun. Setelah berunding, pihak Jepun bersetuju untuk memberi kerjasama kepada Richardson dengan syarat bahawa keselamatan tentera Jepun itu sendiri terjamin terutama sekali kemungkinan berlakunya tindakan liar untuk membala dendam dari kumpulan-kumpulan MPAJA.

Nota: ( Kertas kerja ini adalah sedutan daripada manuskrip setebal 185 muka surat yang sedang diuruskan penerbitannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bentuk buku bergambar. Penulis telah mengambil masa selama 12 tahun - dari awal 1980 hingga awal 1992 - untuk menyelesaikan penyelidikan dan penulisan dengan menggunakan kaedah kajian sejarah lisan. )

**NOMINAL ROLL MALAY RESISTANCE FORCE  
(WATANIAH PAHANG)**

**HEADQUARTERS**

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
1.	MAJOR	YEOP MAHIDIN B. MOHD SHARIF	28	LAMBOR KIRI	02.06.45
2.	CAPT.	ABD. RAHMAN B. ISMAIL	25	DONG, RAUB	20.06.45
3.	CAPT.	ABD. RAZAK B. HUSSAIN	23	BENTONG	20.07.45
4.	LT.	OSMAN B. ISMAIL	25	KUANTAN	15.07.45
5.	LT.	YAKIN B. LONG	26	KLUMPANG	29.07.45
6.	LT.	OTHMAN B. ALI ( JOINED LEONAN PARTY & JOINED THE WATANIAH ON 05.10.45)	26	DONG, RAUB	17.04.45
7.	2/LT.	ABD. AZIZ B. SAMSUDIN	29	DONG, RAUB	15.07.45
8.	CSM	MAHMUD B. ABAS	30	TRAS, RAUB	10.08.45
9.	CQMS	ABD. JALIL B. H.J. MOHD	24	RAUB	01.08.45
10.	CQMS	MOHAMED B. M. DONG	23	DONG, RAUB	01.08.45

**NOMINAL ROLL MALAY RESISTANCE FORCE  
(WATANIAH PAHANG)**

**KUALA LIPIS PLATOON**

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
----	------	------	-----	---------	-----------------------

**OFFICERS:**

1.	Lieut.	GHAZALI B. SHAFIE	23	K. LIPIS	01.07.45
2.	Lieut.	HALIMI B. SERBAINI	25	K. LIPIS	01.07.45
3.	2/Lt.	OSMAN B. JASI	24	KEMAHANG	01.08.45
4.	2/Lt.	WOK NORDIN B. ABDULLAH	18	K. KANGSAR	01.08.45

**OTHER RANKS:**

5.	Sgt.	BUSU B. KUNUT	30	BATU MALIM	10.06.45
6.	Sgt.	SIDEK B. SABAS	25	SENGKELA, RAUB	02.06.45
7.	Cpl.	BIDIN B. TAK	37	BATU MALIM	10.06.45
8.	Cpl.	MAHMUD B. OSMAN	32	PEKAN	07.08.45
9.	Cpl.	YAAKUB B. SALLEH	23	KUALA KANGSAR	01.08.45
10.	L/C	ABDULLAH B. A. MAJID	19	DONG, RAUB	01.08.45
11.	L/C	ABDULLAH B. MO'MIN	20	RAUB	01.08.45
12.	L/C	KADIR B. ISMAIL	22	BATU KIKIR, N.S.	01.08.45
13.	Pte.	RAJA YAAKUB B. R. HAMID	32	SLIM, PERAK	16.06.45
14.	Pte.	RAJA JAAFAR B. R. OTHMAN	17	BATU MALIM	10.08.45
15.	Pte.	AWANG NGAH B. ABD. GHANI	31	BATU MALIM	10.06.45
16.	Pte.	KABRI B. KENIP	25	RAUB	07.08.45
17.	Pte.	HAMZAH B. LEBAR	30	SENGKELA, RAUB	10.06.45
18.	Pte.	SULAIMAN B. MD. SAMAN	25	DONG	16.06.45
19.	Pte.	IBRAHIM B. JAMAL	21	BATU MALIM	07.08.45
20.	Pte.	ABD. HAMID B. YOP	27	BATU MALIM	14.06.45
21.	Pte.	ABD. JALIL B. BAGOR	23	BATU MALIM	14.06.45
22.	Pte.	OTHMAN B. JANTAN	18	BATU MALIM	02.06.45
23.	Pte.	OTHMAN B. HASHIM	30	PORT WELD, PERAK	01.08.45
24.	Pte.	BASRI	19	TANJUNG MALIM	01.08.45
25.	L/C	MAULUD B. MD. SHARIF	28	GOMBAK, SELANGOR	10.08.45
26.	Pte.	WAN TAH B. SALLEH	34	BUKIT BENTONG	10.08.45
27.	Pte.	IBRAHIM B. SENIK	16	MELA, K. LIPIS	10.08.45
28.	Pte.	KADIR B. AIWANG	24	GUAN, K. LIPIS	10.08.45
29.	Pte.	RAMLI B. IMAM DUSI	18	ULU DONG	10.08.45
30.	Pte.	SALLEH B. BASIR	17	BATU MALIM	02.06.45
31.	Pte.	ABD. HAMID	25	KACHAU	10.08.45
32.	Pte.	HKISAN B. PAGI	28	K. LIPIS	10.08.45

**NOMINAL ROLL MALAY RESISTANCE FORCE  
(WATANIAH PAHANG)**

**BATU MALIM PLATOON**

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
----	------	------	-----	---------	-----------------------

**OFFICERS:**

1.	CAPT.	SULAIMAN B. ISMAIL	34	BATU MALIM	02.06.45
2.	2/LT.	MOHAMED B. A. WAHAB	36	BATU MALIM	12.07.45
3.	2/LT.	TENGKU ZOHRI B. T. HJ. DAUD	45	BATU MALIM	02.06.45
4.	2/LT.	ABU JAMAL B. HJ. PILUS	60	BATU MALIM	02.06.45
5.	2/LT.	RAJA OTHMAN B. RAJA EMPEH	57	SEMPAM	25.06.45
6.	2/LT.	MD. BASIR B. DUNDAT	46	BATU MALIM	21.06.45

**OTHER RANKS:**

7.	SGT.	ABDUL MAJID B. ISMAIL	30	BATU MALIM	04.06.45
8.	CPL.	MD. KIRAM B. KUNUT	36	BATU MALIM	01.06.45
9.	CPL.	ABDUL HAMID B. TEL	25	BATU MALIM	01.06.45
10.	CPL.	MAHMUD B. DERAUH	24	BATU MALIM	01.06.45
11.	CPL.	ABDUL MANAF B. DAWI	22	BATU MALIM	01.06.45
12.	L/C.	KAMAN B. JANTAN	21	BATU MALIM	24.06.45
13.	L/C.	MD. JELAS B. LUDIN	30	BATU MALIM	01.06.45
14.	L/C.	YUSOF B. ABU HASHIM	27	BATU MALIM	01.06.45
15.	L/C.	MD. JISAT B. ABD. GHANI	33	BATU MALIM	10.07.45
16.	PTE	ABAS B. YAMAN	21	SEMANTAN	01.06.45
17.	PTE	ABD. RAHMAN B. LEMAN	26	BATU MALIM	01.06.45
18.	PTE	TALIB B. BAGOR	19	BATU MALIM	01.06.45
19.	PTE	YEOP YAHYA B. ABD. GHAFAR	32	BATU MALIM	01.06.45
20.	PTE	TALIB B. JUANDANG	26	BATU MALIM	01.06.45
21.	PTE	ZAINUDDIN B. ABD. RASHID	27	BATU MALIM	01.06.45
22.	PTE	RAMLI B. UNTONG	25	BATU MALIM	01.06.45
23.	PTE	OTHMAN B. YAACOB	20	BATU MALIM	01.06.45
24.	PTE	CHANTOK B. KAHAR	22	BATU MALIM	01.07.45
25.	PTE	LAMBAR B. ALI	20	BATU MALIM	01.07.45
26.	PTE	ABD. RAHMAN B. ABD. RANI	21	BATU MALIM	01.06.45
27.	PTE	ABD. RAHMAN B. NAYAN	20	BATU MALIM	01.06.45
28.	PTE	TAJIO B. ABD. RAZAK	27	BATU MALIM	01.06.45
29.	PTE	JOHARI B. HJ. DAUD	19	BATU MALIM	01.06.45
30.	PTE	MD. NOH B. JAIS	18	BATU MALIM	01.06.45
31.	PTE	MAHMUD B. KAHAR	18	BATU MALIM	01.06.45
32.	PTE	ABD. RAHMAN B. SAAT	20	BATU MALIM	01.06.45
33.	PTE	YAMAN B. JANTAN	19	BATU MALIM	01.06.45
34.	PTE	MOIKHTAR B. AWANG	19	BATU MALIM	01.06.45
35.	PTE	RAJA SAHAB B. RAJA DAUD	20	BATU MALIM	01.06.45
36.	PTE	ABU BAKAR B. SIKANG	26	BATU MALIM	01.06.45
37.	PTE	TALIB B. GUNDAT	26	BATU MALIM	01.06.45
38.	PTE	MIOR B. HJ. MD. ARIS	38	BATU MALIM	01.06.45
39.	PTE	AHMAD B. HIJAU	35	BATU MALIM	01.06.45
40.	PTE	TALIB B. GELAP	35	BATU MALIM	01.06.45
41.	PTE	MD. ALI B. LEMAN	24	BATU MALIM	01.06.45
42.	PTE	KEMILI B. GEK	40	BATU MALIM	01.06.45
43.	PTE	ABD. MANAF B. DIN	18	BATU MALIM	01.06.45
44.	PTE	HASSAN B. ABD. RANI	19	BATU MALIM	01.06.45
45.	PTE	ABD. MALEK B. YUSOF	22	BATU MALIM	01.06.45
46.	PTE	AHMAD B. MORTI	19	BATU MALIM	01.06.45
47.	PTE	ABU BAKAR B. PTE	20	BATU MALIM	01.06.45
48.	PTE	MD. ARIS B. KUDIN	35	BATU MALIM	01.06.45
49.	PTE	PTE B. TEH	42	BATU MALIM	01.06.45

**NOMINAL ROLL MALAY RESISTANCE FORCE  
(WATANIAH PAHANG)**

**DONG PLATOON**

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
<b>OFFICERS:</b>					
1.	2/LT	ALANG B. NASIR	30	DONG, RAUB	25.07.45
2.	2/LT	JAMIL	33	DONG, RAUB	25.07.45
3.	2/LT	MUHAMMAD B. TAIB	34	DONG, RAUB	01.08.45
<b>OTHER RANKS:</b>					
4.	SGT	DAHILY B. H. RAMLI	39	DONG, RAUB	01.08.45
5.	U/SGT	JAMALUDIN B. CHU	30	AJAI	01.08.45
6.	CPL	ABDUL RAHMAN B. IBRAHIM	33	DONG	01.08.45
7.	CPL	BUDIN B. DILU	25	AJAI	01.08.45
8.	L/C	ABDULLAH B. MOKHTI	25	DONG	01.08.45
9.	L/C	OTHMAN	26	DONG	01.08.45
10.	L/C	MANSOR B. NASIR	20	DONG	01.08.45
11.	L/C	ABD. WAHAB B. MD. ARIF	25	DONG	01.08.45
12.	PTE	DAHALAN B. GALING	31	DONG	01.08.45
13.	PTE	ABDULLAH B. YUNUS	22	AJAI	01.08.45
14.	PTE	MOHD. YASIN B. DILU	19	AJAI	01.08.45
15.	PTE	ABDUL AZIZ B. PAGI	23	AJAI	01.08.45
16.	PTE	OTHMAN B. PAGI	20	AJAI	01.08.45
17.	PTE	MOHD. AMIN B. HASSAN	34	DONG	01.08.45
18.	PTE	HASSAN B. PUNTONG	22	AJAI	01.08.45
19.	PTE	ISMAIL B. SANI	20	AJAI	01.08.45
20.	PTE	OTHMAN B. TALIB	25	TEMAU, DONG	01.08.45
21.	PTE	SUARI B. MALUN	25	AJAI	01.08.45
22.	PTE	ZAKARIA B. MD. NOR	24	DONG	01.08.45
23.	PTE	MUHAMMAD B. SALIM	16	DONG	01.08.45
24.	PTE	MD. NOOR B. SHARIF	27	DONG	01.08.45
25.	PTE	NASHIM B. KEMARI	21	TEMAU, DONG	01.08.45
26.	PTE	MD. JAM B. ERAW	30	DONG	01.08.45
27.	PTE	MANSOR B. SIDEK	20	DONG	01.08.45
28.	PTE	RAJA MERAN B. R. DAHANAN	25	DONG	01.08.45
29.	PTE	HASSAN B. LEMAN	25	DONG	01.08.45
30.	PTE	SULONG B. MAJID	22	DONG	01.08.45
31.	PTE	RADZLAN B. PENDEK	20	TEMAU, DONG	01.08.45
32.	PTE	NADZAN B. H.J. HUSSAIN	25	DONG	01.08.45
33.	PTE	ABDUL MANAN B. RAJIE	18	DONG	01.08.45
34.	PTE	MOHAMED B. M. JALAL	20	DONG	01.08.45
35.	PTE	YUSOF B. TALIB	17	DONG	01.08.45
36.	PTE	OMAR B. YAHYA	25	DONG	01.08.45
37.	PTE	ABDUL MAJID B. M. DIN	16	DONG	01.08.45
38.	PTE	ALIAS B. ABAS	25	DONG	01.08.45
39.	PTE	ABD. GHAFAR B. M. SALLEH	16	DONG	01.08.45
40.	PTE	AHMAD B. YASEH	25	DONG	01.08.45
41.	PTE	MOHAMED B. SHAMSUDIN	20	DONG	01.08.45

**NOMINAL ROLL MALAY RESISTANCE FORCE  
(WATANIAH PAHANG)**

**RAUB PLATOON**

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
----	------	------	-----	---------	-----------------------

**OFFICERS:**

1.	2/LT	TENGKU YUNAN B. HJ. DAUD	36	GALI	28.07.45
2.	2/LT	MOHD. ZAIN B. LONG	29	KLUMPANG	29.07.45
3.	2/LT	JAAFAR B. HJ. MD. NOR	28	BENTONG	01.08.45

(Joined Headley Party)  
09.08.45  
(Joined Wataniah)

**OTHER RANKS:**

4.	L/SGT	MUSA B. HJ. MOHAMED	22	RAUB	19.08.45
5.	CPL	YUSOF B. JAAFAR	27	KLUMPANG	01.08.45
6.	CPL	MD. ISA B. HJ. MOHAMED	22	RAUB	25.07.45
7.	CPL	MUNIR B. MOHAMED	19	RAUB	02.08.45
8.	CPL	ABDUL RASHID B. AWANG	27	BUDU	01.08.45
9.	CPL	ARIFFIN B. LUDIN	36	RAUB	01.08.45
10.	L/C	RADZMAN B. T. SETI	23	GALI	25.07.45
11.	L/C	BUYONG B. YUSOF	22	RAUB	02.08.45
12.	L/C	JAMALUDIN B. M. SARI	28	GALI	26.07.45
13.	L/C	HUSSAIN B. HIJAU	30	DONG	01.08.45
14.	L/C	SHAMSUDDIN B. SAIBI	29	DONG	01.08.45
15.	L/C	KHATIB RAM B. DAHALAN	35	GALI	01.08.45
16.	L/C	MD. PIAH B. IBRAHIM	40	GALI	01.08.45
17.	L/C	MUHAMMAD B. YUNUS	25	RAUB	01.08.45
18.	L/C	KARIM B. HJ. SAIH	25	RAUB	01.08.45
19.	PTE	KHALID B. HITAM	24	DONG, RAUB	01.08.45
20.	PTE	MAHMUD B. HITAM	23	AJAI, RAUB	01.08.45
21.	PTE	TENGKU ALI B. TENGKU SETI	20	GALI	01.08.45
22.	PTE	SHAMSUDDIN B. HJ. SEMAON	22	AJAI	01.08.45
23.	PTE	ABDUL RAHMAN B. ABU	21	GALI	01.08.45
24.	PTE	ABDUL RAHMAN B. BAKAR	24	GALI	01.08.45
25.	PTE	ISMAIL B. OSMAN	22	GALI	01.08.45
26.	PTE	TEH AHMAD B. CHIK	15	TG. BESAR	01.08.45
27.	PTE	BAKAR B. SAAMAH	35	KUANTAN	01.08.45
28.	PTE	MANSOR B. YUSOF	24	GALI	01.08.45
29.	PTE	OTHMAN B. NGAH	26	RAUB	01.08.45
30.	PTE	OTHMAN B. MD. NOH	21	RAUB	01.08.45
31.	PTE	WAHI B. HASSAN	40	GALI	01.08.45
32.	PTE	SAMION B. SABAN	25	RAUB	01.08.45
33.	PTE	ALIAS B. JANTAN	24	RAUB	01.08.45
34.	PTE	ABU BAKAR B. EMBEH	22	DONG	01.08.45

... Bersambung ke muka surat 134

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
35.	PTE	ABDUL RAHMAN B. ISMAIL	20	ULU GALI	01.08.45
36.	PTE	BUYONG B. SALAS	18	GALI	01.08.45
37.	PTE	ABDUL RAHMAD B. H. SAID	18	GALI	01.08.45
38.	PTE	SAM B. CHIK	34	PEKAN	01.08.45
39.	PTE	ALI B. NAI	18	KERAMBIT	01.08.45
40.	PTE	ABDUL RAHMAN B. UMAR	20	GALI	01.08.45
41.	PTE	KADIR B. TAHAR	20	ULU GALI	01.08.45
42.	PTE	IBRAHIM B. JIDIN	20	ULU GALI	01.08.45
43.	PTE	AHMAD B. ISMAIL	18	RAUB	01.08.45
44.	PTE	UDIN B. TAHAR	19	GALI	01.08.45
45.	PTE	SIHI B. HUSSAIN	30	GALI	01.08.45
46.	PTE	OTHMAN B. SANTAN	17	GALI	01.08.45
47.	PTE	AHMAD MARZUKI B. ABD. RAHMAN	22	KEMAHANG	01.08.45
48.	PTE	HASHIM B. KARIM	22	BENTA	01.08.45
49.	PTE	YUNOS B. HJ. MD. NOR	24	BENTONG	01.08.45
50.	PTE	IBRAHIM B. HJ. YAHYA	21	BENTA	01.08.45
51.	PTE	AHMAD B. MAHADI	22	GALI	01.08.45
52.	PTE	OTHMAN B. MAHADI	20	GALI	01.08.45
53.	PTE	HADI B. ABDUL RAHMAN	22	TEMBELING	01.08.45
54.	PTE	ALAHAN B. MD. DIN	24	GALI	01.08.45
55.	PTE	HD. JUAH B. SULAIMAN	24	RAUB	01.08.45
56.	PTE	RAMLI B. JAMAL	23	GALI	01.08.45
57.	PTE	YAHYA B. HJ. BAKAR	24	ULU DONG	01.08.45
58.	PTE	MANAN B. LELA	22	TEMBELING	01.08.45
59.	PTE	AHMAD B. YOP	28	GALI	01.08.45
60.	PTE	OTHMAN B. MD. DELI	24	GALI	01.08.45
61.	PTE	BUYONG B. LONG	24	KLUMPANG	01.08.45
62.	PTE	TALIB B. ISMAIL	20	PEKAN	01.08.45
63.	PTE	RAMLI B. DAJK	18	KERAMBIT	01.08.45
64.	PTE	SULONG B. MD. SOM	19	GALI	01.08.45
65.	PTE	ABD. LATIF B. AWANG	20	GALI	01.08.45
66.	PTE	MD. AKHIR B. MD. DIN	26	GALI	01.08.45
67.	PTE	ABD. MALIK B. OMAR	23	BENTA	01.08.45
68.	PTE	KASIM B. JAMAL	24	BENTA	01.08.45
69.	PTE	YUSOF B. YAAKUB	22	LANAR, K. LIPIS	01.08.45

**NOMINAL ROLL MALAY RESISTANCE FORCE  
(WATANIAH PAHANG)**

**SEGA PLATOON**

NO	RANK	NAME	AGE	KAMPUNG	DATE OF ENLISTMENT
----	------	------	-----	---------	-----------------------

**OFFICERS:**

1.	LT	YAAKUB B. HASSAN	29	SEGA	25.07.45
2.	2/LT	IBRAHIM B. ABAS	35	SEGA	25.07.45
3.	2/LT	JALI B. TAIB	33	SEGA	25.07.45
4.	2/LT	ABDUL SATAR B. MD. DAHAN	34	SEGA	25.07.45

**OTHER RANKS:**

5.	SGT	IDRIS B. HASSAN	32	SEGA	05.08.45
6.	L/SGT	ABDUL JALIL B. YUNUS	24	SEGA	05.08.45
7.	CPL	MANSOR B. DON	35	SEGA	05.08.45
8.	CPL	OTHMAN B. BAKAR	37	SEGA	05.08.45
9.	L/C	ZABIDI B. GENDUT	33	SEGA	05.08.45
10.	L/C	IBRAHIM B. ARIFFIN	36	SEGA	05.08.45
11.	L/C	ABD. MANAN B. UMAR	18	KUALA ATOK	05.08.45
12.	PTE	HITAM BAKI B. ABDULLAH	27	SEGA	05.08.45
13.	PTE	MAT B. SIAKIN	40	SEGA	05.08.45
14.	PTE	YUSOF B. H. MD. SIA	40	SEGA	05.08.45
15.	PTE	MAHMUD B. TAIB	30	SEGA	05.08.45
16.	PTE	MAHASAN B. IRI	29	SEGA	05.08.45
17.	PTE	ABDUL LATIF B. ANDAK	25	SEGA	05.08.45
18.	PTE	MOHAMAD B. ABDULLAH	31	SEGA	05.08.45
19.	PTE	RAJA YUSOF B. R. DIN	28	SEGA	05.08.45
20.	PTE	HUSI B. HJ. MD. ARIS	38	SEGA	05.08.45
21.	PTE	ADAM B. MOHAMED	23	SEGA	05.08.45
22.	PTE	OTHMAN B. JAMBOL	29	SEGA	05.08.45
23.	PTE	ISMAIL B. NAWI	23	KUALA ATOK	05.08.45
24.	PTE	MOHAMAD B. LOJI	20	SEGA	05.08.45
25.	PTE	ABDUL RANI B. DIAH	39	SEGA	05.08.45
26.	PTE	SALLEH B. NAN	27	SEGA	05.08.45
27.	PTE	ABD. RAHMAN B. SAH	18	SEGA	05.08.45
28.	PTE	ISMAIL B. MD. YAMAN	28	SEGA	05.08.45
29.	PTE	MD. DIN B. MD. SAMAN	20	SEGA	05.08.45
30.	PTE	ABDUL AZIZ B. DAUD	17	SEGA	05.08.45
31.	PTE	YAAKUB B. YON	29	SEGA	05.08.45
32.	PTE	SYED ABD. RAHMAN B. MOHAMED	24	SEGA	05.08.45
33.	PTE	SYED ABD. RAHIM B. MOHAMED	23	SEGA	05.08.45
34.	PTE	NAIB B. TEH	30	SEGA	05.08.45
35.	PTE	MOHAMAD B. UMAR	26	SEGA	05.08.45
36.	PTE	AHMAD B. MAALIM	36	SEGA	05.08.45
37.	PTE	JALI B. HAMID	29	SEGA	05.08.45
38.	PTE	ABD. MANAF B. KERIMUN	22	SEGA	05.08.45
39.	PTE	MANSOR B. JANTAN	18	SEGA	05.08.45
40.	PTE	MD. DIN B. DUI	24	SEGA	05.08.45
41.	PTE	AMIN B. UBAR	24	SEGA	05.08.45
42.	PTE	AHMAD B. RAMLI	18	SEGA	05.08.45
43.	PTE	ABDUL LATIF B. IBRAHIM	18	SEGA	05.08.45

## TOKOH-TOKOH ULAMA DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Oleh:

Yang Hormat Sahibus Samahah  
Dato' Haji Mohd. Taib bin Haji Hassan  
Mufti Kerajaan Negeri Pahang

### **MUFTI PAHANG YANG PERTAMA**

Tuan Haji Habib bin Muhammad Amin. Tidak dapat dikesan latar belakangnya, tiada siapapun yang menulis darihal diri beliau.

### **MUFTI PAHANG YANG KEDUA**

Nama penuhnya Haji Uthman bin Hj. Senik bin Hj. Ibrahim bin Hj. Salim. Namun dengan pasti dapat diketahui bahawa Hj. Senik dan ayahnya Hj. Ibrahim meninggal dunia di Kampung Gaung Mukim Pendik, Kelantan, sementara Hj. Salim pula meninggal dunia di Singapura.

Haji Uthman dilahirkan pada **tahun 1838M** di Kampung Gaung Mukim Pendik, Kelantan dan meninggal dunia pada tahun 1918M bersamaan 5 Ramadan 1329 Hujrah. Beliau mempunyai enam orang adik beradik terdiri daripda 5 lelaki dan seorang perempuan.

Haji Uthman dipercayai mendapat pendidikan awalnya di Kelantan terutama belajar daripada ayah ataupun datuknya pelajaran tentang agama Islam secara mendalam dilanjutkan ke pondok "Bendang Daya Fatani" belajar daripada "Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa Al Fatani".

Selain daripada beliau mempelajari ilmu seperti Nahu Saraf, Tasauf, Tauhid dan Fekah, beliau juga belajar Ilmu Hikmah. Ilmu Hikmah telah dipergunakan oleh Haji Uthman sewaktu beliau membuka hutan membuat perkampungan. Kampung yang beliau buka itulah yang

dikenali dengan nama Kg. Ketapang terletak di Pekan Pahang Darul Makmur.<sup>1</sup> Berdasarkan cerita bahawa binatang buas tunduk kepada beliau, beliau juga berkemahiran di dalam bidang berkhatan terkenal dengan Tok Mudin.<sup>2</sup>

Dalam rangkaian Ilmu Hikmah Haji Uthman juga mendalami ilmu perubatan tradisional. Beliau pandai membuat berbagai jenis makjun. Tentang ilmu ini beliau pernah menyusun sebuah kitab belum pernah diterbitkan dan kitab tersebut ternyata telah hilang. Ilmu-ilmu tersebut beliau dapat daripada Tok Bendang Daya II Al Fatani. Setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah daripada Sheikh A. Qadir bin A. Rahman Al-Fatani. Selain daripada itu beliau belajar secara mentelaah kitab di bawah bimbingan Syeikh Muhamad bin Ismail dan Syeikh Wan Ali bin A. Rahman Al Kelantani.<sup>3</sup>

Ketika usianya 20 tahun, beliau berangkat ke Mekah mengikut seorang kaya berbangsa Arab dan kemudiannya beliau menjadi khadam kepada orang kaya tersebut. Bila orang kaya pulang ke tanahair, Hj. Uthman mengambil keputusan untuk tinggal di Mekah dan bertekad untuk mendalamai ilmu hukum Islam - dari seorang suruhan mengalah pandangan terhadap kepentingan ilmu dalam hidup manusia.<sup>4</sup>

Untuk menampung hidupnya di Mekah, Hj. Uthman terpaksa bekerja keras seperti mengambil upah mengangkut air dan barang-barang bagi orang-orang Arab di kota Mekah. Begitu gigih sekali beliau menempuh hidupnya untuk mendapatkan ilmu. Lebih kurang 15 tahun beliau tinggal dan berguru di Mekah.

Selepas tamat pengajiannya beliau telah diiktiraf untuk mengajar di Masjidil Haram Mekah dan ramailah murid yang belajar dengannya. Kemudian beliau pulang ke tanahair dan pergi ke Kelantan. Setelah tinggal di Kelantan hampir 10 tahun, beliau berpindah ke Pahang pada tahun 1880-an. Perpindahan Hj. Uthman ke Pahang adalah disebabkan perselisihan dengan puak istana.

1. Majalah Dakwah - Keluaran Mac 1990 oleh Wan Shagir Abdullah.
2. Menurut pendapat ahli keluarganya Ust. A. Kadir Kamaluddin.
3. Majalah Dakwah - Keluaran Mac 1990 oleh Wan Shagir Abdullah.
4. Keratan Akhbar bertarikh 6.3.83 oleh W. Jamaluddin bin W. Omar

## KETOKOHAN

Semasa Hj. Uthman berpindah ke Pahang, beliau menyusur pantai timur Tanah Melayu berjalan kaki dengan pengikut-pengikutnya termasuk Hj. Abdullah Hj. Abdul Latif, anak muridnya semasa di Mekah. Hj. Uthman dan rombongannya telah berjalan kaki hingga sampai ke Rompin, Pahang. Setelah didapati tempat itu tidak sesuai bagi penempatan lalu ia berpatah balik ke Pekan iaitu kawasan raja-raja Pahang hingga ke hari ini.

Dari Pekan, Hj. Uthman memudiki sungai Pahang sehingga sampai ke Pulau Tawar iaitu kawasan dalam jagaan Tok Gajah (Khatib Rasu - Imam Perang Indera Gajah Pahang) gelaran Tok Gajah. Beliau sampai ke Pulau Tawar dalam tahun 1880 dengan membuka pondok di sana. Selain daripada itu beliau bersemenda\* dengan keluarga Tok Gajah.

Setelah lima tahun tinggal di Pulau Tawar, Sultan Ahmad berpindah balik ke Pekan pada akhir tahun 1894, Hj. Uthman pun ikut serta ke Pekan. Di Pekan pada mulanya Hj. Uthman tinggal di Kg. Tg. Langgar, kemudian berpindah ke Kg. Ketapang. Di Kg. Ketapang Hj. Uthman mendapat seorang sahabat berbangsa Arab iaitu Syed Hasan Syed Ahmad Al-Attas dari Johor Bahru.<sup>5</sup>

Hj. Uthman telah mengajar di surau kepunyaan Syed Hasan sebelum membina suraunya sendiri di Kg. Ketapang. Syed Hasan telah menghadiahkan sebahagian daripada tanahnya kepada Hj. Uthman supaya membina sebuah surau bagi mengajar agama kepada orang-orang di sekitar Kg. Ketapang.

Pada peringkat awal dakwahnya beliau hanyalah memperlihatkan kebolehannya dalam bidang ilmu hikmah. Semasa pelayarannya ke Mekah memakan masa lebih kurang tiga bulan. Di tengah-tengah pelayaran kapalnya pecah dan karam di Laut Sutera\* (panggilan orang-orang dahulu) di antara Lautan Hindi dan Laut Merah. Beliau dapat menyelamatkan diri dengan berpaut pada kayu dan papan beberapa lama.

- 
5. Keratan Akhbar bertarikh 6.3.83 oleh W. Jamaluddin bin W. Omar.
  - \* Bersemenda - pertalian kekeluargaan menerusi perkahwinan.
  - \* Suatu kawasan di antara Lautan Hindi dengan Laut Merah - menurut pendapat ahli keluarganya dan seorang penulis Pahang Ustaz A. Qadir Kamaluddin.

Pada satu ketika yang lain beliau pernah menimbulkan bot yang karam (Kapal Air Emas) karam di Kuala Pahang. Beliau juga pernah mendatangkan buaya ganas dan dapat membunuhnya. Pada masa yang lain pula beliau menangkap harimau buas yang selalu mengancam ketenteraman manusia dan binatang ternakan.

Pada masa Hj. Uthman tinggal di Pekan, Pahang telah mempunyai seorang Mufti berketurunan Arab bernama Habib Mohd. Amin. Mengikut keterangan yang diberikan oleh Ustaz Abdul Samad bin Hj. Ibrahim, Habib Mohamed Amin adalah Mufti Pahang yang pertama dan juga sebagai penasihat kepada Sultan dan memberi fatwa-fatwa mengenai agama Islam. Tetapi di dalam "Pahang Annual Report" bagi tahun 1904 ada ditulis nama Saiyid Amin dalam senarai pembayaran gaji dan belanjawan tahunan bagi Negeri Pahang sebagai Kadhi Pekan bukan Mufti.<sup>6</sup>

Dari bukti tersebut pengarang menganggap Haji Uthman sebagai Mufti Pahang yang pertama. Jawatan ini dipegang selepas Saiyid Amin kembali ke negerinya di Mekah. Tarikh Hj. Uthman memegang jawatan sebagai Mufti Pahang mungkin pada tahun 1905 mengikut Abdul Jabfar bin Abdul Rahman.<sup>7</sup>

Setelah masyarakat mengetahui bahawa Tuan Guru Hj. Uthman adalah seorang ulamak maka ramai yang berminat belajar dengan beliau. Pada ketika itu Sultan Ahmad memerintah Pahang dan Sultan Ahmad berkenan melantik beliau sebagai Mufti Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur. Sekaligus beliau menjadi orang terkemuka dalam Kerajaan Pahang, mengajar kaum keluarga Diraja di Istana selain mengajar orang ramai. Beliau menjadi Mufti Pahang selama 20 tahun sehingga beliau meninggal dunia dalam tahun 1918M. Menjadi Mufti dalam masa tiga pemerintahan Sultan Pahang iaitu Almarhum Sultan Ahmad, Almarhum Sultan Mahmud dan Almarhum Sultan Abdullah. Semasa beliau meninggal dunia usianya hampir 100 tahun.<sup>8</sup>

6. Keratan Akhbar bertarikh 6.3.83 oleh W. Jamaluddin bin W. Omar

7. Ibid.

8. Majalah Dakwah - Keluaran Mac 1990 - Oleh Wan Shagir Abdullah.

Tok Guru Hj. Uthman bin Hj. Senik mengalami dua kali perkahwinan. Perkahwinan yang pertama dengan Syarifah berasal dari Kelantan. Perkahwinan ini memperoleh beberapa orang anak iaitu:

- Haji Junid, sahabat baik Pahlawan Mat Kilau semasa kecilnya.
- Haji Jamaluddin (meninggal dunia di Mekah).
- Haji Kamaluddin.

a) Haji Junid memperolehi beberapa orang anak. Di antaranya yang menjadi tokoh masyarakat ialah Abdul Basit, bekas guru di Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar, Pekan. Dr. Saudi, Pensyarah Bahagian Syariah di UKM dan merupakan anak Pahang yang pertama mendapat Ph.D di Universiti Al Azhar, Mesir.

b) Haji Kamaluddin pula memperolehi anak yang bernama Ustaz Hj. Abdul Qadir bekas guru di Sekolah Tinggi Ugama Sultan Abu Bakar Pekan. Beliau juga bekas Pemeriksa Hal Agama Pahang. Beliau merupakan penulis yang banyak maklumat tentang Tuan Guru Hj. Uthman dan keturunannya.<sup>9</sup>

Perkahwinan Tuan Guru kedua dengan seorang yang berasal dari Pahang bernama Naubah iaitu anak saudara kepada isteri Khatib Rasu (Imam Perang Indera Gajah). Dengan terjadinya perkahwinan beliau yang kedua ini bererti terjalin tali persaudaraan antara keluarga pembesar Pahang dengan ulama. Barangkali dengan cara ini boleh memperkuat kerjasama antara umara dengan ulama sebagaimana yang dikehendaki oleh Rasullullah.<sup>10</sup>

## KARYA DAN MURID-MURIDNYA

Tuan Guru Hj. Uthman bin Hj. Senik tidak banyak meninggalkan karya tulisan, yang dapat dicatatkan hanyalah beberapa buah, di antaranya:

9. Majalah Dakwah - Keluaran Mac 1990 - Oleh Wan Shagir Abdullah.

10. Ibid.

### 1. Majiliatul Musalli

Majiliatul Musalli pernah dicetak di Singapura dengan huruf batu. Ia dapat diperlihatkan oleh Ust. Abdul Qadir Kamaluddin (cucu beliau), beberapa lembaran sahaja kerana halaman yang beliau miliki ternyata banyak yang hilang.<sup>11</sup>

### 2. Kitab Perubatan

Kitab perubatan secara tradisional susunan beliau ternyata tidak diketemukan lagi. Namun sebagai kesan peninggalan beliau yang terkenal suatu makjun yang dinamakan "Makjun Telur". beberapa orang anak cucu beliau masih mengusahakan perubatan makjun tersebut.<sup>12</sup>

### 3. Risalah Akidah

Adapun murid-murid Tuan Guru Hj. Uthman bin Hj. Senik yang menjadi tokoh terkenal di antaranya:

- a. Tuan Guru Hj. Daud bin A. Rahman berasal dari Fatani dan beliau adalah ayah kepada ibu Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia yang kedua).
- b. Haji Mat Daud bin Zainal Abidin. Beliau pernah menjadi Kadhi Besar Pahang. Anak beliau adalah Dato' Hj. Mohd. Amin (Bekas Ahli Parlimen).
- c. Lebai Yusuf bin Hj. Mohd. Amin. Beliau pernah menjadi Kadhi Kuantan.
- d. Dato' Haji Abu Bakar (Datuk Setia Penggawa) bin Hj. Abd. Halim (Imam Perang Indera Mahkota).
- e. Mat Kilau (Pahlawan Melayu yang terkenal).

11. Ibid.

12. Majalah Dakwah Keluaran Mac 1990 oleh W. Shagir.

### **MUFTI PAHANG YANG KETIGA**

Haji Abas bin Taha. Berkhidmat sebagai Mufti Pahang yang ketiga dari tahun 1939 sehingga ke tahun 1950. Latar belakangnya tidak dapat dikesan. Apa yang diketahui beliau adalah berasal dari Singapura.

### **MUFTI PAHANG YANG KEEMPAT**

Sheikh Abdul Rahim bin Ibrahim Al Samudi, Berkhidmat sebagai Mufti Pahang yang keempat dari tahun 1950 sehingga ke tahun 1951. Latar belakangnya juga tidak dapat dikesan. Apa yang diketahui beliau adalah berbangsa Arab dari Mesir.

### **MUFTI PAHANG YANG KELIMA**

Tuan Haji Abu Bakar bin Mat Yasin. Berkhidmat sebagai Mufti Pahang yang kelima dari tahun 1951 sehingga ke tahun 1976. Beliau dipercayai berasal dari negeri Perak. Beliau juga berkelulusan dari Universiti Al Azhar, Mesir. Sewaktu perang Dunia Kedua, beliau masih lagi belajar di Mesir.

### **MUFTI PAHANG YANG KEENAM**

Tuan Haji Sidek bin Haji Ariffin. Keterangan latar belakangnya telah diterangkan di dalam keterangan Kadi-kadi Besar Pahang.

### **MUFTI PAHANG YANG KETUJUH**

Haji Muhammad Taib bin Haji Hassan. Dilahirkan pada 27.5.1929 di Kampung Benta Mukim Langgar, Pekan, Pahang. Mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Kampung Benta kemudian melanjutkan pelajaran agama di Kuliah Sultan Abu Bakar pada tahun 1947. Semasa

belajar di Kuliah, beliau juga belajar secara memondok di Kampung Mengkasar, Pekan. Gurunya ialah Tuan Haji Muhammad Daud bin Haji Zainal Abidin, Tuan Haji Osman bin Haji Muhammad Daud dan beberapa orang guru yang lain.. Kemudiannya menyambungkan pelajaran ke Mekah Al-Mukarramah di Sekolah Maahad Kerajaan Saudi sehingga mendapat Diploma Pendidikan. Semasa di kota suci Mekah juga beliau belajar di Masjidil Haram. Di antara gurunya ialah Syed Alwi, Sheikh Hassan Masad, Syed Amin Kutubi dan Sheikh Abdul Kadir Mandiling seterusnya melanjutkan pelajaran ke Universiti Al Azhar dalam bidang undang-undang dan syariah dengan mendapat bantuan biasiswa daripada Muktamar Islam dan beliau juga belajar di Kuliah Adab Jamaah, Kaherah. Setelah mendapat B.A. daripada Universiti Al Azhar beliau kembali ke tanahair pada tahun 1965. Semasa berada di Mesir beliau sempat melawat beberapa buah negara Arab termasuk Palestin . Pada mulanya beliau bertugas sebagai guru di Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan dan pernah memangku jawatan guru besar di Kuliah Sultan Abu Bakar. Kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Penerangan dan Dakwah Negeri Pahang yang pertama. Mengikut keterangannya di antara perkara yang dapat dibasmikan ialah amalan-amalan khurafat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu zaman dahulu seperti sebelum turun ke laut untuk menangkap ikan mereka melakukan penyemahan dengan menyembelih seekor kerbau balau. Ini bertujuan untuk memuja penunggu laut untuk mendapat hasil yang banyak dan amalan-amalan berubat secara bomoh berjin iaitu satu cara berubat dengan cara bertudung kepala dengan menggeletarkan badan serta memanggil-manggil penunggu di laut dan belukar untuk mengubat pesakit itu serta diiringi paluan rebana oleh pembantu-pembantu yang dinamakan Panduan.

Begitu juga dengan amalan membuat ancak dan lain-lain lagi bentuk khurafat. Mengikut kata beliau bagi menghapuskan amalan-amalan ini ialah dengan cara memberikan syarahan-syarahan mengenai perkara khurafat yang ditegah oleh agama di masjid, surau dan melalui Radio Kuantan (RMK) serta lain-lain lagi. Beliau berkahwin dengan Hasbah binti Yaacob dan dikurniakan Allah 11 orang anak, dua daripada anaknya menuntut di Universiti Al Azhar (seorang lelaki dan seorang perempuan).

Disediakan Oleh:

**HAJI ISHAK B. HAJI ABDULLAH**

Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan  
Dengan Kerjasama Muzium Negeri  
Serta pihak-pihak Yang Berkenaan.

## KADI-KADI BESAR NEGERI PAHANG

### KADI BESAR YANG PERTAMA

Beliau ialah Haji Ibrahim bin Abu Hurairah bin Abu Hanifah. Berasal dari keturunan seorang ulama yang terkenal di Pahang iaitu Imam (Tuk) Shihabudin yang mana susunan seperti berikut: Kadi Ibrahim ibunya Hajjah Siti Hawa, ibunya Tok Emas, Ibu Tok Emas Tok Long, bapa kepada Tok Long ialah Imam Shihabudin. Sebenarnya tarikh dan tempat lahir beliau tidak dapat dikesan dengan tepat. Tetapi menurut waris beliau Hj. Salleh bin Busu (Ayah Da) di sekitar tahun 1814M dan dilahirkan di Kerdau, Temerloh.

Sebagaimana yang diceritakan oleh waris beliau, Kadi Ibrahim mempunyai beberapa orang isteri kerana atas permintaan penduduk tempatan supaya Kadi Ibrahim seringkali berkunjung ke kampung mereka semasa dia singgah di suatu tempat kerana memakan masa beberapa lama. Beliau juga mempunyai 40 orang anak. Beliau menetap di tiga tempat iaitu di Berhala Gantang, Telok Sentang dan Purun.

Beliau meninggal dunia pada tahun 1918M.<sup>1</sup> Ketika itu umur beliau menjangkau 104 tahun dan beliau sempat berkhidmat sebagai Kadi Besar selama 44 tahun. Qadhi Ibrahim dikuburkan di Kg. Pagar, Penjom Kuala Lipis, Pahang. Jasa dan sumbangan beliau tetap dikenang sehingga ke hari ini di atas pengorbanannya yang sangat besar terhadap masyarakat Islam.

### PENDIDIKAN

Mengikut ceritanya Kadi Ibrahim mula berguru dengan Tuan Guru Haji Ismail (Tok Bangau) di Kampung Bangau, Temerloh. Beliau dianggap sebagai seorang murid yang bijak dapat menamatkan ilmu yang dipelajarinya. Kebiasaan ilmu yang dipelajari ketika itu ialah Ilmu Tauhid, Feqah dan Tasauf. Ketiga-tiga ilmu ini sangat diambil

1. Menurut Dr. Munir Yaakub, UKM (1814 - 1916) - Lihat buku cenderamata memperingati TOKOH ULAMA SILAM KE VIII 1982/1983 ( MAKALAH TOK SHIHABUDIN BIN ZAINAL ABIDIN ).

berat oleh Tok Guru-Tok Guru ketika itu. Bagi mendalami lagi ilmu pengetahuannya beliau meneruskan pengajiannya dengan Fakih Yusuf di Betawi Indonesia selama 13 tahun, dan di Mekah beliau menetap selama 3 tahun berguru dengan Tuan Haji Mukhtar Atarid. Sekembalinya dari Mekah beliau sempat berguru dengan Tok Shihabudin bin Zainal Abidin (1141 -1211H) selama 3 tahun lagi.

Bagi menghargai ketokohan dan keilmuan yang ada pada beliau, Sultan Pahang yang pertama, Almarhum Sultan Ahmad berkenan melantik beliau sebagai Kadi Besar Pahang yang pertama pada tahun 1874. Mengikut ceritanya beliau sangat rapat dengan istana malah Almarhum Sultan Ahmad sendiri menganggapnya sebagai adik-beradik angkat.

Perang Bahaman menentang Inggeris pada tahun 1888 melibatkan Kadi Ibrahim secara sulit. Oleh kerana hubungan rapat beliau dengan Sultan, peranannya tidak ditonjolkan walaupun pada dasarnya beliau menyokong tindakan Bahaman menentang Inggeris. Kadi Besar Haji Ibrahim dibayar elau sebanyak \$180.00 setahun oleh kerajaan Inggeris. Semasa hayatnya, beliau telah berkhidmat dengan dua orang sultan iaitu Almarhum Sultan Ahmad 1882 - 1914 dan Almarhum Sultan Mahmud 1914 - 1917.<sup>2</sup>

## HALANGAN DAN RINTANGAN

Difitnahkan kerana memberi fatwa salah. Beliau pernah difitnah oleh seorang ulama Indonesia yang bernama Fakih Hitam dengan mengatakan bahawa hukuman Kadi Ibrahim mengenai pembahagian faraid tidak betul. Beliau akhirnya dibicarakan di hadapan Almarhum Sultan Ahmad sendiri. Kadi Ibrahim membahagikan faraid kepada anak lelaki dan anak perempuan tidak sama. Di sini Fakih Hitam mempertikaikan kenapa tidak dibahagikan sama banyak anak lelaki

2. Kajian Terhadap Penulisan Kitab-Kitab Agama di Pahang - Oleh Zainal Abidin bin Lebai Hassan tahun 1982/1983, m.s. 190.

dengan anak perempuan. Kadii Ibrahim mengatakan "Perbetulkan pembahagian waris di negeri kamu sendiri yang menjalankan pembahagian mengikut adat pepatih tidak secara syarak". Dengan jawapan ini Fakih Hitam dititahkan supaya pulang ke negeri asalnya Minangkabau.

## KETOKOHANNYA

Sepanjang hayatnya beliau banyak menghabiskan masanya di dalam perahu jalor kerana tugasnya sebagai Kadi Besar yang terpaksa hilir mudik menyongsong arus Sungai Pahang dari Pekan sehingga ke Kuala Lipis. Di sepanjang perjalanan inilah beliau singgah di kampung-kampung persisiran Sungai Pahang sambil berdakwah menyampaikan ilmu Islam kepada penduduk-penduduk setempat. Perjalanan dari Pekan ke Kuala Lipis mengambil masa selama 2 bulan dengan menggunakan tenaga penggalah perahu seramai 25 orang setiap kali perjalanan.

Di samping beliau seorang yang bijak di dalam ilmu-ilmu agama, beliau juga bijak di bidang kependekaran dan gagah pula. Beliau sangat pandai berburu terutamanya berburu harimau dan seladang. Perkara ini pernah diceritakan oleh Mat Kilau kepada Haji Salleh bin Busu mengatakan "bahawa Kadi Ibrahim seorang yang handal di dunia dan di akhirat". Kepandaian beliau termasyhur di seluruh negeri Pahang.

Semasa beliau menjadi Kadi Besar Pahang, beliau meneruskan usaha-usaha yang telah dibuat oleh ulamak yang terdahulu seperti Tuk Shihabudin dan Tuan Teh dalam membasmi ajaran salah. Segala usaha-usaha gigih beliau yang pernah dibuat oleh Tok Shihabudin patut kita hargai kerana jasanya terhadap perkembangan agama Islam di Pahang kekal hingga kini. Beliau menulis beberapa buah kitab yang menjadi bahan bacaan masyarakat Islam, di antaranya ialah:

1. Syifa Al Abd'dan sebanyak 3 jilid
2. Hidayatul Al Wildan
3. Tafsir Surah Al Ikhlas

Namun dipercayai banyak lagi karya lain yang dihasilkan oleh ulama ini dan bahan-bahan tersebut tidak disimpan dengan baik. Di samping itu beliau juga mahir dalam ilmu Falak mengenai Nisfu Sya'ban, awal Ramadhan dan awal hari raya.

Satu perkara lagi ialah daripada titisan keturunan, tokoh ini telah banyak melahirkan ulama di negeri Pahang dan terus menyambung khidmat bakti mereka di semua peringkat hingga ke hari ini. Semoga segala amal baktinya diterima Allah s.w.t. dan dihimpunkan rohnya bersama-sama orang yang mendapat keredaan-Nya.

**CATITAN:** Semua maklumat yang diterima oleh penulis mengenai Kadi Ibrahim didapati melalui temuramah dengan Haji Salleh bin Busu (cucu kepada Kadi Besar Hj. Ibrahim )

## KADI BESAR YANG KEDUA

Haji Muhammad Daud bin Haji Zainal Abidin. Dilahirkan pada 9.4.1876 di Kampung Mengkasar, Pekan Pahang. Sejak kecil beliau mempelajari pelajaran agama dengan cara belajar membaca kitab-kitab agama dengan Tuan Guru Haji Osman bin Haji Senik ( Haji Montok ) dan beberapa orang guru yang lain. Pada awalnya beliau berkhidmat sebagai Imam di Masjid Abdullah Pekan, selepas itu berkhidmat pula sebagai Kadi selama beberapa tahun. Pada 3.2.1921 beliau telah dilantik sebagai Kadi Besar Pahang yang kedua. Beliau meninggal dunia pada 25.8.1955.

## KADI BESAR YANG KETIGA

Haji Osman bin Haji Muhammad Daud. Dilahirkan pada tahun 1905. Mendapat didikan awal di sekolah Melayu di bandar Pekan kemudian menyambungkan pelajaran ke Madrasah Al-Attas, Ketapang, Pekan. Seterusnya menyambungkan pelajaran ke Madrasah Al-Attas Johor Bahru. Pada akhir tahun 1934 beliau menyambungkan pelajaran ke kota suci Mekah Al-Mukarramah. Beliau kembali ke tanahair pada tahun 1940. Pada tahun 1941 beliau berkhidmat sebagai Kadi di beberapa daerah seperti daerah Raub, Pekan dan Kuala Lipis. Pada 22.9.1953 beliau telah dilantik sebagai Kadi Besar Negeri Pahang sehingga beliau bersara pada 31.12.1960. Beliau meninggal dunia pada 18.1.1973.

## KADI BESAR YANG KEEMPAT

Haji Muhammad bin Muhammad Salleh. Dilahirkan pada 20.2.1906 di Kampung Bukit Nanas, Benus, Bentong Pahang. Mendapat didikan awal di sekolah Melayu di Bentong kemudiannya beliau mempelajari pelajaran agama secara memondok di Temerloh dengan Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Muhammad Khatib.

Setelah beberapa lama di Temerloh hingga banjir besar pada tahun 1926, beliau menyambung lagi pelajarannya ke Sekolah Arab Tamrinuddin Segamat Johor sehingga tamat pada tahun 1930. Pada tahun itu juga beliau melanjutkan lagi pelajarannya ke Pondok di Langgar Kedah. Lebih kurang selama 11 tahun di Kedah beliau kembali semula ke Pahang, dan beliau mengajar di Pondok Tanjung Besar, Kuala Lipis Pahang. Tidak beberapa lama kemudian beliau berkhidmat sebagai guru agama di Sekolah Agama pada sebelah petang untuk beberapa tahun sahaja. Pada tahun 1916 beliau telah dilantik sebagai Kadi di daerah Cameron Highlands, di mana jawatan itu mula diwujudkan di daerah Cameron Highlands. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Kadi di beberapa daerah dan juga memangku jawatan Kadi di beberapa daerah seperti daerah Raub, Pekan dan Chenor pada tahun 1964. Beliau mula dilantik sebagai Kadi Besar Pahang pada tahun 1971. Selepas bersara beliau menyambung khidmatnya sebagai Kadi secara kontrak selama lima tahun di daerah Raub. Beliau sekarang tinggal di Taman Abu Bakar Raub, Pahang.

### **KADI BESAR YANG KELIMA**

Haji Muhammad Sidek bin Ariffin. Dilahirkan pada 9.11.1922 di Kampung Tanjung Besar, Kuala Lipis. Mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Tg. Besar sehingga tamat. Kemudian mempelajari pelajaran agama secara memondok di Kampung Tanjung Besar dengan Tuan Guru Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Ali. Tidak lama kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya ke Kota Suci Mekah Al-Mukarramah di Darul Ulum pada tahun 1937. Pada masa itu beliau baru berusia 14 tahun. Sewaktu berada di Kota Suci Mekah, beliau banyak mempelajari pelajaran agama di Masjidil Haram dengan gurunya Syed Alwi dan Sheikh Abdul Kadir Mandilir serta beberapa orang guru lain. Beliau kembali ke tanahair pada tahun 1947 dan mula berkhidmat sebagai guru agama di Sekolah Agama Rakyat Dong, Raub.

Beliau mula dilantik sebagai Kadi pada tahun 1953 di Chenor, kemudiannya bertukar ke beberapa daerah yang lain. Pada tahun 1972 beliau dilantik sebagai Kadi Besar Pahang dan pada tahun 1976 beliau dilantik pula sebagai Mufti Kerajaan Negeri Pahang sehingga tahun 1982. Setelah bersara beliau menetap di Jerantut. Beliau adalah salah seorang Ahli Jawatankuasa Jemaah Fatwa Negeri Pahang.

## **KADI BESAR YANG KEENAM**

### **Keterangan Diri**

1. Nama: Tuan Hj. Abdul Rahman b. Syed Mohamad Al Yahya, AMP
2. Tempat Lahir: Pekan, Pahang
3. Tarikh Lahir: 8.8.1923
4. No. Kad Pengenalan: 0707888

### **Didikan Awal**

1. Persekolahan awal di Madrasah Al-Attas Ketapang, Pekan
2. Melanjutkan pelajaran ke Singapura dan seterusnya mengajar di Madrasah Al Qadriah dan Sekolah Al Junid Singapura.
3. Tahun 1952, beliau melanjutkan pelajaran di Rabath Trim, Hadral Maut selama 6 tahun.

### **Pengalaman Kerja**

1. Imam Masjid
2. Guru Sekolah Arab, Kluang, Johor (1956 - 1960 = 4 tahun)
3. Kadi Daerah Raub, Pahang (1961 - 1971 = 11 tahun)
4. Kadi Daerah Kuantan, Pahang (1972 - 1975 = 4 tahun)
5. Kadi Besar Pahang (1976 - 1983 = 8 tahun)

### **Kitab Yang Pernah Dikarang/Disusun**

1. Kiraah Mafidah (Bacaan mengenal huruf Al Quran dengan mudah)
2. Risalah Iktiqad - Ahli Sunnah Wal Jamaah
3. Risalah Fardhu Ain

4. Peraturan Tahlil Di Makam Diraja Pahang dan Doa
5. Risalah Puasa di Bulan Ramadhan
6. Kitab Faraid ( menjadi salah satu mata pelajaran di Kuliah Tinggi Agama Abu Bakar, Padang Polo, Pekan ).

#### Pengiktirafan dan Pengurniaan

1. Dihantar oleh Kerajaan Negeri Pahang sebagai guru agama di dalam kapal haji kepada bakal-bakal haji ke Mekah pada tahun 1970.
2. Dikurniakan pingat AMP ( Ahli Mahkota Pahang ) oleh KDYMM Sultan Pahang pada tahun 1978.
3. Pernah menjadi hakim tilawah membaca Al Quran peringkat negeri dan kebangsaan.

#### Keluarga

1. Berkahwin pada tahun 1944 dengan Syarifah Fadlun bt. Syed Abu Al Kharid.
2. Meninggalkan seorang bala dan 11 orang anak.
3. Tiga daripada anakanda Al marhum melanjutkan pelajaran di Universiti Al Azhar. Dua daripadanya telah tamat pengajiannya dengan memperolehi B.A. dalam bidang Usuluddin dan Tafsir Hadis dan seorang lagi masih di tahun satu.

#### Kembali ke Rahmatullah

Al Marhum kembali ke Rahmatullah pada hari Sabtu 29.6.1991 di rumahnya No. H77, Taman Guru Batu 4 1/2, Jalan Gambang, Kuantan dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Ubi, Kuantan dalam usia 68 tahun.

## KADI BESAR YANG KETUJUH

Datuk Haji Abdul Mutalib bin Haji Ali Al-Fakhwie DIMP., AMP., AMN., PJK. Dilahirkan pada 28.11.1932 di Lubuk Paku, Maran Pahang. Mendapat didikan awal di Sekolah Senggora sehingga darjah lima. Pada tahun 1947 beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Ketapang. Kemudian pada tahun 1949 beliau melanjutkan lagi pelajarannya ke Kuliah Al-Lughah Waddin, Pekan. Seterusnya beliau melanjutkan pelajarannya ke Kolej Islam Kelang sehingga berjaya memperolehi Sijil Tinggi Kolej Islam, sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Al Azhar, Mesir. Pada tahun 1976 beliau pernah berkhidmat sebagai guru besar di Sekolah Agama Ehsan Kuantan dan Nadzir Sekolah Agama. Setelah beliau kembali dari Mesir pada tahun 1978 beliau dilantik sebagai Kadi Daerah Pekan. Pada tahun 1984 beliau telah dilantik sebagai Kadi Besar Pahang. Seterusnya pada 1.12.1991 beliau dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pahang.

## KADI BESAR YANG KELAPAN

Haji Sulaiman bin Haji Ahmad. Dilahirkan pada 8.6.1950 di Kampung Telok Sentang, Temerloh Pahang. Mendapat didikan awal di Sekolah Melayu di kampung beliau. Kemudiannya mempelajari pelajaran agama di Sekolah Agama Rakyat Ad-Diniah Telok Sentang dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Agama Rakyat Al-Wosto Berhala Gantang. Beliau melanjutkan lagi pelajarannya ke Sekolah Menengah Agama di Ketapang kemudian ke peringkat Sijil Tinggi Kuliah Al-Lughah Waddin, Pekan. Pada 12.8.1971 beliau menyambung pelajaran ke Universiti Al Azhar dan tamat. Sekembalinya ke tanahair pada tahun 1976, beliau terus dilantik sebagai Kadi di daerah Cameron Highlands. Pada tahun 1982 beliau bertugas sebagai Ketua Penerangan Agama Negeri Pahang. Pada 1.12.1991 beliau telah dilantik sebagai Kadi Besar Pahang.

**PANEL PENULISAN MENGENAI TOKOH ULAMAK  
TERDIRI DARIPADA:**

1. Datuk S. S. Haji Mohd. Taib bin Haji Hasan  
DIMP., SMP, PJK. - Mufti Negeri Pahang  
( Pengerusi )
2. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahmad, AMP.  
Kadi Besar Pahang.
3. Tuan Haji A. Hamid bin Abdul Rahman, PKC.  
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah.
4. Tuan Haji Mustafa bin Haji Husin, PKC.  
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan.
5. Ustaz A. Munawar bin Abdul Jalil  
Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Syariah.
6. Tuan Syed Ahmad bin Syed A. Rahman  
Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan.
7. Ustaz Haji Ahmad bin Man - Pembantu Mufti  
( Urusetia )

## 1. Syifa Al Abd'dan

- Nama Naskhah : Syifa Al Abd'dan
- Tempat Asal : Ditulis dalam tahun 1330 setelah bersara dari menjadi Kadi Besar dan tidak dipastikan tempatnya.
- Diskripsi : Ukuran 20 x 17 cm, ada 30 halaman, 20 baris satu halaman, Huruf Arab, Bahasa Melayu, bahan bercetak dan naskhah berada di dalam keadaan amat memuaskan. Ditulis sebanyak tiga jilid cuma dua jilid yang terakhir belum lagi ditemui.
- Cara Dapat : Dipinjam dari Ustaz Mokhtar Yaakub al Arqam Sungai Pencala, Damansara Kuala Lumpur, dalam bentuk fotostat.
- Literatur : Ditulis oleh Kadi Ibrahim b. Hawa pada tahun 1330 Hijrah. Karya ini adalah sebuah karya berbentuk tasawuf, juga mengandungi beberapa petunjuk kepada orang-orang muda tentang jalan-jalan yang boleh membawa kepada terbatalkannya amalan tasawuf walaupun mengikut cara yang biasa dilakukan.

Karya ini ditulis oleh Kadi Ibrahim. Nama kitab ini amat bersesuaian dengan isinya yang membicarakan tentang jalan tasawuf serta jalan 'iktikad. Sudah semestinya jika kitab ini ditulis untuk orang tasawuf maka pembicaraan jalan 'iktikadnya mestilah lebih terperinci dan mendalam;

*'Pada membuat risalah; bicara 'iktikad ahli al sufiyah yang pada jalan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu Mazhab Imam Abu Hassan al Asyari dan Imam Abu Mansur al Maturidi ...'*

Kitab ini dikarang pada zaman Sultan Mahmud Shah ibni al Marhum Sultan Ahmad Shah. Pengarang menerangkan bahawa tujuan beliau menulis buku ini ialah;

- a. Kerana permintaan kawan-kawan.
- b. untuk pelajaran bagi cucu cicit.
- c. Untuk memberikan kemudahan bagi mereka yang tidak mengetahui bahasa Arab.
- d. Sebagai sedekah jariah.

Sebenarnya buku ini terdiri dari tiga jilid. Pada pendahuluan kitab ini pengarang telah menerangkan secara ringkas isi kandungan tiga jilid tersebut. Jilid pertama menceritakan tentang jalan-jalan 'iktkiad ahli sufi yang mengikut jalan ahli sunnah wal jamaah, amalan mereka dan zikir yang mereka buat. Manakala di dalam jilid kedua pengarang menulis tentang zikir ahli sufi dengan panjang lebar, bersama itu juga diterangkan fadilahnya. Di dalam jilid ketiga pula, pengarang menerangkan bahawa ia menulis tentang jampi-jampi, ubat-ubatan, talsam, isim-isim yang baik untuk diamalkan, juga termasuk beberapa ajaran salah yang tidak boleh diamalkan oleh orang Islam.

Perkara yang akan kami tuliskan di sini ialah hanya mengenai jilid yang pertama sahaja. Ini kerana dua jilid yang akhir telah tidak ditemukan kerana beberapa sebab. Bab yang pertama ini seperti yang disebutkan mengandungi jalan-jalan untuk mengikut tasawuf serta zikir-zikirnya.

Pada bahagian pertama diterangkan cara berzikir mengikut amalan pengarang. Kita dapat cara amalan berzikir ini biasa digunakan oleh kebanyakan ahli sufi. Diterangkan oleh pengarang bagaimana untuk mengamalkan zikir surah ikhlas dengan menarik nafas dan menghembusnya. Untuk mendapatkan faedah dari amalan itu kita mestilah menurut pengarang mengamalkan zikir ini sebanyak 1000 kali sehari semalam. Surah itu hendaklah dibaca dengan satu kali nafas sahaja, maka sayugialah bagi sesiapa juga mengamalkan zikir ini paling kurang 90 kali sehari semalam.

Kemudian diterangkan pula tentang sifat-sifat yang patut ada pada seorang sufi. Pengarang nampaknya sangat tertarik kepada karya Imam al Ghazali ahli tasawuf Islam yang terkenal itu. Beliau juga mengutip pendapat Abd Kadir Jalani. Perkara pertama yang paling mustahak yang dituliskan oleh beliau dan yang ditekan ialah mengenai hati.

Pengarang menyebutkan bahawa ada 10 sifat yang tidak patut ada pada hati, dan 10 sifat yang patut ada pada hati. Di antara 10 sifat yang tidak patut ada pada hati ialah bersahabat lain dari Allah, lalai dari zikir Allah, syirik dengan Allah, tiada berpegang dengan Allah.

Di bahagian kedua buku ini pengarang membahagikan pula kepada fasal-fasal yakni bagi satu bahagian perkara yang hendak dibahaskan. Isi kandungan di dalam bahagian ini menerangkan perkara yang sayugia ada pada ahli sufi seperti Hubbullah, Tawajuh ilallah, Tauhid lillah, Tawakal, Rida' bi Qada Allah.

Pengarang menerangkan juga bahawa isi kandungan kitab yang beliau karang ini diambil dari kitab Futuh al Gahib karangan Abdul Kadir Jailani, Maksid al Asna oleh Imam al Ghazali dan juga kitab al Adab. Kadi Ibrahim menerangkan bahawa beliau mempelajari kitab-kitab ini dari Tuan Teh dan Haji Abdul Shukur bin Haji Abdul Kadir serta anaknya Kadi Haji Abdul Rahman b. Haji Abdul Shukur. Apa yang menjadi persoalan menurut responden yang saya temui bahawa Tok Shabuddin yang belajar dengan Pakeh Yusuf, manakala di dalam kitab ini disebutkan bahawa Tun Teh yang belajar dari Fakeh Yusuf.<sup>3</sup>

Dari kitab ini beberapa fakta baru telah timbul yakni terdapatnya pusat pengajian di Kertau dalam kawasan Chenor, Temerloh Pahang. Hal ini menjelaskan kepada kita bahawa selain dari kawasan yang telah kita sebutkan dahulu bahawa di Chenor ini mungkin salah satu pusat pendidikan yang terbesar. Ini kerana Kadi Ibrahim ini kemudiannya dilantik sebagai Kadi besar Pahang yang pertama. Perlu diingat bahawa Kadi Ibrahim tidak pernah belajar di luar negeri.

3. Setakat ini penulis belum dapat mempastikan siapakah dia Pakeh Yusuf bin Abdul Salam ini. Tetapi dipercayai dia berketurunan Arab berdasarkan nama bapanya. Menurut Zakaria Hitam, Pakeh Yusuf ini mengajar di Betawi lalu Jakarta sekarang.

Kita ini memperlihatkan keistimewaan pengarangnya. Sebagai Kadi Besar pengarang kitab ini bukan sahaja mahir tentang hukum tetapi juga mahir di dalam bidang ilmu tasawuf. Pengarang juga memiliki daya penulisan yang tinggi berdasarkan penerangan dan struktur ayat yang beliau gunakan di dalam kitab ini. Pada umumnya tidak terdapat pembaziran perkataan di dalam penulisan beliau. Perkara yang hendak disampaikan itu ditulis terus dari faktanya. Apa yang membanggakan bahawa penerangan yang beliau buat amat jelas dan ringkas, melengkapi apa yang hendak disampaikan dan tersusun kemas.

Di dalam penggunaan kalimah terdapat banyak istilah Arab yang digunakan. Istilah seperti ( Ma siwallah ) ( Tajali Zatnya ) ( Hamba yang halis ) ( Talib ) ( Istighal ) dan banyak lagi. Ini mungkin pada sesetengah tempat istilah itu tidak tepat penggunaanya di dalam bahasa kita, jadi pengarang terpaksa menggunakan bahasa Arab.

Apa yang menarik untuk diperhatikan lagi, pengarang banyak menyelitkan syair-syair Arab di setiap bahagian, kemudian diterangkan pula maksud syair itu. Saya berpendapat bahawa kitab ini adalah sebuah kitab yang terbaik yang pernah ditulis oleh pengarang dari negeri Pahang pada awal kurun ke-20, malah ia boleh dianggap mewakili suasana di mana kita dilahirkan.

## **2. Hidayah al Wildan, Fi Bayan Aqa'id al Iman**

Nama Naskhah	:	Hidayah al Wildan, Fi Bayan Aqa'id al Iman.
Tempat Asal	:	Ditulis sebelum 1342 Hijrah di Kampung Berhala Gantang, Temerloh, Pahang.
Diskripsi	:	Ukuran 26.5 cm x 19 cm, 66 halaman, 23 baris, huruf Arab, Bahasa Melayu, Tulisan bercetak dengan jelas dan keadaan naskah amat baik.
Cara Dapat	:	Masih dijual di kedai-kedai. Dicetak di Percetakan Al Ahliyah Sendirian Berhad, Kota Baharu, Kelantan, Cetakan Ketiga 1978.

- Literatur : Kitab ini pada asalnya adalah karangan Kadi Ibrahim. Kemudiannya kitab ini ditokok tambah oleh Kadi Ahmad. Dalam tahun 1948, seorang yang warak bernama Said bin Hassa telah membawa kitab ini ke Kelantan untuk dicetak. Sebelum dicetak kitab ini diberikan kepada Muhammad Yusuf Ahmad Kenali untuk di tahkikkan.

Kitab ini amat istimewa dan telah digunakan dengan meluas di daerah Temerloh. Kadi Ahmad telah menggunakan segala kemampuannya untuk menulis kitab ini dengan paling ringkas dan senang. Sebenarnya tujuan beliau menulis kitab ini ada dinyatakan pada awal kitab ini:

*"Sesungguhnya telah menulis akan daku akan anak-anakku dan setengah dari saudaraku daripada aku akan bahawa menyuratkan akan risalah kecil lagi ... yang bergantung ilmu Usuluddin ..." <sup>4</sup>*

*Kitab ini menjadi bahan pengajaran beliau ketika beliau mengajar di rumahnya. Jelasnya kitab ini dikarang ketika memberi kuliah mengenai usuluddin kemudian disusun menjadi kitab.<sup>5</sup>*

Pengarang kitab ini selain dari mengajar, beliau juga menjadi Kadi bagi daerah Temerloh. Kadi-Kadi di Temerloh sejak dari zaman Kadi Nong lebih dikenali dengan panggilan 'Kadi Berhala Gantang'. Oleh sebab beliau mempunyai dua tugas sekali gus maka sudah tentu karya ini tidak boleh dibanggakan dari sudut kualitinya.

Walaupun kitab ini ditulis sekitar tahun 1920-an tetapi struktur ayatnya masih mengikut gaya lama. Kebanyakan ayat dimulakan dengan perkataan 'Demikian lagi', 'Maka adalah', 'Dan'. Kalimah yang

4. Muqdimah al Syibyan - hal 1.  
5. Temubual dengan Tahir b. Ahmad.

terakhir paling sering digunakan oleh beliau, ini mungkin kerana beliau terpengaruh dengan bahasa Arab yang biasa memulakan ayat dengan huruf 'Wau' yang memberi erti 'dan'.

Pengarang memulakan kitab karangannya dengan menggunakan bahasa Arab. Patut diingat bahawa pengarang pernah pergi belajar ke Sumatera dan Mekah. Beliau juga memakai tata tertib cara kitab agama dikarang yakni dengan menerangkan tentang 10 perkara yang mesti diketahui sebelum membaca kitab. Perkara tersebut ialah seperti *Maudhu'* kitab, Namanya, Maksudnya, Faedahnya, Hukumnya, Istimdadnya, Ghayahnya, Wadhanya serta Nasab kitab tersebut. Di bahagian akhir, pengarang menyudahi kitabnya dengan menulis doa yang panjang. Doa itu keseluruhannya ditulis di dalam bahasa Arab.

Sebelum kita mengakhiri perbincangan kita elok kita sentuh mengenai sebuah risalah usuluddin yang terletak di bahagian belakang kitab ini. Risalah ini ditulis oleh al Hakir Haji Muhammad Ali b. Haji Ahmad. Risalah ini seperti juga kitab yang terdahulu membicarakan tentang masalah sifat dua puluh dan tafsirannya. Mungkin risalah ini iktishar dari kitab karangan Tuan Teh mengenai sifat dua puluh ( *Matan Ummu'lBarahin* ).

Kemudian disusuli dengan sebuah 'Alfaidaat wa al Muhimmat' yang terkandung di dalamnya intisari hidup yang sangat berguna. Kumpulan keratan petua-petua untuk orang Islam yang sebenarnya ini, mungkin penulis pelajari dari Kadi Ibrahim, kerana Kadi Ibrahim pernah menulis kitab serupa ini. Karya ini amat baik dari segi isi, bahasa dan juga cara penyampaiannya.

Di bahagian akhir naskah ini terdapat beberapa zikir-zikir yang baik untuk diamalkan, juga disertakan zikir dan selawat yang dibuat oleh Tuk Shabuddin ketika sembahyang sunat di malam-malam bulan Ramadan. Naskhah ini masih digunakan sehingga sekarang.

### 3. Tafsir Surah Ikhlas

Nama Naskhah	:	Tafsir Surah Ikhlas.
Tempat Asal	:	Disusun semula oleh Wok Aminah binti Awang Jah, Guru Besar Ugama di Sekolah Perempuan Kelang Selangor pada 12 Disember 1933 bersamaan dengan 24 Syaaban 1352 Hijrah. Risalah ditulis di sekitar tahun 1320 Hijrah.
Diskripsi	:	Ukuran 18 x 25.5 cm, 10 halaman dan 20 baris satu halaman. Huruf Arab, Bahasa Melayu, Naskah bercetak dan masih berkeadaan baik.
Cara Dapat	:	Didapati daripada Mohd Salleh dari Kampung Kerdau dalam bentuk fotostat.
Literatur	:	Kitab ini dikarang oleh Kadi Ibrahim mengenai tafsir surah Ikhlas secara panjang lebar. Terdapat dua bahagian utama cara penghuraian yang dibuat oleh beliau. Pertama dihuraikan tentang kelebihan berzikir dengan surah Ikhlas ini. Kedua ditafsirkan pula secara terperinci mengenai sifat-sifat Allah yang terkandung di dalam surah ini. Karangan ini sangat baik dan bermutu dari sudut keilmuannya.

## PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Oleh

Dr. Haji Abu Tahir bin Lela, AMN., AMP.  
Timbalan Pengarah Pendidikan II Pahang

### **Latar Belakang Sejarah**

Perkembangan pendidikan di Pahang boleh dikesan mulai tahun 1888 di mana terdapat sebuah sekolah Melayu yang pertama di Pekan. Setelah Inggeris mencampuri pentadbiran Pahang, seorang tutor telah diadakan untuk mengajar putera-putera Di Raja Pahang di Pekan pada tahun 1897. Usaha ini tidak mendapat sambutan yang diharapkan dan terpaksa diberhentikan pada tahun 1899. Pada masa itu amat sukar bagi kerajaan Inggeris untuk menarik orang Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Cicil Wray, Residen British pada tahun 1901 telah menyatakan:

*"There is still difficulty in inducing the Malays to send their children to school notwithstanding the interest taken in the matter by the District Officers"*

Sambutan yang dingin di kalangan orang-orang Melayu pada ketika itu terhadap pendidikan formal adalah disebabkan oleh kesukaran perhubungan ke sekolah-sekolah kerana kedudukan sekolah terlalu jauh dari tempat tinggal. Terdapat murid-murid yang terpaksa berjalan kaki ke sekolah sejauh empat batu, melalui hutan rimba dan semak samun.

Sekolah Inggeris hanya terdapat di bandar-bandar utama seperti di Kuala Lipis, Raub, Bentong, Temerloh, Kuantan dan Pekan. Ini sudah pasti di luar kemampuan orang-orang Melayu yang kebanyakannya tinggal di lembah Sungai Pahang dan di lembah sungai-sungai utama di Pahang.

Hingga tahun 1908, jumlah sekolah telah meningkat, terutama di kawasan bandar dan daerah-daerah yang mempunyai aktiviti ekonomi yang penting seperti lombong bijih timah dan emas, ladang-ladang getah dan pusat pentadbiran negeri dan daerah. Jumlah sekolah di tiap-tiap daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah Sekolah
Raub	7
Kuala Lipis	6
Pekan	3
Temerloh	2
Kuantan	1

Dengan galakan yang diberikan oleh KDYMM Sultan Pahang dan melalui usaha penghulu-penghulu yang mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka, serta perhatian yang serius oleh Pegawai Daerah, maka kesedaran terhadap kepentingan pendidikan rendah dan menengah telah dirasai, sungguhpun Cicil Wray melaporkan:

*"... pressure have to be put on the parents to compel the attendance of their children."*

Pihak Inggeris telah membenarkan penduduk kampung mendirikan bangunan sekolah di kampung masing-masing dengan garis panduan rekabentuk bangunan sekolah yang sesuai. Sekolah-sekolah seperti ini dikenal dengan nama 'trial school' yang boleh

memberi pendidikan kepada murid-murid dalam tempoh tiga tahun. Jika didapati sesuai oleh Inggeris, bangunan ini akan diganti dengan bangunan tetap. Galakan seperti ini telah menyebabkan permintaan mendirikan sekolah bertambah dan tidak dapat dilayani oleh Inggeris. Pada tahun 1948, terdapat 28,551 orang murid yang belajar di 320 buah sekolah di seluruh negeri Pahang dalam empat jenis sekolah, iaitu:

Sekolah	Bil. Sekolah	Enrolmen
Melayu	140	15,546
Inggeris	12	3,306
China	83	8,454
India	85	1,245
Jumlah	320	28,551

Kehadiran ke sekolah-sekolah menjadi masalah kepada pentadbiran sekolah. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan Inggeris telah membuat satu enakmen yang telah diluluskan pada tahun 1908 untuk mewajibkan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah sekiranya mereka tinggal 1.5 batu dari sekolah atau dari jalan (path) menuju ke sekolah. Pada tahun 1909, peruntukan jarak dari sekolah ini telah dinaikkan kepada 2. Bagi ibubapa yang engkar, mereka akan didenda \$85.00. Tetapi peraturan ini tidak dikuatkuasakan dan masalah kehadiran di sekolah-sekolah masih tidak dapat diatasi. Data kehadiran murid-murid di sekolah bagi tahun 1917 telah menunjukkan:

Derah	Bil. Sekolah	% Kehadiran
Kuala Lipis	8	76.43
Raub	9	80.88
Temerloh	8	88.66
Pekan	8	79.44
Kuantan	2	87.45

## Dasar Pendidikan

Kedatangan Inggeris ke negeri Pahang adalah dengan tujuan untuk merampas sumber ekonomi negeri dan untuk mengatasi pengaruh Jerman yang juga telah menunjukkan minat terhadap negeri Pahang. Mereka berjaya dalam tujuan kedua, tetapi ngagal dalam tujuan pertama kerana setelah mereka bertapak di Pahang, sumber ekonomi di Pahang tidaklah seperti dijangka dan akibatnya Pahang telah menjadi satu beban ekonomi kepada mereka. Latar belakang seperti ini memanglah tidak baik bagi masa hadapan pendidikan di Pahang. Dengan itu dasar mengadakan sekolah-sekolah Melayu adalah dengan tujuan untuk memberi pendidikan rendah sahaja kepada anak-anak lelaki Melayu supaya:

*"... mereka menetap di tempat tinggal mereka atau mencari pekerjaan yang tidak memerlukan pengetahuan Bahasa Inggeris..."*

Dengan itu pendidikan bagi orang Melayu telah dirancang supaya pengetahuan mereka sekadar boleh menguasai 3M dan mempunyai kemahiran dalam bidang pertanian sahaja. Dasar ini sudah jelas menggambarkan bahawa Inggeris mahu memastikan bahawa orang Melayu tidak akan diberi kedudukan dalam pentadbiran negeri Pahang. Pada tahun 1948, dasar ini telah ditambah dengan:

*"... supaya murid-murid ini dapat menjadikan asas untuk memasuki peperiksaan kemasukan ke sekolah Inggeris ..."*

Ada besar kemungkinan perubahan dasar ini disebabkan oleh kekalahan mereka kepada Jepun dalam perang Dunia Kedua. Melalui dasar ini telah diadakan sistem asrama, tempat percuma (tidak perlu membayar yuran sekolah) dan pemberian biasiswa kepada anak-anak Melayu yang cerdik.

## Sistem Pendidikan

Perkembangan pendidikan di zaman pemerintahan Inggeris sebelum Perang Dunia Kedua merupakan titik permulaan pendidikan formal di Pahang. Dengan secara terpaksa, Inggeris telah memperkenalkan sistem pendidikan formal yang berbeza dengan sistem pendidikan pondok yang telah wujud sebelum kedatangan mereka ke Pahang. Perkembangan sekolah Melayu lebih tersusun jika dibandingkan dengan perkembangan sekolah-sekolah China dan sekolah-sekolah Tamil.

Oleh kerana penduduk China dan India dianggap sebagai kaum pendatang, pada mulanya pendidikan bagi golongan ini tidak diberi perhatian. Penduduk China terdapat di bandar-bandar di mana kegiatan ekonomi seperti melombong dan berjual beli berjalan dengan baik. Penduduk India didatangkan ke Pahang dengan tujuan untuk menampung keperluan tenaga pekerja di ladang-ladang getah di negeri ini. Bagi kedua kaum ini, tidaklah menjadi tanggungjawab kepada Inggeris untuk mengadakan kemudahan pendidikan. Dengan itu sistem persekolahan kedua kaum ini dilahirkan oleh masyarakat mereka sendiri, lebih mirip kepada sistem pendidikan negara asal mereka dan menjadi tanggungjawab mereka sendiri untuk mendirikan bangunan sekolah bagi anak-anak mereka.

Pada tahun 1925, A.F. Worthington (Residen British) ada menyatakan seorang Assistant Director of Chinese Schools telah dilantik untuk mendaftarkan sekolah-sekolah China yang dibina di tempat-tempat tersebut di atas. Dengan itu juga pendidikan China mula mendapat perhatian Inggeris. Pada tahun 1933, C.C.Brown (Residen British) telah menyatakan terdapat 35 buah sekolah China di Pahang dan 14 buah daripada sekolah ini telah mendapat bantuan kerajaan.

Bagi sekolah Tamil, terdapat 12 buah sekolah yang telah mendapat bantuan daripada jumlah 18 buah sekolah. Kebanyakan daripada sekolah ini adalah sekolah ladang. Pada tahun 1948 telah dilantik Assistant Director of Indian Schools untuk mendaftarkan dan menyelia sekolah-sekolah Tamil.

Sistem pendidikan bagi sekolah Melayu berbeza dengan sekolah China dan Tamil. Mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan dalam Education Code 1908, sekolah-sekolah Melayu boleh mengadakan persekolahan dari darjah I hingga ke darjah V di tiap-tiap sekolah. Seboleh-bolehnnya umur kemasukan ke darjah I adalah tujuh tahun. Seperti dinyatakan di atas tadi, kanak-kanak yang berumur tujuh tahun dikehendaki didaftarkan di sekolah jika tempat kediaman mereka dalam lingkungan jarak dua batu daripada sekolah atau jalan (path) ke sekolah. Pada tiap-tiap tahun akan diadakan peperiksaan penilaian dan murid-murid yang lulus peperiksaan ini akan naik ke darjah yang lebih tinggi. Bagi mereka yang gagal, mereka dibenarkan mengulang sampai dua tahun. Jika mereka gagal berturut-turut sebanyak dua kali mereka akan diberhentikan bersekolah.

Bagi sekolah Inggeris pula, persekolahan bermula di darjah I hingga ke darjah VII, diikuti dengan empat tahun pendidikan menengah atas. Peperiksaan Senior Cambridge School Certificate hanya terdapat di Sekolah Menengah Clifford Kuala Lipis. Bagi murid-murid dari luar bandar telah diadakan kelas khas yang dikenal dengan Special Malay Class (SMC). Murid-murid yang telah lulus peperiksaan kemasukan akan dipilih memasuki kelas ini bermula dengan SMC I hingga SMC II iaitu selama dua tahun. Setelah lulus peperiksaan tahun kedua, mereka yang baik akan naik ke darjah VI dan mereka yang kurang baik akan naik ke darjah V. Murid-murid yang gagal akan diberhentikan persekolahan mereka.

Murid-murid dari kelas SMC ini kebanyakannya akan ditempatkan di asrama kerana mereka datang dari kawasan-kawasan yang jarak jauhnya lebih daripada 15 batu. Mereka dikehendaki membawa makanan sendiri dan kemudahan untuk memasak disediakan. C.C. Brown (Residen British) 1938 ada menyatakan:

*"... They live on the rice they bring from their homes, and they take turn to cook ... their diet hitherto has consisted mainly of rice and salt."*

Pada zaman pemerintahan Inggeris, Pendidikan Agama Islam tidak diabaikan kerana hal ehwal agama Islam diletakkan di bawah naungan KDYMM Sultan Pahang. Pentadbiran pendidikan agama Islam dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YAM Tengku Besar Pahang. Pendidikan Agama Islam diadakan di sekolah-sekolah Melayu pada waktu petang. Seorang guru diberi tanggungjawab mengajar sebuah sekolah.

### **Kurikulum Pendidikan**

Kurikulum pendidikan di negeri Pahang pada zaman sebelum merdeka berkait rapat dengan dasar pendidikan pada masa itu. Bagi pendidikan di Pahang, dasar kerajaan Inggeris sudah nyata. Mereka tidak mahu berkongsi mentadbir negeri Pahang dengan anak Pahang.

Pada peringkat permulaan sekolah Melayu dimulakan, kurikulum yang ditetapkan lebih merupakan pendidikan keperluan hidup semasa. Penekanan kepada menulis dan membaca dalam tulisan rumi dan jawi serta mengira telah diberi penekanan.\* Telah dikenalpasti, pelajar-pelajar yang mencapai prestasi tinggi dalam mengira akan dengan mudah dapat pekerjaan dengan Jabatan Ukur. Ilmu Kesihatan juga diajar dengan menggunakan buku siaran mengenai nyamuk, yang bertajuk Bab-ul-sehat, kerana pada masa itu demam malaria merupakan satu jenis penyakit yang sangat merbahaya dan boleh membawa maut. Bagi tujuan ini, guru telah dilatih memberi ubat dan menyuntik pesakit-pesakit di kawasan mereka bekerja. Dinyatakan oleh C.C.Brown,

*"... Two teachers in Temerloh qualified for vaccinating against malaria and have rendered good services."*

\* Kurikulum yang lebih detail dapat dilihat dalam Jurnal Pendidikan Pahang, 1985, ms. 12.

Geografi diajar dalam darjah V. Penekanan juga telah diberi kepada krafongan. Membuat bakul telah diadakan di semua sekolah Melayu. Murid-murid lelaki juga diajar membuat alat-alat keperluan hidup yang berguna untuk kehidupan kampung seperti lukah, jebak, pukat, tapis, nyiru dan tikar. Bagi murid perempuan, terutama di Sekolah Perempuan Pekan, diajar menyulam, menenun dan membuat saputangan dan alas meja. Di seluruh kedai di Pekan, murid-murid telah dilatih dalam pertukangan tangan dan dapat menghasilkan bangku, meja, dan papan hitam dan dapat dihantar ke sekolah-sekolah di seluruh negeri Pahang. Dengan adanya kelas pertukangan ini pihak Inggeris telah menafikan bahawa mereka telah menggunakan pendidikan supaya orang Melayu terus menetap di kampung-kampung dan senang dijajah dengan mengatakan:

*"It cannot be said that the present system of education at vernacular school is calculated to fit boys from the kampung population for an agricultural life."*

Sungguhpun demikian tidak terdapat bukti lain yang menyatakan Inggeris telah berusaha untuk melahirkan golongan profesional di kalangan orang Melayu. Inggeris lebih mementingkan kurikulum pendidikan supaya tiap-tiap murid berkebun sayur dan bertanam bunga sebelum pulang 8.00 pagi setiap hari. Budaya ini diharap dapat diterapkan kepada keluarga mereka di kampung. Pada tahun 1937, telah dinyatakan:

*"It is believed that in gardening, Pahang students are definitely ahead of other states in Malaya."*

Penekanan kepada kesihatan juga diberi perhatian. Senaman telah menjadi satu budaya yang penting di semua sekolah Melayu. Di sekolah Inggeris sebelum merdeka, kurikulumnya disusun lebih rapat kerana pelajar akan menduduki peperiksaan Junior Cambridge dan Senior Cambridge Certificate. Oleh yang demikian, matapelajaran yang diajar di sekolah dijadualkan dengan teratur.

### Kemudahan Fizikal

Kemudahan fizikal telah menjadi satu persoalan yang sangat penting kepada kerajaan Inggeris. Oleh kerana kekayaan negeri Pahang tidak dapat menampung perbelanjaan pentadbiran Pahang, maka keperluan fizikal sekolah tidak mendapat pertimbangan sewajarnya. Pada tahun 1932, H.G.R. Leonard (Residen British) telah menyatakan perbelanjaan bagi tiap-tiap pelajar ialah:

Sekolah	1932	1937
Melayu	20.00	27.50
Inggeris	106.00	112.00
Bantuan	6.00	5.25

Bagi tahun 1938, jumlah pendapatan dari sumber pendidikan ialah \$31,874 berbanding dengan jumlah perbelanjaan \$273,864. Dengan kedudukan kewangan seperti ini Inggeris terpaksa menangguhkan pembinaan bangunan sekolah-sekolah, terutamanya sekolah Melayu. Di antara yang dapat ditampung oleh kerajaan Inggeris ialah gaji guru, bangku dan meja, almari dan papan hitam. Pada tahun 1926, negeri Pahang telah ditimpa malapetaka banjir yang melanda seluruh negeri. Ini telah menyebabkan banyak sekolah telah binasa termasuk Sekolah Menengah Clifford Kuala Lipis. Dengan itu perbelanjaan pembangunan fizikal telah meningkat berlipat ganda.

### Pentadbiran dan Penyeliaan Pendidikan

Menerusi enakmen 1908, dasar pentadbiran pendidikan telah digariskan. Pada tahun 1910, sekolah-sekolah di negeri Pahang diletak di bawah pentadbiran Pegawai Daerah yang dibantu oleh seorang guru pelawat ( Visiting Teacher ).

Inspector of Schools Selangor bertanggungjawab untuk membuat penyeliaan dan lawatan bagi sekolah-sekolah di daerah Raub dan Kuala Lipis. Laporan beliau menunjukkan hanya sebuah sekolah yang baik dalam kedua buah daerah ini. Pada tahun 1913, Mr. H.C.H. Lane telah dilantik sebagai Pemangku Inspector of School Pahang. Inilah kali pertama Pahang mendapat seorang Pegawai Pendidikan tetap untuk mengawasi 35 buah sekolah yang tersebar di seluruh negeri di mana distance merupakan penghalang yang utama. Mr. C.C. Brown telah menyatakan untuk melawat sekolah-sekolah di sebuah daerah mengambil masa tiga bulan. Kata beliau: "... a walk of 12 to 24 miles is not unusual".

Bagi daerah Pekan dan Kuantan telah dilantik seorang Guru Pelawat dan Penolong Guru Pelawat. Pada tahun 1926 telah dilantik pula seorang Assistant Inspector of School. Pertukaran Inspector of Schools dari masa ke semasa telah menyebabkan tiada kesinambungan pentadbiran pendidikan di Pahang. Jika tidak kerana inisiatif dan usaha Pegawai-Pegawai Daerah, adalah sukar bagi sekolah-sekolah ditadbirkan dengan berkesan di Pahang. Pada 1920 sebagai contoh, Mr. P.A. Yearwood telah menggantikan Mr. J. Watson. Kedua-dua pegawai ini juga bertanggungjawab bagi pendidikan Negeri Sembilan. Pada bulan November tahun yang sama, Mr. C. C. Davis pula mengambil alih jawatan Inspector of Schools ini.

Hanya pada tahun 1928 boleh dikatakan telah wujud satu sistem pentadbiran bagi sekolah-sekolah di Pahang. Seorang Inspector of Schools, orang Inggeris menjadi Ketua Jabatan, yang dibantu oleh seorang Assistant Inspector of Malay Schools, dan enam orang pegawai yang dikenal sebagai Group Teachers, menjaga sebuah daerah tiap seorang. Tiap-tiap group teacher ini dikehendaki menjagai 12 buah sekolah yang memerlukan lawatan sebulan sekali bagi tiap-tiap sebuah sekolah.

Di samping mendapat lawatan oleh group teacher ini, sekolah-sekolah juga dilawat oleh beberapa pihak lain yang berminat dalam pendidikan dan dibenarkan oleh Pegawai Daerah. Dalam lawatan-lawatan ke daerah, Pegawai Pentadbir telah melawat sekolah-sekolah ini, begitu juga Penghulu, Residen British dan KDYMM Sultan Pahang, yang sentiasa memberi galakan kepada orang Melayu untuk menjadikan pendidikan sebagai alat mobiliti sosial.

Dalam penilaian ke atas sekolah-sekolah di Pahang Inspector of Schools Pahang telah mengredkan kemajuan sekolah kepada empat kategori iaitu: cemerlang, baik, memuaskan dan lemah. Mr. C.C. Brown telah menyatakan:

*"... the excellent schools are in the out of the way places accessible only by river".*

Daripada tiga buah sekolah yang mendapat markah "cemerlang", dua buah daripadanya adalah sekolah-sekolah di tepi tebing sungai Pahang, dan daripada 20 buah sekolah yang mendapat markah "baik", 10 daripadanya adalah sekolah-sekolah di tepi tebing sungai Pahang. Kata beliau lagi:

*"... it speaks well for the keenness and efficiency of the teachers in these remote schools that the latter have been able to compete successfully with schools accessible by road where inspection is more frequent and supervision more thorough."*

Pentadbiran di peringkat sekolah tidaklah begitu rumit. Di tiap-tiap sekolah, kecuali Sekolah Perempuan Pekan, seorang Guru Besar menjadi ketua Jabatan, dan di kebanyakan sekolah, Guru Besar ini tidak ada Guru Penolong kerana amat sukar sekali untuk mendapatkan seorang yang terlatih. Bagi sekolah yang agak besar, terdapat dua atau tiga orang guru penolong kerana jumlah guru bagi tiap-tiap sekolah tidak bergantung kepada nisbah kelas - guru atau nisbah murid - guru seperti sekarang.

Sekolah China dan Tamil tidak diletakkan di bawah pengelolaan Jabatan Pendidikan Negeri. Hanya apabila Assistant Inspector of Chinese Schools dan Assistant Inspector of Indian Schools dilantik pada tahun 1948, barulah kawalan dan penyeliaan dapat dilaksanakan dari Jabatan Pendidikan Negeri dengan lebih rapi lagi.

*"... it speaks well for the keenness and efficiency of the teachers in these remote schools that the latter have been able to compete successfully with schools accessible by road where inspection is more frequent and supervision more thorough."*

Pentadbiran di peringkat sekolah tidaklah begitu rumit. Di tiap-tiap sekolah, kecuali Sekolah Perempuan Pekan, seorang Guru Besar menjadi Ketua Jabatan, dan di kebanyakan sekolah, Guru Besar ini tidak ada Guru Penolong kerana amat sukar sekali untuk mendapatkan seorang yang terlatih. Bagi sekolah yang agak besar, terdapat dua atau tiga orang guru penolong kerana jumlah guru bagi tiap-tiap sekolah tidak bergantung kepada nisbah kelas - guru atau nisbah murid - guru seperti sekarang.

Sekolah China dan Tamil tidak diletakkan di bawah pengelolaan Jabatan Pendidikan Negeri. Hanya apabila Assistant Inspector of Chinese Schools dan Assistant Inspector of Indian Schools dilantik pada tahun 1948, barulah kawalan dan penyeliaan dapat dilaksanakan dari Jabatan Pendidikan Negeri dengan lebih rapi lagi.

### Keperluan Guru

Mendapatkan guru terlatih bagi semua jenis sekolah adalah satu masalah besar dalam sejarah pendidikan di negeri Pahang. Sumber utama guru-guru terlatih pada zaman Inggeris, pada mulanya adalah dari Sumatera (Acheh) dan Singapura, dan bagi sekolah Inggeris pula dari England dan India. Usaha untuk melatih guru bagi sekolah Melayu telah dijalankan mengikut kemampuan dan keadaan semasa.

Kesukaran telah dihadapi, pertama sekali untuk mendapatkan calon untuk dihantar ke Teachers Training College di Melaka kerana tidak ramai calon yang lulus darjah V sekolah Melayu pada ketika itu. Tambahan pula maktab di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1900 ini hanya boleh menerima dua orang calon dari Pahang tiap-tiap tahun.

Pemilihan calon-calon untuk dilatih di Teachers Training College di Melaka telah dibuat dengan rapi. Dua orang lelaki Melayu yang berkelulusan darjah V telah dihantar berkursus di maktab ini pada tahun 1901. Mengikut Mr. Cicil Wray, kedua-dua pelajar ini telah lulus dengan mendapat tempat pertama dan kedua dalam peperiksaan akhir yang diadakan oleh Director of Public Instruction, Straits Settlement. Kedua orang guru ini merupakan anak Pahang yang pertama menjadi guru terlatih di negeri Pahang. Pada tahun 1917, sejumlah lima orang guru lelaki Melayu telah lulus dari maktab perguruan ini. Mereka telah ditempatkan di lima buah sekolah di tepi sungai Pahang.

Apabila Maktab Perguruan Sultan Idris Tg. Malim telah dibuka untuk menggantikan Maktab Perguruan Matang, Perak pada tahun 1922, jumlah pelajar yang boleh dihantar ialah seramai 15 orang pada setiap tahun. Pada tahun 1935, Maktab Perguruan Perempuan Melaka telah dibuka untuk menampung keperluan guru-guru wanita di negeri Selat. Usaha telah dibuat untuk mendapatkan calon dari Pahang mengikut jumlah tempat yang ditetapkan.

Di sekolah Inggeris juga ramai daripada guru-guru yang terlatih telah didatangkan daripada Singapura, India dan England. Kebanyakan guru-guru tempatan adalah tidak terlatih. Untuk menampung keperluan guru-guru terlatih, kelas latihan guru telah dibuka di Kuala Lipis dan Kuantan pada tahun 1948. Seramai 89 orang guru pelatih lelaki dan 18 orang guru pelatih perempuan telah dipilih daripada kalangan guru-guru tidak terlatih yang mengajar di semua jenis sekolah yang terdapat di Pahang. Program latihan ini dapat mengurangkan masalah keperluan guru sedikit demi sedikit. Sebagai contoh, bagi sekolah Melayu, pada tahun 1935 hingga tahun 1937, kedudukan bilangan guru terlatih - guru tidak terlatih ini adalah seperti berikut:

	1935	1936	1937
Guru Terlatih	137	149	157
Guru Tidak Terlatih	18	58	68

Perlulah dinyatakan di sini bahawa guru-guru yang telah dilantik mengajar di sekolah-sekolah di merata pelusuk negeri Pahang telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik negeri Pahang. Mereka dapat memastikan supaya murid-murid di luar bandar dapat menyaangi atau mengatasi prestasi murid-murid di sekolah bandar. Laporan daripada Inspector of Schools, Selangor membuktikan saingenan ini pada tahun 1910.

### Pendidikan Menengah

Pendidikan menengah dapat dikesan dengan terbinanya Anglo-Chinese School di Bentong (1907), di Raub (1912), di Kuala Lipis (1913), di Kuantan (1920) dan di Pekan (1926). Kedua-dua sekolah yang terdahulu iaitu di Bentong dan di Raub telah dibina dengan bantuan kerajaan. Hampir 60% daripada gaji guru-guru juga dibayar oleh kerajaan dan selebihnya dibayar daripada sumbangan masyarakat. Darjah yang tertinggi ialah darjah VII terdapat di Kuala Lipis. Sekolah-sekolah di Bentong dan Raub pada mulanya hanya sehingga darjah V.

Guru-guru di sekolah Inggeris di Kuala Lipis dan Kuantan terdiri daripada empat orang guru India, tiga orang guru terlatih Normal Certificate dan seorang lagi tidak terlatih. Kesemuanya mempunyai kelulusan Senior Cambridge School Certificate. Enrolmen pelajar pada tahun 1932 dan 1939 adalah seperti berikut:

	1932	1939
Melayu	204	261
China	294	857
India	216	408
Eropah & Serani	22	11

Pada tahun 1932 seramai 60 orang pelajar Melayu mendapat biasiswa, dan dari jumlah 223 orang pelajar yang mendapat tempat percuma, 91 orang daripadanya adalah pelajar Melayu. Hingga tahun 1932 tidak terdapat "mission schools" di Pahang. Sekolah sekolah swasta bagi murid-murid Eropah telah dibina di Bukit Fraser bagi menampung keperluan pendidikan anak orang-orang Eropah.

Usaha kerajaan telah dijalankan untuk menghantar pelajar-pelajar Melayu ke Malay College Kuala Kangsar dan Victoria Institution Kuala Lumpur dan di Trade School Kuala Lumpur pada tahun 1926. Pada tahun 1949, pelajar Pahang di Malay College Kuala Kangsar berjumlah 30 orang, tetapi tiga orang telah dibuang sekolah kerana gagal dalam peperiksaan akhir tahun.

Peranan yang dimainkan oleh Board of Trustees Biasiswa Kerajaan Negeri Pahang patut diberi tempat dalam sejarah pendidikan Pahang. Dengan adanya pemberian biasiswa ini telah membolehkan ramai anak-anak Melayu yang cerdik tetapi tidak berkemampuan ekonomi telah dapat melanjutkan pendidikan mereka dari sekolah Melayu ke sekolah Inggeris. Ramai juga yang telah dihantar ke Malay College Kuala Kangsar, Victoria Institution Kuala Lumpur, Trade School Kuala Lumpur dan ke Clifford School Kuala Lipis. Ada di antaranya telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di England. Seorang pelajar yang cemerlang, Hamzah bin Dato' Abu Samah merupakan pelajar Pahang yang pertama menerima bisiswa ke seberang laut untuk belajar di University College London. Dua orang lagi, Muhamad Yusof bin Mohamad Yunus dan Hood bin Dato' Ahmad juga telah menerima biasiswa ini dan telah pergi ke Technical College Kuala Lumpur untuk belajar Fizik sebagai persediaan untuk pergi ke England.

## Pendidikan Selepas Merdeka

Kemerdekaan pada tahun 1957 telah membuka pintu dan peluang pendidikan kepada semua warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan yang pertama, telah meletakkan batu asas yang mencorakkan rupabentuk pendidikan negara yang baru merdeka itu dalam Laporan Razak pada tahun 1957. Dalam kertas kerja ini, tidaklah perlu ditulis dengan panjang lebar mengenai perkara ini kerana banyak bahan-bahan bacaan yang dapat dirujuk. Memadai jika dikatakan Dasar Pendidikan yang dimaktubkan dalam Penyata Razak (1957) dan dalam Penyata Abdul Rahman Talib (1960) telah menukar corak pendidikan rakyat jelata seluruh negara, termasuk negeri Pahang.

Dengan adanya dasar pendidikan yang baru ini, pendidikan telah dibawa kepada rakyat, sekolah-sekolah menengah telah dibina di merata pelusuk kawasan luar bandar. Pendidikan bukan lagi untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran 3M, bercucuk tanam dan berkebun, tetapi dasar yang baru ini membolehkan warganegara di negara ini memerintah dan mentadbir negara sendiri dengan ilmu dan alat teknologi yang canggih. Setiap individu dapat membuat pilihan terhadap jenis kerjaya yang diperlukan.

Sistem pendidikan juga telah mendapat nafas baru. Setiap individu telah diberi peluang untuk mencapai setinggi-tingginya dalam bidang yang diingini. Pendidikan telah didemokrasikan. Pendidikan percuma dan kenaikan automatis dari darjah I hingga ke tingkatan III telah menjamin setiap individu mendapat pendidikan universal selama sembilan tahun. Dalam menikmati kebebasan dan peluang yang baru diterima ini, rakyat Pahang telah bersama-sama berlumba merebut peluang yang telah didedahkan.

## Penutup

Dalam kertas kerja ini telah diterangkan aspek-aspek penting dalam mengesan perkembangan pendidikan di negeri Pahang sejak kedatangan Inggeris ke Pahang hingga kepulangan mereka ke tempat asal. Sungguhpun tidak dinyatakan di sini perkembangan pendidikan selanjutnya selepas merdeka, yang penulis memikirkan tidak perlu kerana ia merupakan pengalaman pembaca sendiri, telah tentu dapat dirasai kesukaran yang dialami oleh anak-anak Pahang dalam melengkapkan diri dengan cabaran pendidikan. Telah dapat diketahui, bagaimana banyaknya rintangan dan halangan, tetapi akhirnya telah berjaya juga anak Pahang bertanding untuk mencapai kejayaan yang tinggi.

Generasi muda bolehlah menjadikannya sebagai pedoman dalam mereka membuat permetaan hidup dengan melihat kegigihan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar Pahang dan guru-guru Melayu yang telah kembali ke kampung masing-masing dan menyemaikan benih yang baik di kalangan anak-anak kampung di mana sahaja mereka berada.

## BAHAN RUJUKAN

1. Pahang Annual Report, F. Duberly, 1901, Government Press, Kuala Lumpur.
2. Federated Malay States, Pahang Administration Report 1908, Cicil Wray, Government Press, Kuala Lumpur.
3. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Gazette 1912, Pahang Administration Report 1911, Government Press, Kuala Lumpur.
4. Federated Malay States, Supplement to the Pahang State Government Gazette 1909, E.L. Brockman, Government Press, Kuala Lumpur.
5. Federated Malay States, Supplement to the Federated Government Gazette 1910, Pahang Administration Report 1909, Warren D. Barnes, Government Press, Kuala Lumpur.
6. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1911, Pahang Administration Report 1910, E. J. Brewster, Government Press, Kuala Lumpur.
7. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1912, F. J. Weld, Pahang Administration Report 1911, Government Press, Kuala Lumpur.
8. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1913, Pahang Administration Report 1912, Government Press, Kuala Lumpur.
9. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1914, Pahang Administration Report 1913, E. J. Brewster, Government Press, Kuala Lumpur.
10. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1915, Pahang Administration Report 1914, E. J. Brewster, Government Press, Kuala Lumpur.
11. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1916, Pahang Administration Report 1915, W. C. Parr, Government Press, Kuala Lumpur.
12. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1917, Pahang Administration Report 1916, W. C. Parr, Government Press, Kuala Lumpur.
13. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1921, Pahang Administration Report 1920, W. D. Scott, Government Press, Kuala Lumpur.
14. Federated Malay States, Government Gazette, 1917, Pahang Administration Report 1916, W. C. Parr, Government Press, Kuala Lumpur.
15. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1921, Pahang Administration Report 1920, W. D. Scott, Government Press, Kuala Lumpur.
16. Pahang Administration Report 1925, A. F. Worthington, Government Press, Kuala Lumpur.
17. Federated Malay States Pahang Administration Report 1926, A. A. Hayes Government Press, Kuala Lumpur.
18. Federated Malay States Pahang Administration Report 1926, A. A. Hayes Government Press, Kuala Lumpur.
19. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1927, Pahang Administration Report 1926, A. F. Worthington, Government Press, Kuala Lumpur.
20. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1928, Pahang Administration Report 1927, A. F. Worthington, Government Press, Kuala Lumpur.

21. Federated Malay States, Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, 1929, Pahang Administration Report 1928, C. F. Green, Government Press, Kuala Lumpur.
22. Federated Malay States Annual Report on the Social and Economics Program of the people of Pahang, 1932, H. G. R. Leonard, Government Press, Kuala Lumpur.
23. Federated Malay States Annual Report on the Social and Economics Program of the people of Pahang, 1937, C. C. Brown, Government Press, Kuala Lumpur.
24. Federated Malay States Annual Report on the Social and Economics Program of the people of Pahang, 1938, C. C. Brown, Government Press, Kuala Lumpur.
25. Federated Malay States Annual Report on the Social and Economics Program of the people of Pahang, 1939, C. C. Brown, Government Press, Kuala Lumpur.
26. State of Pahang Report, 1948, Dato' Abu Samah bin Haji Ali, Government Press, Kuala Lumpur.
27. Federated Malay States, State of Pahang Report, 1949, Dato' Abu Samah bin Haji Ali, Government Press, Kuala Lumpur.
28. History of Secondary School in the Eastern Division, in "The History of School, State of Pahang", (1888 - 1972), Pejabat Pendidikan Pahang, 1976, Akademe Art and Printing Success Bhd, Kuala Lumpur.
29. Vernacular Chinese School in the Eastern Division, in "The History of School, State of Pahang", (1888 - 1972), Pejabat Pendidikan Pahang, 1976, Akademe Art and Printing Success Bhd, Kuala Lumpur.
30. Report of the Education Committee, 1956, Dato' Abdul Razak bin Hussein, Government Press, Kuala Lumpur.
31. Report of the Education Committee, 1960, Abdul Rahman bin Talib, Government Press, Kuala Lumpur.
32. Report of the Cabinet Committee, EPRD, Ministry of Education, Malaysia, 1985, Government Press, Kuala Lumpur.
33. Pelajaran di Malaysia, 1978, EPRD, Kementerian Pendidikan Malaysia, Government Press, Kuala Lumpur.
34. Education in Malaysia, 1985, EPRD, Ministry of Education Malaysia, Government Press, Kuala Lumpur.
35. Pendidikan Guru di Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan, PPG, 1983.
36. Laporan Jawawaykuasa Mengkaji Taraf Pelajaran di Sekolah-sekolah, Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor, Kuala Lumpur, 1977.
37. Panduan Bagi Ibumapa Mengenali Disiplin Murid-murid Sekolah, Kementerian Pendidikan, DBP, 1977, Kuala Lumpur.
38. Panduan Tatcara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, DBP, 1983, Kuala Lumpur.
39. Buku Panduan Pentadbiran Sekolah, Jabatan Pelajaran Wilayah Persutuan, DBP, 1981, Kuala Lumpur.
40. Perguruan dan Teknik Dakwah Islamia Sekolah-sekolah, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Percetakan MZ, Kuala Lumpur.
41. Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Falsafah Pendidikan Negara, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, DBP, 1990, Kuala Lumpur.
42. Laporan Kajian Status Pendidikan Pra Sekolah, PPPP, Kementerian Pendidikan dan UNICEF, Percetakan Pelangi Indah, Kuala Lumpur, 1982.
43. Abdullah bin Haji Yunus, "Sekolah Melayu Pahang Sebelum Perang Dunia Kedua", dalam Jurnal Pendidikan Pahang, 1985.

**PEJABAT PENTADBIRAN  
PERBADANAN KEMAJUAN JENGKA  
PAHANG DARUL MAKMUR**



## **SEJARAH WILAYAH JENGKA, PAHANG DARUL MAKMUR**

Oleh:

Dato' Hamidin bin Abdullah  
Bekas Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka

### **1.0 PENGENALAN**

Kertas ini mempunyai tiga objektif utama: yang pertama ialah usaha untuk memperkenalkan semula Jengka khususnya kepada masyarakat di luar dan penduduk yang tinggal di dalam lingkungan sempadan Tigasegi Jengka; keduanya ialah untuk menekankan beberapa aspek sejarah berhubung dengannya; dan ketiganya, ialah untuk mengutarakan sedikit sebanyak sentuhan ke atas apa yang memang sudah kini menjadi hakikat. Di samping itu, objektif ketiga ini perlulah juga memberi gambaran akan rupa bentuk Jengka sekiranya sejarahnya berlainan daripada apa yang sebenarnya berlaku dan juga menyentuh soalan mengenai masa hadapan Wilayah Jengka di dalam konteks Wawasan 2020 negeri Pahang Darul Makmur dan negara Malaysia yang bertuah dan tercinta.

### **2.0 LATARBELAKANG**

#### **2.1. Asal Usul "JENGKA"**

Cerita sebenar berdasarkan faktor-faktor sejarah tulen mengenai asal usul Jengka masih belum lagi terbongkar dan dari itu masih lagi menjadi tandatanya. Walau bagaimanapun, di antara hasil penyelidikan yang telah dibuat setakat ini mengenai asal usul nama Jengka, berikut adalah yang difikirkan paling mungkin:

Pada zaman dahulu, mengikut ceritanya, ramai orang tinggal di Kampung Pulau Jerijak yang terletak di tebing Sunagi Kundang. Selain daripada menanam padi, pekerjaan yang penting khususnya bagi kaum wanita di kampung itu ialah menganyam mengkuang untuk dibuat tikar, sangai atau tudung saji dan ambung. Oleh kerana terdapat banyak mengkuang di suatu tempat berhampiran dengan Pulau Jerijak maka penduduk di situ telah menamakan tempat itu sebagai Kampung Paya Mengkuang.

Untuk menyisir mengkuang, penduduk di situ perlu, seperti juga sekarang, menggunakan sejenis alat yang dipanggil "Jangka". Kononnya, pada suatu hari seorang gadis bernama Yang, yang amat cantik rupa parasnya telah kehilangan jangkanya sehingga heboh sebuah kampung itu dan mengakibatkan setiap jejaka yang memang menaruh hati kepada gadis itu memanggilnya dengan nama cembungan "Yang Jangka".

Setelah berkahwin dengan Panglima Mansu, Yang Jangka telah berpindah ke Kampung Teladas yang terletak di kuala sebuah anak sungai. Oleh kerana Yang Jangka memang telah terkenal dengan kepandaianya menganyam mengkuang, maka ramailah gadis-gadis Kampung Teladas yang belajar menganyam dengannya. Pada suatu hari, Yang Jangka bersama-sama dengan para gadis dari kampung itu telah memudik sungai tersebut untuk menetak mengkuang. Di tengah-tengah hilai ketawa gadis-gadis itu, perahu mereka telah karam dan semua jangka mereka hilang. Oleh kerana itu, penduduk Kampung Teladas telah menamakan sungai tersebut sebagai "Sungai Jangka"<sup>1</sup>. Lama kelamaan, sebutannya telah menjadi Sungai Jengka. Demikianlah kononnya asal usul "Jengka" berdasarkan tradisi lisan.

1. Buku Cenderamata Pengisytiharan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, 1985.

## 2.2. Wilayah Jengka

Adalah difikirkan sangat perlu, khususnya kerana kesempatan yang terdorong melalui kertas ini, bagi Wilayah Jengka diperkenalkan semula. Ini adalah kerana bila disebut "Wilayah Jengka", atau "Jengka" sahaja, diperkatakan di tahun-tahun 70-an ke awal 80-an nescaya penggunaan atau maksud orang yang memperkatakan atau pengertian oleh yang mendengar/menerima lazimnya merujuk kepada sama ada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ( asalnya FLDA dan akhirnya FELDA ) atau Syarikat Jengka Sendirian Berhad (SJSB) atau Perbadanan Kemajuan Jengka (PKJ) atau Kampung Jengka asal yang juga dikenali, terutamanya di pertengahan 50-an sehingga awal 80-an, sebagai Kampung Batu 13 ( Jalan Temerloh/ Maran ).

Tetapi kini, atau sekurang-kurangnya sejak 1 Ogos 1983, orang ramai khususnya bagi 156,928<sup>2</sup> orang penduduk yang tinggal di dalam kawasan Wilayah Jengka - apabila menyebut Wilayah Jengka memang bermaksud kawasan seluas 196,728 hektar yang meliputi sebahagian daripada daerah-daerah Maran (116,146 hektar), Temerloh (32,448 hektar) termasuk daerah baru Bera dan Jerantut (48,134 hektar) bersempadankan Sungai Pahang di sebelah barat dan selatan manakala di sebelah timur ianya bersempadan dengan kawasan satu batu di timur jalan Lubuk Paku/ Maran/Jerantut sambil merangkumi juga kawasan gugusan FELDA Kota Gelanggi, Padang Piol dan Sungai Retang sehingga ke Sungai Tekal di sebelah utaranya.

2. Banci Penduduk 1980.

Selain daripada itu Wilayah Jengka juga mengandungi 187 buah kampung tradisional ( jumlah keluasan 60,728 hektar ). Dari jumlah itu sebanyak 151 buah kampung telah dikenalpasti untuk dimajukan di bawah 11 buah gugusan dengan menggunakan konsep sepadu dan halacara baru. Dua daripada 11 gugusan itu, iaitu Rumpun Makmur dan Ibol Tunggal sedang giat dimajukan; tiga lagi iaitu Merting, Chenor dan Bintang-Kerai akan dimulakan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Ke Enam manakala enam buah lagi iaitu Chebong, Perian, Sungai Jerik, Kuala Sentol, Lubuk Paku dan Charok Puting masih lagi di dalam perancangan pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ( LKJW ).

Pada masa ini Wilayah yang kecil, tetapi padat ini, diwakili oleh empat ahli Parlimen iaitu bagi Jerantut, Maran, Mentakab dan Temerloh serta tiga belas ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Tembeling, Tahan, Pulau Tawar, Bukit Tajau, Jengka, Chenor, Luit, Jenderak, Lanchang, Sanggang, Bera, Semantan dan Triang.

### **3.0 TULANG BELAKANG WILAYAH JENGKA**

Hanya tiga komponen penting merupakan badan korporat yang bersama-sama menjadi tunggak kepada Wilayah Jengka iaitu FELDA, SJBB/Lionvest Corporation dan PKJ/LKJW walaupun satu badan Perunding antarabangsa di dalam 1967 memperakukan, dan diterima oleh pihak Kerajaan Pusat ( dan sewajarnya Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan lain-lain Kementerian/Jabatan ), agar "...Jengka dijadikan sebuah daerah berasingan dengan semua pejabat peringkat daerah ditempatkan di Pusat Wilayah ( Bandar Pusat Jengka )... agar

Jengka dijadikan daerah baru Polis dan dibahagikan kepada enam seksyen ... dengan ibu pejabatnya bersekali dengan satu seksyen ditempatkan di Pusat Wilayah ..."<sup>3</sup> Demikian jugalah perakuan itu menyebut khusus berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan sewajarnya "...mengandungi kemudahan-kemudahan ... satu unit pusat kesihatan bagi setiap 50,000 orang penduduk ... dua pusat kesihatan besar ... lapan yang kecil ... 26 klinik bidan ... hospital, yang mengintegrasikan satu daripada pusat kesihatan yang besar itu dan yang akan ditempatkan di pusat Wilayah ..." dan bagi pendidikan pula "... perancangan bagi menyediakan kemudahan bagi setiap peringkat pendidikan dari rendah sehingga kepada latihan perguruan..."<sup>4</sup> (digantikan dengan perancangan bagi sebuah kampus Institut Teknologi MARA, Cawangan Jengka, Pahang, dalam tahun 1982 dan kini sudah amat hampir menjadi hakikat, insyaAllah).

### 3.1. FELDA

Memang sesungguhnya Jengka dan segala-galanya yang berkaitan dengannya adalah ilham serta dorongan Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein Al-Haj, ketika itu Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, namun FELDA adalah merupakan agensi perintis bagi Wilayah Jengka dan yang paling berjaya di dalam membangunkan Wilayah itu khususnya di dalam sektor pertanian yang merupakan objektif utamanya. FELDA jugalah yang bertanggungjawab untuk membantu negara meletakkan nama Jengka di peta dunia. Ini mungkin kerana pengkhususan dan kepakarannya sebagai agensi pembangunan tanah negara yang terunggul kerana berjaya dengan penuh kegigihan, dinamisme dan dedikasi mengubah secara positif masa hadapan ratusan ribu manusia dari masyarakat peneroka rancangan-rancangannya.

3&4. m.s. 27 "The Jengka Triangle Report" - The Outline Master Plan oleh Tippetts - Abbott - McCarthy - Stratton (US) dan Hunting Technical Services Ltd. (UK).

Juga mungkin kerana pendedahan dan interaksi antarabangsa melalui badan/agensi seperti Bank Dunia, IMF, ADB dan sebagainya.

Mungkin kejayaannya akan berlipat kali ganda hebatnya sekiranya ianya hanya menumpukan kepada pembangunan sektor pertanian dan juga penempatan peneroka serta pelbagai aktiviti hilirannya sahaja. Tetapi takdir sudah menentukan agar bagi Wilayah Jengka ianya perlu memainkan serba peranan seperti penggerak utama, penyelaras, pembangunan fizikal/kemudahan asas, sosio-ekonomik serta sedikit sebanyak politik! Hampir kesemuanya itu adalah merupakan fungsi/peranan Lembaga Kemajuan Wilayah.

Barang diingat bahawa Jengka ialah suatu projek yang bukan sahaja raksasa tetapi tanpa model atau landasan; pelaksanaannya perlu bergerak dengan pantas berdasarkan kebanyakannya kepada "rule of thumb" dan juga "trial and error" dan di dalam scenario seperti itu para pentadbir/pengurus sentiasa diingat-nasihati agar "... optimis sentiasa dan berani membuat keputusan dengan pantas dan ... andainya sesuatu keputusan itu didapati pincang... tabahlah untuk mengakui kesalahan dan seterusnya cekal untuk tidak mengulangi lagi kiranya berlaku situasi yang serupa dengan premis-premis yang hampir sama!

### **3.2. SJSB /LIONVEST CORPORATION**

Pihak perunding di dalam "The Outline Master Plan" telah memperku-kan pengwujudan sebuah kompleks perkayuan sepadu<sup>5</sup> iaitu di bawah satu bumbung, agar tidak membebankan FELDA, khusus untuk pelbagai jenis penghasilan perkayuan termasuk papan gergaji, 'green veneer" dan papan lapis, moulding/kumai, chipboard ( tidak diperakukan ) dan bahan/komponen rumah pasang-siap ( diperakukan tetapi tidak dilaksanakan ).

5. m.s. 28 "The Jengka Triangle Report" - The Outline Master Plan oleh Tippetts - Abbott - McCarthy - Stratton (US) dan Hunting Technical Services Ltd. (UK).

Hasilnya maka tertubuhlah SJSB pada 1 Januari 1970 dengan dimodali oleh Kerajaan Pusat ( saham majoriti dipegang bagi pihaknya oleh MARA ) dan baki sahamnya oleh Kerajaan Pahang ( dipegang oleh ASPA) yang memperuntukkan kawasan seluas 300,000 ekar.

Di kemuncak pencapaiannya syarikat itu telah berjaya membuat keuntungan bersih sebanyak \$6,000,000.00 bagi tahun kewangan 1978 dan mempunyai para pegawai/kakitangan seramai 1,700 orang, kebanyakannya tinggal di Bandar Pusat Jengka dan merupakan kelompok manusia yang gagah segak serta sebagai satu kumpulan yang menjadi teras dan penentu kepada maju mundurnya Bandar Pusat ketika itu. Dari tahun itu sehingga ke awal 80-an SJSB mengecap kegemilangan pencapaiannya.

Pengswastaan SJSB kepada Lionvest Corporation merupakan titik hitam di dalam hidup mereka yang perlu berhenti/diberhentikan agak paling pilu bagi mereka yang terpaksa meninggalkan Bandar Pusat Jengka setelah berbelas/puluhan tahun di situ dan beredar samada ke kampung asal masing-masing atau mencari rezeki di lain-lain tempat seperti Kelang, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pasir Gudang, Kerteh, Pulau Pinang dan sebagainya.

Bolehkah Kompleks Perkayuan sepadu yang terbesar di Tenggara Asia di dalam tahun 70-an itu memperbaiki atau sekurang-kurangnya menyamai tahap kegemilangan prestasi yang dicapai oleh SJSB di dalam tahun-tahun akhir 70-an dan awal 80-an dulu?

### **3.3. PKJ / LKWJ**

Walaupun pihak perunding telah memperakukan pengwujudan sebuah kompleks perkayuan sepadu<sup>6</sup> yang menghasilkan SJSB,

6. m.s.28 "The Jengka Triangle Report" - The Outline Master Plan oleh Tippets-Abbett-McCarthy-Stratton (US) dan Hunting Technical Services Ltd. (UK).

namun selain daripada itu mereka hanya memperakukan pengwujudan satu "Regional Centre"/Pusat Wilayah. Mereka tiada menyebut mengenai keperluan untuk satu badan pembangunan wilayah ( kemudian dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Wilayah - LKW ). Badan seperti itu sewajarnya merancang dan menyelaras, memainkan peranan sebagai penggerak atau "...agent of change"<sup>7</sup> termasuklah mengambil daya utama untuk mendapatkan pengkajian oleh para perunding berwibawa dan berstatus antarabangsa seperti Tippetts - Hunting dan seterusnya menandatangani perjanjian dan sebagainya yang sejak tahun 60-an telah dibebankan kepada, dan dipikul oleh pihak FELDA.

Walau bagaimanapun, hasil daripada keputusan pantas Allahyarham Tun Perdana Menteri setelah selesai suatu taklimat khas serta mendengar pelbagai hujah, syor dan saranan daripada beberapa para ahli "think-tank"<sup>8</sup> yang merupakan bayangan kepada beliau, pihak Kerajaan Negeri Pahang telah diarahkan untuk mewujudkan dengan seberapa segera satu badan di bawah perundangan negeri Pahang. Hasilnya ialah penubuhan Perbadanan Kemajuan Jengka (PKJ)/Jengka Development Corporation (JDC) pada 1 Januari 1971 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur No. 10/1971 dengan tujuan, di antara lain, untuk:

- (a) menyelaras perancangan dan aktiviti-aktiviti pembangunan Wilayah Jengka secara keseluruhan,
- (b) membangunkan pusat-pusat pertumbuhan perbandaran di Wilayah Jengka, dan

---

7. Ucapan Perdana Menteri (Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein) merasmikan Seminar Pembangunan Antarabangsa ke 6 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 26 Julai 1971.  
 8. Beberapa Pegawai Kanan dari Agensi-Agenzi Pusat seperti unit-unit di bawah Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan dan lain-lainnya.

- (c) bergiat di dalam perniagaan dan perdagangan, pembangunan bandar, pentadbiran dan penyelarasan penggunaan tanah tanpa mengambil alih kerja-kerja kemajuan pertanian yang dilaksanakan oleh FELDA.

Di dalam jangkamasa tidak sampai satu tahun, pelbagai masalah sudah ketara wujud, di antaranya ialah:

- (a) penyaluran kewangan dari Kerajaan Pusat kepada PKJ yang tidak boleh secara langsung tetapi perlu melalui Kerajaan Negeri yang pada ketika itu juga menghadapi masalah aliran-kewangan;
- (b) mendapatkan kepakaran dan juga para pegawai yang sesuai kerana kurangnya tarikan/galakan kepada PKJ;
- (c) Si kerdil PKJ yang menyelaraskan dua gergasi seperti FELDA dan SJSB adalah bak anjing menyalak gunung semata-mata kerana:
  - i) FELDA dan SJSB merupakan saudara tua kepada PKJ dan mempunyai program/projek yang sudah terancang terlebih awal dan sukar atau semata-mata tidak munasabah, praktikal atau ekonomik untuk dirombak hanya kerana hendak diselaraskan dengan perancangan PKJ yang bukan sahaja baru tetapi belum pasti akan kesesuaian atau kebaikannya;
  - ii) walaupun dipersetujuui oleh kesemua pihak untuk katakan merombak perancangan asal dua gergasi itu kerana mengikutkan kebijaksanaan dari segi praktiknya perancangan dan dari itu usaha penyelarasan pihak PKJ

maka di dalam kebanyakan keadaan amatlah besar kemungkinan akan berlaku dua gergasi itu akan menghasilkan nama kepada susu SA-PKJ! ini adalah kerana bukan sahaja PKJ kerdil dari segi umur tetapi ia juga kerdil dan daif dari segi wibawa, sumber kewangan, kepakaran dan juga tenaga manusia dan lain-lain;

- iii) pertembungan personaliti juga timbul di dalam keadaan yang tertentu pula memungkinkan persoalan "kuasa tanpa wang tak boleh cakap tetapi ada wang semua boleh jadi!"

Hasilnya ialah semua LKW yang selepas PKJ seperti DARA, KEJORA, KETENGAH, KESEDAR, KEDA dan PERDA diperbadankan di bawah Akta Parlimen masing-masing sebagai agensi kerajaan pusat. Setiap LKW yang tersebut di atas itu adalah merupakan sebagai agensi "suprema" bertanggungjawab sepenuhnya dari segi perancangan dan pelaksanaan di dalam wilayah atau kawasan operasi masing-masing.

Tujuh tahun selepas penubuhannya iaitu pada 31 Disember 1977, pihak PKJ telah mengorak langkah pertama untuk mengubah nasib masa hadapannya. Hasil dari gerakan itu, YAB Menteri Besar Pahang, ketika itu Allahyarham Dato' Muhammad bin Jusoh telah bersetuju bukan sahaja untuk mendengar suatu taklimat khas di Bilik Gerakan PKJ pada 4 Januari 1978 tetapi setelah itu telah pula memberikan lampu hijau untuk pengurusan PKJ membuat tinjauan dan pengenalpastian akan cara dan format sebaik-baiknya untuk PKJ mengubah status daripada agensi negeri kepada agensi pusat agar seboleh-bolehnya dapatlah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan lain-lain LKW yang ketara selesa dan berjaya merancang dan melaksana.

Setelah pelbagai halangan ditempuh serta rintangan ditetas dan dengan ihsan dan pertolongan yang amat bersungguh-sungguh oleh YAB Dato' Musa Hitam Timbalan Perdana Menteri ketika itu, serta restu dan akhirnya kelulusan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Tindakan Negara, maka akhirnya pada 1 Ogos 1983 bertukarlah PKJ untuk menjadi LKWJ yang diperbadankan di bawah Akta 285, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

Dari tarikh itu, LKWJ telah bergiat bersungguh-sungguh untuk melipat kali gandakan usaha-usahanya kerana telah sekian lama ketinggalan oleh arus pembangunan. Dengan kerjasama, panduan dan tunjuk ajar semua pihak di pelbagai peringkat kementerian, khasnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi-agensi Pusat, Kebawah DYMM Sultan Pahang dan KDYTM Tengku Mahkota Pahang yang sentiasa menjadi penaung-penaung utama serta sumber ilham rakyat jelata semua, pihak Kerajaan Negeri Pahang, semua Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan atau Negeri LKWJ seharusnya bersyukur kerana boleh berdiri tanpa segan silu setanding dengan lain-lain LKW.

#### **4.0 ANDAINYA SEJARAH BERLAINAN...**

Di bawah aspek ini berbagai-bagai persoalan boleh disentuh atau ditekankan namun oleh kerana pelbagai sebab yang pasti terkecuali daripada skop "poetic licence" diperturunkan disini, di dalam bentuk soalan hanya sedikit sahaja perkara yang diharapkan akan dapat dijadikan "moot points" guna mengusik atau mem"provoke" naluri "sense of fair play" para peserta seminar yang sangat sesuai dari segi masa, penyertaan serta juga tajuk-tajuk yang dipilih untuk pembentangan. Apakah serupa bentuk kepesatan pembangunan Wilayah Jengka, khasnya Bandar Pusat, sekiranya:

- a) berasaskan kata-kata Allahyarham Tun Razak bahawa "...saya pernah juga menyatakan di beberapa ketika yang lain mengenai dengan visi kita untuk menukar Jengka Tigasegi dan lain-lain tempat di Pahang dan Johor untuk menjadi pusat perindustrian yang berpotensi bagi masa hadapan. Apabila objektif ini menjadi kenyataan, pelbagai peluang akan terbuka bukan sahaja kepada orang-orang Melayu tetapi juga kepada warganegara yang bukan Melayu yang sama-sama akan diterima oleh perindustrian yang baru diwujudkan itu nanti... ini akan membantu menjamin perpaduan negara."<sup>9</sup> Warganegara bukan Melayu dimasukkan ke Bandar Pusat untuk bergiat di dalam bidang perniagaan, perindustrian dan sebagainya mungkin mengikut nisbah atau kuota yang dipertentukan oleh pihak yang berkuasa, dari masa ke semasa?
- b) berasaskan beberapa perakuan para Perunding di dalam "The Jengka Triangle Report - The Outline Master Plan, 1967.
- i) Kompleks Ibu Pejabat FELDA Wilayah Jengka termasuk Banglo Semai Bakti, Kelab Rekreasinya dengan kolam renang, gelanggang tenis, padang bola serta segala hiasan taman dengan tulip Afrika; bunga kertas dan lain-lainnya di Tekam itu, rumah-rumah kediaman para pegawai/kakitangan, melainkan makmal untuk Research & Development sahaja, semua didiri/dibangunkan di akhir 60-an/awal 70-an di Bandar Pusat?

9. Ucapan Perasmian Pusat Daya Pengeluaran Negara oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Petaling Jaya, pada 1 Februari 1971.

- ii) Pejabat Daerah Maran (atau Jengka atau Luit atau Chenor) dan lain-lain Jabatan/Agensi peringkat daerah yang berada di Maran sekarang ini terbina di Bandar Pusat di dalam tahun-tahun 80-an dahulu?
- iii) Ketua Polis Daerah Jengka diisythir terus setelah sahaja Kompleks Balai (yang memang untuk maksud itu) siap dibina di dalam tahun 1986 dahulu?
- iv) Hanya satu tingkat sahaja digunakan sebagai pengkalan hadapan bagi SJSB di bangunannya di Medan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur (tiga tingkat lain boleh dijadikan "budget hotel" untuk pegawai/kakitangan SJSB dan lain-lainan Jabatan/Agensi yang perlu bermalam di Kuala Lumpur ), itu serentak dengan Ketua Eksekutif SJSB dan lain-lainan pegawai/kakitangan berpindah ke Bandar Pusat dalam tahun 1978/9.

Kiranya persoalan di b (i), (ii) dan (iv) merupakan hakikat, bagaimana pula dengan Tekam, Bandar Maran dan Bangunan di Medan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dan para pegawai kanan SJSB yang selama perkhidmatan mereka dengan syarikat itu bermastautin di Kuala Lumpur hanya datang ke Jengka sekali sekala bak lebah dengan gula.

Senada dengan kata-kata di permulaan perenggan empat ini, ingin diperturunkan cabutan daripada ucapan perasmian Kongres Bumiputera Kedua oleh Allahyarham Tun Razak pada 7 September 1968 yang, di antara lain, berbunyi "... adakah mana-mana tentera di dalam dunia yang boleh mara kehadapan sambil menoleh ke belakang? Tidak. Sesorang itu hendaklah memandang ke hadapan, berfikiran ke hadapan, berada di hadapan dan bergerak ke hadapan! dari itu, janganlah kita melemahkan tenaga kita dengan mendebatkan perkara yang

sudah berlaku, kerana ... Kongres atau kabinet atau negara sekalipun tidak boleh merombak apa yang sudah berlaku.”<sup>10</sup>

## 5.0 MASA HADAPAN LKWJ ...

Di dalam pelbagai forum dan seminar atau mesyuarat, samada tertutup atau terbuka, persoalan mengenai masa hadapan Lembaga Kemajuan Wilayah seperti juga halnya dengan berbagai badan/agensi berkanun selalunya amat hangat diperdebatkan apatah lagi di dalam konteks Wawasan 2020. Sikap rasional serta objektif amatlah perlu ketika menimbang untuk memperkatakan persoalan seperti ini. Seseorang itu tidak boleh mengambil kira dengan erti kata “prejudiced”, “biased” atau berat sebelah semata-mata kerana ianya pernah atau sedang atau mempunyai seseorang yang rapat dengannya yang pernah atau sedang berkhidmat di dalam sesuatu LKW atau manapun juga agensi /badan berkanun. Hakikat yang seseorang itu pernah atau sedang bertugas di dalam sesuatu LKW itu seharusnya memberikannya kelebihan kerana mempunyai perspektif yang lebih tepat dan realistik.

Di dalam konteks Kertas ini yang membincangkan Sejarah Wilayah Jengka dan semestinya LKWJ yang tidak boleh disisihkan daripadanya, soalnya ialah samada LKWJ akan terus menerus merancang, mentadbir dan melaksanakan segala-galanya bersabit dengan Wilayah Jengka atau, jika tidak, di dalam jangkamasa yang tertentu ianya akan ditutup. Di dalam keadaan seperti itu, soalnya pula ialah siapakah yang akan mengambil alih tugas-tugasnya nanti kerana tanpa pengganti suatu keronggaan akan wujud.

10. “Strategy For Action” Tun Razak - The Nation Builder, terbitan MCDS, JPM, 1969.

Trend pengurusan bukan sahaja di dalam sektor awam malah terutamanya di sektor Swasta ialah untuk meramping dan melansingkan sumber tenaga manusia atau personel di atas dasar mutu bukannya bilangan atau saiz. Ramai yang mempunyai pendapat bahawa walaupun LKWJ sudah menyempurnakan segala aspek misinya namun tempat atau fungsinya tidak boleh diserahkan terus kepada sesuatu badan seperti Pejabat Daerah kerana Wilayah Jengka mempunyai "advantage" jika dikendalikan oleh LKW yang mempunyai bahagian-bahagian tertentu seperti:

- (a) Pentadbiran dan Kewangan yang bermakna autonomi dari segi 'personnel' dan kewangan yang juga 'self-accounting' dan dari itu mempunyai kelebihan berbanding dengan Jabatan biasa;
- (b) Teknikal
- (c) Perancangan ekonomi, bandar dan desa;
- (d) Penyelarasaran dan pelaksanaan;
- (e) Tanah dan Kerajaan Tempatan tanpa kuasa tempatan yang amat diperlukan untuk kesegeraan pelaksanaan projek/program.

Wilayah Jengka agak terlalu luas dari segi kawasan dan terlalu padat dari segi kependudukan untuk diserahkan kepada satu daerah; kawasan itu tidak sesuai pula untuk dipecah-pecah kepada beberapa daerah baru.

## 6.0 PENUTUP

Seperti kaedahnya dengan beberapa soalan yang diketengahkan di bawah perenggan empat di atas, perenggan lima juga meninggalkan perkara berkenaan tanpa kesimpulan. Diingatkan lagi bahawa seseorang itu tidak wajar subjektif kiranya bersungguh-sungguh untuk mencari rasional yang waras dan praktikal.

Sambil peringatan bagi perenggan empat ialah agar tidak bertelagah sesama sendiri sehingga melemahkan semangat semata-mata untuk memperkatakan sesuatu mengenai perkara yang sudah berlalu, pesanan mengenai perkara yang belum berlalu ialah agar seseorang itu kekallah dengan penghususan masing-masing atau "stick to the knitting" dan janganlah bimbangkan soal meniti titian selagi kita tidak sampai ke titian berkenaan.

## BANGUNAN DARA



DI TANJUNG API  
KUANTAN, PAHANG



DI BANDAR MUADZAM SHAH  
ROMPIN, PAHANG


## WILAYAH PAHANG TENGGARA MASAKINI

### WILAYAH PAHANG TENGGARA MASAKINI



## **WILAYAH SEBELUM PENUBUHAN DARA**

## **WILAYAH SEBELUM PENUBUHAN DARA**



# PAHANG TENGGARA WILAYAH HARAPAN

Oleh:

Encik Abdul Habib bin Mansur  
Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara  
( DARA )

## LATARBELAKANG

### Perspektif Negara

Penjajahan bangsa Eropah di Tanah Melayu telah mewujudkan suatu keadaan ketidakseimbangan pembangunan samada pembangunan kawasan mahupun pembangunan dalam keseluruhan konteks ekonomi, sosial dan politik tanahair. Berikutan daripada keadaan ini, maka kerajaan telah mengutarakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bersama dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua (1971/75). Objektif utama DEB ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Dasar Ekonomi Baru adalah merupakan titik permulaan polisi pembangunan wilayah di Malaysia di samping memberikan dorongan yang kuat ke arah penggubalan dan penggunaan konsep pembangunan wilayah sebagai satu strategi pembangunan ekonomi negara. Lanjutan dari itu beberapa Kajian Perancangan Wilayah bagi kawasan-kawasan tertentu dalam negara telah dilaksanakan dalam tempoh 1970 - 1975.

## **Ilham Seorang Tokoh**

Tumbuhnya satu konsep dan berakarnya satu bibit pembangunan yang menjelma menjadi kenyataan dalam Wilayah Pahang Tenggara ini adalah berpunca daripada ilham dan tekad seorang tokoh pembangunan negara iaitu Tun Haji Abdul Razak bin Hussain, Perdana Menteri Malaysia yang pada masa itu mahu melihat perubahan dibawa ke kawasan yang mundur ini melalui satu program pembangunan raksasa yang merangkumi semua bidang dan sektor.

## **Ibam Tapak Pengistiharan**

Sejarah Ibam bermula dalam tahun 1940an. Seorang Asli bernama Leman telah menemui seketul batu yang dianggapnya luar biasa. Beliau bersama rakannya Sidek telah membawa ketulan batu tersebut kepada Syarikat Eastern Mining & Metal Company (EMMCO) di Bukit Besi Terengganu. Kajian oleh syarikat tersebut membawa kepada pembukaan lombong bijih besi di Bukit Ibam yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 12 Jun 1957 kepada EMMCO yang kemudiannya menubuahkan anak syarikat bernama Rompin Mining Company (ROMPINCO). Leman telah diberi saguhati sebanyak \$100.00 sebulan.

Ibam adalah satu nama baru kerana berdasarkan peta Malaysia (Malaya) yang dikeluarkan pada tahun 1951 bandar ini masih belum tercatit di mana-mana. Mengikut G. Scillon (Electrical Superintendent pada masa itu) Ibam itu adalah ringkasan huruf nama yang diambil daripada tajuk sebuah buku, "I Bought A Mountain" yang dibaca oleh Pittsburg, seorang Jurukur syarikat tersebut semasa beliau menjalankan kerja-kerja ukur landasan keretapi Ibam - Rompin. Daripadanya terbitlah nama Ibam.

Menjelang akhir tahun 1960an Ibam kian berkembang dengan aktiviti perlombongan dan sosialnya. Masalah penyambungan pajakan galian tiba-tiba mengancam keharmonian masyarakat setempat apabila ROMPINCO terpaksa menamatkan operasinya. Seramai 1,200 orang telah kehilangan pekerjaan. Ibam yang begitu makmur tiba-tiba menghadapi masa hadapan yang tidak berkepastian.

Pada 16 November 1970, Tun Abdul Razak telah melawat Bukit Ibam dan memberi kepastian dan jaminan bahawa Bukit Ibam akan dimajukan sebagai sebuah bandar yang subur dan makmur, sebagai pusat aktiviti pembangunan ekonomi yang baru dan nadi bagi rancangan pembangunan tanah raksasa Pahang Tenggara. Satu keputusan yang nekad dan berani telah dibuat oleh Tun Abdul Razak untuk menuahkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara selepas satu taklimat disampaikan kepada beliau pada 31 Julai 1971. Pada 14 September 1971 beliau terus mengumumkan penubuhan Lembaga dan perlantikan ahli-ahlinya walaupun Pelan Induk Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara hanya dijadualkan siap pada akhir Julai 1972. Dan Ibam kembali bernaafas semula. Pada 15 September 1971 lahirlah Wilayah Harapan yang membawa seribu impian dan diiringi dengan ribuan doa restu.

## **PENUBUHAN**

### **Akta**

Wilayah Pahang Tenggara telah diistiharkan di bawah Seksyen 9 Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (68/72) pada 3 Januari 1973. Akta ini telah mendapat persetujuan Di Raja pada 23 Mac 1972.

## **Tanggungjawab**

Lembaga ini dipertanggungjawabkan bagi menggalak, memaju dan menyelaras pembangunan Wilayah Pahang Tenggara di dalam kawasan seluas kira-kira satu juta hektar atau 6,436 km persegi. Wilayah ini merangkumi sebahagian daripada daerah-daerah Pekan, Temerloh, Maran, Bera dan keseluruhan daerah Rompin. Terdapat banyak tempat-tempat di kawasan ini terutamanya di sepanjang lembah Sungai Pahang yang mencatatkan detik-detik sejarah penentangan penjajah seperti perjuangan Dato' Bahaman, Orang Kaya Setia Pahlawan dan Mat Kilau.

## **Objektif**

Selaras dengan matlamat pembangunan Negara, objektif-objektif DARA antara lain adalah seperti berikut:

- i) Menubuhkan perusahaan pertanian dan perhutanan secara besar-besaran dengan menggunakan teknologi dan pengurusan yang cekap.
- ii) Menggalakkan pembangunan perbandaran dan perindustrian yang akan dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor moden.
- iii) Mengurangkan jurang perbezaan di antara kawasan di negara ini dan menggalakkan penghijrahan penduduk daripada sektor-sektor yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah.
- iv) Mengadakan peluang bagi meninggikan kemahiran untuk rakyat Malaysia khasnya Bumiputra.
- v) Mengadakan peluang-peluang pekerjaan.

- vi) Mengadakan asas bagi menarik industri dan perkhidmatan yang tidak bergantung kepada hasil bumi jangka panjang.

## **Struktur Organisasi**

Pada awal penubuhan (1972) Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara terletak terus di bawah Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1975 apabila ia dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. Tahun 1990 telah membawa satu lagi perubahan yang menggalakkan apabila kesemua Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu di bawah naungan Timbalan Perdana Menteri.

Dari segi struktur organisasi Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara diterajui oleh seorang Pengurus yang bertanggungjawab kepada menteri. Bersama-sama Pengurus terdapat jemaah ahli-ahli Lembaga yang terdiri daripada seorang Timbalan Pengurus, dua orang wakil Kerajaan Pusat dan tiga orang wakil daripada Kerajaan Negeri. Ahli-ahli Lembaga yang pertama adalah seperti berikut:

### **Pengerusi**

Y. M Tunku Dato' Shahriman bin Tunku Sulaiman  
 Ketua Pengarah, Bahagian Penyelarasaran Perlaksanaan & Penilaian  
 Jabatan Perdana Menteri.

### **Ahli-Ahli**

En. Thong Yaw Hong, Ketua Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi.  
 En. Jamil bin Mohd. Jan, TKSU Kementerian Perdagangan  
 YB. Dato' Muhammad bin Jusoh, Ahli Majlis Kerajaan Negeri Pahang.  
 YB. En. Aziz bin Hussein, Setiausaha Kerajaan Pahang.  
 En. Abdul Razak bin Hitam, Pengurus Lembaga Kemajuan Negeri Pahang.

Lembaga ini telah berjalan kuatkuasanya pada hari penubuhannya iaitu pada 15hb. September 1971. Pada 16hb. September Mesyuarat Lembaga yang pertama telah diadakan di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini telah membuat beberapa keputusan yang antaranya termasuk penyediaan satu rancangan yang menunjukkan keutamaan projek-projek dan penjenisan anggaran perbelanjaan serta perlantikan Pengurus Besar. Bagi melancarkan perjalananya, satu pemberian permulaan sebanyak \$3 juta telah diluluskan bagi tiga tahun pertama. Pemberian ini ditanggung bersama (50:50) oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang.

Di peringkat pengurusan seorang Pengurus Besar telah juga dilantik pada 1hb. Mac 1972 untuk menjadi Ketua Pegawai Kerja Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, iaitu Encik Mohd. Saufi bin Haji Abdullah. Di bawah pentadbiran beliau terdapat seorang Timbalan Pengurus Besar, Encik Mohd. Noordin bin Haji Hassan dan Lima Pengarah. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

- i) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Encik Ghazali bin Mohd. Amin.
- ii) Bahagian Tanah  
Encik Abdullah bin Haji Hassan
- iii) Bahagian Perancangan Kawasan  
Mr. Frank A. Sole
- iv) Bahagian Latihan dan Kerjaya  
Encik Zainal bin Haji Ismail
- v) Bahagian Perkhidmatan Teknik  
Encik Choo Bah Chye

Pada 22hb. Februari 1972 Lembaga dalam mesyuaratnya yang kelima telah memutuskan untuk memanggil Lembaga ini dengan nama ringkas 'DARA' iaitu singkatan dari Development Authority For Pahang Tenggara.

## **PELAN INDUK**

### **Kajian**

Untuk membangunkan satu kawasan yang begitu luas seperti yang diilhamkan oleh Tun Razak, yang penuh visi dan semangat, memerlukan satu perancangan yang rapi. Kerajaan telah memutuskan supaya satu kajian dibuat pada 1hb. Julai 1970.

Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Pahang dan satu badan perunding iaitu Foundation of Canada Engineering Corporation Ltd. (FENCO) telah bersetuju untuk menyediakan satu Pelan Induk Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara. Satu perjanjian telah ditandatangani oleh ketiga-tiga pihak pada 1hb. Julai 1972. Kajian ini menelan belanja \$9 juta dan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan. Kajian dimulakan pada bulan Jun 1970 dan siap pada bulan Jun 1972. Penyelaras kajian ialah Unit Perancang Ekonomi dan satu jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan merangkumi wakil Kerajaan Pusat (Ketua Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi) dan wakil Kerajaan Negeri Pahang (Setiausaha Kerajaan Pahang).

Pelan induk ini telah mempelopori bidang pendekatan bersepada dalam membangunkan sebuah wilayah. Ia merupakan titik permulaan suatu usaha gigih, satu pembangunan raksasa ke arah menghapuskan kemiskinan rakyat di samping menyusun semula masyarakat menggunakan pendekatan pembangunan wilayah.

## **Intisari**

Pelan Induk Pahang Tenggara termaktub di dalam 18 Jilid laporan dan saranan. Tiga aspek penting yang dijadikan teras pembangunan dan juga merupakan intisari dalam Pelan Induk ialah pertanian, perhutanan serta pemusatan penempatan melalui perbandaran. Intisari tersebut yang dijadikan landasan pembangunan di awal penubuhan DARA adalah seperti berikut:

### **i) Pertanian**

Pelan Induk DARA telah merancangkan dua strategi penting bagi pembangunan pertanian. Pertama, pembukaan tanah secara besar-besaran yang memungkinkan pengurusan tani yang moden. Strategi ini adalah penting pada peringkat awal untuk menentukan pembangunan kawasan ini diberi satu 'momentum' yang mantap. Kedua, tanaman-tanaman pelbagai yang lain seperti ubi kayu, teh, buah-buahan, sagu dan lain-lain seperti ternakan lembu daging digalakkan untuk memecahkan belenggu ekonomi dari tanaman perladangan tradisional seperti getah dan kelapa sawit. MARDI mempunyai peranan penting dalam usaha mempelbagaikan tanaman ini dengan diperuntukkan satu kawasan seluas kira-kira 1,000 hektar untuk mengkaji tanaman-tanaman baru ini.

### **ii) Perhutanan**

Menyedari hakikat bahawa khazanah hutan merupakan satu sumber yang jika tidak dirancangkan akan luput buat selamanya, maka pengeluaran hasil hutan harus pula dirancangkan dengan rapi. Pelan induk telah mencadangkan penubuhan hutan kekal yang menggunakan kaedah 'Tree Farm Licence' (TFL) di dua kawasan Lesong dan Ibam, masing-masing berkeluasan 47,000 hektar dan 101,000 hektar. Hutan Paya Bebar pula dengan kekayaannya dicadangkan supaya diusaha hasilkan dengan menggunakan kaedah membalaik dan silvikultur yang sesuai.

### **iii) Urbanisasi**

Dari segi urbanisasi, Pelan Induk mengutarakan konsep penempatan secara berkelompok bagi penduduk satu-satu kawasan sekitar (hinterland) untuk membolehkan perkhidmatan sosial dan kemudahan fizikal diadakan dengan lebih cekap melalui kepadatan penduduk. Pemusatan penduduk sedemikian selanjutnya akan memangkinkan dan menarik lain-lain perkhidmatan dan perusahaan yang akan menambah peluang-peluang pekerjaan. Kos pembinaan jangka panjang adalah lebih rendah berbanding dengan penyediaan penempatan yang berselerak.

### **PEMASYHURAN BANDAR MUADZAM SHAH**

Salah satu detik sejarah yang melambangkan kesungguhan dalam membangunkan Wilayah Pahang Tenggara pada ketika itu ialah Istiadat Pemasyhuran Bandar Muadzam Shah pada 12hb. November 1977 bersamaan dengan 1hb. Zulhijjah 1397, oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah, telah berkenan untuk memasyhurkan istiadat penamaan Bandar Muadzam Shah bagi menggantikan nama asalnya iaitu Bukit Ridan. Mulai detik itu, maka wujudlah dengan rasminya sebuah bandar baru di tengah-tengah hutan belantara di Wilayah Pahang Tenggara sebagai bandar pusat, nadi dan penggerak bagi wilayah ini dan dijangka akan menjadi salah sebuah bandar yang terbesar di negeri Pahang.

### **PENCAPAIAN**

Secara keseluruhan pencapaian DARA sehingga kini dapat dilihat seimbas seperti berikut:

#### **i) Pertanian**

Kawasan sesuai	342,070 hektar
Kawasan dilulus	343,190 hektar
kawasan dimaju	222,919 hektar

- ii) **Pusat Penempatan**  
17 buah bandar telah dibangunkan  
7 buah Pusat Perkhidmatan/Pusat Pertumbuhan Desa
- iii) **Pelancongan**  
**Tasik Chini**  
Kemudahan .  
  
15 rumah rehat dan chalet, restoran  
Tandas awam  
Jeti dan platform terapong  
Bot-bot untuk disewa  
Balai karyaneka/ Balai Rangers  
Asrama pekerja  
Bekalan air dan elektrik  
Jalan masuk melalui bandar Chini/ RKT Salong  
dan Kg. Belimbing  
Kemudahan rekreasi - berkhemah, berbasikal,  
litar tali dan berkeno.
- Tasik Bera**  
Kemudahan.  
  
Kawasan semulajadi yang belum diterokai  
Untuk pencinta alam dan tujuan-tujuan kajian  
Terdapat perkampungan-perkampungan orang asli  
Flora fauna yang menarik  
Terdapat syarikat pelancongan tempatan  
yang mengendalikan kemudahan untuk masuk ke tasik  
dan ke kawasan sekitar.

**Taman Negeri Endau/ Rompin**

Luas kawasan: 99,328 ekar

Salah satu kawasan hutan tropika tertua di dunia

Kaya dengan flora fauna dan terdapat beberapa spesis baru ditemui

Badak Sumatra yang hampir pupus terdapat di kawasan ini

Mempunyai banyak air terjun, gunung ganang dan jeram-jeram.

**Pantai Lanjut**

Luas kawasan: Sepanjang persisiran pantai Lanjut

sesuai untuk perkelahan dan istirehat.

Kemudahan yang disediakan:

26 buah chalet dengan 44 bilik, restoran, kolam renang, gelanggang tenis, golf - driving range & sembilan lubang (27 lubang dan club house akan siap bulan Jun 1992), rekreasi air - laut dan tasik (keno, bot laju, bot layar, surfing, fishing dll), landasan terbang, hotel dan bilik persidangan (sedang dibina)

**v) Infrastruktur**

- Jalanraya - 552 km
- Bekalan Elektrik - Dibekalkan di 17 buah bandar dan kampung-kampung tradisional
- Bekalan Air - Tujuh projek
- Telekomunikasi - Ibu sawat di Muadzam Shah dan Tun Abdul Razak dengan 1,400 talian
- Pengangkutan - Pusat perhentian bas dan teksi terdapat di Muadzam Shah, memberi perkhidmatan menghubungi semua bandar-bandar.

- vi) **Perumahan dan Ruangniaga**  
 (dibina oleh DARA)
- |         |   |            |
|---------|---|------------|
| Rumah   | - | 2,736 buah |
| Kedai   | - | 249 buah   |
| Bengkel | - | 49 buah    |
| Pasar   | - | 6 buah     |
- vii) **Kemudahan Sosial**  
 Kemudahan pendidikan, kesihatan dan keselamatan diadakan di 17 buah bandar.
- viii) **Penduduk**  
 194,437 orang penduduk bandar/ hinterland
- ix) **Perbelanjaan**  
 Dari segi peruntukan yang dicurahkan oleh Kerajaan Persekutuan mengikut tempoh Rancangan Malaysia adalah seperti berikut:
- |                            |   |                   |
|----------------------------|---|-------------------|
| Rancangan Malaysia Kedua   | - | \$ 9,714,269.00   |
| Rancangan Malaysia Ketiga  | - | \$ 140,111,945.00 |
| Rancangan Malaysia Keempat | - | \$ 155,049,958.00 |
| Rancangan Malaysia Kelima  | - | \$ 56,535,038.00  |
| Tahun 1991                 | - | \$ 9,591,228.00   |

## ISU DAN CABARAN

Sebagai agensi pembangunan wilayah yang terulung, akhirnya DARA menjadi salah satu daripada tujuh Lembaga Kemajuan Wilayah di Semenanjung. Keadaan ini bersama-sama dengan arus ekonomi, sosial dan politik yang berubah membawa DARA ke suasana yang berbeza jika dibandingkan dengan masa Pelan Induk diwujudkan.

Secara keseluruhan, isu dan cabaran yang dihadapi oleh DARA sepanjang 20 tahun dapat dirumuskan seperti berikut:

- i) Pembangunan yang berasaskan sumber dengan tumpuan kepada pertanian, khususnya tanaman kelapa sawit gagal menarik minat pekerja dan menambah bilangan penduduk. Usaha mempelbagaikan tanaman juga tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kelulusan kawasan pertanian di masa lampau juga tidak disyaratkan dengan pembinaan kilang dan lain-lain aktiviti hiliran.
- ii) Pembukaan kawasan industri juga kurang mendapat sambutan dari pelabur-pelabur kerana tidak terdapat kelebihan dari segi insentif dan terdapatnya kawasan-kawasan alternatif yang lebih baik lagi strategik. Kemudahan-kemudahan asas yang disediakan juga masih belum meyakinkan para pelabur.
- iii) Pembangunan berasaskan konsep Pelan Induk dalam bentuk penempatan berpusat, penempatan yang jauh dari jalan raya utama, penempatan yang banyak tanpa tumpuan kepada kawasan berpotensi dan meninggalkan terus pembangunan kampung-kampung tradisional telah menimbulkan keadaan pembangunan yang tidak seimbang.

## **TERAS PEMBANGUNAN MASA HADAPAN**

Masalah dan kejayaan yang diharungi oleh DARA sejak 20 tahun ia meniti liku-liku sejarah negara, telah mendewasakannya untuk melakukan beberapa perubahan (shifts) dan pendekatan baru untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Langkah-langkah ini diambil agar pembangunan wilayah ini dapat dipertingkatkan lagi sejajar dengan aspirasi -aspirasi yang terkandung dalam RM6,

RRJP2 dan Wawasan 2020. Pembangunan masa hadapan akan terus bermatlamatkan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di dalam keadaan ekonomi yang berkembang. Pertumbuhan ekonomi wilayah yang tinggi adalah penting bagi mencapai matlamat tersebut dan sektor bukan pertanian adalah diharapkan akan dapat memberikan sumbangan yang lebih besar dalam mencapai kadar pertumbuhan dan sumbangan kepada KDNK Wilayah.

Program yang akan digunakan bagi mencapai objektif di atas merupakan perubahan kepada strategi pembangunan dan juga struktur pengurusan Lembaga sendiri. Teras pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang akan dikaji dari masa ke semasa di dalam menyiapkan strategi dan perogram pembangunan Lembaga ini di masa-masa akan datang. Di antara pendekatan tersebut ialah:

i) **Perbandaran**

- Penumpuan pembangunan di bandar-bandar pesat berkembang.
- Perhatian yang lebih akan diberi kepada beberapa bandar yang berpotensi iaitu Muadzam Shah, Tun Abdul Razak, Chini, Perwira Jaya dan Krayong. Dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap, maka bandar ini akan menjadi tumpuan bagi bandar-bandar kecil yang berhampiran untuk mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan lain. Langkah ini dibuat melalui peruntukan tahunan yang lebih besar. Di samping itu iaanya boleh bertindak sebagai "linkages" dengan bandar-bandar yang telah lama maju untuk berkembang.

ii) **Peningkatan Kemudahan Asas**

- Membawa pembangunan bandar berhampiran dengan jalan utama. Langkah ini dapat memberikan gambaran secara jelas kedudukan dan prestasi bandar kepada umum dan dapat menarik pengunjung dan pelabur.

- Mempertingkatkan kemudahan asas di setiap Hentian Lebuhraya di kawasan wilayah. Setiap Hentian Lebuhraya hendaklah dilengkapi dengan restoran, tandas, surau, kedai dan bengkel. Mengikut perancangan Lembaga tujuh lagi Hentian Lebuhraya akan dilaksanakan iaitu di Muadzam Shah, Chini, Bandar 34, Tun Razak, Kota Shahbandar, Perwira Jaya dan Simpang Krayong.
- Mempertingkatkan kemudahan penginapan seperti motel/ hotel di bandar utama seperti Muadzam Shah untuk memenuhi keperluan pelabur-pelabur dan pelawat-pelawat.

### **iii) Polisi Terbuka**

- Sejajar dengan amalan kerajaan Negeri dan Pusat, maka pihak Lembaga akan mengamalkan konsep ini di dalam projek-projek yang bakal dilaksanakan di masa akan datang terutama di dalam bidang perindustrian. Penglibatan pelabur asing dan kaum bukan Bumiputra diperlukan di dalam projek-projek yang memerlukan teknologi tinggi, kepakaran, sumber kewangan yang banyak, penyelidikan dan pembangunan, hubungan pasaran dalaman dan luar negeri. Bagi memperseimbangkan keadaan, pihak Lembaga akan menggalakkan pelabur-pelabur Bumiputra dan bukan Bumiputra menceburkan diri di dalam sesuatu projek secara usahasama.

### **iv) Perindustrian**

- Galakan dan Insentif  
Lembaga dengan persetujuan Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menurunkan harga tapak perindustrian. Polisi ini telah mula menarik minat beberapa

industri elektronik mendirikan kilang di wilayah ini. Sebuah syarikat elektronik yang mempunyai 400 pekerja sudah beroperasi. Tiga lagi kilang elektronik di Muadzam Shah sedang dalam proses pembinaan. Beberapa permohonan untuk mendirikan kilang perusahaan berasaskan sumber tempatan seperti bahan organik, perabut rotan, batu bata dan beberapa perusahaan lain yang tidak berasaskan sumber juga sedang dipertimbangkan. Peningkatan kuasa elektrik melalui National Grid akan tercapai menjelang 1995. Lembaga sedang berusaha mendapatkan industri yang lebih besar dan berteknologi tinggi yang boleh menggunakan kemudahan tersebut dan di samping menumpukan perhatian kepada industri yang mempercepatkan proses kependudukan wilayah ini.

- Seiring dengan ini, latihan-latihan kemahiran kepada generasi kedua berjalan secara berterusan.
- Kemudahan-kemudahan untuk pekerja seperti perumahan akan dipertingkatkan.

v) **Penyusunan Semula dan Peluang Baru Industri**

- Mendapatkan pelabur yang berminat untuk meng-usahakan semula industri bijih besi dan serpentina (Darajade) yang wujud di Pahang Tenggara.
- Mendapatkan pelabur bagi menjalankan perusahaan granite yang terdapat di Bukit Ridan secara komersil.

vi) **Penggalakan Pelancongan Yang Lebih Meluas**

- Mempertingkatkan dayamaju kawasan pelancongan yang sedia ada dengan menambah kemudahan asas. Langkah-langkah ini akan dipertingkatkan di Tasik Chini, Pantai Lanjut, Tasik Bera dan Hutan Negeri Endau/ Rompin. Kajian-kajian untuk menjamin pengawalan alam sekitar dan pemeliharaan flora dan fauna akan dibuat dengan gigihnya.

- Mengenalpasti kawasan-kawasan baru yang sesuai di dalam wilayah yang boleh dijadikan kawasan pelancongan berdasarkan "Aquatourism" (air) dan "Ecotourism" (alam semula jadi).
- Mengkaji kemungkinan menyediakan tempat di Wilayah ini sebagai tempat rekreasi dan kawasan permainan golf. Antara kawasan yang berpotensi ialah di Muadzam Shah, Chini dan Bandar 34.

**vii) Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian**

**Bumiputra**

- Selaras dengan aspirasi Wawasan 2020 dan RRJP2 di dalam mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra, Lembaga akan mempergiatkan usaha-usaha ke arah meningkatkan taraf usahawan-usahawan yang sedia ada di Wilayah ini dari peringkat peruncitan (retailing) ke taraf pengedar dan pemberongan.
- Latihan-latihan bimbingan akan terus dipertingkatkan bagi melahirkan usahawan-usahawan baru yang lebih peka terhadap suasana sekeliling. Peluang-peluang yang lebih akan diberi kepada usahawan Bumiputra di dalam menyertai program-program di Wilayah Pahang Tenggara.

**viii) Peningkatan Pembangunan Kampung Tradisional**

- Usaha-usaha akan terus ditumpukan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan kualiti penduduk-penduduk di kampung tradisional. Beberapa projek ekonomi telah dilaksanakan termasuk pembinaan empat buah Pusat Perkhidmatan di Salong, Nenasi, Tanjung Gemuk dan Padang Rumbia. Lima buah lagi Pusat Perkhidmatan sedang dilaksanakan dan dirancang di Kuala Bera, Chenor Seberang, Leban Condong, Kampung Aur dan Paloh Hinai.

- Program pembasmian kemiskinan di kampung-kampung tradisional akan terus diadakan. Program Pembangunan Rakyat Termiskin akan dipertingkatkan keberkesanannya. Di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam sejumlah \$5.21 juta telah diperuntukkan kepada Lembaga untuk tujuan ini.
- Projek pemulihan dan pengumpulan tanah terbiar akan terus dilaksanakan di masa akan datang. Projek ini adalah penting di dalam usaha memperbaiki dan menambah pendapatan penduduk kampung. Dalam tempoh RM6 Lembaga telah menerima peruntukan sebanyak \$20.230 juta yang akan digunakan bagi pembangunan ekonomi dan sosial di kampung tradisional. Peruntukan ini melibatkan sebanyak 14 buah kampung dan 17 buah projek.

**ix) Pembangunan Orang Asli**

Lembaga akan terus bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) di dalam merancang dan melaksanakan program-program untuk pembangunan orang asli yang mana penduduknya berjumlah lebih kurang 13,800 orang. Sehingga kini, tiga buah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) orang asli telah dilaksanakan di Kedaik, Bukit Serok dan Ruchang. Sebanyak dua buah lagi adalah di dalam perancangan untuk dilaksanakan di dalam RM6 iaitu di Buluh Nipis dan Pos Iskandar.

## PENDEKATAN PELAKSANAAN

Untuk menentukan kejayaan teras pembangunan di masa-masa akan datang seperti pengwujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra, peningkatan perindustrian dan lain-lain lagi, dua pendekatan telah di kenalpasti seperti berikut:

**i) Penswastaan**

- Memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur melaksanakan projek-projek pembangunan Lembaga seperti memajukan kawasan perindustrian Muadzam Shah, projek-projek perumahan dan ruang niaga serta perkhidmatan pengangkutan awam di wilayah ini.
- Selaras dengan saranan Pelan Induk Pengswastaan, saham Lembaga di dalam beberapa anak syarikat akan dipindahkan kepada pihak swasta, khususnya kepada Bumiputra atau pihak pengurusan dan kakitangan syarikat berkenaan yang berkemampuan.

**ii) Struktur Organisasi**

- Sebagai menyahut cabaran-cabaran baru dan perubahan-perubahan yang sedang berlaku di dalam pembangunan negara keseluruhannya, dan untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan selaras dengan perubahan-perubahan ini maka struktur dan organisasi Lembaga akan berubah untuk memainkan peranan baru ini.
- Peranan Lembaga tidak akan terhad kepada penyelaras tetapi beralih kepada usaha-usaha sebagai penggalak yang lebih aktif. Di mana mungkin, DARA akan menjadi "catalyst" di dalam program-program pembangunan yang dikenalpasti untuk pelaksanaan.
- Pentadbiran Lembaga akan lebih sensitif terhadap persekitaran di dalam mewujudkan suasana kerja yang sihat dan positif.
- Peranan DARA sebagai kuasa tempatan hendaklah ditentukan oleh Kerajaan Negeri secepat mungkin supaya DARA dapat melaksanakan tugas-tugas ini dengan lebih berkesan lagi.

## PENUTUP

Tidak dapat dinafikan DARA telah memainkan peranannya di dalam sejarah tanahair sebagai satu agensi pembangunan wilayah yang terulung, ia diilhamkan dari daya pemikiran Bapa Pembangunan Negara, Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussin. Daripada satu pertiga negeri Pahang yang diliputi hutan belantara telah terukir bandar-bandar baru, prasarana yang moden, kawasan-kawasan pertanian saujana mata memandang berserta pelbagai kemudahan dan perkhidmatan sosial. Bersama-sama pembangunan ini berlaku penghijrahan penduduk dari dalam dan luar negeri Pahang.

Dua puluh tahun DARA diwujudkan adalah masih di peringkat awal jika dilihat dari perspektif sejarah. Sebagai agensi perintis, DARA akan terus mengkaji semula peranan dan fungsi untuk menyesuaikan organisasi di dalam menghadapi cabaran di masa muka. Keadaan persekitaran yang sering berubah sentiasa memaparkan isu dan halangan yang terpaksa dihadapi dengan waras dan matang. Ke arah tahun 2020 masih banyak potensi dan kemungkinan yang boleh dieksploritasikan di kawasan ini sejajar dengan teknologi moden dan canggih.

Penghijrahan penduduk ke dalam wilayah telah mewujudkan berbagai pertembungan budaya yang memperkayakan kawasan ini baik dari segi kesenian dan adat resam, pemikiran dan sikap yang akan mencorakkan wilayah ini dengan generasi-generasi akan datang yang mampu menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan. Sejarah akan membuktikan Wilayah Harapan yang dicetuskan dari pemikiran seorang negarawan akan mampu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru mengikut rentak Wawasan 2020.

## SEJARAH PEMERINTAHAN NEGERI PAHANG SEHINGGA TAHUN MASIHI 1882

Oleh:

Profesor Madya Dr. Aruna Gopinath  
Jabatan Sejarah Universiti Malaya

### Zaman Awal Hingga Tahun 1880

Pahang wujud sebagai sebuah entiti politik sejak berabad-abad lamanya. Berdasarkan rekod-rekod China abad ke 11, Pahang merupakan salah satu negeri jajahan Empayar Srivijaya. Seorang penulis China bernama Chao-Ju-Kua, mencatatkan dalam rekodnya, Chu-fan-chi pada tahun 1225 bahawa antara beberapa negeri yang tunduk kepada San-fo-tsi, Pen-Keng merupakan salah satu daripadanya.<sup>1</sup> Begitu juga semasa pemerintahan Dinasti Ming Pahang dikatakan mengakui keagungan China dan mendapat perlindungan daripadanya.<sup>2</sup> Hal ini dibuktikan apabila Maharaja Tajau dan Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni yang dikatakan memerintah Pahang antara tahun 1378 hingga 1416, telah menghantar utusan kepada Maharaja China. Tujuannya supaya China dapat mengiktiraf Pahang sebagai sebuah negeri naungan China.<sup>3</sup> Kunjungan Laksamana Cheng Ho yang dibuat berturut-turut antara tahun-tahun 1412 dan 1416 menunjukkan jaminan perlindungan China ini.

Selain itu, Prapanca menyatakan bahawa Pahang merupakan sebuah negeri naungan kerajaan Majapahit<sup>4</sup> berdasarkan hasil penulisannya, Negarakertagama (1365). Melalui bukti-bukti kesusasteraan pula, Pahang suatu masa dahulu pernah mengadakan hubungan politik dan ekonomi dengan empayar-empayar Srivijaya, China,<sup>5</sup> Majapahit dan Johor-Riau-Lingga. Hubungan Pahang dengan empayar-empayar tersebut banyak dipengaruhi oleh faktor kedudukan geografi Pahang dengan negeri-negeri tersebut.

Hasil-hasil penulisan daripada penulis-penulis Eropah berkenaan Pahang pula agak berlainan. Penulis-penulis Eropah ini tidak memberikan penekanan mengenai hubungan politik Pahang dan kesalingbergantungannya dengan empayar-empayar Srivijaya dan Majapahit. Penulis Portugis seperti Godinho de Eredia, menganggap Pahang sebagai Kerajaan Melayu kedua menggantikan kerajaan Patani iaitu sebelum tertubuhnya kerajaan Melayu Melaka.<sup>6</sup> Selain itu, berdasarkan penulisan W. Linehan pula Pahang tidak dikaitkan dengan sebarang empayar, sebaliknya menganggap Pahang sebagai satu unit politik tersendiri yang beribu kota di Cini atau di Pulau Tawar.<sup>7</sup>

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa Pahang sememangnya mempunyai kepentingan politik yang nyata. Kepentingan politik ini bukan sahaja terlihat melalui perlindungan diri dengan empayar-empayar besar, juga mendapati Pahang sebagai satu negeri yang bebas dan berdikari.

Abad ke 14 menyaksikan perubahan sejarah negeri Pahang. Apabila Pahang diserang dan ditawan oleh Siam pada abad tersebut,<sup>8</sup> sejarah Pahang berkembang mengikut suatu kronologi peperangan sela-menyla yang terjadi di antara "kuasa-kuasa asing" dan pemerintah-pemerintah Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Siam terus menguasai Pahang sehingga abad ke 15 yang juga menandai kemunculan kerajaan Melaka yang semakin penting di rantau kepulauan Melayu. Keadaan ini telah mencabar kedaulatan Siam waktu itu. Kerajaan Melaka berkembang dan membentuk satu

kuasa politik dan ekonomi yang unggul di Semenanjung Tanah Melayu<sup>9</sup> yang sekaligus juga menggugat kepentingan Siam sebagai kuasa utama. Hal ini ditambah pula dengan keengganannya pemerintah Melaka, Sultan Muzaffar Shah (1445/46 - 1456)<sup>10</sup> mengakui kedaulatan Siam itu. Dengan ini, Siam telah menyerang Melaka pada tahun 1445 melalui Pahang tetapi serangan tersebut telah dapat dipatahkan oleh pemerintah Melaka.<sup>11</sup>

Pada tahun 1456, putera Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah<sup>12</sup> menaiki takhta Melaka. Semasa pemerintahan sultan inilah, Melaka mencapai kemuncak keagungannya. Dasar perluasan kuasa empayar Melaka yang diamalkan ketika itu, menyebabkan Melaka menyerang dan menawan Pahang yang masih merupakan negeri naungan Siam.<sup>13</sup> Kejayaan tersebut telah membebaskan Pahang daripada cengkaman Siam dan Pahang menjadi negeri naungan Melaka. Sebagai tanda penguasaan Melaka ke atas Pahang, Panglima Perang telah dilantik sebagai pemerintah Pahang dengan gelaran Seri Bija Diraja.<sup>14</sup> Dengan itu, Pahang merupakan negeri jajahan baru Melaka.

Sultan pertama Pahang daripada keturunan Melaka ialah Sultan Muhammad Shah, putera Sultan Mansur Shah. Berdasarkan catatan sejarah Melayu, Sultan Muhammad Shah telah dirajakan di Pahang kerana peristiwa sepak raga.<sup>15</sup> Baginda ditabalkan oleh Seri Nara Diraja sebagai pemerintah Pahang pada tahun 1470. Penabalan tersebut telah dipersetujui oleh Sultan Mansur Shah dan Kerajaan Pahang diisytiharkan meluas dari Sedili Besar hingga ke Terengganu.<sup>16</sup>

Bermula daripada pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1470 - 1475) dan kemudiannya oleh pengganti-pengganti baginda, kerajaan Pahang sering terancam. Perjuangan-perjuangan untuk merebut kuasa di kalangan kerabat-kerabat diraja Pahang sering berlaku dan menggugat pemerintahan umumnya.

Walaupun begitu, perjuangan dan keadilan tersebut tidak jelas tercatat, tetapi berdasarkan Bustanus-Salatin, keadaan ini sememangnya berlaku. Sultan Muhammad Shah telah digantikan oleh adindanya, Raja Ahmad pada tahun 1475 yang bergelar Sultan Ahmad Shah Pahang.<sup>17</sup> Raja Ahmad sepatutnya ditabalkan sebagai raja Melaka tetapi kebolehan baginda telah disangskikan. Oleh itu, Raja Hussain, adinda tiri kepada Raja Ahmad dimahkotakan di Melaka dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah I (1477 - 1488).<sup>18</sup> Akibatnya Sultan Ahmad Shah amat murka dengan perlantikan tersebut lalu menyerang Melaka. Namun begitu, serangan-serangan tersebut dapat dipatahkan oleh Melaka.

Sultan Ahmad telah dibantu oleh Bendahara Seri Amar Diraja dalam hal-hal pemerintahan. Namun begitu, baginda bukanlah seorang pemerintah yang berkebolehan. Tindakan-tindakan baginda yang kejam<sup>19</sup> telah menimbulkan kesengketaan di kalangan rakyat dan hal ini telah membimbangkan Bendahara.<sup>20</sup> Kedudukan baginda di atas takhta turut terancam. Oleh itu, baginda turun takhta dan melantik putera baginda, Mansur<sup>21</sup> dengan gelaran Sultan Mansur. Malangnya usia Sultan Mansur yang masih mentah menggagalkan rancangan baginda untuk membaiki keadaan. Justeru itu, Sultan Mahmud Shah dari Melaka telah melantik Raja Jamil sebagai pemerintah Pahang yang baru pada tahun 1495.<sup>22</sup> Raja Jamil adalah putera Sultan Muhammad Shah I dari Pahang.

Raja Jamil merupakan seorang pemerintah yang lebih berpengalaman dan matang peribadinya. Hal ini mengatasi kebolehan Sultan Mansur yang masih muda untuk memerintah. Raja Jamil menggunakan gelaran Sultan Abdul Jamil Shah yang merupakan seorang pemerintah Pahang yang penting. Dalam pemerintahan baginda, satu polisi baru dimulakan. Baginda berusaha menjalin hubungan damai di antara Pahang dan Melaka. Pada waktu yang sama, orang-orang Siam yang telah diserang secara mengejut oleh Melaka pada abad ke 15, masih tidak dapat melupakan peristiwa tersebut. Pemerintah Siam bercadang untuk

menyerang Pahang dan mengarahkan Raja Ligor menawan Pahang melalui Sungai Tembeling dan Sungai Kelantan.<sup>23</sup> Namun begitu, Sultan Abdul Jamil berjaya mengatur strategi pertahanan bersama Melaka yang membolehkan Pahang dipertahankan daripada serangan Raja Ligor tersebut.

Kerjasama di antara Pahang dan Melaka ini telah menghalang Siam menawan Pahang yang sekaligus menunjukkan hubungan mesra dan persefahaman di antara kedua-dua buah negeri.<sup>24</sup> Matlamat Sultan Abdul Jamil ini sebenarnya bertujuan mempertahankan Pahang daripada serangan Siam yang berterusan. Oleh itu, baginda terpaksa mendapat sokongan daripada satu-satunya kuasa tempatan iaitu Melaka bagi melindungi Pahang daripada cengkaman Siam. Kekalahan Raja Ligor di Pahang juga menandakan tamatnya usaha-usaha Siam menawan Pahang.

Kekalahan Siam di Pahang ini malangnya, tidak menandakan tamatnya cita-cita politik asing di negeri-negeri Tanah Melayu amnya. Kejatuhan Melaka kepada Portugis dalam tahun 1511 turut menamatkan usaha Pahang untuk terus mendapatkan perlindungan daripada kuasa pemerintahan tempatan. Kemenangan Portugis menyebabkan pemerintah Melaka, Sultan Mahmud dan putera-nya, Raja Ahmad mlarikan diri ke Muar dan kemudiannya ke Pahang<sup>25</sup> yang disambut mesra oleh Sultan Abdul Jamil. Bagi Pahang, hubungan politiknya dengan Portugis amat renggang.<sup>26</sup>

Bagi pihak Portugis pula, Pahang dianggap sebagai sebuah negeri naungan Melaka, lalu menuntut pembayaran ufti<sup>27</sup> daripada pemerintahnya, Sultan Mansur (1512 - 1519) yang memerintah menggantikan Sultan Abdul Jamil. Namun begitu, bagi Portugis ufti ini tidaklah membawa makna yang sama seperti yang diberikan oleh pemerintah Melayu pada masa yang lalu. Pembayaran ufti ini hanyalah bertujuan ekonomi iaitu sebagai satu sistem yang dapat menjamin monopoli perdagangannya di Selat Melaka.<sup>28</sup> Keengganan Sultan Mansur dan penganti selepasnya, Sultan Mahmud (1519 - 1530)<sup>29</sup> untuk membayar ufti tahunan kepada Portugis mengakibatkan berlakunya perang di antara kedua-dua pihak.

Sultan Mahmud telah dibantu oleh Sultan Mahmud Shah, bekas sultan Melaka yang berada di Bentan.<sup>30</sup> Mereka berjaya mengalahkan Portugis di Sungai Muar<sup>31</sup> tetapi kejayaan tersebut hanyalah satu kejayaan sementara. Portugis telah membuat serangan balas pada tahun 1526 dan menawan Bentan. Sultan Mahmud Shah, bekas sultan Melaka telah melarikan diri ke Kampar (Sumatra) dan mangkat di sana pada tahun 1528.<sup>32</sup> Almarhum telah digantikan oleh puteranya Sultan Alauddin Riayat Shah II yang telah berjaya memperkuatkan dirinya sebagai pemerintah pertama di Johor daripada keturunan Melaka pada tahun 1530.<sup>33</sup>

Pengukuhan kuasa Sultan Alauddin di Johor telah menarik minat Pahang yang pada masa itu bercita-cita untuk menghalau Portugis daripada Tanah Melayu. Matlamat tersebut hanya akan tercapai sekiranya Pahang mendapat bantuan daripada "kuasa tempatan" terutamanya Johor yang dikatakan agak dominan pada masa itu. Selain itu, selepas kedatangan Portugis, terdapat suatu peralihan pusat kekuasaan politik Melayu iaitu daripada kesultanan Melaka kepada kesultanan Johor yang turut memberi kuasa kepada Johor untuk menentukan pengganti Sultan di Pahang.<sup>34</sup> Justeru itu, Pahang memilih untuk berpadu tenaga dengan Johor bagi menyingkirkan Portugis di pengairan Selat Melaka. Gabungan tentera Johor - Pahang telah melakukan dua serangan ke atas Portugis iaitu pada tahun 1547 di Muar dan tahun 1551 di Melaka. Namun begitu, Portugis ternyata lebih hebat di segi ketenteraan kerana mempunyai senjata dan kapal perang yang lebih baik daripada tentera gabungan. Akibatnya, tentera gabungan telah mengalami kekalahan di dalam kedua-dua serangan tersebut dan terpaksa mengundurkan diri.<sup>35</sup>

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Khadir Shah (1590), pemerintah Pahang yang kesepuluh,<sup>36</sup> Pahang dikatakan telah menjalin satu hubungan harmoni dengan Portugis. Namun begitu, hubungan tersebut tidak berkekalan kerana pemerintah selepasnya, iaitu Raja Ahmad tidak berminat untuk meneruskan hubungan politik tersebut. Memandangkan usia Raja Ahmad yang masih muda,

baginda turun takhta dan digantikan oleh Sultan Abdul Ghafar (1591 - 1614), pemerintahan terakhir daripada keturunan Melaka, yang telah memulakan satu dasar luar Pahang yang baru. Pada waktu pemerintahan baginda, satu lagi kuasa Eropah cuba mencari tapak perdagangan yang baru di negeri-negeri Melayu. Kuasa Eropah itu ialah Belanda. Sultan Abdul Ghafar yang menyedari kepentingan Selat Melaka kepada Belanda juga membenci Portugis. Baginda memutuskan untuk menggulingkan kuasa Portugis di Melaka dan bertindak mencabar kehadiran Belanda di Selat Melaka. Namun begitu, strategi serampang dua mata yan dijalankan oleh Sultan Abdul Ghafar ini tidak berjaya sepenuhnya, malah pada tahun 1607, Pahang telah bekerjasama dengan Belanda<sup>37</sup> yang bermatlamat untuk menggulingkan kuasa Portugis di Semenanjung Tanah Melayu.

Selari dengan matlamat itu, Sultan Abdul Ghafar telah berkali-kali cuba berunding dengan pemerintah Johor untuk membantu Belanda. Malangnya, kerjasama di antara Johor dan Pahang itu tergugat apabila berlakunya satu pertengkaran di antara kedua-dua pemerintah tempatan tersebut.<sup>38</sup> Akibatnya, Johor telah mengisyiharkan perang ke atas Pahang pada tahun 1612 yang menyebabkan Kampung Chini diserang dan dirompak. Serangan Johor ini hanya dapat dipatahkan pada tahun 1613, setelah campur tangan raja Brunei. Sultan Abdul Ghafar memohon bantuan Raja Brunei apabila baginda tidak dapat mengawal lagi keadaan di Pahang ketika itu.<sup>39</sup>

Umumnya, kejatuhan kesultanan Johor bukan hanya disebabkan oleh kejayaan serangan yang dibantu oleh Raja Brunei tetapi juga kerana kemunculan satu lagi kuasa tempatan iaitu Acheh. Pemerintah Acheh yang terkenal iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah memulakan siri serangan yang bertujuan untuk meluaskan pengaruh kuasa Acheh di Kepulauan Melayu. Pada bulan Jun 1613, Acheh telah menyerang Batu Sawar (Johor) dan pemerintahnya dijadikan tawanan dan dibawa ke Acheh.<sup>40</sup> Baginda hanya dibenarkan kembali ke Johor pada pertengahan tahun 1614 dengan syarat bahawa Johor akan membantu Acheh dalam serangan-serangannya menentang Portugis

dan tidak membenarkan Belanda berada di Johor. Sultan Alauddin berjanji untuk melakukan seperti yang disyaratkan oleh Acheh tetapi malangnya perjanjian itu telah diingkari.

Sultan Alaudin Riayat Shah III mempunyai hubungan yang akrab dengan Portugis. Pada tahun 1615, baginda telah memeterai suatu perjanjian dengan Portugis di Melaka. Sebagai balasan, Portugis melantik Putera Sultan Alaudin, Raja Bujang sebagai pemerintah baru di Pahang untuk menggantikan Sultan Abdul Ghafar.<sup>42</sup> Hal ini menyebabkan Acheh menyerang Johor sekali lagi dan menawan Sultan Alaudin. Baginda telah dibawa ke Acheh dan mangkat di sana pada tahun 1617. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam kemudiannya melantik adinda tirinya, Raja Abdullah (Raja Bongsu) sebagai pemerintah baru di Johor. Raja Abdullah bergelar Sultan Abdullah Maayat Shah. Sementara itu, perlantikan Raja Bujang di Pahang tidak diiktiraf oleh pemerintah Acheh. Hal ini disebabkan Raja Bujang dilantik oleh Portugis. Oleh itu, Acheh telah menyerang Pahang dan Raja Bujang terpaksa melarikan diri ke Pulau Lingga.

Baginda telah disertai kemudiannya oleh Sultan Abdullah Maayat Shah yang pada masa itu turut bermusuhan dengan Sultan Iskandar Mahkota Alam dari Acheh.<sup>43</sup> Acheh kemudiannya menyerang Pulau Lingga yang menyebabkan kedua-dua sultan melarikan diri ke Pulau Tambelani. Sultan Abdullah mangkat di Pulau Tambelani pada tahun 1628. Kemangkatan baginda membolehkan Raja Bujang diterima dan kemudiannya dilantik sebagai pemerintah baru bagi kerajaan Johor-Pahang. Raja Bujang ditabalkan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Shah III<sup>44</sup> yang beribu kota di Makam Tauhid.

Kesungguhan Pahang untuk menyingkirkan kuasa Acheh dapat dilihat di antara tahun-tahun 1629 - 1635. Pahang sering mengubah dasar-dasar pemerintahannya mengikut kesesuaian Belanda dan Portugis. Pahang akan bertindak untuk membantu sama ada Belanda atau Portugis apabila mendapati bahawa bantuan itu akan memberi faedah kepada Pahang. Keadaan ini berterusan sehingga muncul-

nya Iskandar Thani, putera Sultan Ahmad, bekas Sultan Pahang, pada tahun 1637.<sup>45</sup> Iskandar Thani telah dilantik sebagai pemerintah Aceh yang baru dengan gelaran Sultan Iskandar Thani. Perlantikan anak raja Pahang ini telah membawa perubahan kepada suasana politik di Kepulauan Melayu. Satu perjanjian keamatan dimeterai oleh kedua-dua pihak yang bersengketa, iaitu pada tahun 1637 di Pulau Bulang, di kepulauan Riau-Lingga.<sup>46</sup>

Bagi Sultan Abdul Jalil Shah III pula, pada tahun 1637 ini juga amat bererti kepadanya. Baginda berjaya mengukuhkan dirinya sebagai pemerintah baru Johor-Pahang. Oleh itu, baginda memutuskan untuk memperkuatkan kawalannya ke atas empayar Johor. Baginda bertindak mencabar segala tuntutan Aceh ke atas Pahang. Kemudiannya, pada tahun 1638, baginda telah menyerang Pahang. Baginda juga membantu pihak Belanda menyerang Portugis di Melaka.<sup>47</sup> Akhirnya, Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641.<sup>48</sup> Pada waktu yang sama, Aceh menggugurkan tuntutannya ke atas Pahang.<sup>49</sup> Ini bermakna, Johor kini bebas daripada ancaman Aceh.

Kemerosotan kuasa Aceh membantu Johor memperluaskan kekuasaan dan kedaulatannya hampir ke seluruh Kepulauan Riau-Lingga, seperti Bengkalis, Siak dan Kampar. Sultan Abdul Jalil Shah III diberi pengiktirafan sebagai pemerintah Johor-Pahang, manakala Raja Bajau, putera Almarhum Sultan Abdullah Maayat Shah pula dilantik sebagai Yam Tuan Muda (1641 - 1676).

Pahang bertambah makmur dan memulakan hubungan perdagangan dengan negeri-negeri lain. Salah satu hubungan perdagangannya adalah dengan Jambi, sebuah pelabuhan yang penting di Sumatera. Namun begitu, hubungan perdagangan dengan Jambi itu telah ditamatkan apabila berlakunya satu krisis di antara kedua-dua pemerintah Pahang dan Jambi pada tahun 1664.<sup>50</sup> Hubungan perdagangan tersebut berakhir pada tahun 1673, Jambi telah menyerang Johor. Perperangan itu menyebabkan Sultan Abdul Jalil Shah III melaikkan diri ke Pahang dan mangkat pada tahun 1677.<sup>51</sup> Yamtuan Muda, Raja Bajau juga mangkat pada tahun yang

sama dan baginda telah digantikan oleh putera baginda Raja Ibrahim (1677 - 1685).<sup>52</sup> Baginda menguasai kerajaan Johor - Pahang tetapi beribu kota di Riau. Pemilihan Riau sebagai pusat pemerintahan berhubung rapat dengan faktor kedudukan Riau yang strategik. Oleh itu, di Johor, Tuan Habib Abdul Majid telah menjawat jawatan Bendahara serta bergelar Bendahara Seri Maharaja.<sup>53</sup>

Apabila Raja Ibrahim di Riau mangkat pada tahun 1685, baginda telah digantikan oleh puteranya, Mahmud. Namun begitu, usia Mahmud yang masih kecil menyebabkan bondanya mengambil alih tumpuk pemerintahan.<sup>54</sup> Baginda telah dibantu oleh ayahandanya, Tuan Abdul Paduka Raja, yang sememangnya tidak disukai oleh rakyat tanah jajahannya. Justeru itu, empayar Johor - Pahang semakin lemah terutama dari segi politik. Keadaan ini dipergunakan sepenuhnya oleh pembesar-pembesar negeri yang diketuai oleh Bendahara untuk memperkuuhkan kedudukan mereka di kalangan rakyat. Akibatnya, Bendahara Tuan Habib Abdul Majid berjaya merampas kuasa dan menyingkirkan Tun Abdul Paduka Raja pada tahun 1688. Sultan Mahmud Shah II, pemerintah Johor - Pahang yang masih kecil itu dibawa ke Johor. Baginda telah ditabalkan sebagai Sultan Johor - Pahang<sup>55</sup> yang baru tetapi malangnya baginda pemerintah yang lemah. Sultan Mahmud lebih dikenali sebagai seorang raja yang tidak siuman. Baginda mangkat dibunuh pada tahun 1699 di Kota Tinggi, Johor. Kemangkatan baginda juga menandakan berakhirmnya keturunan sultan daripada keluarga diraja Melaka di Johor.

Permulaan abad ke-17, memperlihatkan satu teraju kuasa yang berpusat kepada Bendahara. Golongan Bendahara berjaya menggunakan kuasa pemerintahan secara meluas dan berkesan. Kuasa sultan pula semakin berkurangan. Pada tahun 1699, Bendahara Tun Abdul Jalil menjadi sultan baru bagi kerajaan Johor - Pahang, menggantikan Sultan Mahmud II yang mangkat.<sup>56</sup> Baginda bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Perlantikan ini disokong sepenuhnya oleh para pembesar Johor. Mengikut perlumbagaan, sescorang sultan yang mangkat tanpa pengganti atau waris, memberi hak kepada Bendahara untuk menerajui pemerintahan.<sup>57</sup> Oleh itu,

sebagai wakil mutlak Sultan Abdul Jalil bertindak menaikkan taraf serta kedudukan putera-puterinya daripada taraf Tun kepada Tengku untuk memberikan status diraja. Sultan Abdul Jalil juga melantik adindanya, Tun Mahmud sebagai Yamtuan Muda yang baru, Tun Mas Jiwa diangkat sebagai Temenggong yang kemudiannya menjadi Bendahara, bergelar Bendahara Seri Maharaja.<sup>60</sup> Pada tahun 1708, ibu negeri kerajaan Johor - Pahang dipindahkan ke Riau dari Panchor, mengikut nasihat Yamtuan Muda Tun Mahmud. Oleh itu, Riau menjadi pusat kekuasaan dan pentadbiran yang baru. Pada tahun 1716, Sultan Abdul Jalil kembali semula ke Panchor (Johor).<sup>61</sup> Kepulangan baginda disebabkan persaingan dan kekacauan hebat yang ditimbulkan oleh orang-orang Minangkabau di Riau. Namun begitu, kepulangan baginda ke Johor tidak memulihkan keadaan malah, antara tahun 1717 - 1718, Johor diserang bertubi-tubi oleh tentera Minangkabau yang diketuai oleh Raja Kechil. Menurut Raja Kechil, baginda adalah putera Almarhum Sultan Mahmud Shah II daripada kerajaan Johor - Pahang.<sup>62</sup> Dakwaan ini menyebabkan Sultan Abdul Jalil IV menyerahkan takhta kepada Raja Kechil. Kemudian, Raja Kechil melantik dirinya sebagai pemerintah baru empayar Johor - Pahang - Riau. Raja Kechil bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718 - 1722)<sup>63</sup> tetapi kedudukan tersebut tidak berkekalan.

Awal abad ke-18 juga menandakan suatu peringkat baru dalam sejarah Johor dengan kehadiran adik-beradik Bugis yang terkenal.<sup>64</sup> Adik-beradik Bugis tersebut telah berpihak kepada Sultan Abdul Jalil IV. Pemihakan Bugis ini amat penting bagi Sultan Abdul Jalil kerana bantuan ketenteraan Bugis dapat membantu baginda mencapai matlamatnya. Sultan Abdul Jalil bercadang mengusir orang-orang Minangkabau dari Johor. Selari dengan itu, Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil menandatangani satu perjanjian dengan Bugis yang menyatakan persetujuan Bugis untuk menghalau orang-orang Minangkabau daripada Empayar Johor - Pahang - Riau. Sebagai balasan, salah seorang adik-beradik Bugis akan dilantik menjadi Yamtuan Johor. Perjanjian sulit tersebut telah dipersetujui oleh Sultan Abdul Jalil IV.<sup>65</sup> Orang-orang Bugis itu kemudiannya memulakan beberapa serangan ke atas Johor antara tahun 1719 - 1722 sebelum

berjaya menawannya. Serangan Bugis yang juga disokong oleh Raja Sulaiman, berjaya mengusir Raja Kechil dari Riau. Kemenangan Bugis ini turut membawa beberapa pembaharuan dalam kerajaan Johor - Pahang - Riau. Raja Sulaiman telah ditabalkan sebagai sultan yang baru bagi empayar Johor - Pahang - Riau oleh Bugis pada tahun 1722 manakala adinda baginda, Tun Abad pula dilantik sebagai Bendahara Seri Maharaja.

Berikutan perjanjian sulit di antara Raja Sulaiman dan orang-orang Bugis, seorang Yamtuan Muda telah dilantik daripada kalangan Bugis. Daing Merewah, yang juga dikenali sebagai Upu Kelana Jaya Putera, adinda kepada Daing Parani telah diantik sebagai Yamtuan Muda yang pertama di empayar tersebut.<sup>66</sup> Bermula daripada saat tersebut orang-orang Bugis mula bertapak dalam pemerintahan Johor.

Mulai tahun 1722, suasana politik di empayar Johor - Pahang - Riau mulai berubah. Orang-orang Bugis mempunyai pengaruh yang luas dalam pemerintahan. Jawatan Yamtuan Muda hanya terhad untuk keluarga Bugis sahaja<sup>67</sup> yang sekaligus memberi taraf dan kuasa politik dominan kepada Bugis dan kadangkala, melebihi sultan. Melalui perkahwinan, orang-orang Bugis berjaya meneguhkan lagi kedudukannya di Johor.

Penguasaan Bugis di dalam pemerintahan empayar Johor - Pahang - Riau ini tidaklah disenangi oleh para pembesar negeri. Perasaan anti-Bugis timbul kerana pengaruh Bugis yang meluas dalam pemerintahan. Yamtuan Muda jauh lebih berkuasa daripada sultan. Hal ini menimbulkan perasaan marah di kalangan pembesar tempatan. Kuasa dan kepentingan pembesar tempatan semakin pudar dan lemah. Orang Bugis juga dianggap sebagai perampas kuasa dan pengancam kedaulatan empayar tersebut. Persengketaan sering berlaku di antara pembesar-pembesar Melayu dan ketua-ketua Bugis. Keadaan permusuhan terhadap Bugis dan ketidakteraman di dalam negeri menyebabkan pembesar tempatan mencari pertolongan daripada kuasa-kuasa Eropah seperti Belanda dan British.<sup>68</sup> Pada tahun 1755, Sultan Sulaiman telah memohon bantuan Belanda untuk menghalau Bugis. Belanda telah bersetuju dan sebagai balasan Belanda dibenarkan berniaga di Johor dan mendapat kuasa monopolii perdagangan bijih di

negeri-negeri Selangor, Klang dan Linggi. Belanda telah menyerang Bugis di Lingga pada tahun 1756 akibat serangan Bugis ke atas Melaka. Hal ini membawa kepada termeterinya perjanjian damai di antara Bugis dan Belanda pada tahun 1758. Orang-orang Bugis bersedia mengiktiraf kuasa sultan ke atas Johor dan memberi kebebasan perdagangan kepada Belanda. Johor bebas daripada kuasa Bugis dan berada dalam keadaan aman. Namun begitu, keadaan ini tidak berpanjangan.

Sultan Sulaiman mangkat pada tahun 1760. Almarhum telah digantikan oleh putera baginda, Raja Ahmad yang memerintah selama setahun. Apabila Raja Ahmad mangkat, adindanya, Sultan Mahmud Shah III ditabalkan menjadi sultan Johor - Pahang - Riau yang baru. Oleh kerana Sultan Mahmud Shah III masih kecil, Daing Kemboja yang menjadi Yamtuan Muda mengambil alih pemerintahan. Keadaan ini membolehkan Bugis memulihkan semula kuasanya. Daing Kemboja dibantu oleh Raja Haji, pahlawan Bugis yang terkenal. Raja Haji bukan sahaja membantu memulihkan kuasa Yamtuan Muda tetapi juga berjaya mengawal semula negeri-negeri jajahan empayar Johor - Pahang - Riau. Selepas kemangkatan Daing Kemboja pada tahun 1777, Raja Haji telah melantik dirinya sebagai Yamtuan Muda. Kuasa pemerintahan Johor telah kembali semula kepada Bugis. Namun begitu, sikap permusuhan antara pembesar Melayu dan Bugis terus berleluasa. Sikap anti-Belanda orang Bugis berterusan. Kemuncak permusuhan Bugis-Belanda ini tercetus apabila Bugis menyerang Melaka, yang membawa kepada kematian Yamtuan Muda, Raja Haji pada tahun 1784. Bermula saat itu, kuasa Bugis mulai lemah. Tentera Belanda telah menyerang Selangor yang menyebabkan pemerintah Selangor, Sultan Ibrahim, melarikan diri ke Pahang. Belanda juga telah menyerang Riau yang menyebabkan Raja Ali ( putera Daing Kemboja ) lari ke Mampawah di Borneo Barat.<sup>69</sup> Kemenangan Belanda ini telah menghapuskan kuasa Bugis. Sultan Mahmud Shah III telah dilantik sebagai sultan di Riau, tetapi baginda berada dalam cengkaman Belanda.<sup>70</sup>

Sultan Mahmud Shah III yang dibantu oleh Bendahara Tun Abdul Majid<sup>71</sup> dari Pahang memutuskan untuk memeterai suatu perjanjian dengan Belanda pada bulan Februari 1787. Tujuan perjanjian tersebut adalah untuk memulihkan semula kedudukan baginda dalam kerajaan. Baginda berharap untuk membebaskan diri daripada kawalan Raja Tua, Raja Bendahara, Raja Temenggong dan Raja Indera Bongsu. Sebagai balasan, Riau akan diserahkan kepada Belanda. Belanda dibenarkan mengutip cukai perdagangan dari kapal-kapal perdagangan China tetapi baginda tidak memberi hak berdagang di Pahang.<sup>72</sup>

Perjanjian tersebut pada dasarnya tidak memberi faedah kepada Sultan Mahmud Shah III tetapi telah menunjukkan kekuasaan Belanda di pengairan tempatan. Bendahara Tun Abdul Majid juga menyedari bahawa Pahang akan jatuh ke tangan Belanda. Oleh itu beliau telah menyokong Sultan Mahmud yang berusaha mendapatkan bantuan daripada lanun Tempasuk (Borneo Utara)<sup>73</sup> untuk mengalahkan Belanda di Riau. Pada bulan Mei 1787, lanun Tempasuk telah menyerang kubu pertahanan Belanda di Riau. Residen Belanda di Riau, David Rhude dan pasukan tenteranya berundur ke Melaka. Sultan Mahmud yang bimbang akan kemungkinan diserang oleh Belanda telah memindahkan ibu negerinya ke Lingga dan cuba mendapatkan pertolongan British,<sup>74</sup> sementara Bendahara Tun Abdul Majid kembali ke Pahang. Ketiadaan Sultan Mahmud di Riau ternyata menyukarkan Belanda. Perkembangan perdagangan di Riau memerlukan sokongan Sultan Mahmud dan baginda mestilah berada di Riau. Oleh itu Belanda telah memujuk Sultan Mahmud supaya kembali ke Riau. Namun begitu, Sultan Mahmud terus mendesak Belanda supaya memenuhi tuntutan baginda terlebih dahulu. Sultan Mahmud mahu Belanda mengembalikan kuasanya di Riau sekiranya Belanda mahu baginda pulang ke Riau. Baginda juga mahukan Belanda menyekat pemuliharan kuasa Bugis dan bersedia membayar sejumlah wang bernilai \$60,000 kepada Belanda.<sup>75</sup>

Belanda bersetuju dengan syarat-syarat tersebut. Namun begitu, Belanda tidak dapat melaksanakan permintaan Sultan Mahmud tersebut kerana pada tahun 1795, British telah menduduki Melaka. Kehadiran British di Melaka disebabkan peristiwa yang berlaku di Eropah. Pada tahun 1795, negara Belanda telah ditawan oleh pasukan revolusiner Perancis yang diketuai oleh Napoleon Bonaparte. Akibatnya, Putera William V of Orange yang memerintah secara oligarki sebelum ini, terpaksa menerima pemerintahan secara demokratik. Raja William V melarikan diri dan hidup dalam buangan di England. Baginda mengarahkan British supaya menduduki Melaka dan wilayah-wilayah Belanda yang lain di pantai barat Sumatera. Arahan ini dibuat kerana baginda berasa bimbang akan negeri-negeri jajahan Belanda di Timur yang berkemungkinan turut ditawan oleh Perancis. British berjanji untuk membantu Belanda dan mengembalikan semula koloni-koloni Belanda tersebut apabila peperangan tamat.<sup>76</sup>

Pemindahan kuasa Belanda-British ini membawa kesan yang besar kepada negeri-negeri di kepulauan Melayu. Bagi Sultan Mahmud Shah III dan orang-orang Bugis, hal ini amat menguntungkan. Riau dikembalikan semula kepada Sultan Mahmud III. Baginda pulang ke Riau walaupun baginda lebih suka menetap di Lingga. Bagi Bugis pula, kekuasaan ke atas empayar Johor-Pahang-Riau gagal diperkuuhkan semula tetapi orang Bugis dibenarkan semula kembali ke Riau.

Engku Muda Muhammad (putera Temenggong Abdul Jamal) telah dilantik oleh Sultan Mahmud Shah III sebagai Yamtuan Muda Riau. Dalam Tahun 1801, satu perbalahan telah berlaku yang menyebabkan Engku Muda Muhammad diusir oleh Raja Ali dari Riau.<sup>77</sup> Engku Muda Muhammad telah berpindah ke Bulang.<sup>78</sup> Perdamaian di antara kedua-dua Raja Ali dan Engku Muda Muhammad hanya tercapai dalam tahun 1802 apabila Bendahara Tun Abdul Majid dari Pahang menyelesaikan masalah tersebut.

### Pemecahan Empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga.

Antara tahun 1801 hingga 1802, suatu perebutan kuasa berlaku di Pahang. Anak-anak Bendahara Tun Abdul Majid, Tun Abdul Mutualib, Tun Muhammad, Tun Kuris dan Tun Da sering bersengketa merebut jawatan Bendahara. Akibatnya, pada tahun 1802, Tun Abdul Mutualib mati dibunuh oleh bapa saudaranya, Temenggung Tun Abdul Jamal (adik Bendahara Tun Abdul Majid).<sup>79</sup> Kemudian Bendahara Tun Abdul Majid pula meninggal dunia pada tahun tersebut yang menyebabkan Tun Muhammad dilantik sebagai pengganti oleh Sultan Mahmud dari Riau-Lingga. Malangnya, sewaktu dalam perjalanan pulang dari Riau ke Pahang, Tun Muhammad mati lemas. Oleh itu, jawatan Bendahara jatuh kepada Tun Kuris,<sup>80</sup> seorang Bendahara yang paling kejam pernah memerintah Pahang.

Kuasa Bendahara semakin dominan di Pahang. Pada tahun 1806, Sultan Mahmud Shah, pemerintah Riau-Lingga telah melantik Temenggung Abdul Rahman (putera Daing Kechil) sebagai Temenggung Seri Maharaja untuk memerintah Johor, Singapura dan pulau-pulau sekitarnya<sup>81</sup> yang beribu negeri di Bulang.<sup>82</sup> Tun Ali yang menjadi Bendahara Seri Maharaja yang baru bagi Pahang pada tahun 1806, berjaya mengukuhkan lagi kuasa autonomi Bendahara. Perkembangan kuasa Bendahara di Pahang ini mengurangkan lagi kesetiaan pemerintah Pahang kepada sultan di Riau-Lingga. Mulai tahun tersebut, empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga mulai menunjukkan tanda-tanda perpecahan.

Perbalahan terus berlaku di kalangan golongan pemerintah. Hal ini ditambah pula dengan pengenalan berbagai-bagai polisi perdagangan oleh kuasa Belanda dan British<sup>83</sup> yang secara tidak langsung menyumbang ke arah perpecahan empayar tersebut. Sultan Mahmud Shah yang berada di Riau cuba mengawal dan mengimbangi kuasa Bendahara Pahang ketika itu supaya setaraf dengan Yamtuan Muda Riau (84). Walaupun begitu, rancangan baginda itu tidak berjaya.

Pada tahun 1812, Sultan Mahmud Shah mangkat tanpa meninggalkan waris lelaki daripada golongan diraja. Baginda hanya mempunyai dua orang putera, iaitu Abdul Rahman<sup>85</sup> dan Hussein daripada isteri-isteri kebanyakannya. Keadaan ini menimbulkan perbalahan. Hal ini ditambah pula dengan keputusan Raja Jaafar, Yamtuan Muda ke-6<sup>86</sup> untuk mengambil alih pemerintahan di Riau. Raja Jaafar lalu melantik Abdul Rahman sebagai sultan yang baru.<sup>87</sup> Perlantikan tersebut menyebabkan timbulnya perselisihan di antara Abdul Rahman dan Hussein kerana pada masa itu, Hussein berada di Pahang.<sup>88</sup> Keadaan perselisihan bagi merebut jawatan sultan ini berlanjutan sehingga tahun 1822. Hal ini berlanjutan kerana Tunku Puteri<sup>89</sup> yang menyimpan alat-alat kebesaran diraja, enggan meyerahkannya kepada pengganti sultan. Mengikut adat, alat-alat kebesaran diraja sepatutnya diserahkan kepada pengganti sultan sewaktu kemangkatan ayahandanya, sebelum seorang pengganti sultan itu dapat diisyiharkan sebagai pemerintah baru. Justeru itu, berlakulah perperangan di antara kedua-dua adik-beradik tersebut. Hussein telah meminta bantuan Bendahara Ali dari Pahang, tetapi Bendahara Ali tidak mahu melibatkan dirinya dalam persengketaan di Riau-Lingga itu atas nasihat British.

Bagi Yamtuan Muda Raja Jaafar, keadaan persengketaan di antara kedua-dua bakal pengganti sultan tersebut menambahkan masalah kepada baginda. Perperangan Inggeris-Belanda yang memuncak bertujuan untuk merebut monopoli perdagangan di Riau, menyebabkan baginda tersepit diantara kedua-dua kuasa perdagangan tersebut. Pada bulan Julai 1818, Raja Jaafar menerima sepucuk surat daripada Stamford Raffles. Menurut Raffles, Belanda ingin menawan Johor dan menasihatkan baginda mendapatkan bantuan British. Justeru itu, Raja Jaafar menandatangani satu perjanjian dengan British pada bulan Ogos 1818. Mengikut perjanjian tersebut, British diberi kebebasan untuk berdagang di seluruh empayar Johor-Pahang-Riau. Kemudian pada bulan November 1818, Raja Jaafar telah memeterai suatu perjanjian dengan Laksamana Belanda, Wolterback. Menurut perjanjian tersebut, Raja Jaafar membentarkan Riau dan Lingga menjadi pelabuhan bebas dan "semua pelabuhan lain dalam kerajaan sultan

turut menjadi pelabuhan bebas hanya kepada Belanda dan kapal-kapal tempatan".<sup>90</sup> Keadaan ini membawa perubahan besar kepada British dan Raja Jaafar.

Satu pasukan tentera Belanda tiba di Riau untuk membantu Abdul Rahman merampas alat kebesaran diraja yang disimpan oleh Tunku Puteri. Hanya pada bulan November 1812, alat kebesaran diraja tersebut diberikan kepada Abdul Rahman sebelum ditabalkan sebagai sultan bagi Lingga.<sup>91</sup> Pertabalan Sultan Abdul Rahman ini tidak disokong sepenuhnya oleh Bendahara Ali dan Temenggung Johor.

Empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga menunjukkan tanda-tanda perpecahan yang nyata setelah termeterainya perjanjian di antara Temenggung Seri Maharaja Daing Abdul Rahman Johor dengan Raffles. Pada bulan Januari 1819, Temenggung telah memberi kebenaran kepada Raffles untuk menubuhkan sebuah penempatan British di Singapura. Penubuhan pusat perdagangan ini penting bagi British kerana Singapura boleh dijadikan sebagai pusat monopoli perdagangan Inggeris di antara China dan India di kepulauan Melayu. British berjanji kepada Temenggung untuk melindunginya dan memberikan sejumlah \$3000 setiap tahun.<sup>92</sup> Pada mulanya Raffles mengakui Sultan Abdul Rahman (Riau) sebagai sultan berdaulat bagi Johor, Pahang dan negeri-negeri naungannya; tetapi memandangkan Sultan Abdul Rahman dan Yamtuan Muda, Raja Jaafar di bawah telunjuk Belanda, Raffles memutuskan untuk mengiktiraf Hussein sebagai sultan baru empayar Johor-Pahang-Riau pada bulan Februari 1819.<sup>93</sup> Pengiktirafan ini turut menandakan permulaan kuasa British dan kawalan ke atas Singapura dan pengairan Selat Melaka. British juga dibenarkan membina sebuah kilang di Singapura dan melantik Mejar Farquhar sebagai Residen Inggeris pertama di Singapura. Sejak itu "semua orang diarahkan supaya mematuhi Mejar Farquhar, seperti yang diminta olehnya"<sup>94</sup> Sementara itu, percubaan Sultan Abdul Rahman untuk mendapatkan kembali Johor diawasi sepenuhnya oleh Inggeris.

Perjanjian Inggeris-Belanda<sup>95</sup> yang ditandatangani pada bulan Mac 1824, umumnya telah dapat menghalang usaha-usaha Sultan Abdul Rahman untuk menguatuksakan pengaruh baginda di Semenanjung Tanah Melayu kerana baginda dikehendaki tinggal di Pulau Riau-Lingga yang merupakan Wilayah naungan Belanda.<sup>96</sup>

Pada tahun 1823, John Crawford, Residen Singapura antara tahun 1823 - 1826 telah menandatangani suatu perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Daeng Abdul Rahman. Dalam perjanjian tersebut Inggeris mendapat hak monopoli perdagangan dan Singapura diserahkan kepada Inggeris secara sah.<sup>97</sup> Melalui perjanjian Inggeris-Belanda pula empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga kini berpecah. Kawasan kepulauan Melayu kini dibahagikan kepada dua bahagian. Seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan ke utara Selat Singapura, diletakkan di bawah pengaruh Inggeris, manakala seluruh gugusan pulau Melayu di selatan Selat Singapura pula di bawah pengaruh Belanda. Justeru itu, pemerintah-pemerintah Melayu juga terpaksa menyesuaikan diri dengan pembahagian ini.

Pemerintah pertama di Tanah Melayu yang mengiktiraf Sultan Hussein sebagai pemerintah Johor yang sah adalah Bendahara Ali dari Pahang. Baginda cuba menyesuaikan keadaan pemecahan kuasa empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga dengan memberi pengiktirafan kepada Sultan Hussein. Tindakan baginda ini menyebabkan pemerintah-pemerintah Melayu lain, menghormati kedudukan dan kejujuran baginda sebagai pemerintah berdaulat. Kemudian, pada tahun 1841, Bendahara Ali telah menabalkan anak Temenggung Abdul Rahman, Ibrahim sebagai Temenggung baru Johor, di Teluk Belanga.<sup>98</sup> Bendahara Ali kemudiannya memutuskan untuk mengukuhkan kuasa dan kawalannya di Pahang dan mengisytiharkan dirinya sebagai pemerintah bebas di Pahang.

### **Pemerintahan Bendahara Ali Di Pahang**

Bendahara Ali merupakan pemerintah paling lama di empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga. Langkah pertama yang diambilnya bagi memperkuatkuhan lagi kedudukannya, dengan menjalin satu hubungan

mesra dengan pemerintah - pemerintah lain yang berhampiran dengan Pahang. Justeru itu, baginda telah mengahwinkan puteranya, Wan Mutahir yang bergelar Engku Muda ( pada tahun 1832 )<sup>99</sup> dengan Tengku Chik, puteri Sultan Ahmad Terengganu.<sup>100</sup> Tindakan ini diambil untuk menjalin suatu hubungan harmoni dengan Sultan Muhammad Lingga.<sup>101</sup> Baginda juga menganugerahkan gelaran baru kepada anak-anak dan cucu-cucunya, yang bertujuan supaya baginda memperolehi keyakinan dan sokongan daripada semua pihak terutama penyokong-penyokongnya. Baginda menganugerahkan gelaran Engku Panglima Raja kepada Wan Ismail. Tun Kuris pula dilantik sebagai Panglima Perang, sementara Wan Aman dan Wan Suleiman dilantik sebagai pembesar-pembesar negeri. langkah penganugerahan oleh Bendahara Ali ini sememangnya bertujuan untuk menjamin kesetabilan politik di Pahang. Baginda tidak mahu perbalahan antara kerabat diraja melemahkan kerajaannya. Sewaktu pemerintahan baginda, terdapat beberapa pembesar negeri yang banyak membantu baginda mengekalkan keamanan di Pahang,<sup>102</sup> seperti Orang Kaya Indera Maharaja Perba dari Jelai dan Orang Kaya Indera Pahlawan dari Chenor. Justeru itu, pemerintahan Bendahara Ali dikatakan sebagai pemerintahan yang bebas daripada kekacauan-kekacauan dalam negeri.<sup>103</sup>

### **Perang Saudara Di Pahang**

Faktor kebijaksanaan Bendahara Ali memerintah menjadi faktor utama pengukuhan kuasa dan kedudukan baginda sebagai pemerintah Pahang. Pada tahun 1856, Bendahara Ali mangkat. Kemangkatan baginda ini telah menyebabkan berlakunya satu perang saudara di antara putera-puteranya, Wan Mutahir dan Wan Ahmad. Akibatnya rakyat Pahang berpecah menjadi dua puak. Perang saudara tersebut berpunca daripada surat wasiat Bendahara Ali.

Sebelum kemangkatananya, baginda telah menulis satu surat wasiat yang menyatakan bahawa putera kesayangannya, Wan Ahmad akan diberi kuasa untuk memerintah Kuantan dan Sungai Endau. Malangnya, apabila Bendahara Wan Mutahir, saudara Wan Ahmad yang lebih tua,

menaiki takhta Pahang pada tahun 1857, baginda tidak mengendahkan isi surat wasiat tersebut.<sup>105</sup> Hal ini menimbulkan kemarahan Wan Ahmad. Keadaan ini ditambah pula dengan kegagalan Bendahara Wan Mutahir menziarahi ayahandanya yang nazak di saat - saat akhir sebelum almarhum mangkat.

Selain itu, faktor keturunan juga menjadi punca perbalahan kedua-dua adik-beradik tersebut. Bendahara Wan Mutahir adalah anak gundik, manakala Wan Ahmad pula, anak kepada isteri Bendahara Ali yang sah. Oleh itu, Wan Ahmad merasakan bahawa beliau lebih berhak menuntut dan menduduki takhta kerajaan Pahang daripada Bendahara Wan Mutahir. Berdasarkan sebab-sebab inilah, Wan Ahmad bertindak menentang saudaranya.

Wan Ahmad sememangnya bernasib baik. Sultan Mahmud Muzaffar Shah Lingga<sup>106</sup> telah menyokong Wan Ahmad menentang Bendahara Wan Mutahir. Sokongan baginda terhadap Wan Ahmad disebabkan kegagalan baginda untuk menjadi sultan di Pahang setelah diusir oleh Belanda pada tahun 1857. Bendahara Wan Mutahir juga menentang percubaan Sultan Mahmud untuk mengiktiraf dirinya sebagai Sultan Pahang. Oleh itu, Sultan Mahmud menyokong Wan Ahmad. Begitu juga saudara Sultan Mahmud Shah iaitu Sultan Baginda Omar dari Terengganu,<sup>107</sup> yang mempunyai motif tersendiri menyokong Wan Ahmad. Sejak awal tahun 1850-an lagi, Sultan Baginda Omar mahu menyekat penguasaan Temenggung Ibrahim dari Johor dalam hal-hal perdagangan.<sup>108</sup> Oleh itu, sokongan terhadap Wan Ahmad akan dijadikan alat menyekat penguasaan Temenggung Ibrahim tersebut. Pada waktu yang sama, Sultan Mahmud juga disokong oleh Siam yang mahu melantik baginda sebagai Sultan Terengganu. Hasrat Siam ini adalah disebabkan keengganan Sultan baginda Omar memberi penghormatan peribadi kepada Raja Siam dan seterusnya mengakui pertuanan Siam. Walaupun begitu, Terengganu tetap menghantar bunga emas sebagai ufti yang menjadi adat raja-raja Melayu. Sikap tersebut menyebabkan Siam memilih Sultan Mahmud sebagai Sultan Terengganu.<sup>109</sup> namun begitu, sokongan Siam terhadap Sultan

Mahmud juga berlandaskan kepada kepentingan politik tersendiri di Pahang.

Bagi Temenggung Ibrahim pula yang mengikuti dengan teliti perkembangan perang saudara di Pahang, bertindak menyokong Bendahara Wan Mutahir. Baginda menganggap Wan Ahmad sebagai penghalang untuk segala rancangan penguasaan terhadap Pahang. Selain itu, baginda juga bimbang dengan segala percubaan Sultan Mahmud yang ingin mendapatkan Johor dan Pahang. Campur tangan Siam di Pahang turut membimbangkan Temenggung Ibrahim kerana Siam mungkin menyekat kepentingan-kepentingan perdagangan Johor di Pahang. Oleh itu, baginda bertindak membantu Wan Mutahir yang lemah<sup>110</sup> dan sudah lanjut usianya.

Sokongan yang diterima oleh Wan Ahmad daripada pelbagai pihak telah mendorong beliau memulakan serangan ke atas Pahang. Pada bulan Julai 1857, Wan Ahmad telah menjadikan Pulau Tekong di Singapura sebagai pengkalan tenteranya untuk menyerang Pahang. Malangnya, hasrat penyerangan Pahang tersebut terhalang kerana Temenggung Ibrahim lebih cepat bertindak, memberitahu British berkenaan serangan Wan Ahmad tersebut. Tujuan Temenggung Ibrahim bertindak demikian, supaya Wan Ahmad tidak meneruskan rancangan tersebut. Walaupun begitu, Temenggung Ibrahim telah dinasihati oleh British supaya tidak campur tangan dalam hal-elwal negeri Pahang.<sup>111</sup> British juga mengingatkannya bahawa sebarang campur tangan di negeri tersebut menyebabkan perlanggaran syarat-syarat perjanjian 1824. British juga tidak mahu campur tangan dalam apa jua persengketaan di kalangan penduduk tempatan ketika itu. Amaran British ini umumnya gagal menyekat usaha Wan Ahmad untuk memulakan serangan ke Pahang. Justeru itu, Temenggung Ibrahim terpaksa mencari ikhtiar lain untuk menentang Wan Ahmad.

Pada bulan Julai 1857, Temenggung Ibrahim berpindah ke Kemaman dan berjaya mengumpulkan orang untuk pasukan tenteranya. Hal ini menyebabkan Sultan Baginda Omar mengeluarkan perintah supaya para pembesarnya membantu Wan Ahmad,<sup>112</sup> jika tidak mahu dihukum gantung. Perintah tersebut menyebabkan jumlah tentera

Temenggung Ibrahim berkurangan tetapi menambah jumlah tentera Wan Ahmad. Tentera yang ramai membolehkan Wan Ahmad melancarkan serangan laut ke atas Pahang pada bulan November 1857. Kemaman dijadikan sebagai pengkalan tentera Wan Ahmad. Serangan tersebut yang juga dikenali sebagai perperangan orang Kemaman,<sup>113</sup> membawa kemenangan kepada Wan Ahmad kerana beliau berjaya menawan Kampung China yang di bawah kekuasaan Engku Saiyid, saudara ipar Wan Mutahir. Kejayaan tersebut menguatkan semangat Wan Ahmad dan turut mendorongnya menyerang Ganchong, kubu utama Wan Mutahir. Ganchong jatuh dengan mudah ke tangan Wan Ahmad lalu menyebabkan Wan Mutahir melarikan diri ke Chenor. Sehingga bulan Februari 1858, angkatan tentera Wan Ahmad mempunyai panglima yang handal seperti Inche Koming, Imam Perang Raja, Inche Endut, Panglima Raja, Inche Talib Panglima Laut, Hitam Pengasoh, Panglima Dalam, Panglima Kakap Bahaman, Panglima Tunggal, Panglima Hitam dan Panglima Muda. Bagi pasukan tentera Kemaman pula diketuai oleh Saiyid Idrus, Raja Muda dan Wan Dagang.

Sementara itu, Wan Mutahir, yang menyedari pasukan tenteranya yang semakin lemah dan kedudukan baginda yang semakin terancam, mengambil keputusan untuk menguatkan angkatan tenteranya. Orang-orang baru diambil untuk pasukan tenteranya dan baginda menganugerahkan beberapa gelaran<sup>114</sup> yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan penyokong baginda dan seterusnya membaiki kedudukan baginda yang semakin lemah. Bendahara Wan Mutahir disokong oleh Maharaja Perba Tuk Jelai dan anak-anaknya, Wan Embong dan Wan Muhammad. Usaha Wan Mutahir menguatkan tenteranya itu membawa kemenangan kepada pasukannya dan Wan Ahmad telah dapat dikalahkan di Pulau Manis. Pasukan Wan Ahmad kemudiannya berundur ke Kemaman. Kekalahan Wan Ahmad ini juga menandakan berakhirnya usahanya mendapatkan jawatan Bendahara secara kekerasan. Kegagalan tersebut terutamanya disebabkan oleh ketiadaan disiplin di kalangan tenteranya yang lebih berminal terhadap harta rampasan di Ganchong daripada mempertahankan diri mereka. Namun begitu, kegagalan Wan Ahmad itu tidak melemahkan semangatnya untuk merebut jawatan Bendahara daripada Wan Mutahir.

Pada tahun 1858, Wan Embong (anak Maharaja Perba) telah berperang menentang Panglima Raja untuk mempertahankan Jelai. Hal ini menyebabkan persengketaan di antara Bendahara Wan Mutahir dan Maharaja Perba. Panglima Raja berjaya menghasut Bendahara Wan Mutahir dengan mendakwa Wan Embong memberontak menentang Bendahara; yang akhirnya membawa kepada kematian Wan Embong. Kejadian ini tentulah menyebabkan kemarahan Maharaja Perba yang kemudiannya memutuskan untuk menyokong Wan Ahmad sebagai membalas dendamnya kepada Bendahara Wan Mutahir.

Kematian Wan Embong juga menimbulkan huru-hara di Jelai. Wan Abdul Rahman, adik Wan Embong bertindak mengenakan cukai ke atas penduduk Jelai, Lipis, Tembeling dan Semantan. Sesiapa yang gagal menjelaskan cukai yang dikenakan dijadikan hamba berhutang. Kezaliman dan ketidakadilan yang berlaku menyebabkan penduduk di Jelai menyokong Wan Ahmad. Wan Ahmad berada di Paka (Terengganu) sehingga bulan April 1861. Pada bulan Mac, Wan Ahmad bercadang melancarkan serangan kedua ke atas Pahang. Beliau dibantu oleh Maharaja Perba Wan Idris, Datuk Setia Muda Wan Muhammad, Tun Mandak Imam Perang Raja, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman, dan Baginda Omar dari Terengganu.

Ketika di Kuantan, Wan Ahmad telah menyerang dan merampas harta benda penduduk, menawan dan mlarikan beberapa orang serta membina beberapa buah kubu di Endau, "negeri yang didakwa kepunyaannya seperti tertulis di dalam wasiat ayahandanya" Penyerangan Wan Ahmad tersebut diberitahu kepada British dan Temenggung Ibrahim. Hal ini menyebabkan Gabenor Cavenagh menghantar notis amaran kepada Wan Ahmad dan mengarahkan supaya Wan Ahmad menghentikan serangan di Pahang dan segala masalahnya akan diuruskan oleh British. Bendahara Wan Mutahir bersetuju dengan keputusan pihak British tersebut yang membawa kepada termeterinya perjanjian di antara British dan Bendahara Wan Mutahir. British berjanji menyelesaikan persengketaan di antara kedua-dua orang saudara tersebut dan memberi sejumlah wang sebagai nafkah hidup kepada Wan Ahmad. Wan Mutahir pula berjanji untuk mematuhi syarat-syarat British itu. Gabenor Cavenagh pergi ke Endau untuk berunding dengan

Wan Ahmad. Malangnya, Wan Ahmad telah meninggalkan Endau dan kembali ke Kemaman. Oleh itu Gabenor Cavenagh mengirimkan satu salinan perjanjian tersebut kepada Wan Ahmad. Namun begitu, Wan Ahmad masih meneruskan azamnya. Wan Ahmad menolak tawaran clau nafkah yang diberikan oleh British. Beliau masih juga berpendirian bahawa Endau adalah miliknya dan berazam "menawan Pahang sama ada hidup ataupun mati". Ketika itu Wan Ahmad mendapat perlindungan daripada Sultan Terengganu. Sokongan juga diberikan oleh Sultan Mahmud dari Lingga yang menetap di Terengganu. British meminta Sultan Baginda Omar (Terengganu) memujuk Wan Ahmad meninggalkan Kemaman. Sepucuk surat yang dikirimkan oleh British kepada Siam yang meminta Siam menghalau Sultan Mahmud dari Terengganu. British berharap supaya usaha-usaha yang telah dijalankannya itu dapat membaiki keadaan perang saudara di Pahang tetapi keadaan disebaliknya berlaku yang menyebabkan perang saudara tersebut berlanjut.

Bendahara Wan Mutahir mula menyedari yang baginda akan mengalami kekalahan dalam perang saudara ini. Oleh itu baginda mengambil keputusan untuk menyerahkan kerajaan kepada puteranya, Tun Kuris. Pertabalan Tun Kuris ini telah disokong daripada segi kewangan oleh William Patterson dari Singapura. Tun Kuris turut menandatangani satu perjanjian dengan Patterson pada 5 November 1861 yang memberi Patterson penguasaan melombong timah di Sungai Kuantan.<sup>121</sup>

Wan Ahmad pula mendapat sokongan orang-orang Rawa<sup>122</sup> dari Raub dan penduduk Jelai yang diketuai oleh Wan Daud dan Khatib Rasu. Sokongan terhadap Wan Ahmad ini disebabkan oleh kematiian Wan Embong yang telah dibunuh oleh Wan Mutahir. Angkatan orang Rawa dan penduduk Jelai juga menangkap Tuk Busu Dolah, anak Orang Kaya Temerloh dan menawan Kuala Tembeling pada bulan Ogos 1861. Kemudian, angkatan tersebut turut menguasai Tebing Tinggi, Kuala Tekal dan Tanjung Batu, Kerdau. Angkatan Bendahara diketuai oleh Wan Aman. Orang Kaya Lipis yang amat bencikan orang-orang Rawa berpihak kepada Bendahara. Namun begitu, sokongan dan taat setia

orang Jelai kepada Maharaja Perba dan Wan Ahmad umumnya telah menampakkan tanda-tanda kemenangan kepada Wan Ahmad. Oleh itu, satu perundingan telah diadakan di antara pembesar-pembesar Pahang. Para pembesar menyedari bahawa kepimpinan Tun Kuris dan adik-adiknya itu tidak dapat mengalahkan angkatan Wan Ahmad, lalu kepimpinan tersebut perlu digantikan segera. Para pembesar diwakili oleh Haji Hassan, Orang Kaya Temerloh dan Orang Kaya Shahbandar, pergi bertermu Wan Mutahir. Akhirnya, Wan Mutahir bersetuju dengan cadangan mereka.

Pembesar-pembesar di kawasan pedalaman Pahang juga mulai berpaling tada dan menyertai Wan Ahmad. Orang Kaya Lipis telah berpihak kepada Tuk Raja Jelai manakala, Shahbandar dan Orang Kaya Temerloh pula menyertai Wan Ahmad. Keadaan ini menyebabkan angkatan Wan Ahmad menjadi bertambah kuat dan bersedia untuk menyerang Pahang secara besar-besaran, tetapi rancangan tersebut terpaksa ditunda sementara kerana kekurangan wang. Bagi mendapatkan wang, Wan Ahmad telah memasuki pertandingan-pertandingan sabung ayam di Kelantan.<sup>123</sup> Sultan Baginda Omar pula membekalkan beliau dengan kelengkapan senjata dan tentera. Kemudian Wan Ahmad pergi ke Kemaman untuk mendapatkan bekalan tenteranya dan menyeberang sempadan Ulu Tembeling pada bulan Ogos 1862. Setibanya di Pahang, angkatan Wan Ahmad telah disambut mesra oleh pengikutnya di Pahang seperti Tuk Raja, Wan Daud, Panglima Perang Raja dan Panglima Raja. Pakatan antara Sultan Baginda Omar dan Wan Ahmad ini bertentangan dengan polisi British. Amaran pihak British tidak diendahkan oleh Sultan Baginda Omar malah baginda terus membantu Wan Ahmad dengan bekalan tentera dan memenuhi permintaannya. Baginda juga menyekat bekalan beras ke Pahang dan terus melindungi Sultan Mahmud dari Lingga di Terengganu.

Pada 3 November 1862, Gabenor Cavenagh memberi amaran terakhir kepada Sultan Terengganu tersebut berkenaan Wan Ahmad dan Sultan Mahmud. Namun begitu, Sultan Baginda Omar masih enggan mematuhi arahan British tersebut. Akibatnya, Kuala Terengganu

telah dibom oleh British pada bulan Julai 1862.<sup>124</sup> Pada waktu yang sama, Temenggung Abu Bakar (Johor) menaiki takhta menggantikan ayahandanya, Temenggung Ibrahim pada tahun 1862. Beliau berazam untuk mengalahkan Wan Ahmad. Tun Kuris pula telah menandatangani suatu perjanjian dengan Temenggung Abu Bakar yang bertujuan memperkuuhkan kedudukannya di Pahang. Mengikut perjanjian tersebut Temenggung Abu bakar hendaklah membantu Tun Kuris dan para pengikutnya untuk mengalahkan Wan Ahmad. Pada bulan Januari 1862, British telah mengesahkan perjanjian tersebut. Pengesahan ini membolehkan Temenggung Abu Bakar terus menyokong Wan Mutahir dan pasukannya. Oleh itu, pada bulan Ogos 1862, Temenggung Abu Bakar mengisyiharkan bahawa Pahang telah diamanahkan kepadanya dan membuat tawaran berupa wang bernilai \$500 kepada sesiapa sahaja yang dapat membawa kepala Wan Ahmad kepadanya. Selain itu, Temenggung Abu Bakar juga berjaya mendapatkan bantuan tentera upahan Bugis bagi mempertahankan Temerloh. Kesungguhan Temenggung Abu Bakar ini, bertujuan menguatkan lagi angkatan tentera Pahang di bawah Wan Mutahir membimbangkan pembesar-pembesar di kawasan pedalaman Pahang. Justeru itu, kebanyakan pembesar mulai berpihak kepada Wan Ahmad seperti Tuk Tunggal dari Segumpal dan anak-anaknya. Secara kasar, faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan pembesar kepada Wan Ahmad ini berhubung rapat dengan rasa kurang percaya kepada Wan Mutahir dan juga kebencian terhadap Temenggung Abu Bakar.

Menjelang tahun 1863, Wan Ahmad telah berjaya menguasai kawasan-kawasan Wan Mutahir di Temerloh, Batu Gajah dan Chenor. Kebanyakan orang-orang Wan Mutahir telah menyertai Wan Ahmad dalam serangan-serangan yang dijalankan pada tahun tersebut kecuali Orang Kaya Chenor yang melarikan diri ke Hulu Sungai Bera. Wan Ahmad turut dibantu oleh orang-orang Rembau yang berjaya mengalahkan angkatan Johor di Bera dan Temai. Kejayaan tersebut mendorong Wan Ahmad untuk menyerang Pekan. Oleh itu, Wan Ahmad bersama Imam Perang Raja, Imam Perang Rasu, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman dan Tuan Embong telah menyerang Pekan.

Pekan tewas dengan mudah kepada angkatan Wan Ahmad yang sekaligus menggugat kedudukan Wan Mutahir di Temai. Pada bulan Mei 1863, Wan Mutahir melarikan diri ke Kuala Sedili. Di sanalah Wan Mutahir dan anaknya, Tun Kuris meninggal dunia. Shahbandar telah melantik Wan Aman sebagai Pemangku Bendahara manakala para pembesar Pahang pula telah melantik Wan Ahmad sebagai Bendahara Pahang dengan gelaran Bendahara Sewa Raja pada 10 Jun 1863. Perlantikan tersebut juga menandakan tamatnya perang saudara Pahang yang berlangsung selama hampir tujuh tahun dan Bendahara Wan Ahmad disahkan sebagai pemerintah Pahang yang berdaulat.

### **Pemerintahan Bendahara Wan Ahmad**

Langkah pertama yang diambil oleh Bendahara Wan Ahmad untuk mengukuhkan kuasanya di Pahang ialah secara memberi pengampunan<sup>128</sup> kepada pembesar-pembesar yang pernah memberi bantuan kepada musuhnya tatkala berlakunya perang saudara di Pahang. Bendahara Wan Ahmad turut melantik semula para pembesar untuk memegang jawatan lama di samping memberikan semula gelaran mereka. Namun begitu, kuasa yang dipegang oleh para pembesar tersebut dihadkan. Tujuannya, supaya semua rakyat Pahang taat kepadanya. Selain itu Bendahara Wan Ahmad juga memberi hak monopoli garam dan cандu kepada para pedagang China yang telah memberi bantuan kewangan kepadanya.<sup>129</sup> Pada bulan Oktober 1863, Gabenor Cavenagh dimaklumkan tentang kenaikan Bendahara Wan Ahmad ke atas takhta kerajaan Pahang. Mermandangkan wujudnya keadaan keamanan di Pahang ketika itu, kerajaan British mengiktiraf Bendahara Wan Ahmad sebagai pemerintah de facto di Pahang.

Walaupun begitu, pertelingkahan di antara Temenggung Abu Bakar dan Bendahara Wan Ahmad terus berlanjutan. Bendahara Wan Ahmad terus menolak untuk mengiktiraf penyerahan Pulau Tioman dan pulau-pulau di sekitarnya kepada Temenggung Abu Bakar dalam perjanjian sempadan yang dibuat pada tahun 1862. Akibatnya Johor telah menyerang Pahang beberapa kali. Sultan Baginda Omar juga terus

menggesa Bendahara Wan Ahmad supaya menerima cadangan Harry Ord pada tahun 1863 berkenaan masalah sempadan tersebut.<sup>130</sup>

Sultan Mahmud, bekas sultan Lingga cuba mendapatkan pertolongan Bendahara Wan Ahmad untuk membantunya menyerang Belanda yang menguasai Lingga. Bendahara telah menolak permintaan tersebut dengan alasan tidak mahu campur tangan dalam hal ehwal luar negeri Pahang. Masalah ini hanya berakhir apabila Sultan Mahmud meninggal dunia pada tahun 1864 yang sekaligus dapat memperkuatkan lagi kedudukan Bendahara Wan Ahmad di Pahang. Namun begitu, perang saudara di Pahang belum benar-benar berakhir. Tanpa diketahui oleh Bendahara Wan Ahmad, anak-anak Bendahara Wan Mutahir, Wan Aman, Wan Da, dan Wan Abdul Rahman merancang satu komplot untuk menggulingkannya. Rancangan tersebut dapat dipatahkan apabila Orang Kaya Temerloh dan pembesar Chenor bertindak mematahkan rancangan tersebut. Bendahara Wan Ahmad amat menghargai pertolongan kedua-dua pembesar tersebut dan melantik anak Orang Kaya Temerloh sebagai pengganti pembesar di Temerloh.

Kegagalan komplot anak-anak Wan Mutahir tersebut juga tidak melemahkan semangat mereka. Pada tahun 1868, Wan Da telah menyerang Raub. Beliau dibantu oleh Saiyid Deraman, Imam Perang Mat Aris dan Tuan Kechut.<sup>131</sup> Wan Da gagal menawan Raub kerana tentangan hebat orang-orang Rawa. Oleh itu, Wan Aman dan Wan Da berpindah ke Klang.

Pada waktu yang sama, satu perang saudara berlaku di antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi di Selangor.<sup>132</sup> Pada mulanya anak-anak Wan Mutahir bertindak menyokong Raja Abdullah. Namun begitu, akibat satu perbalahan di antara Raja Abdullah dan anak-anak Wan Mutahir, mereka mengalih sokongan. Raja Mahadi berjanji akan membantu anak-anak Wan Mutahir menawan Pahang tetapi rancangan tersebut tertunda akibat kekurangan sumber kewangan.<sup>133</sup> Hanya pada awal tahun 1870, satu serangan ke atas Pahang telah dibuat. Namun begitu, angkatan Raja Mahadi dapat dipatahkan oleh orang-orang Bendahara Wan Ahmad yang diketuai oleh Imam Perang Rasu.

Peperangan tersebut berlanjutan selama tujuh bulan sebelum angkatan Wan Aman berundur ke Selangor. Pahang kembali aman.

Pada tahun 1868, Wan Aman telah mengubah sokongan dan berpihak kepada Tunku Dziaudin (Kudin)<sup>134</sup> yang berperang menentang Raja Mahadi. Hal ini kerana Wan Aman kurang berpuas hati dengan tindakan Raja Mahadi mengembalikannya ke atas takhta Pahang. Pada bulan November 1871, Wan Aman ditawan oleh Sayid Mansur, seorang penyokong Raja Mahadi. Hal ini menyebabkan Wan Da berangkat ke Pahang dan menjalin perdamaian dengan Bendahara Wan Ahmad. Wan Da juga membawa bersamanya sepucuk surat daripada Tunku Kudin yang memohon pertolongan Pahang dalam peperangan saudara di Selangor. Bendahara Wan Ahmad bersetuju untuk membantu tetapi dengan syarat mendapat kebenaran British.

Wan Da pulang ke Klang diiringi oleh Muhammad Nor, Ketua Setiausaha Bendahara Wan Ahmad. Di Klang, Muhammad Nor pula menerima permintaan daripada Raja Asal, seorang pengikut Raja Mahadi yang juga memohon bantuan Bendahara Wan Ahmad. Beliau berjanji untuk membayar sejumlah wang bernilai \$30,000 apabila menang kelak dan claun \$1,000 setiap bulan kepada Bendahara Wan Ahmad. Muhammad Nor turut memaklumkan Tunku Kudin akan tawaran Raja Asal tersebut. Di pihak Bendahara Wan Ahmad pula, beliau tidak keberatan untuk membantu Tunku Kudin kerana beliau mahu menghapuskan orang-orang Rawa dan Mendeling yang berterusan menyerang Pahang dari Selangor. Oleh itu, keamanan akan diperolehi di Pahang. Berasaskan alasan ini, kerajaan British menyetujui angkatan Pahang membantu Tunku Kudin.

Di Selangor, orang-orang Rawa dan Mendeling menyerang angkatan Tunku Kudin di Kuala Lumpur. Oleh itu, Tunku Kudin menggesa pemerintah Pahang supaya segera menyerang Selangor. Tunku Kudin berjanji menyerahkan pendapatan daerah Klang kepada Bendahara Wan Ahmad untuk bekalan senjata dan orang-orangnya. Angkatan Pahang dihantar dan setibanya di Ulu Klang berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan diketuai oleh Orang Kaya Chenor dan kumpulan yang lagi satu diketuai oleh Haji Muhammad Nor.<sup>135</sup> Kumpulan ini menuju ke Kuala Lumpur.

Satu lagi angkatan Pahang diketuai oleh Imam Perang Rasu yang telah menyerang Ulu Klang. Hal ini menimbulkan perpecahan dalam angkatan Pahang. Raja Mahadi berjaya menawan Kuala Lumpur tetapi angkatan Pahang berjaya menawannya semula lalu menyebabkan Raja Mahadi melarikan diri ke Ulu Selangor pada bulan Mac 1873. Imam Perang Rasu pulang ke Pahang dan memberitahu Bendahara Wan Ahmad akan kemenangannya. Oleh itu, Bendahara Wan Ahmad menganugerahkan gelaran Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah Pahang kepadanya yang turut memberinya kekuasaan di Pulau Tawar.<sup>136</sup> Orang Kaya Semantan pula terus berkuasa di Ulu Selangor, sementara Imam Perang Raja dianugerahkan gelaran Imam Perang Indera Mahkota. Orang-orang Rawa juga akhirnya tunduk kepada Haji Muhammad Nor. Peperangan Selangor berakhir pada bulan November 1873 dan angkatan Pahang pulang semula ke Pahang melainkan Haji Muhammad Nor yang ditinggalkan di Selangor untuk menjaga Ulu Selangor dan Orang Kaya Semantan yang berkuasa di Ulu Klang. Hal ini kerana Tunku Kudin telah terlebih dahulu berjanji dengan Bendahara Wan Ahmad untuk membenarkan Haji Muhammad Nor mengutip hasil-hasil di daerah Ulu Selangor.<sup>137</sup> Namun begitu, jumlah yang diperolehi oleh Bendahara Wan Ahmad untuk daerah Ulu Selangor ini amatlah sedikit. Keadaan ini menyebabkan Bendahara Wan Ahmad meminta Tunku Kudin menyerahkan \$20,000 dan sebahagian hasil negeri Selangor kepadanya pada tahun 1875. Tunku Kudin meminta nasihat British sebelum bersetuju menghantar sebuah kapal berisi timah bernilai \$30,000 dan enam bahara timah setiap bulan sehingga hutang peperangan di Selangor dijelaskan.<sup>138</sup> Frank Swettenham berjaya memujuk Bendahara Wan Ahmad menerima pemberian dan syarat tersebut.<sup>139</sup> British pada ketika ini mulai menunjukkan minat ke atas Pahang. British berjaya mengukuhkan dirinya di Perak, Selangor dan Sungai Ujong dan berminat untuk meluaskan kuasa di negeri-negeri Melayu lain.<sup>140</sup>

Bendahara Wan Ahmad berjaya mendapat kepercayaan rakyatnya setelah 16 tahun Pahang mengalami berbagai-bagai kekacauan politik. Campur tangan politik British diperlukan apabila pada bulan Ogos 1874, Temenggong Abu Bakar (Johor) mengadu kepada Gabenor Andrew

Clarke tentang pembunuhan pembesarnya, Inche Jawa di Endau.<sup>141</sup> Bendahara Wan Ahmad juga masih enggan mengesahkan Perjanjian 1862 di antara Johor dan Pahang. Walau bagaimanapun, beliau bersetuju dengan penubuhan suruhanjaya penyiasatan berkenaan perkara tersebut yang diketuai oleh W.H.M. Read. Penyiasatan Read tidak mendapat sebarang bukti pembabitan Pahang dalam pembunuhan tersebut.<sup>142</sup> Kemudian dalam tahun 1875, Gabenor William Jervois yang diiringi oleh Frank Swettenham dan Lettenan McCallum melawat Pahang. Rombongan British itu telah disambut mesra oleh Bendahara Wan Ahmad yang turut menyatakan rasa puashati tentang ganti rugi Selangor. Pada ketika inilah British cuba memujuk Bendahara agar menerima penasihat British.<sup>143</sup> Malangnya Bendahara menolak cadangan tersebut kerana belum bermesyuarat dengan para pembesarnya. Oleh itu, pada peringkat ini British masih gagal untuk bertapak di Pahang.

### **Permulaan Era Pergolakan Di Pahang**

Pada awal tahun 1880-an, puncak kekuasaan Bendahara Wan Ahmad mulai menunjukkan tanda-tanda kemerosotan. Kedudukannya sebagai pemerintah yang berkuasa autonomi mulai terancam akibat pertelingkahan yang berlaku di kalangan pembesar-pembesarnya. Bendahara Wan Ahmad juga terlalu memberi kepercayaan kepada penasihat-penasihat baginda dan hal ini membawa kepada kelemahan kepimpinan politik pada akhir zaman pemerintahannya. Keadaan ini menyebabkan campur tangan orang asing dalam politik negeri Pahang.

Perang saudara yang tercetus di antara tahun 1856 hingga 1863 dikatakan sebagai faktor penting timbulnya perselisihan di kalangan golongan pemerintah dan pembesar-pembesar daripada pelbagai kawasan. Pada dasarnya, perang saudara yang berlaku boleh dijadikan asas untuk peningkatan kedudukan orang-orang daripada golongan bawahan, tetapi keadaan tersebut secara tidak langsung turut menimbulkan perpecahan di kalangan para pembesar. Pada waktu tersebut pembesar di Pahang telah terbahagi kepada dua kumpulan, satu kumpulan masih menyokong Bendahara, manakala kumpulan

yang satu lagi menentangnya. Bagi golongan yang menentang Bendahara, menganggap kejatuhan martabat dan berkurangnya kuasa autonomi pembesar disebabkan oleh Bendahara. Justeru itu, timbulnya suasana permusuhan di istana. Keadaan ini tentulah memberi kesan terhadap sistem politik Pahang. Pemerintah menjadi lemah dan seorang ketua yang lebih dominan akan muncul di kalangan pembesar.<sup>144</sup>

Menjelang tahun 1880, Bendahara Wan Ahmad mulai menunjukkan kekuasaan dalam pemerintahan. Hal ini kerana beberapa masalah yang timbul di antara Bendahara Wan Ahmad dan beberapa pembesar sebelum ini. Bendahara juga bertindak menghukum sesiapa saja yang ingkar akan perintahnya secara menghantarnya ke medan perang atau dijatuhkan hukuman mati. Selain dari itu, orang yang melanggar perintahnya akan didenda. Keadaan ini menimbulkan kemarahan di kalangan kesemua penduduk di daerah-daerah Ulu Pahang. Ketegangan berlaku di kalangan pembesar-pembesar dan Bendahara Wan Ahmad kini semakin dibenci. Di antara pembesar yang bertindak menentang Bendahara Wan Ahmad adalah Tuk Raja dan Tuk Kaya yang merupakan pembesar-pembesar yang kuat pengaruhnya di kalangan istana.

Menjelang tahun 1881, Bendahara Wan Ahmad mulai menunjukkan hasratnya hendak menjadi sultan.<sup>145</sup> Tindakan itu membawa kesan yang besar kepada sejarah politik Pahang. Pada tahun 1881 juga, Bendahara telah melawat daerah-daerah Ulu Pahang, bertujuan untuk memperkuatkannya dirinya sebagai sultan.<sup>146</sup> Hasrat Bendahara semakin kuat apabila beliau melawat Singapura pada tahun tersebut<sup>147</sup> dan sekembalinya ke Pahang, beliau memutuskan untuk ditabalkan sebagai sultan. Bendahara menyedari bahawa institusi kesultanan melambangkan kemerdekaan dan kedaulatan. Gelaran Bendahara cuma menunjukkan "tuan punya gelaran bertuarkan seorang lain yang berkuasa". Bendahara Wan Ahmad bercita-cita untuk mempunyai pengaruh dan berkuasa.<sup>148</sup> Institusi kesultanan juga bukanlah sesuatu yang asing baginya, walaupun beliau seorang yang buta huruf. Bendahara Wan Ahmad mulai mengkaji jurai keturunannya daripada zaman Sultan Abdul Jalil yang dikatakan mempunyai pertalian kerabat dengannya. Oleh itu, beliau berhak mewarisi takhta sebagai sultan.<sup>149</sup>

Langkah pertama yang diambil untuk mencapai maksud baginda, secara berbaik-baik dengan pembesar-pembesar yang memusuhiinya. Tujuannya supaya pembesar-pembesar tersebut dapat memberi sokongan dan kepercayaan kepadanya. Namun begitu, langkah ini jelas menunjukkan keinginannya diiktiraf sebagai sultan. Oleh itu, pada 12 Disember 1884, Bendahara Wan Ahmad diisyiharkan oleh para pembesarnya sebagai Sultan Pahang yang bergelar Sultan Ahmad Muadzam Shah. Maharaja Perba Tuk Raja dari Jelai pula diiktirafkan sebagai wakil Sultan Ahmad. Kemudian, Sultan Ahmad telah melantik saudaranya Abdul Rahman sebagai Bendahara yang sekaligus menunjukkan kekuasaannya di negeri Pahang.<sup>150</sup>

Pada tahun 1880-an, terdapat kemerosotan dalam pola kerajaan tradisi. Pembesar-pembesar yang suatu masa lalu menasihatkan Bendahara Wan Ahmad dalam hal-hal pentadbiran kini bertindak memusuhi Bendahara. Sikap pilih kasih yang ditunjukkan oleh Bendahara Wan Ahmad kepada satu-satu pihak tertentu menjadikan titik permulaan permusuhan dalam ran. Hal ini membuka jalan kepada Bendahara Wan Ahmad meminta campur tangan luar akibat hasutan penasihat-penasihatnya.

## NOTA

1. P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 70. Lihat W. Linehan, "A History of Pahang". JMBRAS, 14.II (1936) cetakan semula no. 2, 1973, hlm. 5.
2. W. P. Groeneveldt, *Historical Notes on Indonesia and Malaya, from Chinese Sources*, Djakarta, 1960, hlm. 136 - 137.
3. K. E. Southwood, "Lake Chini - A Lost Settlement in Pahang", *Malaya in History*, Jilid 6, I (1960), hlm. 27. Pengiktirafan seperti ini merupakan satu adat yang biasa dilakukan oleh para pemerintah, untuk menjamin kedudukannya. Selalunya pengiktirafan ini didapati daripada pemerintah kuasa-kuasa besar seperti China. Lihat, Wang Gangwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca 1403-1405". Bastin and Roolvink, ed. *Malayan and Indonesian Studies*, Great Britain. 1964, hlm. 87-104. Syed Muhammad Naquib al-Attas, "Note on the opening of Relations Between China and Malacca 1403-1405", JMBRAS 38, I (1965), hlm. 260-264. Istilah Pala-mi-so-la-ta-lo-si-mi dikenalpasti sebagai istilah China untuk Parameswara Teluk Chini. Terdapat juga anggapan bahawa Maharaja Tajau dan Parameswara Teluk Chini merupakan pemerintah yang sama. Pendapat lain menyatakan bahawa kedua-dua pemerintah adalah berlainan dan memerintah di tempat yang berlainan. Lihat W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 5-6.
4. P. Wheatley, op. cit., hlm. 301-302.
5. Pada abad ke 14, orang-orang China menganggap Pahang sebagai sebuah negeri yang mempunyai bekalan beras yang mencukupi. Pahang juga mengekspor hasil haruman hutan, kapur barus, kayu gaharu dan minyak wangi. Lihat R. G. Cant, "A Historical Geography of Pahang", hlm. 19.
6. Godinho de Eredia, "Report on the Golden Chersonese of Paninsula 1597-1600", J. V. Mills (terjemahan), JMBRAS, 8, I (1930) hlm. 233. Lihat W. Linehan, op.cit., hlm. 7.
7. K. E. Southwood, op.cit., hlm. 24. Terdapat beberapa cerita legenda tentang Chini. Lihat Godinho de Eredia, ibid., hlm. 24-30.
8. Orang-orang Siam berpengkalan di Sukhotai dan memulakan siri perluasan kuasa di negeri-negeri Tanah Melayu pada tahun 1280. Lihat P. Wheatley, op.cit., hlm. 301. Untuk maklumat lanjut tentang naungan kerajaan Ligor ke atas Pahang, Lihat W. Linehan, op.cit., hlm. 9-12.
9. Melaka merupakan pusat perdagangan yang diasaskan oleh orang-orang Melayu dari Palembang pada tahun 1400. Melaka kemudiannya berkembang menjadi sebuah empayar yang berkuasa dan pusat perdagangan antarabangsa. Maklumat lanjut tentang ekonomi dan politik di Melaka, lihat M.A.P. Mellink Roelofz, *Asian Trade and European Influence*, The Hague, 1962, hlm. 35-40. Lihat C.C.Brown, "Sejarah Melayu or the Malay Annals", JMBRAS, 25, II dan III (Okttober 1952), hlm. 58-59. R.J.Wilkinson, "The Malacca Sultanate", JMBRAS 13, II (1935), hlm. 22-67. P.E.Josselyn de Jong dan H.C.A. Van Wijk, "The Malacca Sultanate", JSEAH 1, II, 1960, hlm. 23-27.

10. Untuk makluman lanjut tentang pemerintahannya lihat R.O.Windstedt, "Sejarah Melayu" JMBRAS 16, iii (Disember 1938), hlm. 92-93; R.J.Wilkinson, op. cit., hlm. 37.
11. G.E.Marrison, "The Siamese Wars With Malacca During the Reign of Muzaffar Shah", JMBRAS 22, i, (Mac 1949), hlm. 62-63; C.C.Brown, op. cit., hlm. 64-66; R.O.Windstedt, ibid., hlm. 92-97.
12. R.O.Windstedt, "Malay Rulers of Malacca", Malaya in History, 7, ii, 1962, hlm. 6.
13. J. Anderson, "Political and Comercial Considerations Relating The Malay Paninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca", JMBRAS 35, iv. (cetakan kedua 1962) hlm. 36-37. Lihat W. Shellabear (ed), Sejarah Melayu, Singapura, 1961, hlm. 99-102. Terdapat pelbagai versi berhubung dengan serangan Melaka ke atas Pahang. Berdasarkan kepada naskah Sejarah Melayu yang disunting oleh R.O.Windstedt, menyatakan bahawa Mansur Shah telah melancarkan serangan ke Pahang, sewaktu dalam perjalanan pulang dari Majapahit. Lihat R.O.Windstedt, op. cit., hlm. 98-100. W. Linehan pula mengatakan bahawa serangan tersebut berlaku pada tahun 1454, ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah. Lihat W. Linehan, op. cit., hml. 12. Menurut Shellabear, serangan tersebut dilakukan selepas kemangkatan Sultan Muzaffar Shah. Haji Buyong Adil pula menyokong pandangan Shellabear kerana Sultan Mansur Shah dibantu oleh rakyat Pahang yang telah diserang oleh Siam pada tahun 1445. Berdasarkan rekod-rekod Siam, Melaka mengalahkan Siam antara tahun 1457 dan 1459. Selepas kekalahan Siam itu, Puteri Orang Seri, yang merupakan puteri Maharaja Dewa Sura yang menjadi Raja Siam, dikahwinkan kepada Sultan Mansur Shah. Lihat Haji Buyong Adil, Sejarah Pahang, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 30.
14. Dia kemudiannya dipanggil pulang ke Melaka apabila Sultan Muhammad Shah menjadi Sultan Pahang. R.O.Windstedt, op. cit., Bab 11.
15. Lihat R.O.Windstedt, ibid., Bab 11.
16. R.O.Windstedt, ibid., hml. 124-125; W. Linehan, "A History of Pahang", hml. 14.
17. R.O.Windstedt, "The Geneology of Malacca's Kings from a Copy of the Bustanu Salatin", JMBRAS, 81, Mac 1920, hml. 44. (Bustanu Salatin dirujuk sebagai Bustan-al-Salatin).
18. W. Shellabear, (ed) Sejarah Melayu, hml. 171. Lihat R.O.Windstedt, "Malay Rulers pf Malacca", hml. 6.
19. Baginda menyuruh seorang hulubalangnya bernama Seri Akar Raja, membunuh Telani dari Terengganu kerana bertaat setia dengan Sultan Alauddin Melaka. Lihat R.O.Windstedt, Sejarah Melayu, cetera 14, hml. 141-142.
20. Tun Teja ialah anak perempuan Bendahara yang terkenal kerana kecantikannya. Sultan Mahmud Shah, Sultan Melaka, berhajat untuk memperisterikannya. Baginda meminta bantuan Hang Nadim, seorang pembesar Melaka, untuk melaikan Tun Teja dan mengawininya. Lihat W. Shellabear, Sejarah Melayu, cetera 29, hml. 226-233.

21. R.O.Windstedt, "Bustan-al-Salatin", him. 44.
22. Ibid., him. 45; W. Linehan, op. cit., him. 17, Baginda memerintah Pahang sehingga tahun 1511.
23. R. J. Wilkinson, "The Early Sultan of Pahang", JMBRAS 10, I, 1932, him. 51.
24. R.O.Windstedt, "Sejarah Melayu", Bab 21, him. 180-181; J. Anderson, op.cit., him. 24.
25. Perbincangan yang mendalam tentang perjalanan kedua-dua pemerintah tersebut selepas penaklukan Portugis di Melaka pada tahun 1511, Lihat I. A. Mac Gregor, "Johor Lama in the Sixteenth Century", JMBRAS, 28 II, 1955, him. 48-114, Sultan Mahmud akhirnya menetap di Bintan dan membunuh anaknya. Lihat R.O.Windstedt, op. cit., him. 193.
26. W. Linehan, op. cit., him. 19-24 dan lampiran 7, him. 252-256.
27. W. Linehan, op. cit., him. 19. Lihat I. A. Mac Gregor, "Notes on the Portuguese in Malaya", JMBRAS 28, II, 1955, him. 36.
28. Kajian tentang minat Portugis di Pengairan Selatan Tanah Melayu. Lihat L. Y. Andaya, The Kingdom of Johore 1641 - 1728, Kuala Lumpur, 1975, him. 20-28.
29. Kedua-dua pemerintah disyaki menyebelahi Portugis sehingga tahun 1522.
30. Baginda adalah bapa mertua Sultan Mahmud.
31. R.O.Windstedt, "Bustan-al-Salatin", him. 46.
32. R.O.Windstedt, "A History of Johore", JMBRAS 10, I, 1932, him. 13.
33. Ibu kota pemerintahan Sultan Alauddin tidaklah diketahui dengan tepat. Ibu kotanya mungkin di Pasir Raja, Batu Sawar, Makam Tauhid, Pekan Tua atau Sayong Pinang. Lihat R.O.Windstedt, ibid., him. 15-17. Pada tahun 1535, ibu kota Sultan Alauddin dikatakan di Sayong Pinang.
34. Pada tahun 1535, Sultan Muzaffar, putera Sultan Mahmud berangkat ke Sayong Pinang (Johor) untuk ditabalkan oleh Sultan Alaudin Johor.
35. R.O.Windstedt, "A History of Johore", him. 19-21.
36. R.O.Windstedt, "Bustan-al-Salatin", him. 46. Selepas kemangkatan Sultan Muzaffar pada tahun 1532, takhta kerajaan Johor dipegang oleh Sultan Zainal Abidin, Sultan Mansur Shah II, Sultan Abdul Jamal dan Sultan Abdul Kadir. Lihat R.O.Windstedt, ibid., him. 46-47. Maklumat lanjut tentang hubungan Melaka dan Portugis, lihat Godinho de Eredia, op. cit., him. 234.
37. Laksamana Belanda Matelief meminta bantuan pemerintah Pahang pada tahun 1607. Lihat W. Linehan, op. cit., him. 30; J. G. Sheehan, "Seventeenth Century Visitors to the Malay Peninsula", JMBRAS 12, II, 1934, him. 81-83.

38. Pada tahun 1612, Sultan Alaudin Shah III Johor menghadiri majlis perkahwinan seorang puteranya dengan puteri Sultan Abdul Ghafar di Pahang. Sewaktu jamuan, Sultan Johor berhajat memiliki sebentuk cincin mutiara yang dipakai oleh Raja Brunei, menantu Sultan Abdul Ghafar. Raja Brunei tidak mahu menyerahkannya kepada Sultan Johor yang menyebabkan kemarahannya. Akibatnya, perkahwinan tersebut dibatalkan. Lihat H. R. Huges Hall, "A Sketch of the History of Brunei". JMBRAS, 12, ii (Ogos 1940), him. 31.
39. Dengan bantuan Raja Brunei, Sultan Abdul Ghafar berangkat ke Brunei dan akhirnya pulang ke Pahang pada tahun 1614.
40. Pemerintah Johor yang baru adalah Sultan Alauddin Riayat Shah III ( 1575-1616 ).
41. C. A. Gibson-Hill, "Johore Lama and Other Ancient Sites", JMBRAS 28, ii, (Mei 1955), him. 157-158 C. A. Gibson-Hill, "On the Alleged Death of Sultan Alaudin of Johore in Aceh", JMBRAS 29, i, 1956, him. 126; R. O. Winstedt, "A History of Malaya", JMBRAS, 13, i, 1935, him. 114; R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 34. Sultan Alaudin melarikan diri ke Bentan, manakala Raja Bongsu dibawa sebagai tebusan ke Aceh. Sultan Alaudin akhirnya ditawan oleh angkatan Sultan Iskandar Muda. Lihat C. A. Gibson-Hill, op. cit., him. 157-158; C. A. Gibson-Hill, op. cit., him. 126-127. Keterangan lanjut tentang kekuasaan Aceh, lihat D.G.E. Hall, *A History of Southeast Asia*, London 1964, him. 321-326.
42. C. A. Gibson-Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites", him. 145 dan 158; R. O. Winstedt, "A History of Malaya", him. 115.
43. C. A. Gibson-Hill, "On the Alleged Death of Sultan Alaudin of Johore in Aceh", him. 134. Sultan Abdullah menceritaikan isterinya yang juga adinda kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dari Aceh.
44. Ibid., him. 135-136.
45. Baginda menggantikan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Shah.
46. R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 39. Lihat R. O. Winstedt, "The Early Rulers of Perak, Pahang and Aceh", JMBRAS 10, i, 1932, him. 38.
47. R. O. Winstedt, "A History of Malaya", him. 37.
48. R. O. Winstedt, ibid., him. 117; R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 36; Mac Hobian (diterjemahkan) "The Siege and Capture of Malacca 1640-1641", JMBRAS 14, i, 1936, him. 50.
49. Selepas kempangkatan Sultan Iskandar Thani, seorang wanita bergejar Taj-ul-Alam menggantikan takhta Aceh. Lihat R. O. Winstedt, "The Early Rulers of Perak, Pahang and Aceh", him. 39.
50. Yamtuan Muda Raja bajau berhajat mengahwini seorang puteri Pangeran Jambi, tetapi perkahwinan tersebut ditentang oleh Sultan Abdul Jalil Johor. Pertunungan dibatalkan pada tahun 1664.

51. R. O. Winstedt, "A History of Malaya", him. 145; C. A. Gibson-Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites", him. 159; R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 43.
52. C. A. Gibson-Hill, op. cit., him. 142, 145, 159; Anon, Naskah Hikayat Pahang, him. 164; R. O. Winstedt, ibid., him. 44-45.
53. Anon, ibid., R. O. Winstedt, op. cit., him. 46; C. A. Gibson-Hill, op. cit., him. 159; R. O. Winstedt, "A Bendaharas and Temenggongs", JMBRAS 10, I, (Januari 1932), him. 58.
54. R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 47; Anon, Naskah Hikayat Pahang, him. 164; C. A. Gibson-Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites", him. 45.
55. R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 47.
56. Apabila Bendahara Tun Habib Abdul Majid meninggal dunia, Tun Abdul Jalil telah diterima sebagai Bendahara Paduka Raja yang baru. Lihat R.J. Wilkinson, "Mahmud II and Abdul Jalil II", JMBRAS, 9, I (1931), him. 29.
57. W. Linehan, "A History of Pahang", him. 45. Berdasarkan Hikayat Pahang, apabila Sultan Mahmud mangkat, Bendahara Abdul Jalil membunuh kesemua isteri-isteri Sultan Mahmud yang mengandung. Beliau kemudiannya mengambil alih kuasa dan melantik dirinya sebagai sultan yang baru. Lihat Anon, Hikayat pahang, him. 164.
58. 'Wakil Mutallak' bermakna wakil-wakil yang diliktiraf oleh sultan. Wakil ini boleh menjatuhkan hukuman berat dan diberi kuasa sama seperti pembesar-pembesarannya. Lihat W. Linehan, ibid., him. 53.
59. W. Linehan, "Royal Modes of Address in Pahang", JMBRAS, 4, III (1926), him. 339.
60. R.G. Wilkinson, "Mahmud II and Abdul Jalil II", him. 32-33.
61. Pada tahun 1716, Bendahara Seri Maharaja Mas Jiwa meninggal dunia dan adiknya Termenggong Tun Abdul dilantik sebagai Bendahara baru, dia kemudiannya telah digantikan oleh Tun Abdul Jamal. Lihat R.G. Wilkinson, ibid., him. 32.
62. Joao Tavares (diterjemahkan oleh D.T.Hudges), "A Portuguese Account of Johore", JMBRAS, 13, II (Oktober 1935), him. 128; C.A.Gibson-Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites", him. 163-164. Lihat juga L.Y.Andaya, "Raja Kechil and the Minangkabau Conquest of Johore in 1718", JMBRAS, 14, II (1872), him. 51-75.
63. Joao Tavares, op. cit., him. 111-139; C.A.Gibson-Hill, op. cit., him. 163-166.; Anon, Hikayat pahang, him. 165; R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 55; D.K. Bassett, "European Influence in the Malay Peninsula, 1511-1786", JMBRAS 33, III (1960) him. 25; Di Pahang, adik Sultan Abdul Jalil, Tun Jamal, berjaya menjadi Bendahara selepas Tun Abdullah. Untuk maklumat lanjut tentang keturunan Bendahara, Lihat W. Linehan, "A History of Pahang", him. 47-49.

64. Menjelang akhir abad ke 17, Bugis telah mula mengukuhkan kuasanya di Semenanjung Tanah Melayu. Adik-beradik Bugis yang terkenal merupakan Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak dan daing Keernassi. Untuk maklumat lebih lanjut, lihat D.G.E. Hall, op. cit., him. 328-329; R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 51-70; R. O. Winstedt, "A History of Selangor", JMBRAS 12, iii (1934) him. 1-34; R. O. Winstedt, "A History of Malaya", him. 150-163.
65. R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 55-56. Perjanjian itu juga dikenali sebagai "Aloran Setia Antara Melayu dan Bugis".
66. Untuk maklumat lanjut, lihat R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 56; Anon, Hikayat pahang, him. 167-168.
67. Daing Merewah telah digantikan oleh Daing Chelak dan kemudiannya oleh daing Kemboja dan Raja Haji.
68. Evolusi minat ekonomi dan perniagaan British dan Belanda di India Timur telah dikaji dengan mendalam dan telah dikumpulkan. Bagi British, mereka cuba untuk mengelakkan komitmen politik dengan ketua sesuatu puak kerana objektif-objektif tersebut hanya diputus melalui perundingan Inggeris-Belanda di Eropah. Lihat N. Tarling, Anglo-Dutch Rivalry in the Malay World, 1780-1824, Cambridge, 1962, him. 11-46 dan di bawah.
69. D.K. Bassett, "Anglo-Malay Relations 1785-1795", JMBRAS 28, ii (1965) him. 184. Bassett menegaskan bahawa Raja Ali adalah anak Raja Haji tetapi menurut Tuhaft-al-Nafis, Raja Ali adalah anak Daing Kemboja. Lihat Ali bin Raja Haji, Ahmad, Raja Haji, Tuhaft-al-Nafis (dirumikan oleh Munir Ali), Singapura, 1965. Versi Jawi Peranakan (ed) R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 62. Sultan Ibrahim dan angkatan Pahang akhirnya berjaya menyingsirkan Belanda daripada kubu di Kuala Selangor pada bulan Jun 1785.
70. Anon, Hikayat pahang, him. 169-170; untuk maklumat lanjut, lihat R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 64-66.
71. Tun Abdul Majid, anak Tun Abas ialah Bendahara Pahang pada tahun 1770. Dia menggantikan Tun Hassan, Bendahara Pahang antara tahun 1748-1770.
72. R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 66.
73. Untuk maklumat tentang Iianun (Iianuns) lihat N. Tarling, Piracy and Politics in the Malay World, Singapura 1963, Bab 4.
74. Untuk maklumat lanjut, lihat D.K. Bassett, "Anglo-Malay Relations 1785-1795", him. 197-201. Lihat juga R. O. Winstedt, "A History of Johore", him. 68.
75. D.K. Bassett, op. cit., him. 203.
76. B.H.M. Vlekke, Nusantara, A History of Indonesia, The Hague, 1965, him. 233-237.
77. Raja Ali bin Raja Haji Ahmad, Tuhaft-al-Nafis, him. 236.

78. Ibid., hlm. 245.
79. Tun Abdul Mutualib melawat Riau pada tahun 1802 dan beliau telah diraikan oleh Sultan Mahmud Shah dari Riau-Lingga. Mengikut adat tradisi empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga, anak seorang Bendahara yang telah diberikan sambutan mesra oleh sultan akan dilisyiharkan sebagai Pemangku Raja. Pada waktu Tun Abdul Mutualib melawat Riau, bapa saudaranya Tun Jamal turut hadir, tetapi beliau tidak mendapat sebarang perhatian daripada pemerintah Riau. Untuk maklumat lanjut lihat R.O. Winstedt, "Abdul Jamal, Sultan of Johore (1699-1719), Abdul Jalil Temenggong, (c.1750) and Raffles Founding of Singapore", JMBRAS 11, ii (1933) hlm. 163-164.
80. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 54-55.
81. Raja Ali bin Raja Ahmad, *Tuhfat-al-Nafis*, hlm. 259-266.
82. Beliau tinggal di Bulang sehingga tahun 1811 sebelum British mengambil alih Jawa dari Perancis-Belanda. Jawa kemudian diletakkan di bawah pemerintahan Lettenan Gabenor Stamford Raffles dan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Untuk satu kajian tentang peristiwa-peristiwa yang merintis jalan kepada penguasaan Jawa oleh British dan sikap Lord Minto dan Raffles berhubung dengan perkara ini, lihat B.H. Viekka, Nusantara, The Hague, 1965; H.J. Marks, *The First Conquest of Singapore 1819-1824*, The Hague; Emily Hanh, *Raffles of Singapore - A Biography*, New York, 1946; C.E. Wortzburg, *Raffles of the eastern Isles*, London, 1954; Sophia Raffles, *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles*, London, 1830, jilid 1 dan 2; J. Bastin, *Sir Stamford Raffles and John Crawford's Ideas of Colonizing the Malay Archipelago*, JMBRAS 26, I, 1953. Sejak tahun 1811 hingga 1819, Temenggong Abdul Rahman menetap di sepanjang sungai Singapura tetapi tidak menetap di sana. Lihat R.O. Winstedt, "A History of Johore" hlm. 81. Lihat juga C.B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times Singapore 1819* (dicetak semula) Kuala Lumpur 1965, hlm. 20.
83. Untuk satu kajian tentang polisi-polisi British dan Belanda, Lihat N. Tarling, "British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871", JMBRAS 30, II (1957); N. Tarling, *Anglo-Dutch Rivalry in the Malay World 1780-1824*, Cambridge, 1982; H.J. Marks, *The First Conquest for Singapore 1819-1824*, The Hague, 1959; D.K. Bassett, *Anglo-Malay Relations 1786-1785*, JMBRAS 33, II (1965).
84. Putera Mahmud Shah III, Tunku Hussein telah mengahwini Esah, salah seorang adik perempuan Bendahara Ali.
85. Ejaan-ejaan lain yang digunakan termasuklah Abdurrahman, tetapi dalam kajian ini ejaan Abdul Rahman digunakan.
86. Beliau menggantikan Raja Ali pada tahun 1866.
87. R.O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 77.
88. Untuk maklumat lanjut tentang perselisihan takhta, lihat C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 272-273. Lihat juga A.C. Baker, "Anglo-Dutch Relations in the east at the Beginning of the Nineteenth Century", JMBRAS 64, 1913, hlm. 50-54.
89. Tunku Puteri Hamidah adalah isteri keempat Sultan Mahmud Shah III, merupakan puteri Raja Haji.

90. R.O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 77.
91. Ibid., hlm. 84; Lihat juga M.C. Sheppard, "A Short History of Terengganu", JMBRAS 22, ii (Jun 1949), hlm. 24-25.
92. Jasa baik Raffles menimbulkan satu kontroversi besar dalam hubungan Inggeris-Belanda. Lihat H.J. Marks, ibid., dan di bawah.
93. H.J. Marks, ibid., hlm. 39-41. Lihat juga L.A. Mills, "British Malaya 1824-1867", Singapura, 1925, hlm. 58; T.S. Raffles, "The Founding of Singapore", JMBRAS, Vol.2, ii (1950), hlm. 89-90.
94. C.D. Cowan, "Early Pahang and The Rise of Singapore 1805-1932", JMBRAS 23, ii (1950) hlm. 89.
95. L. A. Mills, op. cit., hlm. 71-81. Untuk maklumat lanjut tentang syarat-syarat perjanjian 1824, lihat John Bastin dan Robin W. Winks (ed) Malaysia, Selected Historical Readings, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 133-136. Lihat juga H.J. Marks, op. cit., hlm. 252-262.
96. Percubaan untuk menghidupkan kembali empayar Riau hanya dilakukan pada tahun 1850-an apabila Mahmud Shah IV menaiki takhta pemerintahan.
97. L.A. Mills, op. cit., hlm. 66-67.
98. C.M. Turnbull, op. cit., hlm. 275.
99. Pada tahun 1832 Sultan Muhammad dari Lingga telah melantik anaknya Raja Mahmud sebagai Tengku Besar. Bendahara Ali juga telah menganugerahkan gelaran Ungku Muda kepada anaknya Mutahir.
100. Untuk maklumat lanjut tentang keluarga Sultan Ahmad, Lihat M.C. Sheppard "A Short History of Terengganu", hlm. 25-26.
101. Sultan Muhammad menggantikan ayahandanya Abdul Rahman dari Lingga yang mangkat pada tahun 1832. Sultan Muhammad menjadi pemerintah kedua kerajaan Riau-Lingga.
102. Untuk maklumat lanjut tentang pembesar-pembesar ini, lihat W. Linehan, "A History of Pahang", lampiran III, hlm. 188-200.
103. W. Linehan, "The Bendaharas of Pahang", JMBRAS 4, iii (1926) hlm. 336.
104. Kebanyakan sejarawan memberikan pelbagai tarikh berhubung dengan kemangkatan Bendahara Ali. Untuk maklumat lanjut berhubung kontroversi tersebut, Lihat W. Linehan, "The Chronology of Pahang's Bendaharas". JMBRAS 12, ii (1934) hlm. 70.
105. Setiausaha Kerajaan India kepada Sir C. Wood, 8 Disember 1862, salinan surat-surat berkaitan dengan serangan ke atas Terengganu pada bulan November 1862 (dirujuk sebagai surat keterangan Terengganu 1862) S.S.R., Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 1.

106. Sultan Mahmud Shah menggantikan ayahandanya Sultan Muhammad Shah pada tahun 1841. Baginda bersikap kejam dan boros yang menyebabkan baginda dibenci oleh Belanda. baginda cuba menegaskan tuntutannya ke atas Pahang. hal ini melanggar undang-undang British dan syarat perjanjian 1824. Belanda menyingkirkan baginda pada tahun 1857. Lihat surat Kolonel Cavenagh kepada Setiausaha Kerajaan India, no. 121, 19 Julai 1861, Lampiran dalam Surat Keterangan Terengganu 1862, S.S.R., Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 4.
107. Baginda Omar merupakan bapa saudara sebelah ibu bagi Sultan Mahmud Shah dari Lingga.
108. Temenggung Ibrahim disokong oleh pihak pedagang kaya di Singapura. Untuk keterangan lanjut, lihat C.M. Turnbull, op. cit., hlm. 276-290.
109. British merasa cemas dengan campur tangan Siam di Pahang dan Terengganu kerana hubungan politik di negeri-negeri Melayu Utara telah ditentukan oleh Perjanjian Burney antara Inggeris-Siam pada tahun 1826. Namun begitu, persetujuan dengan negeri Terengganu dan Kelantan agak kabur dan tidak didifinasikan dengan jelas. Sehingga tahun 1862 Siam tidak membuat sebarang serangan terkuat ke atas kemerdekaan Kelantan, terengganu dan Pahang, "tetapi cuba mencapai matlamatnya melalui komplot sulit". Selepas tahun 1862, Siam menggugurkan polisi ini dalam percubaannya untuk pendapatan kawalananya ke atas Pahang dan Terengganu. British bertindak dan Gebenor Cavenagh yang melihat perjanjian 1826 dari satu perspektif yang berbeza terganggu apabila Siam mulai melibatkan diri dalam hal ehwal politik Pahang dan terengganu. Untuk maklumat lanjut tentang hubungan Inggeris - Siam antara tahun 1824-1867, lihat L.A. Miles, op. cit., hlm. 126-170.
110. Hubungan persahabatan diperteguhkan lagi apabila anak Wan Mutahir, Wan Kuris mengahwini anak perempuan Temenggung Ibrahim.
111. R.O. Winsleldt, "A History of Johore", hlm. 94-95.
112. M.C. Sheppard, op. cit., hlm. 31.
113. Ibid., lihat juga W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 68.
114. Ibid., hlm. 70.
115. Untuk keterangan lanjut, lihat ibid.
116. Ibid., hlm. 73-74.
117. Setiausaha Kerajaan India kepada Sir C. Wood, 8 Disember 1862, Surat Keterangan Terengganu, 1860, S.S.R. Pejabat India, 28 Julai 1862, hlm. 3.
118. Ibid., hlm. 2.
119. Menurut W. Linehan, persetujuan Wan Mutahir untuk memberikan Wan Ahmad elauan gantirugi daripada pendapatan Kuantan dan Endau tidak dilaksanakan melalui suatu persetujuan bertulis. Oleh itu Gabenor tidak dapat mencapai suatu penyelesaian. Lihat W. Linehan, op. cit., hlm. 75.
120. Sultan Mahmud dibantu oleh Siam untuk ditabalkan sebagai Sultan Terengganu.

121. Untuk maklumat lanjut tentang perjanjian berikut, lihat lampiran C. Lihat juga C.M. Turnbull, "The Origins of British Control in the Malay States Before Colonial Rule", dalam John Bastin dan R. Roolvink, (ed), *Malayan and Indonesian Studies*, Great Britain, hlm. 176.
122. Untuk keterangan lanjut lihat Messrs Patterson Simons dan Syarikat kepada Lettenan Kolonel Macpherson, Setiausaha kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 23 Oktober 1862, lampiran dalam Surat Keterangan Terengganu 1862, S.S.R., Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 28.
123. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 82.
124. Untuk keterangan lanjut tentang serangan lihat surat Lettenan J.M. Protheoe, Timbalan Setiausaha kepada Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Kolonel R. Macpherson Ahli Dewan Singapura, 3 November 1862, lampiran dalam Surat Keterangan Terengganu 1862, op. cit., hlm. 32-37, lihat juga C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, hlm. 295.
125. Lihat hlm. 324-325.
126. W. Linehan, op. cit., hlm. 82-83, lihat juga R.O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 227.
127. R.O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 105.
128. Surat-surat Maharaja Perba, Dokumen S, lampiran dalam W. Linehan, op. cit., appendik 4, hlm. 213.
129. W. Linehan, "The Bendahara of Pahang", hlm. 338.
130. Untuk maklumat lanjut berhubung dengan perjanjian 1868, lihat lampiran D.
131. R.O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 207-209.
132. Untuk maklumat lanjut tentang perperangan, lihat R.O. Winstedt, "A History of Selangor", JMBRAS 12, iii, (1934), hlm. 18-34.
133. S.M. Middle Brook, "Yap Ah Loy (1837-1885)", JMBRAS 24, ii, (Julai 1951), hlm. 48.
134. Ibid., hlm. 68.
135. Ibid., hlm. 76.
136. W. Linehan, "The History of Pahang", hlm. 97; S.M. Middle Brook, "Yap Ah Loy", hml. 81.
137. Untuk maklumat lanjut, lihat Sir W.J. Jervois kepada Earl of Camarvon, 5 Jun 1875, P.P., No.36.
138. Ibid., untuk keterangan lanjut lihat juga Anon, *Hikayat Pahang*, cerita 36; Swettenham papers, catatan untuk 17 April 1875.
139. W.J. Fervois kepada Earl of Camarvon, 5 Jun 1875, P.P., No. 36. Lihat juga W.J. Fervois kepada Earl of Camarvon, 23 Julai 1875, P.P. No.5.

140. Untuk maklumat mendalam tentang latar belakang campur tangan British di negeri-negeri Melayu lihat Khoo Kay Kim, "The Origins of British Administration in Malaya", JMBRAS 39, iii, (1966) him. 52-91. Lihat juga J.M. Gullic, Malaya, London, 1964, Bab 3; C.D. Covan, Nineteenth Century Malaya; The Origins of Political Control, London, 1961; C.N. Parkinson, British Intervention in Malaya, JSEAH, 2, iii, Singapura, 1961; E. Chew, "The Reasons for British Intervention in Malaya; Review and Reconsideration", JSEAH, 6, i, 1965.
141. Gabenor Andrew Clarke kepada Earl of Carnarvon, 6 Oktober 1874, P.P., No.69.
142. C.N. Parkinson, British Intervention in Malaya, 1867-1874, Kuala Lumpur, 1964, him. 187.
143. W. Linehan, "The History of Pahang", him. 102.
144. Penganugerahan gelaran bukanlah faktor utama bagi pergeseran, tetapi konflik yang timbul yang disebabkan faedah ekonomi yang diperolehi dengan penghormatan yang dianugerahkan kepada ahli-ahli biasa. Temuduga dengan Datuk Zakaria Hitam, 16 Mei 1975, di Kuantan.
145. W. Linehan mencatatkan bahawa Bendahara Ahmad menyandang gelaran itu pada 6 Ogos 1882. Lihat W. Linehan, "The History of Pahang", him. 104. Walaupun bagaimanapun, dalam satu surat kepada Gabenor Weld, Bendahara Ahmad mengatakan bahawa dia dipilih sebagai sultan oleh pembesar-pembesarnya pada 14 Oktober 1881. Lihat Sultan Ahmad Shah kepada Weld, salinan, 26 Oktober 1881, C.O. 273/113, him. 148. Mulai saat itu Wan Ahmad memperkenalkan dirinya sebagai Sultan, dalam semua urusannya dengan pejabat Kolonial, tetapi pihak British tidak menerima gelaran tersebut sehingga 1887. Oleh yang demikian British masih menganggap Sultan Ahmad sebagai Bendahara.
146. Walaupun pendapat ini bertentangan dengan pendapat yang mengatakan bahawa baginda tidak ingin menyandang jawatan tersebut; tetapi tindakan tersebut dibuat di atas permintaan pembesar-pembesar dan rakyatnya, yang boleh menyinyir kirkannya apabila mereka tidak mahukaninya lagi. Weld kepada Kimberley, Sulit, 23 Januari 1882, C.O. 273/113, him. 131.
147. Weld kepada Kimberley, Sulit, 19 April 1882, C.O. 273/114, him. 14.
148. Sultan Ahmad kepada Weld, salinan, 26 Oktober 1881, C.O. 273/113, him. 148.
149. Ibid., him. 150.
150. Weld kepada Granville, sulit, 15 Jun 1886, C.O. 273/140, him. 81.

## PENDIDIKAN SEJARAH DI SEKOLAH MASA KINI

Tuan Haji Yaakub Isa  
Ketua Penolong Pengarah (Kurikulum)  
Jabatan Pendidikan Pahang

### **Pendahuluan**

Sejarah Malaysia sebagai sebuah negara merdeka, kemudiannya silih berganti dijajahi oleh kuasa-kuasa luar sehingga akhirnya mencapai semula kemerdekaan merupakan satu urutan sejarah yang panjang, menarik dan amat mencabar - jika ditinjau dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Perkembangan kurikulum pengajaran yang radikal berlaku sejak negara mencapai kemerdekaan. Mata pelajaran Sejarah sebagai satu komponen dalam kurikulum yang berkembang itu tentunya mengalami banyak perubahan.

Kertas ini cuba memberikan gambaran bagaimanakah mata pelajaran Sejarah dilaksanakan di sekolah-sekolah dalam keadaannya sekarang; di samping membuat perbandingan dengan keadaan pada masa sebelumnya. Pemerhatian tentang aspek kedudukan dan status mata pelajaran ini dibuat dengan melihat kandungan kurikulum di samping membuat penelitian tentang aspek kedudukan dan status mata pelajaran tersebut dalam keseluruhan sistem pendidikan kebangsaan.

## Zaman Prakemerdekaan

Mata pelajaran Sejarah pada zaman ini dikenali dengan nama **Tawarikh**. Disebabkan dalam sistem pendidikan zaman penjajah tidak diwujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang tunggal, maka sekolah-sekolah pada masa itu terpisah-pisah mengikut bahasa pengantar masing-masing yang dikenali sebagai Sekolah Melayu, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil; di samping wujudnya sekolah Inggeris yang dikatakan sebagai sekolah golongan elit. Pemisahan ini dengan sendirinya menentukan corak prasarana dan lokaliti sesebuah sekolah itu, yang akhirnya timbulah istilah sekolah atap, sekolah batu, sekolah kampung, sekolah bandar, English educated, pendidikan Melayu dan sebagainya.

Mata pelajaran Tawarikh amat tertakluk kepada aliran sekolah. Sekolah-sekolah yang berbahasa pengantar Bahasa Cina menggunakan buku teks yang dicetak bagi kegunaan sekolah-sekolah di Tanah Besar China dan dengan itu sejarah mereka adalah sejarah negeri China. Demikian juga kandungan kurikulum mata pelajaran ini di sekolah Tamil; diajar dengan menggunakan buku teks yang disediakan untuk kegunaan sekolah-sekolah di India dan Ceylon (sekarang Sri Lanka) dan mempelajari sejarah negara-negara tersebut. Keberkesanannya pengajaran mata pelajaran ini di sekolah-sekolah Cina dan India menjadi lebih baik kerana kebanyakan guru yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut diimport daripada negeri-negeri asal iaitu China dan India (termasuk Sri Lanka).

Sekolah-sekolah Inggeris lain pula halnya. Kandungan kurikulum mata pelajaran '**History**' memberi tumpuan yang cukup besar kepada sejarah Inggeris dan tanah jajahannya seperti India, Afrika Selatan, Kanada, Australia atau dikenali sebagai negara Commonwealth. Aspek tempatan tidak pernah dirasakan perlu untuk dimasukkan ke dalam kurikulum mata pelajaran ini. Ringkasnya; sejarah yang diajar adalah sejarah Inggeris (atau yang ada kaitan dengan Inggeris) dan ditulis oleh orang-orang Inggeris atau yang berpendidikan Inggeris mengikut pendekatan dan kacamata mereka yang tentunya menjadikan pelajar amat British - centric.

Di sekolah-sekolah Melayu pengajaran mata pelajaran Tawarikh adalah bersumber daripada lima jilid buku **Sejarah Alam Melayu** tulisan Abdul Hadi Haji Hassan dan Buyong Adil yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim.

Walaupun karya kedua-dua penulis ini bukan merupakan buku yang baik kalau dibanding dengan piawai buku sejarah sekarang, namun penyediaan siri buku sejarah ini patut diberikan pujian kerana pengarangnya dapat juga mewujudkan buku tersebut dalam keadaan yang serba kekurangan. Pujian juga harus diberikan kepada dua orang pegawai Inggeris, iaitu C.T. Dussek dan R.O. Winstedt yang telah menunjukkan keperihatinan mereka terhadap keperluan yang amat mendadak kepada buku sejarah di sekolah-sekolah vernakular pada masa itu. Mereka dapat dikatakan sebagai tulang belakang dalam penerbitan buku-buku bacaan untuk kegunaan sekolah Melayu ketika itu dan untuk beberapa tahun selepas itu.

Kandungan buku Sejarah Alam Melayu Jilid I - V adalah tentang Tanah Melayu atau yang ada kaitannya dengan Tanah Melayu, yang meliputi judul-judul seperti orang-orang Asli dan nenek moyang bangsa Melayu; tumpuan orang-orang Sumatera dan Hindu ke Tanah Melayu; agama-agama terbesar; kesultanan Melayu dan Nusantara; kedatangan pelaut-pelaut Eropah ke timur dan usaha mencari "dunia baru"; kekacauan di Benua Kecil India dan kekacauan dalam negeri-negeri Melayu.

Status mata pelajaran ini di dalam peperiksaan tidak diberi wajaran penting atau keutamaan tertentu jika dibandingkan dengan mata-mata pelajaran lain di sekolah.

### **Status Mata Pelajaran Sejarah Pascakemerdekaan**

Kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 membawa perubahan yang amat bermakna. Sejurus sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, diwujudkan satu Jawatankuasa Pelajaran untuk

menyedia dan memperakukan pelaksanaan satu sistem pendidikan di Tanah Melayu. Jawatankuasa ini yang lebih dikenali dengan nama **Jawatankuasa Pelajaran Razak**, kemudiannya menerbitkan **Laporan Razak** iaitu dokumen yang menjadi asas pendidikan moden negara kita. Laporan inilah yang mencadang untuk diwujudkan satu sistem penilaian dan persijilan, meletakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Pengantar di sekolah-sekolah serta bahasa yang wajib dipelajari di samping menentukan mata-mata pelajaran lain yang perlu diajar sebagaimana yang termaktub dalam Kursus Pengajian.

Laporan ini kemudiannya diperkuuhkan lagi oleh **Laporan Abdul Rahman Talib**, yang di antara lain memasukkan mata pelajaran Agama Islam sebagai mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah.

Kandungan kurikulum mata pelajaran Tawarikh digubal semula sebagai mata pelajaran Sejarah sesuai dengan keperluan untuk mewujudkan satu bangsa Malaya yang baru merdeka. Aminuddin Bakri sebagai tokoh pendidik yang dihormati, yang pada masa itu menjawat jawatan Penasihat Pelajaran Tanah Melayu mencatatkan tentang mata pelajaran Sejarah, katanya:

*"History, ...is most conducive towards inculcating good citizenship. The very motives of history teaching are:*

- (i) *the moral motives that "it is good for boys' and girls' character that they should hear or read about great men and women of the past and so learn gradually to discriminate between disinterested and selfish purposes, or between heroism and cowardice."*
- (ii) *the culture motive of introducing the children to their heritage both national and international, are sufficient to impress any one with the importance of history in achieving the declared objectives of the national schools."*<sup>1</sup>

1. Aminuddin Bakri (1981), *The National School of Malaya - its problems, proposed curriculum and activities*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaya, hal11.

Sebagai seorang siswazah sejarah lulusan Universiti Malaya di Singapura dan dengan pengalaman beliau yang luas dalam bidang pendidikan, Aminuddin Baki (yang juga salah seorang anggota Laporan Razak) memberikan penekanan yang berat terhadap mata pelajaran Sejarah, di samping mata-mata pelajaran lain. Beliau di dalam buku yang sama selanjutnya menyatakan:

*"The beginning of history teaching reveals that nationalism had been its inspirations. As a sign of such patriotic motive the type of history taught was and still is political such as glorifying one's victories in wars, self-consoling one's defeat if ever mentioned, glorifying one's sovereigns and leaders, justifying one's action in annexing other parts of the world with the result that the social and cultural histories are more often than not forgotten as if they are not history at all."*<sup>2</sup>

Prinsip kurikulum mata pelajaran Sejarah menurut Aminuddin Baki haruslah;

*"... the main emphasis of study should be on Malaya. In treating any topic particular attention should be paid to the social and economic history of the country so as to show the cultural inter-dependence of the Malayan races and also to enable the children to appreciate co-operation and harmony among the races has been instrumental in shaping the present-day economy of the country. The political history should be carefully treated because if wrongly emphasized it will expose the conflicting and discriminatory past of the country."*<sup>3</sup>

Oleh yang demikian, beliau seterusnya mengingatkan kepada anak-anak Malaysia dalam mempelajari sejarah sendiri, pendidikan harus juga jangan mengongkong untuk tidak menghiraukan dunia luar, kerana pemujaan melulu terhadap tokoh sendiri, menurutnya lagi, tidak akan membolehkan kita pergi ke mana-mana:

2. Aminuddin Baki, *op. cit.*

3. *Ibid.*

*"History as a subject in the modern curriculum is unexcelled as a method of inculcating patriotic devotion. By emphasizing certain aspects of the national life and ignoring others the desired national objectives can be propagated through the schools. Patriotism in itself far from bad is a desirable character. But "when admiration of national heroes become blind idoltry, when pride in one's country become offensive braggartry, when reverence for national symbol become fetishime, when respects for one's fellow citizen becomes contempt for others, then patriotism too has become an anathems". "Be patriotic and yet be world-minded" should, therefore, be the ideal slogan of history teaching in Malaya. "<sup>4</sup>*

**Pelaksanaan Penyata Razak dan Penyata Abdul Rahman Talib** menjadikan status mata pelajaran Sejarah sebagai satu mata pelajaran pilihan dalam peperiksaan di sekolah rendah mahupun di peringkat menengah.

Dalam melaksanakan peralihan bahasa pengantar (dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu) mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang awal dilaksanakan. Ini mungkin kerana kandungan kurikulumnya tidaklah terlalu asing dengan para pelajar dan dengan yang demikian tidak banyak masalah untuk mengajarkannya dalam bahasa Melayu.

Apabila sistem pendidikan negara dikaji semula melalui **Laporan Jawatankuasa Kabinet** (yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir Mohamad yang pada masa itu menjadi Menteri Pendidikan) dan terlaksananya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ada pemikiran yang merasakan perlu bilangan mata pelajaran di peringkat rendah dikurangkan. Pengurangan ini dirasakan perlu demi untuk tidak membebankan pelajar di sekolah rendah. Salah satu mata pelajaran yang dipersetujui untuk ditiadakan ialah mata pelajaran Sejarah. Perakuan ini sebenarnya tidak menghapuskan sama sekali mata pelajaran Sejarah daripada kurikulum, tetapi sebagai ganti berbentuk komprominya, unsur sejarah diwujudkan dalam mata pelajaran baru iaitu Alam dan Manusia.

4. Ibid.

**Rajah I**  
**ALAM DAN MANUSIA BERBANDING SEJARAH**

Mata Pelajaran dalam KBSR	Mata Pelajaran dalam KLSR
Alam dan Manusia:  (Mata pelajaran integrasi Sains, Kemasyarakatan dan Kemanusiaan)	Sains Geografi Sejarah Sivik Pendidikan Kesihatan

Dengan pelaksanaan ini bermakna pelajar hanya mengenali mata pelajaran Sejarah ketika berumur 13 tahun, iaitu semasa di Tingkatan Satu. Sepanjang masa persekolahan mereka di peringkat sekolah rendah, mereka hanya diajar unsur sejarah dalam mata pelajaran lain.

Yang mungkin menjadi masalahnya ialah mata pelajaran baru ini diajar oleh pelbagai guru yang menerima pelbagai jenis latihan. Kalau mereka cukup kreatif dan berusaha, unsur sejarah ini dapat diterapkan sebagaimana sewajar. Bagi guru yang mempunyai sikap sebaliknya, mungkin pelajar-pelajar mereka mendapat pendedahan yang kurang atau tiada pendedahan langsung terhadap unsur-unsur sejarah.

Kalau dianalisis pemberatan unsur Sejarah dalam mata pelajaran Alam dan Manusia yang diajar kepada pelajar Tahap Dua sekolah rendah adalah sebagaimana berikut:

**Rajah II**  
**TABURAN DISIPLIN SEJARAH DALAM MATA PELAJARAN ALAM DAN MANUSIA**

TAHUN	Jumlah Tajuk	Unsur Sejarah	Unsur Lain	Peratus Sejarah
Empat	30	2	28	6.6%
Lima	32	3	29	9.4%
Enam	20	3	17	15.0%
Jumlah	82	8	74	9.76%

Pengagihan sebanyak 9.76% unsur Sejarah dalam mata pelajaran Alam dan Manusia ini adalah sesuai dengan matlamat mata pelajaran tersebut iaitu:

Rajah III

**MATLAMAT MATA PELAJARAN ALAM DAN MANUSIA**

Matlamat sukanan pelajaran Alam dan Manusia adalah untuk memberi kesedaran bahawa manusia perlu hidup dalam keadaan harmonis dengan alam sekitarnya untuk menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup yang berterusan. Ini adalah untuk membolehkan murid-murid berfungsi secara berkesan dalam masyarakat dan dalam persekitaran fizikalnya serta memupuk ciri-ciri yang mencerminkan keperibadian kebangsaan sesuai dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Dengan itu mata pelajaran Alam dan Manusia disediakan untuk memberi pengetahuan, kesedaran, kefahaman, penghargaan dan kepekaan terhadap manusia dan alam sekitarnya. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk membina dan memupuk kemahiran-kemahiran bukan sahaja bagi mendapatkan ilmu pengetahuan mengenai manusia dan alam sekitar serta isu-isu berkaitan, bahkan juga untuk memahami dan menyelesaikan masalah.

Ada suara yang menimbulkan masalah pengajaran dan pembelajaran Alam dan Manusia - walaupun bukan sepenuhnya dikaitkan dengan unsur Sejarah. Pada hakikatnya mata pelajaran ini bukan sahaja sukar dipelajari oleh sebahagian murid, malah guru juga sukar mengintegrasikan kelima-lima unsur itu menjadi satu mata pelajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSM di Institut Aminuddin Baki pada 21 hingga 25 Mei 1990 dipenuhi dengan kegusaran ini.

## MATA PELAJARAN SEJARAH DALAM KBSM

Sungguhpun mata pelajaran Sejarah masih belum diwujudkan sebagai satu mata pelajaran tersendiri di peringkat sekolah rendah, mata pelajaran tersebut mempunyai kekuatan yang istimewa pada peringkat menengah. **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/1990** telah menyenaraikan mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu mata pelajaran TERAS. Ini bermakna Sejarah wajib diajar dan dipelajari oleh semua pelajar di peringkat pendidikan menengah rendah.

Rajah IV

### MATLAMAT SEJARAH KBSM

Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkuuh identiti diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara Malaysia dan sejarah peradaban manusia, para pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia dalam usaha mewujudkan perasaan bangga dan cintakan tanahair, semangat kekitaan dan perpaduan, dan persefahaman antarabangsa.

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6/1991** menetapkan bahawa Sejarah yang diberikan status TERAS di peringkat menengah rendah dan seterusnya diberikan status yang sama di peringkat pendidikan menengah atas. Perlaksanaan KBSM di peringkat menengah atas mulai 1992 memberikan peluang kepada pelajar membuat lebih banyak pilihan melalui Kumpulan Kemanusiaan, Teknik, Vokasional, dan Pengajian Islam. Tetapi, walau apapun pilihan yang dibuat, seseorang pelajar itu wajib mempelajari mata pelajaran Sejarah.

Objektif pendidikan sejarah peringkat KBSM adalah untuk membolhkan pelajar:

- i. Memahami perkembangan masyarakat dan negara daripada segi politik, ekonomi dan sosial.
- ii. Memahami dan menghargai ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
- iii. Menghargai usaha-usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan, dan tokoh-tokoh yang menghasilkan pembangunan negara.
- iv. Mempunyai kesedaran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini.
- v. Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional.
- vi. Mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan berdasarkan iktibar daripada pengalaman sejarah.
- vii. Mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.

Di peringkat pendidikan menengah atas, tujuan pendidikan sejarah adalah untuk memupuk dan memperkuuh identiti diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara Malaysia dan sejarah peradaban manusia, para pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia dalam usaha mewujudkan perasaan bangga dan cintakan tanahair, semangat kekitaan dan perpaduan, persefahaman antarabangsa.

Pada peringkat pendidikan menengah rendah, kandungan kurikulum memberi tumpuan kepada pemahaman yang menyeluruh dan memberikan suatu gambaran lengkap tentang sejarah negara. Oleh itu kandungan pelajaran Sejarah lebih berbentuk rentetan kisah yang membincangkan tentang aspek kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosio-budaya. Rentetan kisah ini disusun secara kronologi supaya pelajar dapat memahami proses perkembangan masyarakat dan negara serta unsur-unsur kesinambungan dan perubahan yang telah berlaku dalam kehidupan masyarakat dan negara. Dalam rentetan kisah ini dimasukkan pula sejarah negara luar yang mempunyai kaitan dengan sejarah negara. Sejarah negara luar ini merupakan asas bagi pelajar untuk mengetahui dan memahami hubungan dan kaitan sejarah Malaysia dengan sejarah negara yang berkenaan.

Berasaskan pengetahuan dan pemahaman yang menyeluruh ini, kurikulum Sejarah bagi peringkat menengah atas dirancang dengan tujuan supaya pelajar memperolehi perspektif yang lebih lengkap tentang proses perkembangan masyarakat dan negara. Perkara pokok yang menjadi tumpuan kajian disiplin Sejarah yang meliputi setiap aspek perkembangan kehidupan seperti politik dan pentadbiran, ekonomi dan sosio-budaya akan dikaji secara terperinci dan mendalam.

Bagi melengkapkan perspektif sejarah para pelajar, sejarah perkembangan dan proses evolusi peradaban dunia akan dijadikan sebahagian daripada pengkajian di peringkat menengah atas. Pengetahuan dan pemahaman tentang perkembangan dan kemajuan tamadun manusia ini membolehkan pelajar melihat persamaan dan kelainan pengalaman yang dilalui oleh masyarakat dan negara luar serta menghubung kaitkannya dengan pengalaman masyarakat dan negara Malaysia. Dengan ini para pelajar dapat memahami kedudukan negara sebagai sebahagian daripada peradaban dunia.

Rancangan KBSM menegaskan kesepadan unsur pengetahuan, peningkatan daya intelek, pemupukan nilai-nilai murni dan perkembangan kemahiran pelajar. Dalam penggubalan kurikulum, kesepadan dan kesinambungan unsur-unsur ini akan diambil kira.

Pengetahuan fakta-fakta sejarah serta pemupukan nilai-nilai murni dan kewarganegaraan akan terus diberi penekanan dan diperkuuh dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jelaslah bahawa:

- Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memberi pemahaman ilmu dan memupuk pemikiran sejarah.
- Pemahaman ilmu membawa maksud pemerolehan fakta dan penguasaan idea-idea dan kaedah Sejarah.
- Kandungan pelajaran Sejarah disampaikan sebagai satu kumpulan maklumat dan juga sebagai satu pendekatan terhadap ilmu.
- Sejarah dilihat sebagai satu disiplin yang mempunyai cara-cara tersendiri untuk meninjau dan memberi makna kepada pengalaman silam.
- Pemikiran sejarah bermaksud kemahiran intelektual dan sikap yang bersesuaian dengan disiplin sejarah seperti mempunyai sikap terbuka dan kritis terhadap keterangan dan tafsiran dalam sejarah dan mengakui kebenaran sejarah.
- Sejarah sebagai satu proses evolusi peradaban manusia yang mempunyai unsur-unsur kesinambungan, perubahan dan hubung kait di antara satu dengan lain.
- Sejarah menjadi penghubung keadaan masa kini dengan masa silam dan masa akan datang. Iktibar daripada pengalaman sejarah adalah penting bagi menjamin kesejahteraan hidup masa kini dan masa akan datang.
- Sejarah sebagai suatu proses inkuiiri untuk menyelidik dan memahami masyarakat manusia yang memerlukan kemahiran seperti mentafsir, menganalisis, mengkritik dan menilai.
- Sejarah sebagai suatu proses mencari kebenaran berdasarkan fakta-fakta dan bukti yang sahih.

## SEJARAH TEMPATAN

Satu unsur baru dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah ialah Kajian Sejarah Tempatan. Definisi Sejarah Tempatan secara umumnya ialah pengkajian unsur-unsur sejarah setempat yang melibatkan perjalanan yang dekat serta penggunaan bahan-bahan yang diperolehi setempat, yang ruang liputannya terdiri daripada:

- \* **Sejarah Diri dan Keluarga**
  - salasilah keluarga
  - perkembangan diri dan keluarga
  - tokoh-tokoh dalam keluarga
- \* **Sejarah Sekolah**
  - nama dan lambang kemegahan sekolah
  - infrastruktur dan kemudahan asas
  - pengetua-pengetua dan guru-guru
  - badan pengurus dan PIBG
  - tokoh-tokoh yang dihasilkan
  - peristiwa-peristiwa bersejarah
  - prestasi dan kejayaan akademik dan kurikulum
  - persatuan, kelab dan pasukan pakaian seragam
- \* **Sejarah Kawasan Tempat Kediaman/Tinggal**
  - asal-usul tempat, nama jalan
  - bangunan bersejarah
  - tokoh-tokoh
  - pekerjaan penduduk
  - perkembangan penduduk
  - Perkembangan infrastruktur dan kemudahan asas
  - peristiwa bersejarah
  - tradisi dan budaya
  - lagenda dan cerita rakyat
  - pentadbiran setempat
  - tempat-tempat bersejarah: kawasan perkuburan, sungai, bukit, tasik dan lain-lain.

• **Sejarah Kawasan Persekutaran Sekolah**

- asal-usul tempat, nama jalan
- bangunan bersejarah
- tokoh-tokoh
- pekerjaan penduduk
- perkembangan penduduk
- Perkembangan infrastruktur dan kemudahan asas
- peristiwa bersejarah
- tradisi dan budaya
- lagenda dan cerita rakyat
- pentadbiran setempat
- tempat-tempat bersejarah: kawasan perkuburan, sungai, bukit, tasik dan lain-lain.

• **Sejarah Kawasan Persekutaran/ Tempat Tinggal**

Mukim, Daerah, Bahagian (Sabah dan Sarawak)

- asal usul tempat, nama jalan
- bangunan bersejarah
- tokoh-tokoh
- pekerjaan penduduk
- perkembangan penduduk
- Perkembangan infrastruktur dan kemudahan asas
- peristiwa bersejarah
- tradisi dan budaya
- lagenda dan cerita rakyat
- pentadbiran setempat
- tempat-tempat bersejarah: kawasan perkuburan, sungai, bukit, tasik dan lain-lain.

Aspek Sejarah Tempatan ini memberi perhatian kepada pengkajian sesuatu tempat atau kawasan sebagai satu unit yang lebih kecil daripada negeri atau pun negara. Tegasnya, pengkajian Sejarah Tempatan bersifat mikro dan tentang hal-hal bersangkutan dengan keadaan setempat dan dijalankan dalam bentuk projek; dan dari aspek penilaiannya pula, para pelajar diberikan 30% daripada keseluruhan markah bagi projek Sejarah Tempatan ini.

## PENUTUP

Adalah jelas bahawa Kementerian Pendidikan amat menyedari tentang betapa perlunya pengetahuan sejarah diterapkan ke dalam jiwa pelajar melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. Sehubungan dengan itu, dengan penampilan Sejarah sebagai satu disiplin ilmu yang dinamik, dilakukan melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan para pelajar secara aktif. Sejarah juga ditonjolkan sebagai bahan renungan untuk mendapatkan iktibar, dorongan dan memperkaya kehidupan sebagai individu dan warganegara Malaysia. Mata pelajaran ini dirasakan penting terutamanya di dalam memupuk semangat cintakan tanahair di samping memupuk kesepaduan dan perpaduan kaum kerana sejarah telah banyak mengajar manusia tentang tingkah laku dan tindak tanduk individu dan kelompok yang negatif dan positif. Soalnya, manusia sendiri yang enggan mempelajari dan mengambil iktibar dari sejarah! Dengan pelaksanaan KBSM nampaknya kebimbangan ini mungkin dapat diatasi dan adalah diharapkan agar golongan pelajar yang terdidik dalam dekad ini dapat diterapkan pemahaman dan penghayatan disiplin sejarah yang lebih utuh dan kental demi menyediakan diri mereka dalam menghadapi dan menangani Negara Malaysia tahun 2020.

## Lampiran 1

### PENDAHULUAN BUKU 1 SEJARAH ALAM MELAYU PENGGAL 1

Bahawa adalah kitab ini dicadangkan akan dijadikan kitab terbahagi dengan dua jilid yang mengandungi 16 bab, iaitu 8 bab pada tiap-tiap satu jilid; akan tetapi oleh dikehendakkan dengan segera, jadi dicetakkan 'PENGGAL 1' ini dahulu, terkandung di dalamnya 4 bab sahaja, iaitu setengah bahagian 'JILID 1'.

Adapun isinya kitab ini terpungut daripada beberapa kitab setengah daripadanya *Sejarah Tanah Jawa*, *The Cencus of the British Malaya*, *Tawarikh Melayu*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Abdullah* (akan dinyatakan manakala sempurna kitab ini) dan lain-lain lagi daripada majalah-majalah seumpama *Seri Pustaka*, *Volksalmanak Melayu* yang dikeluarkan oleh Balai Pustaka di Tanah Jawa dan sebagainya.

Dicetakkan kitab ini, ialah dengan persetujuan Yang Berhormat Tuan R. O. Winstedt, Penguasa Pelajaran bagi Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Persekutuan; dan juga Yang Mulia Tuan O. T. Dussek, Pengetua Sultan Idris Training College Tanjung Malim.

SULTAN IDRIS TRAINING COLLEGE.  
Tanjung Malim, F.M.S.,  
June 1925

'ABDU'L-HADI

## Lampiran II

### PENDAHULUAN BUKU I SEJARAH ALAM MELAYU PENGGAL V

Adapun Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal V ini ialah sambungan daripada Kitab Sejarah Alam Melayu IV dahulu. Maka kitab ini berisi di dalamnya cerita-cerita tawarikh yang ringkas berkenaan dengan negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Maka sebelum kitab ini dicap dijadikan buku, segala naskhah-naskhah tulisan tangannya telah dibaca bersama-sama Yang Mulia Tuan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) Ketua Pejabat Karang Mengarang di Sultan Idris Training College ini. Oleh itu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepadanya kerana telah sudi meluangkan masa menatap dan memberi beberapa i'tiradz yang didapatinya dalam naskhah tulisan tangan kitab ini.

Demikian juga di sini saya sambung ucapan terima kasih saya kepada Yang Mulia Tuan O. T. Dussek (Bekas Pengetua College ini) kerana dia adalah yang mula-mula mencadangkan saya mengarang sambungan Kitab Sejarah Alam Melayu ini serta memberi kepada saya beberapa buah buku bagi tempat-tempat pengambilan perkara-perkara yang hendak dikarangkan itu.

Yang Mulia Tuan D. R. Swaine, Pengetua College ini telah bermurah hati pula mahu membaca naskhah-naskhah tulisan tangan kitab ini dan memberi apa-apa pertimbangan.

Maka jika ada di antara tuan-tuan pembaca berjumpa apa-apa kekhilapan di dalam buku ini, dengan hormat saya minta, silalah betulkan sendiri dan beritahu kepada saya dengan tulisan supaya kita baiki bersama-sama dan supaya dapat dibetulkan kekhilapan itu dalam cetakan yang akan datang.

SULTAN IDRIS TRAINING COLLEGE.

Tanjung Malim, F.M.S.,

13 Februari 1939

BUYONG BIN 'ADIL

## **ISU-ISU SEJARAH MASA KINI DAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENYELESAIKANNYA**

Prof. Madya Dr. Mohd. Sarim bin Haji Mustajab

Ketua Jabatan Sejarah

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Pengenalan**

Beberapa waktu kebelakangan ini kerap telah kedengaran pandangan serta pendapat dikemukakan tentang beberapa persoalan yang berkaitan tentang sejarah dan kepentingannya dalam proses pembentukan negara. Malah di negara kita Malaysia ini, kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang berat tentang peri pentingnya sejarah sebagai satu bidang ilmu yang dapat membentuk satu generasi masa hadapan yang prihatin terhadap negaranya, untuk melahirkan satu generasi masa hadapan yang taat setia kepada negara, bertimbang rasa, penyayang, patriotik dan bertanggungjawab maka sejarah telah dipilih untuk dijadikan salah satu matapelajaran teras bagi semua murid-murid sekolah menengah. Motifnya agak jelas, bahawa melalui pendidikan sejarah secara langsung akan dapat diterap nilai-nilai yang dapat menjawai semangat kewarganegaraan yang begitu penting dalam pembentukan negara.

Pembentukan sesebuah negara itu mempunyai unsur yang luas yang merangkumi aspek-aspek pembentukan rohani warga-negaranya. Begitu juga pembentukan jasmani sesebuah negara itu merangkumi pembangunan fizikal seperti bangunan serta infrastruktur yang lain, industri dan penerapan nilai-nilai hidup yang mulia, sikap bertanggungjawab dan perasaan taat setia. Kedua-dua nilai dan sikap ini dapat dibentuk melalui teladan dan pengalaman sejarah. Dengan merujuk kepada pengalaman dan kesan sesuatu tindakan di masa-masa yang lampau maka dapat diterap nilai-nilai yang mulia sebagai panduan hidup. Pemahaman yang jelas mengenai fakta-fakta sejarah yang tertentu, maka dapat dicorak nilai-nilai daripada fakta-fakta itu untuk memupuk semangat tertentu yang ingin ditanam di dalam jiwa setiap masyarakat. Semangat ini dapat dipupuk apabila masyarakat menyedari liku perjalanan sejarah negara yang sama-sama diwarisi. Dengan cara ini maka dapat dipastikan kejayaan pembangunan sesebuah negara itu baik dari segi ekonomi sosial ataupun politik.

Di negara ini kesedaran betapa perlunya setiap rakyat menghayat sejarah tanahair yang sebenarnya, diberi perhatian yang serius setelah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Dikatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya peristiwa tragis itu adalah kerana wujudnya segolongan anggota masyarakat yang gagal memahami asal-usul sejarah negara. Melalui kefahaman serta penghayatan sejarah tanahair yang sebenar, maka masyarakat berbilang kaum di negara ini boleh hidup aman, bersatu padu dan bertekad untuk menghilangkan perasaan perkauman. Dari pengalaman sejarah yang dilalui maka sewajarnyalah masyarakat memahami dan mempelajari daripada sejarah bahawa sesuatu persengketaan kaum lebih mudah berlaku di negara ini apabila sesuatu isu sensitif itu di ungkit-ungkit oleh seseorang individu baik yang datang dari golongan politik walaupun dari golongan yang menganggap diri mereka sebagai pembela masyarakat.

Menyedari tentang peri pentingnya ilmu sejarah dalam pembentukan sesebuah negara atau masyarakat maka di dalam perbincangan kertas kerja ini perhatian akan dihalakan kepada beberapa persoalan, antaranya mengenai pengertian sejarah itu sendiri, keduanya beberapa isu atau persoalan mengenai kepentingan sejarah; ketiga beberapa persoalan atau isu dalam persejarahan negara dan akhir sekali mengenai kepentingan Sejarah Lisan (Oral History) dalam merakamkan dan mendokumentasikan sesuatu peristiwa sejarah.

### **1. Pengertian Sejarah Sebagai Satu Disiplin Ilmu**

Secara konvensional sejarah selalunya dilihat sebagai peristiwa zaman lampau. Ianya merupakan catatan atau rekod mengenai sesuatu kejadian yang telah berlaku.

Sejarah dalam pengertian umumnya adalah segala bentuk dan hakikat perlakuan manusia yang benar-benar telah berlaku pada satu masa dahulu. Manakala sejarawan pula merupakan anggota sesebuah masyarakat yang berperanan merekonstruksi semula bentuk dan hakikat tersebut. Mereka akan menghurai dan menjelaskan segala perlakuan yang dianggap ketara kepada masyarakat supaya mereka mengetahui dan memahaminya. Sementara itu, masyarakat memerlukan sejarah kerana melalui sejarah mereka dapat mengimbau kembali asal-usul dan warisan budaya mereka.

Mengenai pengertian dan kepentingan sejarah, H.S. Commager, seorang ahli sejarah pula pernah menulis:

*History it seems, is more conscious than other discipline, the historians more introspective than his colleague in other area of study and research. For centuries until now, historians have been asking themselves, publicly or eloquently, what is the nature of history? What is the use of history. What is that we are talking about? until the matter has become something of a public scandal.<sup>1</sup>*

Sebenarnya, hingga ke hari ini pun (mungkin dalam seminar ini juga) ahli-ahli sejarah belum boleh mencapai konsensus dalam soal-soal yang berkaitan dengan pengertian sejarah, skop atau dimensi yang patut menjadi bidang cakupan mereka. Begitulah juga dari segi pengkaedahan, falsafah dan penggunaan teknik-teknik penelitian dalam sejarah. Sementara itu, ahli-ahli sejarah juga berbahas sesama sendiri dalam menentukan adakah sejarah sebagai satu cabang ilmu kemanusiaan atau tergolong dalam disiplin sains sosial. Oleh kerana ketiadaan konsensus dan wujudnya perbalahan yang berterusan itulah munculnya berbagai-bagai bentuk sejarah. H.S. Commager dalam hal ini mengatakan:

there are many kinds of history as there are historians and each historian writes (and teaches) his own kind of history.<sup>2</sup>

Jenis-jenis sejarah yang berbagai-bagai itu, boleh kita pecahkan kepada dua kategori sejarah. Pertama, sejarah sebagai "re-construction". Sejarah dalam kategori ini adalah merujuk kepada tradisi pensejarahan yang bertujuan membawa zaman lampau itu hidup kembali. Ia melihat sejarah dalam lingkaran kemanusiannya. Memfokus kepada proses naratif mengenai apa yang sebenarnya berlaku, bagaimana cara dan mengapa ia berlaku. Proses naratif diasaskan kepada fakta-fakta yang konkrit, unik, dan mengkhusus. Ia mengambil intuition sebagai penelitiannya dan menolak penggunaan teori, hipotisis dan kaedah daripada disiplin-disiplin yang lain.

Manakala jenis sejarah dalam kategori yang kedua pula ialah sejarah sebagai "interpretasi". Sejarah dalam kategori ini adalah dicirikan oleh orientasinya yang konseptual dan problematik. Ia meneliti secara analitikal dan interpretatif mengenai satu-satu persoalan atau fenomena sejarah. Ia menolak "intuition" sebagai mod penyelidikan, sebaliknya menggunakan teori, hipotisis, konsep atau lain-lain alat penelitian dari berbagai-bagai disiplin. Ini kerana

ia menganggap sejarah tidak boleh dilihat sebagai disiplin yang otonomous. Matlamat penelitiannya adalah memahami dan menghurai fenomena dan fakta-fakta sosial serta membina generalisasi. Sementara itu, proses pentafsiran semula sejarah (historical revision) dilihat sebagai satu aktiviti yang sihat. Dari pandangan yang dikemukakan maka dapat dilihat bahawa ilmu sejarah itu dari segi sifatnya, mempunyai beberapa unsur yang selalunya boleh mencetus persoalan atau isu dan isunya menjadi bahan perbahasan atau polemik yang berterusan di kalangan ahli sejarah. Walau bagaimanapun sejarah dari segi ilmunya adalah:

any integrated narrative, description or analysis of past events or facts written in a spirit of critical inquiry for the whole truth.<sup>3</sup>

Lebih jelas lagi, sejarah secara akademiknya, perlu dilihat sebagai satu kajian mengenai zaman lampau atau study of the past, yakni cara bagaimana kita melihat zaman lampau. Sebagai satu kajian, tentu sahaja ia mempunyai kaedah atau metode tertentu untuk membolehkan kita membuat penelitian. Aspek inilah yang sangat penting dalam ilmu sejarah.

Namun begitu, kerana kelaziman kita memahami secara mudah (berbalik kepada definisi konvensional awal di atas maka kefahaman kita terhadap sejarah selalunya juga sering dipermudah (simplified), sehingga apa sahaja perkara atau kejadian lampau itu dikatakan sejarah, yang kadangkala dirujukkan juga sebagai sama dengan ilmu sejarah (seperti yang didefinisikan kemudian di atas). Sedangkan ia adalah dua konsep dan pengertian yang berbeza. Jelasnya di sini, sejarah dilihat dari segi pengertiannya, dalam banyak hal mencetuskan berbagai isu atau persoalan, yang sebahagian besarnya, perlu pembetulan dan kefahaman yang lebih mendalam.

Peranan inilah yang terpaksa dimainkan di peringkat universiti untuk menawarkan satu kaedah pengajian ilmu sejarah dan bukan semata-mata kepada sejarah yang lazim difahami dan dirujukkan pada subject matter zaman silam.

## 2. Beberapa Isu atau Persoalan Mengenai Kepentingan Sejarah

Sekiranya diteliti buku-buku mengenai sejarah dan kepentingannya, maka terdapat banyak kegunaan-kegunaan sejarah yang disebut.

Sekiranya kita teliti pendapat para sejarawan dan ahli falsafah, malahan negarawan juga, tidak syak lagi sejarah menurut mereka adalah asas yang sangat penting bagi kewujudan sesebuah masyarakat dan negara. Umpamanya sejarah bagi R.G. Collingwood merupakan tunggak kepada pengetahuan manusia, Seseorang individu atau masyarakat seluruhnya hanya akan dapat mengenali dirinya melalui sejarah. Sejarah menjadi bertambah penting lagi kepada kehidupan manusia, tegas beliau, kerana kehidupan manusia itu sentiasa berubah. Mereka sentiasa berkembang dan maju ke depan. Untuk menuju ke depan, sesebuah masyarakat perlu kepada sejarah. Ini kerana menurut Collingwood lagi, masa depan yang akan dilalui oleh sesebuah masyarakat atau seseorang individu itu sukar hendak diramal, jadi sejarah diperlukan untuk menjadi panduan supaya perjalanan menuju hari depan itu menjadi lebih terarah. Sehubungan dengan ini juga George Santayana, seorang ahli falsafah menegaskan sekiranya seseorang itu (termasuk juga masyarakat atau negara) tidak mempunyai kecenderungan terhadap masa lalu (sejarah) pada kelazimannya lebih mudahlah ia melaku dan mengulangi kesilapan. Tegasnya menurut Collingwood dan Satayana, sejarah mempunyai nilai yang amat berguna dalam memberi panduan dan iktibar kepada sesebuah masyarakat, negara mahupun seseorang individu.

Sementara bagi Graham Clark pula, sejarah, terutama sekali arkeologi penting bagi sesebuah negara kerana kedua-dua bidang ini dapat berfungsi dan mempunyai kebolehan mencetus dan seterusnya memupuk semangat patriotis dan nasionalisme, terutamanya bagi negara-negara yang tidak mempunyai rekod sejarah bertulisnya yang lama. Menurut beliau lagi, sejarah dan arkeologilah yang mampu menyingkap kembali masa lalu dan memaparkan kebanggaan terhadapnya di kalangan masyarakat di negara berkenaan. Oleh sebab itulah tegas Clark, banyak negara memberi keutamaan yang tinggi kepada sejarah, khususnya bidang arkeologi.<sup>4</sup>

Dan secara umumnya, kepentingan sejarah itu boleh kita bahagikan kepada dua kategori.

Kategori yang pertama ialah rasional yang berbentuk humanistik, moralistik, "culturalistic" dan nasionalistik. Pada umumnya, rasional-rasional dalam bentuk sedemikian melihat ilmu sejarah dari segi peranannya sebagai medium cultural transmission. Dalam ertikata yang lain, mereka melihat sejarah sebagai mana mekanisme pemancar dan pemelihara warisan budaya. Oleh itu, ilmu sejarah dilihat sebagai satu bentuk "pengetahuan" yang berfungsi sebagai historia vitae magistra. Iaitu, ia menjadi guru kepada kehidupan kita kerana apa yang terdapat dalam sejarah boleh pula berperanan sebagai philosophy by example. Rasionalisasi yang sedemikian itu kemudiannya mencorakkan orientasi dan pendekatan terhadap ilmu sejarah sebagai medium pendidikan. Secara implisit dan eksplisitnya, pendekatan terhadap ilmu sejarah dari segi peranannya dalam pendidikan lebih banyak diorientasikan ke arah tujuan pembinaan "domain efektif" terutamanya untuk mempengaruhi dan mencorakkan perkembangan sahsiah dan perlakuan pelajar dari segi perasaan, sikap, motif, moral, simpati, empati, apresiasi dan aspek keperibadian yang lain. Dalam erti kata yang lain, tumpuan proses pendidikan adalah lebih banyak memberatkan kepada usaha membina asas mental replicative dan associative pelajar. Kerana dengan itu keadaan celik budaya (cultural literacy) di kalangan mereka akan dapat dipertingkatkan.

Sementara rasional dalam kategori yang kedua pula mengemukakan kepentingan dan peranan ilmu sejarah sebagai medium pendidikan fungsional (functional education). Rasional ini melihat ilmu sejarah sebagai satu bentuk ilmu yang sangat sesuai bagi menyediakan orientasi pendidikan yang lebih menumpukan kepada usaha-usaha pembinaan dan perkembangan domain kognitif pelajar. Terutamanya dalam menyediakan keperluan-keperluan bagi meningkatkan asas mental translative dan applicative mereka. Oleh hal yang demikian, melalui orientasi tersebut, pendidikan sejarah dilihat sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada pendekatan secara generic. Ini kerana tujuan utama proses tersebut adalah untuk memaksimakan kefahaman, kemahiran dan penguasaan ke atas struktur ilmu yang dipelajari itu secara mendalam. Tegasnya, ia diorientasikan untuk menyediakan satu proses pendidikan yang akan dapat mendedahkan para pelajar kepada budaya persejarianan (historical culture) secara lebih mendalam. Orientasi tersebut adalah bersandarkan kepada premis bahawa pendidikan pada umumnya dan pendidikan sejarah khasnya bukanlah bertujuan membina "little living library", sebaliknya ia adalah untuk mendedahkan dan melibatkan para pelajar secara langsung dalam proses pembinaan ilmu itu. Sehubungan dengan itu, amalan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih kompleks dan menuntut peranan yang lebih aktif dari para guru dan juga pelajar. Ini kerana dalam orientasi pendidikan begini, pendekatan secara heuristic menjadi amalan pembelajaran dan pengajaran yang utama. Di peringkat pendidikan tinggi, pendekatan ini lebih diperlukan supaya ia dapat disesuaikan dengan fungsi pendidikan pada tahap tersebut.<sup>5</sup>

Boleh diandaikan bahawa dalam kategori pertama ini, kepentingan sejarah dilihat dari segi sumbangannya kepada pemupukan perasaan patriotisme, nasionalisme, kepatuhan, ketaatan, mengagungkan pencapaian bangsa di zaman lampau dan lain-lain lagi. Jika ditinjau kurikulum pendidikan sejarah di peringkat KBSM ternyata motif ini amat ketara sekali diketengahkan. Malah kebanyakan negara di dunia ini meletakkan kepentingan-kepentingan ini sebagai suatu aspek yang amat bernilai untuk diserapkan melalui mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah. Isu yang dapat dilihat di sini ialah, sekiranya kepentingan itu diletakkan secara melampau dalam proses pendidikan sejarah di sekolah, ia kadangkala lebih cenderung

menjuruskan sejarah diajar dan dipelajari itu kepada sejarah yang bercorak propaganda.

Pada matlamat akhirnya, cara ini akan melemahkan nilai-nilai dan kepentingan sejarah dari sudut ilmunya.

Sesungguhnya dengan ini, seorang sejarawan, Author Marwick telah mensifatkan sejarah sebagai satu bentuk "industry", iaitu satu proses bagaimana para sejarawan melaksanakan usaha-usahanya untuk membina semula aspek-aspek masa lalu yang signifikan kepada masyarakatnya. Ringkasnya para sejarawan merupakan pengusaha manakala masyarakat pula adalah penggunanya. Dalam kebanyakan negara, "industry" membina masa lalu ini pada kebiasaan mengeluarkan berbagai-bagai bentuk sejarah, untuk disampaikan kepada pengguna, iaitu masyarakat. Bentuk-bentuk tersebut boleh dikategorikan kepada dua, iaitu sejarah yang nasionalistik dan sejarah yang ideologikal sifatnya. Kedua-dua kategori sejarah ini adalah hasil usaha para sejarawan yang komited dan mengikat dirinya kepada ideologi atau ortodoksi tertentu dalam memberikan khidmatnya kepada masyarakat dan negara.

Aspek-aspek masa lalu yang terbina sebagai sejarah dipilih, disusun, dianalisis dan diinterpretasikan bersesuaian dan berpadanan dengan pegangan politik, kecenderungan budaya, hasrat dan citacita ideologi dan falsafah sejarawan berkenaan dan negara atau masyarakatnya. Hal yang seperti ini memang tidak dapat dielakkan kerana dalam melaksanakan kerja-kerjanya, para sejarawan pada kelazimannya membawa bersama-sama kedudukan, pengetahuan, simpati, falsafah, ideologi, konsep-konsep, prosedur dan rutin penyelidikan mereka dalam menghasilkan sejarah.

Sungguhpun sejarah terbina berdasarkan kepada bukti-bukti tertentu, namun berbagai-bagai masalah berkaitan dengannya hanya bermula apabila ia dihasilkan. Ini kerana seperti yang telah ditegaskan, sejarawan, sejarah dan masyarakat mempunyai saling hubungan yang sangat rapat. masing-masing terangkum kuat ke dalam sistem dan hubungan sosial dalam sebuah negara berkenaan.

Dari segi kepentingan negara dan masyarakat, sejarawan dan sejarah yang dihasilkannya adalah 'pelindung' kepada warisan budaya yang dilihat sebagai sumber keagungan dan kebanggaan dalam masyarakat, etnik maupun negara seluruhnya. Aspek sejarah yang menjadi kebanggaan ini akan sentiasa hidup dalam pemikiran masyarakat berkenaan sebagai epitome tradisi dan liku-liku kehidupan mereka. Oleh sebab itu jugalah para sejarawan dalam menghasilkan sejarah mengenai masyarakat dan negara mereka tidak mudah membebaskan rasionaliti mereka sendiri dari pengaruh mitos, prejedis dan harapan masyarakat yang melindungi kehidupan mereka. Masyarakat dan negara pula umumnya mengharapkan satu sejarah yang dapat mewajarkan terhadap apa yang mereka pertahan dan banggakan. Sebaliknya, sekiranya ada satu sejarah yang lain terhasil di luar daripada lingkungan pemikiran dan kepercayaan yang telah berakar umbi dalam masyarakat itu, maka hasil sejarah berkenaan selalunya dianggap sebagai kerja yang subversif. Pengaruh mitos dan prejedis ini sukar untuk dikikis oleh para sejarawan. Yang demikian sejarah yang kita sifatkan sebagai "industry" itu sebenarnya juga "a political battle ground" bukan sahaja kepada sejarawan, malahan kepada berbagai golongan berkepentingan dalam masyarakat yang sentiasa mengharapkan sesuatu dari sejarah. Tegasnya, sejarah boleh menjadi arena pertelingkahan kepada golongan-golongan tersebut dalam menegakkan kewajaran yang mereka harap memperolehinya melalui sejarah. Pertelingkahan mengenai sejarah boleh dikatakan satu proses yang berlanjutan tanpa penghujungnya memandangkan golongan-golongan berkenaan mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap peranan sosial dan kepentingan satu-satu aspek sejarah. Seorang sejarawan yang berpendirian konservatif misalnya akan menghasilkan sejarah yang berbeza dari yang dihasilkan oleh seorang yang revolusioner walaupun kedua-duanya menyingkap aspek sejarah yang sama. Yang pertama mahu menegakkan otoriti dan kuasa pihak yang sedang berkuasa atau warisan masyarakat dan bangsanya. Manakala yang satu lagi pula mahu menggugatnya.

Sungguhpun sejarah yang dihasilkan dan disebarluaskan kepada masyarakat adalah berbagai-bagai dari segi bentuknya, namun penentuan bentuk sejarah dan bagaimanakah perlu diterima oleh masyarakat berkenaan adalah sangat tergantung kepada pengiktirafan oleh pihak-pihak yang berkuasa sesebuah negara berkenaan. Ini kerana pihak berkuasalah yang mempunyai otoriti dalam menentukan konsepsi terhadap sejarah dan mengiktiraf satu-satu bentuk sejarah yang dikira selaras dengan cita-cita dan aspirasi negara berkenaan. Sementara itu, dari segi pendidikan pula, biasanya bentuk sejarah yang mendapat pengiktirafan itulah pula yang dianggap berguna dan dapat memenuhi kepentingan pendidikan sejarah. Ia akan dianggap sebagai paling sesuai untuk menjadi wadah dalam memenuhi hasrat dan cita-cita ke arah pembinaan dan pembangunan bangsa berkenaan. Schubungan dengan ini juga, pengajaran sejarah di institusi-institusi pendidikan seperti sekolah-sekolah, malahan juga di peringkat pengajian tinggi terpaksa tunduk kepada hasrat dan cita-cita tersebut.

Di kebanyakan negara, terutama sekali di negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan, sejarah lazimnya menjadi alat pendidikan yang sangat diutamakan dalam usaha negara menanam dan memupuk nilai dan pemikiran para pelajar generasi muda terhadap masyarakat, institusi-institusi dan negaranya. Tegasnya, melalui pelajaran sejarahlah proses mengindoktrinasi nilai-nilai yang dianggap serasi, sepadan dan bersesuaian dengan hasrat negara dilaksanakan. Oleh sebab itu pelajaran sejarah sebagaimana yang diisi dalam kurikulum-kurikulum lebih banyak menampakkan pertimbangan-pertimbangan yang bersifat moralistik. Pertimbangan yang sedemikian adalah disebabkan oleh pemahaman terhadap sejarah yang dilihat sebagai "philosophy teaching by example". Pertimbangan ini lebih menitikberatkan kepada pemilihan aspek-aspek sejarah yang dianggap boleh membawa iktibar kepada pelajar setelah mereka mempelajarinya. Sebagai implikasinya, mata pelajaran sejarah yang disampaikan kepada pelajar melalui kurikulum-kurikulum yang digubal lebih menampakkan bahawa sejarah merupakan satu bentuk ilmu pasti (*assured knowledge*).

Walaupun sejarah sebenarnya adalah dibina melalui usaha para sejarawan yang menggunakan sudut-sudut pandangan tertentu, namun dalam pelajaran sejarah ia merupakan "a body of truth" yang perlu pelajar-pelajar menguasainya. Pertimbangan-pertimbangan yang moralistik dalam membentuk objektif dan matlamat pengajaran sejarah menyebabkan pendekatan dan teknik dalam pengajaran sejarah menjadi sangat terbatas. Ia juga turut mempengaruhi cara membuat penilaian ke atas kemajuan dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran berkenaan.

Secara amnya, boleh dikatakan bahawa matapelajaran sejarah terutamanya di peringkat sekolah lebih tertumpu kepada "subject matter" bukannya kepada aspek ilmu sejarah. Penekanan secara melampau kepada objektif dan matlamat yang bersifat nasionalistik dan moralistik ini menyebabkan konsepsi terhadap sejarah dalam pendidikan menjadi sempit. Kaedah dan pengajaran juga menjadi terbatas disebabkan oleh ketentuan-ketentuan yang terdapat dalam kurikulum samada dari segi interpretasi terhadap aspek-aspek sejarahnya, mahupun dari segi nilai yang diberikan kepada aspek-aspek tersebut. Oleh itu, dalam pengajaran, apa yang dipentingkan oleh guru-guru ialah menyampaikan "maklumat-maklumat" sejarah kepada pelajar seberapa banyak dan berkesan yang boleh. Dengan menyalurkan maklumat-maklumat itu diandaikan pelajar-pelajar akan dapat melihat kepentingan-kepentingannya untuk dijadikan iktibar dalam kehidupan mereka. Manakala pelajar pula akan berusaha sedaya upaya untuk mengingati maklumat-maklumat berkenaan. Ringkasnya, pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam banyak segi telah mengabaikan kepentingan sejarah dari segi nilai intelektualnya yang mementingkan "Spirit of Free Inquiry" dalam memahami hakikat perlakuan manusia di masa lalu. Penekanan yang melampau kepada matlamat yang moralistik dan nasionalistik mengakibatkan konsepsi terhadap sejarah sebagai ilmu yang berteraskan interpretasi menjadi kabur. Ini kerana sejarah dalam pemahaman masyarakat, negara dan seperti yang terdapat dalam kurikulum lebih merupakan ilmu pasti (*assured knowledge*) mengenai hakikat masa lalu.<sup>7</sup>

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini, kepentingan sejarah bukan lagi semata-mata dilihat dari sudut nilai-nilai kegunaannya yang bersifat moralistik dan nasionalistik, sebaliknya perhatian yang berat telah diberikan untuk mengangkat semula kepentingan atau nilai sejarah sebagai satu bidang ilmu. Yakni sejarah dilihat dari segi ilmunya, kaya dengan nilai dan kepentingan yang akademik sifatnya. Ringkasnya, sejarah dilihat sebagai medium pendidikan yang fungsional. Penilaian semula ke atas fungsi sejarah seperti ini adalah penting untuk memupuk semula kesedaran sejarah di kalangan pelajar-pelajar dan mengangkat semula kedudukan mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah sebagai satu matapelajaran yang diminati.

### **3. Beberapa persoalan atau isu dalam pensejarahan negara.**

Selain dari soal yang berkaitan dengan kepentingan sejarah itu sendiri terdapat beberapa isu atau persoalan pokok mengenai pensejarahan negara yang wajar disebutkan di sini. Pada masa ini telah terdapat dalam tulisan-tulisan yang memperkatakan tentang persoalan dalam pensejarahan negara misalnya seperti tulisan yang dihasilkan oleh Prof. Khoo Kay Kim, Kassim Ahmad dalam Dewan Masyarakat, J.D. Legge, Hanapi Dolah dan Wong Lin Ken.<sup>8</sup>

Antara isu-isu yang menarik di sini ialah, wujud lompong yang sangat luas dalam sejarah sosial atau sejarah ekonomi Malaysia, khususnya dalam abad 20 kerana tulisan-tulisan atau kajian mengenainya banyak dipelopori dan dilakukan oleh bukan ahli sejarah tetapi oleh sarjana ekonomi, sosiologi dan antropologi. Ini meyebabkan timbulnya masalah di segi pentafsiran atau interpretasi ke atas proses dan sejarah negara dan lazimnya dibuat berasaskan kepada generalisasi yang sangat longgar.

Selain dari usaha ini telah timbul juga percubaan-percubaan untuk melihat sejarah negara dari segi kerangka tioritis tertentu misalnya seperti pendekatan ekonomi-politik (atau kelas) yang dilakukan oleh Jomo K. Sundaram dan Hanapi Dolah.

Walau bagaimanapun, dalam penulisan sejarah, bukanlah tidak boleh digunakan model atau teori tetapi penelitian-penelitian terhadap persoalan-persoalan sejarah perlu dilihat dalam kerangka historikalnya dan diasaskan pada penelitian-penelitian yang lebih mendalam dan meluas - bukannya didasarkan kepada satu dua kes sahaja. Dengan ini bermakna bahawa kajian-kajian sejarah secara teoritis dan berdasarkan kepada model-model tertentu perlu dibuat pada kes atau lokasi atau peristiwa yang lebih menyeluruh. Contohnya, kajian ke atas masyarakat tani Melayu haruslah merangkumi ruang kajian yang luas diasaskan pada kajian-kajian Sejarah Tempatan atau Local History.

Dengan adanya banyak kajian-kajian mendalam tentang satu-satu aspek sejarah yang lebih lokalized dan partikularistik barulah gambaran yang lebih menyeluruh dan mendalam dan tepat tentang satu-satu aspek sejarah itu dapat dipertanggungjawabkan dan interpretasinya lebih reliable. Contoh - Isu Peribumi yang ditimbulkan oleh MCA.

Soal-soal yang diketengahkan di atas inilah kini yang menjadi isu dalam pensejarahan negara. Dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an misalnya minat ahli antropologi, sosiologi dan ekonomi begitu mendalam untuk meneliti fenomena-fenomena sejarah negara.

Kerana itu, peranan ahli-ahli sejarah juga bertambah berat untuk melihat semula atau "counter-check" tulisan-tulisan seperti ini, supaya dengan ini sejarah negara kita tidak mudah diseleweng atau ditulis secara "ideologically motivated" bagi mencapai maksud politik atau matlamat-matlamat tertentu.

Dalam usaha untuk menentukan kesahihan sesuatu kajilidikan sejarah khususnya dalam perkara berkaitan dengan bahan-bahan sejarah, kadangkala ahli sejarah terpaksa menghadapi banyak masalah dan rintangan, antaranya ialah:

- (1) Masalah accessibility bahan atau sumber, walaupun ada banyak, tapi wujud banyak constraint khususnya daripda pihak kerajaan, dengan adanya akta-akta tertentu seperti OSA dan lain-lain dan juga keengganahan individu-individu serta pihak-pihak lain untuk memberi kerjasama kepada penyelidik. Masalah-masalah seperti ini boleh diatasi sekiranya ada kesedaran

sejarah di kalangan pihak tertentu. Pada pandangan saya persatuan sejarah serta agensi kerajaan yang ada hubungannya dengan sejarah seperti Muzium dan Arkib Negara boleh membantu untuk mengatasi masalah ini. Adalah menjadi tanggungjawab bersama persatuan atau badan-badan ini untuk mewujudkan kesedaran sejarah di kalangan masyarakat, agar sesuatu bahan sejarah itu boleh diperlihatkan kepada sipengkaji.

(2) Kebimbangan ahli-ahli sejarah mengenai perkembangan kajilidikan khususnya terhadap sesuatu isu sejarah bukannya kerana mereka tidak dapat menerima interpretasi semula dan revision ke atas catatan sejarah negara malah sebaliknya, disebabkan oleh kecenderungan kajian-kajian yang lebih terpengaruh kepada ideologi dan politik.<sup>9</sup>

Bagi ahli-ahli sejarah "reinterpretation" dan "revision" dalam penulisan adalah satu perkara biasa. Proses ini berlaku dengan sendirinya apabila dari masa ke semasa bahan atau sumber dapat digali dengan lebih banyak. Sebab itu, dalam sejarah negara kita, kajian tentang nasionalisme Melayu tidak tamat dengan tulisan Radin Seonarno atau William Roff, walaupun sebelum ini tulisan mereka tentang perkara ini dianggap standard.

Malah kini, tafsiran-tafsiran baru tentang perkembangan nasionalisme Melayu tidak lagi dilihat secara bertahap seperti dibuat oleh Seonarno dan Roff dahulu. Kini kita melihat perkembangan nasionalisme itu sebagai suatu perkembangan yang berterusan (continous) sifatnya.

#### **4. Sejarah Lisan Sebagai Satu Teknik Mendokumentasi Bahan Sejarah**

Sehubungan dengan beberapa masalah yang telah disebutkan di atas tadi khususnya yang berkaitan dengan soalan kesulitan mendapatkan bahan sejarah, maka di bahagian ini akan disentuh soal berkaitan dengan pendokumentasian Sejarah Lisan

1. Penulisan sejarah yang kurang tepat, berat sebelah, penumpuan kepada sejarah elit dan bidang politik, adalah di antara isu-isu yang sering kedengaran. Soal pokok kepada isu-isu ini adalah kerana ketiadaan atau kekurangan sumber bertulis yang boleh dijadikan sebagai sumber kepada kajian. Pengkaji yang ingin mengkaji sejarah zaman sebelum kedatangan kuasa Barat akan menghadapi masalah ketiadaan sumber tertulis, manakala pengkaji yang mengkaji sejarah zaman penjajahan pula sebahagian besar bahan kajiannya ialah rekod-rekod penjajah, akhbar-akhbar yang tertakluk kepada kehendak-kehendak pihak berkuasa ketika itu dan surat-surat perseorangan yang mana sebahagian besar adalah peninggalan pegawai kerajaan kolonial. Ketiadaan sumber-sumber tertulis yang lengkap tentang masyarakat bawahan dan bidang-bidang lain, maka kecenderungan pengkaji adalah tertumpu kepada sejarah elit dan bidang politik.

Isu-isu di atas adalah suatu yang sejagat bagi masyarakat yang belum lama mempunyai tradisi menulis, masyarakat yang pernah dijajah dan masyarakat yang sedang membangun di mana terdapat akta-akta seperti OSA yang menghalang seorang pengkaji menggunakan dokumen-dokumen yang disenaraikan sebagai Rahsia.

Jika dirujuk kepada pensejarahan Pahang isu-isu di atas adalah jelas. Tidak ramai pengkaji yang mahu mengkaji sejarah Pahang sebelum kedatangan kuasa Barat kerana masalah besarnya ialah ketiadaan atau kekurangan sumber bertulis. Manakala sumber bertulis untuk mengkaji peristiwa-peristiwa zaman penjajahan pula sebahagian besarnya adalah rekod-rekod penjajah yang sudah tentu tidak dapat memberikan gambaran yang sebenar. Begitu juga dengan sumber dari akhbar dalam keadaan tertentu, perlu akur kepada kehendak pihak yang berkuasa, lebih-lebih lagi semasa zaman penjajahan dahulu. Pengkaji yang kurang teliti tentu sekali mendapat data-data yang kurang tepat.

2. Dalam usaha untuk mengatasi isu-isu ini keterangan lisan khasnya keterangan proto dan tradisi lisan terkawal sekiranya digunakan mengikut kaedah sejarah lisan, boleh menyelesaikan sebahagian dari isu-isu yang diperbincangkan. Tradisi lisan adalah sumber utama kepada pengkajian sejarah zaman tradisional. Ini terbukti sepertimana yang dilakukan oleh sejarawan Afrika dimana tradisi lisan telah menghidupkan semula sejarah berbagai masyarakat orang-orang Afrika.

Keterangan proto dan keterangan saksimata pula berperanan menambahkan sumber kepada pengkaji dalam usaha menjaga ketepatan data. Contohnya penulisan tentang sejarah perjuangan nasionalis Melayu kiri Negeri Pahang. Keterangan proto yang diperolehi melalui kaedah sejarah lisan boleh mengelakkan seorang pengkaji dari memberi pandangan yang berat sebelah sepertimana yang terdapat dalam dokumen-dokumen dan akhbar hasilan zaman penjajah.

Keterangan proto dan saksimata juga boleh berperanan mengisi kekosongan yang terdapat, dan menambah keterangan dokumen bertulis yang kurang jelas. Terdapatnya keterangan lisan yang diusahakan mengikut metodologi sejarah lisan boleh menggalakkan pengkaji-pengkaji mengkaji dan memberi perhatian kepada beberapa jodol tertentu misalnya seperti sejarah Kampung Nelayan Beserah dan lain-lain.

3. Sejarah lisan merupakan satu sumber asli keterangan sejarah dari individu yang telah mengalami, memainkan peranan atau keterangan sejarah dari pemerhati dalam sesuatu peristiwa sejarah berkenaan.

Sejarah lisan adalah sebahagian dari kaedah dan teori sejarah, ianya menjadi alat untuk menghidupkan sejarah. Ia adalah satu kaedah yang digunakan untuk membuat dokumen lisan. Teknik ini melibatkan proses penyelidikan, rakaman, memproses rakaman bagi

menentukan kesahihan atau "credibility" keterangan sejarah yang terkandung, dan penyediaan transkrip sejarah lisan itu.

Penggunaan keterangan lisan sebagai sumber memerlukan latihan kepakaran tertentu bagi menilai "authenticity" dan "credibility" sesuatu keterangan itu. Ini memerlukan latihan yang formal. Namun untuk mencapai hasrat ini saya ingin mengambil kesempatan seminar ini agar negeri Pahang menubuhkan suatu pusat sejarah lisan di peringkat negeri bagi tujuan melaksanakan projek dokumentasi tokoh-tokoh dan anggota masyarakat biasa yang mempunyai peranan dalam sejarah yang dilalui oleh negeri Pahang. Sepertimana juga yang dilakukan oleh kerajaan Singapura, Amerika Syarikat, Britain, Israel dan lain-lain negara maju, pusat-pusat sejarah lisan bagi tujuan dokumentasi perlu ditubuhkan.

Setakat ini, dikecualikan Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak ada universiti di Malaysia ini ataupun kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia ini, yang mempunyai unit atau jabatan untuk mendokumentasikan sejarah lisannya. Pada hemat saya sudah sampai masanya seminar hari ini mencapai kepada satu resolusi agar ditubuhkan satu Pusat Dokumentasi sejarah lisan di Pahang yang boleh mengatur, merekod, dan menyelaraskan pengumpulan bahan-bahan sejarah lisan di negeri ini. Kita boleh memulakannya dengan mendokumentasikan sumber lisan dari tokoh-tokoh ternama di negeri Pahang ini, mungkin boleh dimulakan dengan Menteri Besar, Raja-Raja, pembesar negeri malah sesiapa sahaja individu yang dianggap penting dalam sejarah negeri ini.

Kepentingan dokumentasi lisan ini sebenarnya amat diberi perhatian serius dinegara-negara seperti Britain, Amerika dan Singapura. Di Britain pada masa ini kegiatan mengumpulkan bahan lisan dari bekas anggota tentera yang terlibat dalam perang dunia kedua sedang dijalankan dengan rancaknya. Singapura pula telah lama menubuhkan Jabatan Sejarah Lisan dan aktivitinya banyak tertumpu

kepada mendokumentasikan hasil sejarah Zaman Jepun atau Syonan. Di Amerika Syarikat misalnya, selepas setiap president menamatkan perkhidmatannya maka telah diwujudkan projek dokumentasi sejarah lisan dikenali sebagai "Presidential Oral History Project".

Adanya badan yang bertanggungjawab untuk mendokumentasikan bahan berhubung dengan peristiwa sejarah, tokoh-tokoh tempatan, sejarah tempatan dan lain-lain dapat dilaksanakan dengan sistematik. Badan ini bukan setakat menyediakan dokumen sejarah malah akan memberi peluang kepada segenap lapisan masyarakat Pahang memainkan peranan dalam sejarah. Berbagai projek sejarah lisan boleh dilaksanakan mengikut kepentingan dan keperluan warisan sejarah.

5. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan mempunyai Arkib dan Makmal sejarah lisan yang tersendiri. Jabatan juga ada menawarkan kursus yang berkaitan. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia bersedia membantu memberikan latihan, dan apa jua kerjasama yang diperlukan bagi penubuhan pusat sejarah lisan negeri Pahang yang tersendiri. Untuk makluman ahli-ahli seminar Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia telahpun melaksanakan sebahagian dari dokumentasi sejarah lisan tokoh-tokoh nasionalis Melayu kiri yang ditumpukan dalam daerah Temerloh. Dalam projek dokumentasi sejarah lisan Gua Musang, misalnya salah satu dari dokumen sejarah lisan yang terkumpul ialah keterangan seorang penduduk Gua Musang yang ketika itu tahun 1980, berusia 120 tahun. Pengkisah telah memberikan keterangan berhubung dengan tokoh-tokoh pemberontak Pahang serta mengenai sepoi-sepoi India yang sampai ke Gua Musang.

## Kesimpulan

Sememangnya memang terdapat banyak masalah serta isu-isu yang berkaitan dengan sejarah. Apa yang telah disentuh dalam kertas kerja yang kecil ini merupakan satu percubaan untuk mengenalpasti beberapa isu yang pada anggapan penulis agak prominent. Semoga apa yang telah diketengahkan dapat membuka jalan kepada kita untuk memikirkan langkah-langkah lain yang boleh dan perlu diambil untuk mewujudkan kesedaran sejarah di kalangan kita.

## Notakaki

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada sdr. Abdul Ghapa Harun dan Puan Rupawan Ahmad yang telah membantu saya dan membenarkan saya menggunakan beberapa bahagian dari hasil kajian mereka untuk kertas kerja. Juga saya mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Nadzan Haron kerana membantu saya dalam meneliti bahagian yang berkaitan dengan Sejarah Lisan.

1. Henry, S. Commager, 1966, *The Study of History*, Columbus.
2. *Ibid.*
3. Allan Nevin, 1962, *The Gateway to History*, New York: Doubleday Anchor Books, hal. 39.
4. Rupawan Ahmad, 1990, "Sejarah Masyarakat dan Pendidikan". *JEBAT*, 18, hal. 61-62.
5. A. Ghapa Harun, 1991, "Pendidikan Sejarah di Institusi Pengajian Tinggi" Seminar Sejarah dalam Pendidikan Peringkat Nasional, Kuala Lumpur, b. 9-10.
6. Rupawan Ahmad, "Sejarah Masyarakat dan Pendidikan", h. 62-65.
7. Lihat misalnya, Khoo Kay Kim, 1991, "Malaysian Historiography: A Further Look", IAHA, Hong Kong 24-28 June; Kassim Ahmad, 1975, "Satu Konsep Sejarah Kebangsaan Malaysia", Dewan Masyarakat, Nov. hal. 47-54; J.D. Legge, 1987, "The Function of the Study of History in Third World Societies Dalam Muhammad Kamal Hassan (ed), 1987, *The Rule of Universities In Developing Nations*. UKM, h. 265-296, Hanapi Dollah, "Nasionalisme Melaya: Satu Versi yang Defektif," Ilmu Masyarakat, 5, h. 71-76 dan Wong Lin Ken 1979, "Twentieth-Century Malayan Economic History: A Select Bibliographic Survey", JSEAS, Vol. X, No. 1, 1-24.
8. Lihat Jomo K. Sundaram, 1966, *A Question of Class*, Singapore, Oxford University Press dan Hanapi Dollah, "Nasionalisme" h. 71-76.
9. Kassim Ahmad, "Satu Konsep Sejarah", h. 47-54 dan Renato Constantino, 1980, "Notes on Historical Writing for the Third World", *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 10(3), h. 233-240.

**ACEH BERBESAN DENGAN PAHANG:  
SATU PERKAHWINAN POLITIK  
UNTUK MELAWAN PENJAJAH PORTUGIS**

Oleh

**Prof. A. Hasjmy**  
Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia  
Propinsi Daerah Istimewa Aceh  
Rektor Universitas Muhammadiyah,  
Aceh

..... Wahai manusia,  
Sungguh, kami menciptakan anda,  
Terdiri daripada pria dan wanita,  
Dan kami menjadikan anda,  
Berbangsa - bangsa  
Dan bersuku - suku,  
Agar anda saling berkenalan,  
Sungguh, orang yang paling mulia,  
Dalam pandangan Allah,  
ialah anda yang paling tinggi nilai taqwanya,  
Sungguh, Allah Maha mengetahui, Maha mengenal.

( Q. S. Al Hujurat 13 )

..... Di antara ayat - ayat Allah,  
ialah memberi kepada anda isteri,  
Dari kalangan anda sendiri,  
Agar anda saling membina rumahtangga,  
Kemudian Allah menumbuhkan cinta - kasih,  
Dalam lingkungan keluarga anda.

( Q. S. Ar Rum 21 )

.... Dan Allah telah memberikan  
 Isteri kepada anda,  
 Wanita dari kalangan anda,  
 Allah akan mengurniakan kepada anda,  
 Anakanda dan cucunda,  
 Juga memberi kepada anda  
 Rezeki yang baik dan halal.

( Q. S. An Nahli 72 )

.... Mereka sentiasa berdoa :  
 Oh, Tuhan kami,  
 Jadikanlah isteri - isteri  
 Dan keturunan kami,  
 Menjadi cahaya mata,  
 Dan berikanlah kami kesempatan,  
 Menjadi Imam para Mutakin.

( Q. S. Al Furqan 74 )

..... Bertaqwalah kepada Allah,  
 Yang telah menciptakan anda,  
 Dari seorang peribadi,  
 Daripadanya Allah menciptakan isterinya.  
 Kemudian dari keduanya,  
 Allah menciptakan pria dan wanita,  
 Bertaqwalah kepada Allah,  
 Dengan mempergunakan namanya,  
 Anda saling meminta satu sama lain,  
 Peliharalah hubungan kasih - sayang.  
 Sungguh, Allah itu Pengawas anda.

( Q. S. An Nisa 1 )

**II**

Setelah berkuasa 500 tahun lebih (132 - 656 H. = 750 - 1261 M.) , Daulat Abbasiyah yang berpusat di Baghdad runtuh, kerana wilayah - wilayah kekuasaannya melepaskan diri dari kekuasaan sentral dan berdiri sendiri.

Kemudian Daulat Abbasiyah, diganti oleh Daulat Mugholiyah (656 - 925 H. = 1261 - 1250 M.) , yang nyatanya tidak seagung Daulat Amawiyah dan juga tidak sehebat Daulat Abbasiyah, dan kemudian roboh pula.

Di sebelah bumi barat, setelah berkuasa selama 1000 tahun, Daulat Islam Andalusia roboh pula. Peristiwa yang menyedihkan ini, ditandai oleh penyerahan kunci - kunci Istana Al Hambra kepada Penguasa Katolik, yang dilakukan Amir Abdullah, Sulthan Daulat Banil Ahmar, Dinasti Islam terakhir yang menguasai Andalusia di Semenanjung Iberia.

Peristiwa - peristiwa muram dalam sejarah Islam yang saya nukilkian sepintas, disusul oleh munculnya penguasa - penguasa Kristian sebagai penjajah, yang bernafsu membala dendam kepada Dunia Islam.

Tentang bangkitnya penjajah Barat Kristian, dalam buku Sejarah Kebudayaan Islam di Indonesia, antara lain termaktub :

Menjelang akhir abad XV arus penjajahan Barat ke Timur sangat derasnya, terutama Barat Kristian terhadap Timur Islam.

Nafsu untuk mendapat harta yang banyak dengan cara yang haram telah mendorong orang - orang Eropah Kristian untuk menjarah Dunia Timur Islam, terutama sekali setelah Columbus menemui Benua Amerika dan Vasco Da Gama menjejak kakinya di India.

Di antara Bangsa Barat Kristian yang pada waktu itu sangat haus tanah jajahan, ialah Portugis, di mana setelah mereka dapat merampok GOA di India, mata penjajahannya diencer ke Melaka dan Kerajaan-kerajaan Islam lainnya di sebelah-menyebelah Selat Melaka, terutama di Pantai Utara Sumatera, seperti Aru, Teumieng, Samudra / Pase, Pidie, Aceh Dan Daya.

Menjelang akhir abad XV dan awal abad XVI, Portugis telah mendapat memaksakan nafsu penjajahannya kepada Raja-Raja Aru ( Pulau Kampe ) Samudra / Pase, Pidie dan Daya. Dalam wilayah kerajaan - kerajaan tersebut, Portugis mendirikan " benteng penjajahannya" dengan nama kantor dagang, dan memang di dalamnya ditempatkan pasukan yang bersenjata lengkap.

Ali Mughaiyat Syah, Panglima Besar Angkatan Perang Aceh, melihat peristiwa ini dengan sangat geram, dan dia ingin menghancurkan kekuatan Portugis itu. Dia mendorong ayahnya, Sultan Sumasu Syah yang sangat lemah, agar meletakkan jabatannya sebagai Sultan dan dia sebagai Putera Mahkota akan menggantikannya.

Setelah pada tanggal 12 Zulka'edah 916 H. (1511 M.) Ali Mughaiyat Shah dilantik menjadi Sultan Acheh Darussalam dengan gelaran Sultan Alaiddin Ali Mughaiyat Syah, beliau terus merencanakan untuk mengusir Portugis dari seluruh daratan Utara Sumatera, dari Daya sampai ke Pulau Kampe.

Untuk melaksanakan cita-cita besar dan mulia itu, Ali Mughaiyat Syah berpendapat bahawa kerajaan-kerajaan kecil perlu disatukan dalam satu KERAJAAN BESAR, beliau bercita-cita membangun satu Kerajaan Acheh Darussalam yang besar dan kuat.

Setelah berhasil Ali Mughaiyat mengusir Portugis dari Lubok, Pidie dan Samudera / Pase dengan menghancurkan Armada Portugis di perairan Jambo Ae Samudera/Pase, maka beliau terus memproklamirkan berdirinya KERAJAAN ACEH DARUS-SALAM, leburan dari semua Kerajaan Islam yang kecil-kecil.

Setelah selesai pengusiran Portugis dari seluruh Daerah Acheh, Sultan Alaiddin Ali Mughaiyat Syah mengangkat adiknya, Laksamana Raja Ibrahim menjadi Raja Muda untuk Wilayah Timur Kerajaan ( Samudera / Pase dan Aru.).

Dalam satu pertempuran antara Armada Acheh dan Armada Portugis di Teluk Aru, Laksamana Raja Ibrahim syahid pada tanggal 21 Muharram 930 H. (30 November 1542 M.). Kemudian Laksamana Raja Ibrahim digantikan oleh Laksamana Malik Uzair

( Putera Sultan Salathin Meurhom Daya, ipar Sultan Alaiddin Ali Mughaiyat Syah sendiri, yang juga syahid pada bulan Jumadil Awal 931 H. (1528 M.) dalam pertempuran laut yang lain.

Dalam pertempuran - pertempuran di berbagai medan, dapat dicatat bahawa Armada Portugis benar-benar telah teruk dan dihancur lumatkan serta banyak sekali perwira tingginya yang mati konyol, seperti Laksamana Jorge de Brito yang mati konyol dalam pertempuran bulan Mei 1251 M. (927 H.) dan Laksamana Simon de Souza yang mati dalam pertempuran laut pada tahun 934 H. (1528 M.).

Setelah Syahid Laksamana Malik Uzair, Sultan Ali Mughaiyat Syah mengangkat putera bongsunya, Malik Abdul Kahar, menjadi Amirul Harb ( Panglima Perang ) untuk kawasan Timur, merangkap Raja Muda di Aru.

Dengan berakhirnya Perang Laut Teluk Haru, dalam pertempuran mana Armada Portugis hancur total, maka berakhirlah riwayat Penjajahan Portugis di Pulau Sumatera.

Kalau sekiranya Perang Laut Teluk Haru dimenangi Armada Portugis, nescaya Pulau Jawa akan menjadi jajahan Kristian / Katolik Portugis itu, sama halnya dengan Timor Timur yang mereka jajah lebih 400 tahun.

Menurut DR. N. A. Baloch dalam bukunya *Advent of Islam in Indonesia*, bahawa sebelum terjadi Perang Laut Teluk Haru, Portugis sudah mencuba merebut Ibukota Kerajaan Aceh, BANDA ACHEH tetapi gagal. Perairan Banda Aceh telah dikepung Armada Portugis yang amat kuat, yang didatangkan dari GOA. Sekalipun telah demikian gencarnya ditembak dengan meriam - meriam pantai Aceh, baik dari daratan Banda Aceh, mahu pun Pulau Aceh, namun Armada Portugis masih tidak dikalahkan. Menurut Hashim Bek Fuzumi dalam kitabnya *Buhaira*, yang dikutip DR. N. A. Baloch, akhirnya Aceh sebagai penghasil minyak bumi terbesar di kawasan selat Melaka, menumpahkan minyak bumi sebanyak - banyaknya ke laut dan kemudiannya dibakarnya, hatta Teluk Banda Aceh menjadi LAUTAN API, dan terbakarlah sebahagian besar Armada Portugis, sementara sisanya lari menuju ke GOA .....

### III

Dalam rangka mengusir penjajah Portugis, maka Sultan Alaiddin Abdul Kahar, beberapa kali mara ke Semenanjung Tanah Melayu, yang kemudian dilanjutkan oleh Sultan Iskandar Mahkota Alam.

Untuk menghajar Penjajahan Portugis, Sultan Iskandar Mahkota Alam beberapa kali menyerang benteng-benteng Portugis di Semenanjung Tanah Melayu ( Johor, Pahang, Melaka dan lain - lain ) dengan Armada Cakra Donya yang agung.

Untuk lebih memperkuat hubungan Aceh dengan Semenanjung Tanah Melayu dalam menghadapi Penjajah Portugis, telah terjadi beberapa perkahwinan politik antara beberapa orang Sultan Aceh dengan puteri - puteri istana Kerajaan-Kerajaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Perkahwinan Politik yang sangat terkenal, ialah perkahwinan Sultan Iskandar Muda dengan Puteri KAMALIAH, seorang puteri cantik jelita dari Istana Pahang. Tentang perkahwinan politik ini baiklah saya kutip sebahagian karangan saya dalam buku: ACHEH DAN PAHANG.

Setelah meninggal Puteri Sendi Ratna Istana sebagai Permaisuri, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menikahi Puteri Kamaliah dari keluarga Diraja Pahang, yang kemudian terkenal di Aceh dengan sebutan PUTROU PHANG ( Puteri Pahang ).

Bagaimana cara Iskandar Muda menyunting Puteri Jelita dari Istana Kerajaan Pahang itu, baiklah saya turunkan tulisan Haji Buyong Adil dalam bukunya : Sejarah Pahang, antara lain sebagai berikut :

" Dalam bulan Jun 1613, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Acheh yang mashyur gagah perkasanya itu, telah menghantar suatu Angkatan Tentera Laut yang besar datang menyerang dan mengalahkan Negeri Johor, Batu Sawar dan Kota Seberang bandar - bandar utama di Negeri Johor masa itu telah diduduki oleh orang-orang Acheh. Mengikut setengah sumber, Iskandar Muda sendiri mengepalai Angkatan Perang Acheh yang menyerang Negeri Johor itu. Sultan Alauddin Riayat Shah III, adinda baginda Raja Abdullah serta Bendahara Johor Tun Sri Lanang dan beberapa ramai pengiring - pengiring Sultan Johor telah ditawan dan dibawa ke Negeri Acheh ....."

Setelah beberapa tahun di Acheh, Sultan Alauddin Riayat Shah III berjanji tidak lagi membantu Portugis yang telah menduduki Melaka, maka Iskandar Muda membebaskan Sultan Alauddin dan dihantar kembali ke Johor serta ditabalkan kembali menjadi Sultan Johor. Tetapi, ternyata kemudian Sultan Alauddin Riayat Shah III yang telah menjadi Sultan Johor kembali, lagi-lagi menjadi alat penjajah Portugis dalam rangka memperluas jajahannya di Semenanjung Tanah Melayu. Alauddin membantu Portugis untuk mengangkat Raja Bujang menjadi Sultan Pahang. Raja Bujang adalah Pangeran yang telah mengangkat sumpah setia kepada Portugis.

Kerana itu, dalam bulan September 1615 Iskandar Muda menyerang lagi dengan angkatan yang lebih besar dan Johor dikalahkan lagi, Sultan Alauddin ditahan dan dibawa ke Acheh, hatta meninggal di sana. Serangan dilanjutkan ke Pahang yang telah bersekutu dengan Portugis, seperti yang ditulis oleh Haji Buyong Adil :

"Oleh sebab orang Portugis telah menolong Sultan Johor ( Alauddin Riayat Syah III ) menaikkan Raja Bujang menduduki takhta Kerajaan Negeri Pahang, pada tahun 1617 Sultan Aceh ( Iskandar Muda ) telah mengeluarkan Angkatan Perang Aceh menyerang Negeri Pahang dan askar-askar Aceh yang datang itu telah membinasakan daerah di Negeri Pahang. Raja Bujang melarikan diri, sementara ayah mertuanya, Raja Ahmad, dan Puteranya yang bernama Raja Mughal serta 10 ribu Rakyat Negeri Pahang telah ditawan dan dibawa ke Negeri Aceh.... Seorang Puteri dari keluarga Diraja Pahang, yang bernama Puteri Kamaliah, juga turut dibawa ke Aceh, yang kemudian diperisteri oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, dan Puteri Pahang itu termasyhur dalam sejarah Aceh kerana kebijaksanaannya dan disebut oleh orang-orang Aceh Putrou Phang...

Puteri Pahang dalam Istana Darud Dunia tidak sahaja sebagai Permaisuri tetapi juga menjadi penasihat bagi suaminya Sultan Iskandar Muda. Salah satu dari nasihatnya yang dilaksanakan Iskandar Muda dan amat bersejarah, iaitu pembentukan sebuah lembaga yang mirip DPR ( Dewan Perwakilan Rakyat ) zaman sekarang, iaitu BALAI MAJLIS MAHKAMAH RAKYAT, yang beranggotakan 73 orang, yang mewakili mukim dalam Kerajaan Aceh Darussalam.

Untuk mengabadikan jasa dan karya besar Puteri Pahang, maka semua produk Majlis Mahkamah Rakyat disebut sebagai produk Puteri Pahang, seperti tercermin dalam Hadiah Maja ( kata berhikmat) yang berbunyi :

*Adat bak Poteu Meureuhoom.  
Hukoom bak Syiah Kuala.  
Kanun bak Putrou Phang.  
Reusam bak Lakseumana.  
Hukoom ngon adat,  
Lagee zat ngon sifeut.*

Hadih Maja ini iaitu ajaran tentang pembahagian kekuasaan dalam Kerajaan Acheh Darussalam, yang maksudnya :

1. Kekuasaan eksekutif atau kekuasaan politik / adat berada di tangan Sultan / Kepala Pemerintahan. Karena Iskandar Muda yang menciptakan sistem ini, maka dibangsakan kepadanya (Poteu Meureuhoom). Inilah maksud penggal pertama: Adat bak Poteu Meureuhoom (baris pertama).
2. Kekuasaan yudikatif atau perlaksanaan hukum berada di tangan Ulama. Karena Syeikh Abdul Rauf Syiah Kuala merupakan seorang ahli hukum dan Qadli Malikul Adil yang amat menonjol, maka perlaksanaan yudikatif ini dibangsakan kepadanya (gelarnya Syiah Kuala), karena makamnya bermukim di Kuala Krung Aceh. Inilah maksud penggal kedua: Hukoom bak Syiah Kuala (baris kedua).
3. Kekuasaan legislatif atau kekuasaan undang-undang berada di tangan Puteri Pahang, karena Puteri dari Pahang inilah yang memberi nasihat kepada Iskandar Muda agar membentuk lembaga yang bernama Balai Majlis Mahkamah Rakyat. Inilah maksud penggal ketiga: Kanun Bak Putrou Phang (baris ketiga).
4. Peraturan keprotokolan / reusam berada di tangan Lakseumana / Panglima Angkatan Perang Acheh. Inilah erti penggal keempat: Reusom Bak Lakseumana (baris keempat).

- Dalam keadaan bagaimanapun, adat, kanun dan resam tidak boleh dipisahkan dari Hukoom / Ajaran Islam. Inilah maksud penggal kelima: Hukoom ngon adat, lagee zat ngon sifeut (baris kelima dan keenam).

Hadih Maja ini sekarang dan seterusnya akan menjadi falsafah hidup Orang Aceh. Tiga nama akan tetap menjadi ingatan Orang Aceh: Sultan Iskandar Muda, Syekh Abdul Rauf Syiah Kuala sebagai Qadli Malikul Adil terbesar dan Puteri Pahang.

Perlu dicatat, bahawa dalam masa pemerintahan Ratu Safiatuddin (memerintah dalam tahun 1050 - 1086 H. = 1641 - 1675 M.), Puteri Iskandar Muda dan permaisuri Sultan Alaiddin Raja Mughal Iskandar Sani (memerintah dalam tahun 1045 - 1050 H. = 1636 - 1641 M.); pada waktu itu dari 73 orang anggota Balai Majlis Mahkamah Rakyat, 17 orang adalah wanita, iaitu: 1. Sinyak Bunga, 2. Sinyak Halifah, 3. Sisah Gana, 4. Sinyak Mahkiah, 5. Sinyak Manisa, 6. Sitti Cahya, 7. Sinyak Bukiah, 8. Sinyak Ukah, 9. Sinyak Puwan, 10. Sinyak Sahadaka, 11. Sinyak Manyak, 12. Sinyak Rihai, 13. Sinyak Madijan, 14. Sinyak Habibah, 15. Sinyak Awan, 16. Sinyak Maneh, dan 17. Sinyak Mawar.

Untuk mengakhiri kisah Puteri Phang, baiklah saya turunkan peristiwa waktu perpisahan antara Iskandar Muda dan Puteri Pahang, iaitu pada waktu Iskandar Muda akan berangkat ke Armada Cakra Donya menuju Melaka untuk menggempur Portugis. Di gerbang Istana Darud Dunia, terjadilah dialog yang mengharukan, antara Iskandar Muda dan Puteri Pahang, antara lain: (terjemahan dari bahasa Aceh).

*Harap Tuanku waspada,  
Dalam melayari Selat Melaka.  
Akan Tuanku menghadapi tiga bahaya:  
Yang pertama gelombang besar,  
Bahaya kedua di Asahan,  
Tuanku dihadang Raja Muda,  
Yang ketiga bahaya di Banang.  
Tiga Auliya bemakam di sana,  
Kerana itu, Tuanku,  
Banang jangan dihancurkan.*

Dialog di atas berupa nasihat dari seorang Permaisuri yang bijaksana. Dalam dialog berikut, dapat kita rasai bagaimana pada akhirnya, Puteri Pahang tidak dapat lagi melepaskan dirinya dari perasaan kewanitaan :

*Kalau jadi Tuanku berangkat,  
Tinggal di mana Puteri yang hina,  
Demi Allah, Tuanku jangan pergi,  
Sebelum pasti kami tinggal dimana,*

*Ampun Tuanku Duli Syah Alam,  
Kupegang di tangan, berangkat jangan,  
Kalau Tuanku menempuh daratan,  
Musuh datang lewat lautan,  
Puteri ditawan dalam Istana.....*

Dengan pasti Iskandar Muda menjawab :

*Sungguhpun demikian, Tuan Puteri,  
Dengarlah peri madah beta,  
Adinda kuserahkan kepada Allah,  
Tuhan Pencipta alam semesta.....*

Puteri Pahang menjawab tenang :

*Kalau kepada Allah kami diserahkan,  
Tuanku kulepaskan dengan doa,  
Berangkatlah Tuanku dengan selamat,  
Semoga Allah memberi syufaat.....*

Dialog diatas dikutip dari Hikayat Maleem Dagang, suatu hikayat yang menceritakan perjalanan Iskandar Muda dengan Armada Cakra Donyanya menuju ke Melaka. Hikayat Maleem Dagang adalah karya sastera Melayu Aceh yang sangat tinggi nilai sasteranya.

**IV**

Kisah perkahwinan politik Iskandar Muda dengan Puteri Pahang dan peristiwa Armada Cakra Donya mara ke Melaka untuk menghentam penjajah Portugis, diabadikan dalam sebuah karya sastera besar, yang bernama HIKAYAT MALIM DAGANG. Untuk melengkapi makalah ini, baiklah saya angkat sekelumit isi buku: SEJARAH KEBUDAYAAN ISLAM DI INDONESIA, seperti terakam di bawah ini :

Hikayat Maleem Dagang yang berbentuk puisi yang terdiri dari 2260 rangkum sajak, adalah sebuah hikayat yang menceritakan Sultan Iskandar Mahkota Alam dengan Armada Cakra Donyanya, yang mengharungi Selat Melaka untuk mengajar Raja Si Ujud. Ikhtisar kisahnya sebagai berikut :

Terkisah ada dua Raja bersaudara di Semenanjung Tanah Melayu, namanya Raja Raden dan Raja Si Ujud. Keduanya masih belum masuk Islam, masih kafir. Kedua Raja bersaudara tersebut berselisih kerana merebut seorang puteri cantik yang bernama Puteri Pahang. Untuk menyelesaikan perselisihan, mereka sepakat berangkat ke Tanah Acheh dan menyerahkan perkaranya kepada Sultan Acheh, kerana telah luas tersiar berita bahawa di sana sedang memerintah seorang Raja yang sangat adil dan bijaksana, namanya Sultan Iskandar Muda.

Raja Raden bersama Puteri Pahang berangkat terlebih dahulu. Sesampainya di Banda Aceh mereka berdua (Raja Raden dan Puteri Pahang) memohon agar Iskandar Muda mengislamkan keduanya. Setelah mereka masuk Islam, maka Puteri Pahang menyerahkan dirinya kepada Iskandar Muda untuk dijadikan Permaisuri, dan kemudian Raja Raden dikahwinkan dengan adik Iskandar Muda.

Kemudian, Raja Raden diberi kedudukan yang layak dalam Kerajaan Aceh Darussalam. Puteri Pahang telah menjadi Permaisuri penghuni Istana Darud Dunya di Ibukota Kerajaan, Banda Aceh, kerana permaisuri pertama, Puteri Sani Sendi Istana, telah wafat.

Tidak berapa lama kemudian, datanglah Raja Si Ujud ke Banda Aceh dan didapatinya Raja Raden dan Puteri Pahang telah masuk Islam, bahkan lebih-lebih memarahkannya lagi, iaitu Puteri Pahang telah menjadi Permaisuri Iskandar Muda.

Akibat dari kemarahannya yang sangat memuncak, maka Raja Si Ujud melakukan kekacauan di Banda Aceh: merompak, membunuh, memperkosa dan membakar rumah-rumah rakyat. Setelah puas melakukan kekacauan di daratan, maka Raja Si Ujud bersama tenteranya kembali ke armadanya dan dalam pelayaran menuju markas besarnya di Goa dia menyerbu pantai-pantai Tanah Aceh sepanjang Selat Melaka, dan membajak kapal-kapal niaga Aceh yang didapatnya.

Perompakan dan kekacauan yang dilakukan Raja Si Ujud menimbulkan kemarahan Iskandar Muda, Raja Raden, dan Puteri Pahang.

Kemarahan dan ketekalan Iskandar Muda untuk memerangi Raja Si Ujud, dikuatkan oleh Raja Raden dan Puteri Pahang yang juga merasa aib oleh perbuatan keji Raja Si Ujud.

Untuk keperluan pengejaran Raja Si Ujud, Iskanadar Muda mengadakan persiapan - persiapan, antara lain pembuatan kapal-kapal perang baru, dan pembentukan pasukan-pasukan khusus.

Yang sangat menarik, dalam masa persiapan yang gegap gempita itu, terjadi satu "peristiwa perlambang" yang memerlukan kesungguhan untuk memahaminya, iaitu terdampar di pantai Kuala Aceh sebuah pohon kayu raksasa yang tidak pernah dijumpai yang serupa dan sebesar itu dalam hutan belantara Aceh.

Kepada Iskandar Muda, kayu raksasa itu menceritakan bahawa dia adalah kayu dari "tanah seberang" yang telah dipotong oleh pasukan Raja Si Ujud untuk bahan pembuatan kapal perang yang akan dipergunakan untuk menaklukan Aceh, dan "raja kafir" itu sekarang telah mengadakan persiapan-persiapan raksasa untuk mara ke Aceh. Pohon kayu raksasa itu, demikian ceritanya, tidak rela dirinya dipergunakan Raja Si Ujud untuk menakluki Aceh yang Islam, karena itu, dia lari ke Aceh. Kayu raksasa itu memohon kepada Iskandar Muda untuk dijadikan sebagai bahan utama bagi pembuatan sebuah kapal raksasa.

Anjuran "Jin Islam" yang menjadi "juru bicara" pohon raksasa itu diterima Iskandar Muda, dan dalam waktu yang relatif singkat menjelma hal pohon raksasa itu menjadi sebuah kapal perang raksasa yang diberi nama Cakra Donya, hatta Armada Aceh yang berangkat ke tanah seberang untuk mengejar Raja Si Ujud dinamakan Armada Cakra Donya.

Waktu Iskandar Muda akan belayar dengan Armada Cakra Donyanya, terjadilah dialog yang mengharukan antara Iskandar Muda dengan Puteri Pahang. Dalam dialog itu, Puteri Pahang minta ikut bersama Iskandar Muda, dan Iskandar Muda keberatan; meminta agar Puteri Pahang tetap tinggal di istana Darud Dunya.

Setelah berdialog lama, yang kadang-kadang sinta romantis, dan permintaannya juga tidak makbul, maka Puteri Pahang menitipkan pesan yang amat berkesan. Puteri Pahang meminta agar Iskandar Muda mengejar Si Ujud sampai dapat dan dibawa ke Aceh, hidup atau mati. Kalau Raja Si Ujud tidak ada di Johor, harus dikejar sampai ke Pahang; kalau di Pahang juga tidak ada, harus dicari sampai ke Melaka; kalau di Melaka, atau tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu juga tiada, harus dikejar sampai ke Goa, demikian pesan Puteri Pahang.

Sekali lagi terjadi dialog romantis dan sangat mengharukan waktu Iskandar Muda akan belayar, di waktu mana Puteri Pahang tidak diizinkan melepaskannya di Kuala Acheh, pengkalan Armada Cakra Donya; hanya cukup dilepaskan di gerbang luar istana Dard Dunya. Hal ini, kerana Iskandar Muda tidak mau dilepaskan dengan air mata waktu dia akan menaiki kapal, bahkan tidak seorangpun para isteri atau tunangan hadir di Kuala Acheh.

Dalam pelayaran menuju ke Melaka, Iskandar Muda dengan beberapa perwira tingginya mendarat di Pidie dan dari sana menempuh jalan darat menuju Kuala Jambo Aer, pengkalan Armada Selat Melaka.

Dalam perjalanan dari Pidie menuju Jambo Aer, ikut bersama Iskandar Muda pasukan-pasukan pilihan dari Pidie, Meurdu, Samalanga, Jeumpa, Geulumpang Dua dan sebagainya. Salah seorang yang terpenting dari Pidie, iaitu Panglima Pidie, seorang perwira muda yang sangat berani, tetapi kurang perhitungan. Dari Meurdu, ikut seorang ulama besar yang berasal dari Madinah, Ja Pakeh namanya. Beliau seorang perwira tinggi dari Angkatan Perang Turki Usmaniyah yang datang ke Aceh dalam rangka kerjasama antara Kerajaan Aceh Darussalam dan Kerajaan Turki Usmaniyah. Ja Pakeh diangkat menjadi Penasihat untuk Armada Cakra Donya. Selain dari Ja Pakeh, dari Meurdu juga ikut seorang Laksamana Muda yang bernama Malim Dagang.

Sesampainya Iskandar Muda dan rombongannya di Kuala Jambo Aer, pangkalan Armada Selat Melaka, diadakan musyawarah penting untuk mengangkat Panglima Armada Cakra Donya. Dua calon ditampilkan, iaitu Panglima Pidie, seorang perwira tinggi Angkatan Darat, dan Laksamana Malim Dagang, seorang perwira tinggi Angkatan Laut.

Dengan nasihat dari Ja Pakeh, maka Iskandar Muda mengangkat Maleem Dagang menjadi Panglima Armada Cakra Donya, karena ia di samping memiliki sifat-sifat yang sangat berani, juga mempunyai sifat arif bijaksana.

Dalam perjalanan dari Jambo Air menuju Asahan, Armada Cakra Donya dihadang gelombang dan taufan dahsyat, namun demikian Armada Cakra Donya selamat sampai di Kuala Asahan. Lepas dari serangan gelombang dan taufan raksasa, Iskandar Muda dihadang oleh Raja Muda, Raja Negeri Asahan, yang menurut Hikayat Malim Dagang masih kafir, belum masuk Islam. Berkat kebijaksanaan Laksamana Maleem Dagang dan keberanian Panglima Pidie, Asahan dapat ditaklukkan, dan sejumlah puteri istana Asahan, termasuk isteri Raja Muda, ditawan. Setelah Raja Muda bersama seluruh rakyatnya menyatakan masuk Islam, maka semua tawanan dibebaskan, termasuk Permaisuri Raja Muda, dan negeri Asahan tidak diapapakan, bahkan Raja Muda diangkat menjadi Sultan Asahan di bawah perlindungan Aceh.

Sesuai dengan wasiat Puteri Pahang, Banang tidak dihancurkan kerana menghormati dua Aulia Allah yang bermakam di sana. Raja dan Rakyat Banang menerima Iskandar Muda dengan rasa persaudaraan kerana mereka memang telah masuk agama Islam. Dari Banang, Armada Cakra Donya menuju ke Johor, di mana Raja dan rakyat Johor menerima Iskandar Muda dengan sikap permusuhan.

Waktu itu Raja Si Ujud tiada di Johor, telah pulang ke Goa. Tidak berapa lama kemudian, Raja Si Ujud dengan armadanya yang kuat kembali ke Johor dari Goa. Menemui Armada Cakra Donya yang demikian kuatnya, Raja Si Ujud menjadi kecut hatinya untuk berperang. Tetapi istrinya yang bernama "Puteri Beureuhut" membakar semangatnya; demikian pula mertuanya yang bernama "Puteri Halawiah". Kedua anak-beranak ini (Puteri Halawiah dan Puteri Beureuhut) sangat marah dan dendam kepada Kerajaan Aceh Darus-

salam, kerana dalam satu pertempuran laut, Raja Modeulikah (suami Puteri Halawiah dan ayah Puteri Beureuhut, mertua Raja Si Ujud) telah tewas oleh peluru askar laut Aceh.

Dengan hasutan yang berapi-api dari mertua dan isterinya, keberanian Raja Si Ujud bangkit kembali, hatta terjadilah pertempuran seru antara Armada Cakra Donya yang berakhir dengan kehancuran angkatan laut Raja Si Ujud itu, dan dia sendiri bersama ratusan perwira-perwiranya yang tidak mati, ditawan dan dibawa ke Aceh.

Armada Cakra Donya kembali ke Aceh Darussalam membawa kemenangan. Puteri Pahang bersama para isteri pahlawan yang lain menyambut Armada Cakra Donya di Kuala Aceh, yang kembali ke pengkalannya dengan kemenangan dan membawa musuh utamanya, Raja Si Ujud, sebagai tawanan. Di Aceh, Raja Si Ujud dihukum mati .....

Membaca sebuah hikayat, baik ia hikayat fiktif semata mahupun sebahagiannya fiktif dan sebahagian lagi fakta nyata, seharusnya tidak hanya membaca yang tersurat, tetapi juga harus dibaca yang tersirat. Ikhtisar Hikayat Malim Dagang yang tersurat telah saya tampilkan dalam bahagian yang lalu. Dan bagaimana pula kandungannya yang tersirat, hal inilah yang akan saya kemukakan dalam bahagian ini.

Bagi orang yang menguasai sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu dan kaitannya dengan penjajahan Barat Kristian, tidak sulit untuk membaca yang tersirat dalam Hikayat Malim Dagang. Menurut pemahaman saya, bahawa yang tersirat dalam Hikayat Malim Dagang, ialah lukisan pergolakan antara kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu dan penjajah-penjajah Barat Kristian.

Dua bersaudara yang datang ke Aceh dari Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Raja Raden dan Raja Si Ujud, yang keduanya kafir, haruslah diertikan atau dibaca bahawa Raja Raden yang sesampainya di Aceh memeluk Agama Islam adalah lambang dari raja-raja Kerajaan Islam Melayu yang menolak penjajahan Barat Kristian, dan datang ke Aceh untuk meminta bantuan; untuk bersekutu dalam usaha mengusir penjajahan Barat Kristian Portugis dan Belanda. Raja Si Ujud adalah lambang dari raja-raja Kerajaan Melayu yang rela dijajah oleh Barat Kristian, bahkan membantu penjajah Kristian untuk menakluki kerajaan-kerajaan Islam yang masih merdeka, seperti Kerajaan Aceh Darussalam, dan sebagainya.

Ada pun Puteri Pahang yang direbutkan oleh dua tokoh yang menjadi lambang dari kedua wajah raja Melayu yang berbeza pandangan hidup, ialah lambang dari Tanah Melayu yang indah dan kaya raya.

Yang tersurat dalam Hikayat Malim Dagang, bahawa Raja Raden, Raja Si Ujud, dan Raja Muda Asahan, semua mereka adalah "kafir", padahal kita mengetahui pasti bahawa waktu itu tidak ada seorang pun raja-raja Alam Melayu yang bukan Muslim, karena mereka adalah para Sultan dari kerajaan-kerajaan Islam. Oleh karena itu, haruslah kita erti kan bahawa dalam "Islam" bukanlah masuk Agama Islam, tetapi berdamai, menyerahkan diri dan meminta perlindungan/bantuan dari kerajaan Aceh Darussalam yang pada masa itu sangat kuat dan ditakuti oleh penjajah-penjajah Barat Kristian.

"Kafir" dalam Hikayat Malim Dagang bukanlah orang yang bukan Muslim, tetapi orang yang membangkang dan mendurhakai, erti nya raja-raja Melayu yang bersedia membantu penjajah-penjajah Barat Kristian untuk menakluki kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu.

Pemahaman saya yang tersirat dalam Hikayat Malim Dagang, dikuatkan oleh pesan Raja Raden dan Puteri Pahang, yang menegaskan bahawa Iskandar Muda harus mengejar Raja Si Ujud ke mana saja. Kalau di Banang tidak ada, harus dikejar ke Pahang; kalau di Pahang tidak ada, harus dikejar ke Johor; kalau di Johor tidak ada, harus dikejar ke Melaka; dan kalau di Melaka tidak ada, harus dikejar sampai ke Goa.

Menurut seorang sarjana sastera berbangsa Belanda, H.K.J. Gowan, bahawa yang dimaksudkan dengan "Goha" dalam Hikayat Malim Dagang itu, iaitu "Goa", pusat kekuatan Portugis di anak benua India. ( *Goha is Goa, het toenmalige centrum der Portugeesche macht* ).

Kita mengetahui, bahawa pusat kekuasaan penjajah Portugis di Asia, ialah Goa (di daerah India). Dari Goa, Portugis mengirim bala tentera bantuan waktu kota Melaka dikepung oleh Angkatan Perang Iskandar Muda iaitu di darat oleh Panglima Pidie, dan di laut oleh Laksamana Malim Dagang.

Hal lain yang tersirat dalam Hikayat Malim Dagang, yang mengisyaratkan bahawa Raja Si Ujud adalah lambang dari kekuasaan penjajahan Barat Kristian ialah:

Waktu Armada Cakra Donya memasuki laut Johor dan sejumlah askar pilihan melakukan pendaratan, hatta dalam waktu yang tidak begitu lama dapat menduduki Johor Lama, kerana tanpa ada perlawanan yang bererti. Pada saat yang penting itu, Raja Si Ujud tidak ada di Johor, dia telah berangkat ke Goa dan sedang dalam perjalanan belseyar kembali ke Johor.

Sesampainya Raja Si Ujud di laut Johor, dia menjadi ketakutan waktu dilihatnya Armada Cakra Donya demikian hebatnya. Waktu itu, dia sudah bersiap-siap untuk lari ke Melaka, tetapi isterinya,

Puteri Beureuhut mendesak untuk bertempur dengan Armada Cakra Donya. Puteri Beureuhut sangat marah dan dendam kepada kerajaan Aceh Darussalam, kerana ayahnya yang bernama Raja Mondeulikah telah mati konyol dalam satu pertempuran laut antara armada yang dipimpinnya dan Armada Kerajaan Aceh Darussalam. Juga mertuanya yang bernama Puteri Halawiah turut memanaskan hati Raja Si Ujud, agar dia mahu bertempur untuk menuntut balas mertuanya, Raja Mondeulikah.

Yang dimaksudkan dengan Raja Mondeulikah, mungkin sekali salah seorang Laksamana Portugis yang mati dalam pertempuran laut antara Armada Portugis dan Armada Selat Melaka Aceh di Teluk Haru. Sebagaimana diketahui, bahwa Armada Selat Melaka Aceh dipimpin langsung oleh Sultan Alauddin Riayat Shah Saidil Mukammil, kakaknya Iskandar Muda, yang memerintah dalam tahun 997-1011 H (1589-1607 M). Dalam pertempuran tersebut, Armada Portugis hancur berantakan, dua laksamana tewas. Pihak Aceh juga syahid dua orang laksamana pilihan.

Sebelum terjadi pertempuran seru antara Armada Portugis dan Armada Cakra Donya di Teluk Johor, puluhan tahun yang lalu telah terjadi pertempuran seru antara Armada Selat Melaka Aceh dan Armada Selat Melaka Portugis. Kerana itu mungkin sekali, bahawa yang dimaksud dengan Raja Mondeulikah, iaitu salah seorang laksamana Portugis yang mati di Teluk Haru.

Sepanjang yang diketahui, bahawa tidak ada seorang laksamana dari kerajaan-kerajaan Islam Melayu yang tewas dalam pertempuran laut dengan Armada Aceh, baik di Teluk Haru, di Teluk Melaka, maupun di Teluk Johor, bahkan pertempuran laut antara Armada Kerajaan Aceh Darussalam dan Armada Kerajaan Islam Melayu lainnya tidak pernah terjadi. Dengan huriahan di atas, jelaslah bahawa Hikayat Malim Dagang adalah sebuah karya sastera politik yang penuh dengan butir-butir hikmat dan ungkapan-ungkapan falsafah.

## V

Pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Kerajaan Aceh Darussalam telah berada di puncak kebesarannya. Angkatan perangnya, baik Angkatan Darat, mahu pun Angkatan Laut; sangat kuat; salah satu Angkatan Perang yang terkuat di Asia. Ekonomi kewangannya sangat maju; sosial budayanya amat tinggi dan ibukota negara, Banda Aceh, menjadi sumber tamadun, pusat kebudayaan, dan salah satu sentral kegiatan politik dunia.

Semua wilayah yang telah lepas dari Aceh dipulihkan kembali oleh Iskandar Muda, seperti Aru, Deli dan sebagainya. Pada zaman Iskandar Muda, Wilayah Aceh sendiri di sebelah timur sampai ke Tamiang, di sebelah pantai barat Sumatera sampai ke Natal, Pasaman, Tiku, Pariaman, Salida dan Indrapura, bahkan sampai ke Bengkulu. Di sebelah Timur sampai ke Langkat, Deli, Asahan, Siak dan sebagainya, bahkan sampai ke Jambi dan sebahagian besar Semenanjung Tanah Melayu, demikian tulis Muhammad Said.

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Aceh (1607-1636 M) berhasil meluaskan kekuasaan Aceh di sepanjang pesisir pantai barat Sumatera, dan pesisir pantai timur Sumatera, menguasai Perak, Terengganu dan Pahang, mempengaruhi Johor. Tujuan perjuangannya: menghalau penjajah Barat dan mengembangkan Islam.

Dalam keadaan Aceh demikian, adalah masuk akal kalau banyak raja-raja Kerajaan Islam Melayu yang mengadakan persahabatan dan kerjasama dengan Kerajaan Aceh Darussalam, baik kerjasama militer/pertahanan, ekonomi-kewangan, mahu pun sosial-budaya. Dalam rangka kerjasama itulah, maka banyak peraturan perundangan dari kerajaan Aceh Darussalam diteladani oleh kerajaan-kerajaan Islam Alam Melayu lainnya, seperti umpamanya Adat Mahkota Alam, Adat Aceh, dan sebagainya.

"Penerbitan hukum yang dibangun Iskandar Muda memperluas kemasyhurannya sampai ke luar negeri, ke India, Arab, Turki, Mesir, Belanda, Inggeris, Portugis, Sepanyol dan Tiongkok. Banyak negeri tetangga mengambil peraturan-peraturan hukum di Acheh untuk menjadi teladan, terutama kerana peraturan itu berunsur keperibadian yang dijawi sepenuhnya oleh hukum-hukum Agama Islam; jadi Adat Mahkota Alam adalah adat bersendi Syara'. Sebuah Kerajaan Islam yang berjaya di masa lampau di Kalimantan yang bernama Brunei Darussalam, ketika diperintah oleh seorang Sultan yang bernama Sultan Hasan, seorang keras dan pemeluk agama yang setia, telah mengambil peraturan-peraturan Acheh untuk menjadi pedoman di negerinya dan dengan terus terang mengatakan bahawa dia mengambil teladan undang-undang Mahkota Alam ....", demikian tulis Muhammad Said dalam bukunya Acheh Sepanjang Abad.

Dalam rangka perlaksanaan kerjasama dalam bidang militer/pertahanan maka banyak sultan-sultan Alam Melayu meminta bantuan dari Kerajaan Acheh Darussalam, terutama pada waktu Acheh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Setelah dalam bahagian yang lalu saya menampilkan apa yang tersirat dari Hikayat Malim Dagang, maka untuk dibandingkan, dalam buku-buku sejarah, yang ada kaitannya dengan Armada Cakra Donya mara ke Semenanjung Tanah Melayu.

Dalam bulan Jun 1613, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Acheh yang masyhur gagah perkasa, menakluki Negeri Johor, demikian termaktub dalam buku Sejarah Pahang, yang selanjutnya mengatakan:

Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur), adindanya Raja dan Bendahara Johor Tun Seri Lanang, serta sejumlah para pembesar lainnya ditawan dan dibawa ke Aceh. Sekitar tahun 1614, Sultan Alauddin Riayat Shah III yang tertawan, dibenarkan kembali ke Johor dan menjadi Sultan Johor kembali dengan ketentuan akan membantu Aceh untuk memerangi Portugis dan Belanda. Dalam bulan Ogos 1615, Sultan Alauddin Riayat Shah III mengkhianati Aceh dan bersekutu dengan Portugis. Dalam bulan September 1615, Angkatan Perang Aceh menyerang Johor lagi, kerana pengkhianatan Sultan Alauddin Riayat Shah III, dan Sultan bersama sejumlah pembesarnya ditawan serta dibawa balik ke Aceh. Pada awal tahun 1616 beliau mangkat di Aceh sebagai tawanan yang mengingkari janji. Iskandar Muda menyamakan Sultan Alauddin Riayat Shah III - Raja Si Ujud - dengan Portugis. Iskandar Muda mengangkat Raja Abdullah (yang juga disebut Raja Seberang atau Raja Bongsu) menjadi Sultan Johor baru dengan gelaran Sultan Abdullah Ma'ayat Shah.

Kerana Portugis menolong Sultan Johor dalam usahanya menaikkan Raja Bujang menduduki takhta negeri Pahang, yang bernaung di bawah kedaulatan Portugis maka tahun 1617, Sultan Aceh Iskandar Muda menyerang Pahang yang dikalahkannya sampai lumat. Raja Bujang dapat memboloskan diri ke Pulau Lingga, Tetapi, ayah mertuanya, Raja Ahmad, dan putera Raja Ahmad yang bernama Raja Mungkal, serta kira-kira seribu rakyat Pahang ditawan dan dibawa ke Aceh.

Demikian pula seorang Puteri Istana Pahang yang bernama Puteri Kamaliah (Puteri Pahang) turut dibawa ke Aceh, yang demikian menjadi Permaisuri Sultan Iskandar Muda, kerana permaisuri pertamannya, Puteri Ratna Sendi Istana, telah pulang ke rahmatullah. Kemudian, dalam kalangan orang Aceh, Puteri Kamaliah terkenal dengan nama Putrou Phang.

Dalam tahun 1629, Angkatan Perang Aceh menyerang Portugis di Melaka dan hampir saja roboh kubu Portugis yang teguh. Pada saat yang kritis untuk Portugis, Angkatan Perang Pahang datang membantu Portugis, hatta penyerangan Aceh untuk membebaskan Melaka gagal.

Dalam bulan Disember 1632, Sultan Iskandar Muda merencanakan penyerangan terhadap Portugis di Melaka, dan sementara bersekutu dengan Belanda. Aceh dan Belanda menyerang dari laut; Angkatan Perang Pahang menyerbu dari darat. Rencana Iskandar Muda ini gagal, kerana Sultan Pahang dan Sultan Johor tiba-tiba mengkhianati dan membantu Portugis.

Dalam tahun 1634, Johor dan Pahang masih bersahabat dengan Portugis. Dalam tahun 1634 Negeri Pahang telah diserang oleh Angkatan Perang Aceh dan Sultan Abdul Jalil Shah III lari ke Melaka meminta perlindungan Portugis.

Dalam tahun 1636, Sultan Iskandar Muda wafat, dan menantunya (suami Safiatuddin), Raja Mughal (putra Raja Ahmad Pahang) dilantik menjadi Sultan Aceh Darussalam. Dalam tahun 1638, Sultan Iskandar Sani (Raja Mughal) menghantar sebuah perutusan ke Pahang dengan membawa sejumlah batu nisan yang dibuat di Aceh, untuk makam ibunya dan makam-makam bangsawan Pahang lainnya. Dengan upacara kebesaran, dipasangkan nisan tipe Kerajaan Aceh Darussalam pada makam Raja Muda Abdullah (saudara Raja Mughal/Iskandar Sani) dan Puteri Bungsu Cendera Dewi (Ibunda Iskandar Sani).

Tahun 1564, Raja Muzaffar Syah, putera almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah II telah diangkat menjadi Sultan Johor III bersemayam di Johor Lama. Beliau diangkat dengan persetujuan

Sultan Acheh. Beliau kelihatan kurang senang berkuasa di bawah perlindungan Acheh, demikian tulis Haji Buyong Adil dalam bukunya Sejarah Johor, yang selanjutnya menulis: Tiada berapa lama bersemayam di Johor Lama, Sultan Muzaffar dan para pembesarnya pindah ke Selayut, baginda bersemayam di Bukit Selayut, berhampiran dengan Sungai Selayut.

Dalam tahun 1568, Angkatan Perang Acheh menyerang Portugis di Melaka. Pengusa Portugis di Melaka meminta Sultan Johor, Sultan Muzaffar Shah, agar membantu Portugis, dan dibantunya.

Dalam tahun 1570, Angkatan Perang Acheh yang sedang dalam perjalanan ke Melaka untuk menggempur benteng penjajah Portugis, singgah dahulu di Johor mengajar Johor kerana telah membantu Portugis yang tersepit menghadapi serangan Acheh.

Dalam tahun 1574-1575, setelah Johor diperintah oleh Sultan Ali Jalla, Johor bersahabat dengan Acheh. Sekalipun tidak dengan terang-terangan, Johor membantu Acheh untuk memerangi Portugis di Melaka. Semenjak itu persahabatan Acheh/Johor semakin baik dan kapal-kapal perang/dagang Acheh bebas belayar di perairan Johor.

Dalam tahun 1579, Sultan Acheh yang bergelar Sultan Alauddin Mansur Shah yang berasal dari Perak (1575-1577 M) telah mengahwinkan puterinya dengan Sultan Ali Jalla II, Sultan Johor, dan beroleh seorang putera yang bernama Raja Hasyim.

Tahun 1582, Sultan Acheh, Sultan Alauddin Mansur Shah, yang berusaha mengembangkan Islam ke seluruh Nusantara, terpaksa menyerang Johor Lama, kerana Sultan Abdul Jalil Jalla telah berbaik-baik lagi dengan Portugis.

Semenjak Johor bersahabat kembali dengan Portugis, Sultan Acheh, Sultan Iskandar Muda, merebut negeri Aru yang tunduk kepada Johor yang bersekutu dengan Portugis. Selanjutnya Iskandar Muda melindungi Deli, Batu Bara, Asahan dan Siak Seri Inderapura, dari kemungkinan penjajahan Portugis.

Seterusnya, penyerangan dilanjutkan ke Johor dan Johor dikalahkan. Kota Bananang dan Kota Batu Sawar diduduki askar Acheh. Sultan Alauddin Riayat Shah III, adiknya Raja Abdullah (Raja Bongsu, oleh orang Acheh disebutnya Raja Raden), Tun Seri Lanang (Bendahara Raja), beberapa orang panglima dan 20 orang Belanda yang berbenteng di Loji, ditawan dan dibawa ke Negeri Acheh.

Akhirnya tahun 1613, Sultan Iskandar Muda menyuruh Raja Abdullah kembali ke Johor. Bersama Raja Abdullah disertakan sekitar 2,000 askar pilihan Acheh dan sejumlah wang ringgit untuk membangun kembali Batu Sawar yang telah hancur. Angkatan Perang Acheh dikepalai seorang panglima yang bergelar Orang Kaya Lela Wangsa.

Tahun 1614, Sultan Alauddin Riayat Shah III dibenarkan kembali ke Johor untuk menjadi Sultan, setelah Johor dibangunkan kembali oleh Panglima Besar Orang Kaya Lela Bangsa. Tetapi, sayang Sultan Alauddin Shah III bersekutu lagi dengan Portugis, hatta terpaksa dia digempur lagi.

Kejadian-kejadian di negeri Johor, iaitu persekongkolan Sultan Alauddin Shah III dengan Portugis menyebabkan kemurkaan Sultan Iskandar, hatta terpaksa Johor digempur lagi.

Dalam tahun 1615, Raja Abdullah yang telah beristerikan puteri Aceh (adiknya Iskandar Muda) telah dipanggil oleh Iskandar Muda agar datang ke Aceh, untuk membicarakan masalah rencana penyerangan yang akan dilakukan terhadap Portugis di Melaka. Raja Abdullah memenuhi panggilan Iskandar Muda dan sesampainya di Aceh beliau dibawa Iskandar Muda meninjau tempat-tempat pertahanan di pantai-pantai Tanah Aceh.

Sekali lagi Sultan Aceh menyerang Johor dan Batu Sawar dapat direbut, Sultan Alauddin Riayat Shah III lari ke Selayut, yang dikejar terus oleh Angkatan Perang Aceh, hatta ditawan dan dibawa ke Aceh. Kerana dia telah berkali-kali membantu Portugis yang kafir, maka di Aceh dia dihukum mati. Dalam sejarah Aceh, beliaulah yang dimaksudkan dengan "Raja Si Ujud"; mungkin sekali berasal dari "Raja Selayut".

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam seorang raja yang cerdas, kuat hafalan, kuat badan, tangkas, berani, keras hati, gagah, tampan, rupawan, tinggi cita-cita, bijaksana, berilmu, budiman, sopan-santun, setia kawan, adil, cinta kebenaran, cinta agama dan bangsa, bersemangat waja, cepat dan tepat dalam tindakan, teguh pendirian dan memiliki watak Iskandar Zulkarnain atau Iskandar Akbar.

Kerana sifat-sifatnya yang demikian, beliau tidak pernah dapat dirayu oleh wanita secantik mana pun. Puteri Pahang yang cantik rupawan juga tidak mampu merayu beliau, sekalipun beliau sangat cinta kepadanya. Hal ini terbukti waktu beliau menolak keinginan Puteri Pahang untuk ikut bersama Armada Cakra Donya. Bagaimanapun Puteri Pahang merayu, namun Iskandar Muda tetap menolak. Memang kalau dalam masalah-masalah kene garaan, terutama dalam masalah peperangan, beliau tidak mahu dipengaruhi oleh wanita, juga tidak oleh Puteri Pahang yang amat dicintainya.

Tetapi, kalau dalam hal-hal yang berhubung dengan keluarga dan hubungan suami-isteri, Iskandar Muda bersikap sebagai suami yang menyintai dan mengabulkan semua permintaan Puteri Pahang. Puteri Pahang meminta agar Iskandar Muda membuat sebuah gunung kecil (Gegunungan), tempat Puteri melepaskan hasratnya bila terkenang kampung halamannya, Pahang; permintaan yang besar ini dikabulkan Iskandar Muda.

Puteri Pahang meminta agar Iskandar Muda memindahkan aliran sebuah sungai kecil agar mengalir di tengah-tengah Istana Darud Dunya; permintaan ini pun diperkenankannya.

Kerana Puteri sangat takut kepada cacing, maka selagi masih hidup dimintanya agar Iskandar Muda membuat untuk Puteri itu sebuah keranda yang dibungkus dengan emas, yang apabila Puteri wafat nanti dikuburkan bersama keranda itu, agar tidak dimakan oleh cacing. Permintaan ini pun dikabulkan Iskandar Muda.

Dalam kedudukan Puteri Pahang sebagai Penasihat Kerajaan (bukan sebagai permaisuri Sultan), Iskandar bersedia mempertimbangkan nasihat-nasihat Puteri Pahang dalam hal-hal yang berhubungan dengan kenegaraan (pemerintahan), bahkan kadang-kadang Iskandar meminta nasihat Puteri Pahang dalam pelbagai masalah pemerintahan.

Salah satu nasihat Puteri Pahang yang diterima Iskandar Muda, iaitu pembentukan lembaga yang kemudian bernama Majlis Mahkamah Rakyat, seperti Dewan Perwakilan Rakyat sekarang, sekalipun para anggotanya tidak dipilih, tetapi diangkat dari orang-orang ahli, cerdik-pandai, dan pemimpin-pemimpin.

Untuk mengenang jasa dan karya besar Puteri Pahang, maka semua produk Majlis Mahkamah Rakyat disebut sebagai produk Puteri Pahang, seperti tercermin dalam Hadih Maja (Kata Berhikmat) yang telah dibincangkan sebelum ini.

Kesimpulannya Hadih Maja ini selain dari menjadi falsafah hidup orang Aceh, juga menjadi pedoman dalam kehidupan peribadi, kehidupan berumahtangga dan kehidupan masyarakat.

Perlu dicatat, bahawa dalam masa pemerintahan Ratu Sufiatuddin (puteri Iskandar Muda dan Permaisuri Iskandar Sani/Raja Mughal dari Pahang) anggota Majlis Mahkamah Rakyat sebanyak 73 orang dan 17 orang di antaranya adalah wanita. Fakta sejarah ini juga menunjukkan betapa tingginya kedudukan wanita dalam kerajaan Aceh Darussalam, dalam hal ini, jasa Puteri Pahang cukup besar.

Demikianlah fakta sejarah masa lampau; indah dan pahit! Sekarang Aceh telah menjadi satu Propinsi dari Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila, dengan status Daerah Istimewa Aceh. Keistimewaan terletak pada pemberian autonomi yang luas dalam bidang Agama, Pendidikan dan Adat sebagai perlaksanaan dari Hadih Maja yang termaktub dalam keterangan di atas. Semenanjung Tanah Melayu telah menjadi beberapa negara bahagian (Kerajaan Negeri) mendapat hak autonomi yang luas.

Hubungan lama yang telah terjalin demikian rupa, yang bercampur tawa dan tangis, yang bercampur manis dan pahit; dalam zaman baru ini terbuka kemungkinan untuk memadu hubungan yang lebih mesra, kerana penjajah Barat sudah tiada; biduk lalu kiambang bertaut. Dalam erti kebudayaan, Dunia Melayu harus bersatu kembali, harus membangun satu kebudayaan Nusantara yang sanggup menatang zaman maju sekarang ini.

Wajah politik boleh berbeza-beza, sesuai dengan pertumbuhan politik di wilayah masing-masing, namun wajah kebudayaan dapat diusahakan untuk tidak banyak berbeza. Untuk itu harus sering diadakan Temu Budaya Nusantara dengan bermacam nama dan di pelbagai tempat wilayah Nusantara. Adanya Hari Sastera, Hari Puisi, Dialog Utara, Dialog Selatan, Pertemuan Sasterawan Nusantara, Seminar Kebudayaan dan Ilmu Pengetahuan, Musyawarah Dakwah Pembangunan, pelbagai pekan Kebudayaan di Dunia Melayu, sangat bermanfaat, agar "kiambang" yang telah bertaut tetap bertaut; tidak lagi diberi kesempatan "biduk penjajah" lewat ....